

**TUMBUHAN TERPILIH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM
DAN SAINS KESIHATAN**

SUMAIYAH BINTI MOHD TAMIZI

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2015**

**TUMBUHAN TERPILIH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM
DAN SAINS KESIHATAN**

SUMAIYAH BINTI MOHD TAMIZI

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA FALSAFAH**

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2015**

ABSTRAK

Al-Quran adalah sumber maklumat utama umat Islam yang bersifat komprehensif. Ayat-ayat al-Qur'an yang berbentuk *kauniyyat* ataupun yang menceritakan tentang alam termasuklah ayat-ayat yang menyebut tentang tumbuhan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji aspek tafsiran dan penemuan sains bagi tumbuh-tumbuhan yang dinyatakan secara khusus di dalam al-Qur'an. Empat objektif telah digariskan iaitu menganalisis tafsiran ulama' berkaitan ayat al-Qur'an yang berkaitan tumbuhan, mengkaji nama saintifik yang selaras dengan penerangan tafsiran al-Qur'an dan Hadith, menganalisis penemuan sains dari aspek kesihatan dan menyelaraskan maklumat berkaitan potensi tumbuhan-tumbuhan tersebut daripada perspektif Islam dan sains. Kajian ini melibatkan dua kaedah pengumpulan data, iaitu kaedah kajian perpustakaan dan kaedah temubual. Terdapat tujuh belas (17) jenis tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an iaitu kurma (*Phoenix dactylifera* L.), zaitun (*Oleo europaea*), anggur (*Vitis vinifera*), delima (*Punica granatum*), tin (*Ficus carica*), halia (*Zingiber officinale*), bawang putih (*Allium sativum*), bawang merah (*Allium cepa*), kayu sugi (*Salvadora persica*), biji sawi (*Brassica nigra*), kacang dal (*Lens culinaris*), pokok bidara (*Cedrus libani*), pokok tamarisk (*Tamarix articulata*), pokok kapur barus (*Cinnamomum camphora*), pisang (*Musa spp.*), timun (*Cucumis sativus*), dan labu (*Cucurbita sp.*). Hasil daripada analisis tafsiran dan hadith mendapati hanya kurma dan zaitun sahaja yang dinyatakan kegunaannya secara khusus iaitu kurma. Melalui surah Maryam ayat 23-25, ulama' tafsir menyatakan kurma merupakan buah yang baik untuk ibu yang mengandung dan akan melahirkan anak. Berdasarkan syarah ulama' terhadap hadith yang diriwayatkan oleh Muslim pula, ulama' menyatakan amalan tahnik menunjukkan kurma baik untuk bayi baru lahir. Analisis daripada kajian-kajian sains mendapati buah kurma mengandungi kalsium, serotonin, tannin, dan asid linoleik yang penting dalam mengawal pendarahan. Kandungan glukosa dalam kurma penting dalam membekalkan tenaga pada badan dan otot-otot uterus. Kurma turut bertindak sebagai laksatif dalam memudahkan proses melahirkan bayi. Kebaikan kurma untuk bayi yang baru lahir pula ialah bertindak sebagai analgesik yang dapat mengurangkan kesakitan bayi selepas proses kelahiran. Selain kurma, zaitun juga disebut secara khusus sebagai rawatan penyakit pleurisy berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi. Kajian sains mendapati bahan aktif yang terdapat dalam zaitun iaitu *oleuropein* membantu dalam rawatan penyakit *pleurisy*. Bagi analisis tafsiran tumbuh-tumbuhan selain kurma dan zaitun, didapati kebaikan-kebaikan tumbuh-tumbuhan tersebut dinyatakan dalam bentuk umum seperti, tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an mempunyai keistimewaan berbanding tumbuh-tumbuhan lain. Hasil daripada analisis kajian-kajian sains mendapati tumbuh-tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an ini mempunyai potensi sebagai rawatan bagi penyakit seperti kanser, kemerosotan sistem saraf, darah tinggi, diabetes, penyakit kolon, masalah keradangan dan pelbagai penyakit lain. Sebagai kesimpulan, tumbuh-tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an mempunyai banyak keistimewaan yang boleh dimanfaatkan.

ABSTRACT

The Holy Qur'an is a comprehensive primary source of knowledge for Muslims. The verses of Quran in the form of 'kauniyat' (describing nature) are including those mentioned about plants. The research is focused to study several scholar's interpretation and scientific findings of plants specifically mentioned in the Qur'an. Among the four objectives outlined are to analyze scholar's interpretations related to verses mentioned about these plants; to study scientific name for the plants in line with the description of Quran and ahadith interpretation; to investigate health aspects of these plants based on scientific researches and to coordinate an information of plants' medicinal values from the perspective of Islam and science. Two methods of data collection implemented in this researches are library research and interviews. There are seventeen (17) of plants revealed in the Qur'an recognized as date palm (*Phoenix dactylifera*), olive (*Oleo europaea*), grape (*Vitis vinifera*), pomegranate (*Punica granatum*), fig (*Ficus carica*), ginger (*Zingiber officinale*), garlic (*Allium sativum*), onion (*Allium cepa*), tooth stick (*Salvadora persica*), mustard (*Brassica nigra*), lentils (*Lens culinaris*), cedar trees (*Cedrus libani*), tamarisk trees (*Tamarix articulata*), camphor tree (*Cinnamomum camphora*), banana (*Musa spp.*), cucumber (*Cucumis sativus*) and pumpkin (*Cucurbita sp.*). According to analysis of the Qur'an interpretation and ahadith, merely features and benefits of dates and olives are mentioned specifically. As revealed in Surah Maryam, verses 23-25, dates is beneficial to pregnant women. Dates also useful for newborn babies as mentioned in Sahih al-Muslim. Based on scientific finding, dates contains calcium, serotonin, tannin and also linoleic acid which is important in controlling bleeding. An important glucose which is vital in providing energy to the body and muscles of the uterus is a feature of dates as well. Furthermore, dates also used as laxative that can ease delivery process. For newborn babies, dates used as an analgesic to relieve their pain after delivery process. The second plant clarified clearly about its uses is olives which is stated in hadith as a treatment for pleurisy by its active compound named oleuropein. Although only both of these plants were described apparently about its uses, the others plants of the Qur'an are generally said to be more beneficial than others plants based on analysis of the scholars' interpretation of the Qur'an. While the analysis of scientific studies found that plants mentioned in the Holy Qur'an are beneficial in treating many types of diseases such as cancer, degenerative of nervous system, hypertension, diabetes, colon disease, inflammatory disease and other illnesses. As a conclusion, plants revealed in the Qur'an contain a lot of benefits that can be implemented by human being in their life.

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T, Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani dan selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Syukur yang tidak terhingga kerana dengan petunjuk dan izin Allah, akhirnya disertasi yang bertajuk “Tumbuhan Terpilih Menurut Perspektif Islam dan Sains Kesihatan” berjaya disiapkan.

Pertama sekali, jutaan terima kasih kepada suami tercinta, Izzul Ikhwan bin Mat yang sentiasa menyokong dan memberi galakan dalam menyiapkan disertasi ini. Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat umi dan abun yang tercinta, Hj. Mohd Tamizi bin Mohd Amin dan Zahara binti Ismail atas segala jasa dan pengorbanan dalam mendidik dan sentiasa mendorong diri ini untuk tidak jemu menuntut ilmu. Terima kasih buat kakak dan adik-adik tersayang, Salsabil, ‘Imran dan ‘Aishah dan juga keluarga mertua, ma, abah, along, kak long, alang, acik, uda dan adik. Terima kasih juga kepada semua ahli keluarga yang lain yang sentiasa mendoakan terima kasih di atas segala nasihat dan bantuan yang dihulurkan. Terima kasih paksulah, ondak, ocik, kholah dan semua.

Saya juga ingin penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua penyelia iaitu Profesor Madya Dr. Ishak Bin Suliaman, pensyarah di Jabatan Al-Quran dan Hadith dan Profesor Dr. Halijah Binti Ibrahim, pensyarah Institut Sains Biologi, Fakulti Sains yang sentiasa sabar dalam mendidik dan membimbing saya dalam menyiapkan disertasi ini. Tanpa pandangan, tunjuk ajar, bimbingan, nasihat serta teguran yang membina daripada beliau berdua, mungkin disertasi ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna.

Ucapan terima kasih juga buat semua pensyarah dan kakitangan di Program Sains Gunaan dengan Pengajian Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya iaitu, Prof Madya Datin Dr. Noor Naemah, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen, Kak Ani, Kak Madihah, Abg Halim dan Fatin yang tidak putus-putus memberikan semangat, sokongan serta galakan kepada saya sepanjang pengajian di peringkat Sarjana Falsafah

ini. Juga kepada teman-teman seperjuangan terutamanya, Siti Rabiatul Adawiyah, Afifuddin, Kak Niswa dan Kak Raihana serta ramai lagi, ucapan yang tidak terhingga diucapkan buat kalian kerana memberikan pandangan serta menghulurkan pertolongan yang ikhlas. Sesungguhnya Allah sahaja yang mampu membalas jasa kalian.

Terima kasih saya ucapkan buat penolong kanan, Kak Asiah dan anak-anak murid di Maahad Sains Al-Qur'an Al-Amin yang memahami dan sentiasa memberi semangat buat cikgu. Semoga kalian berjaya dunia dan akhirat. Akhir sekali, penghargaan juga diucapkan kepada Biasiswa Universiti Malaya yang membiayai pengajian saya selama 4 semester. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan. Semoga bermula dengan disertasi ini, saya akan terus melangkah dalam bidang akademik untuk menjadi seorang yang cintakan ilmu. Semoga diberkati Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

SUMAIYAH BINTI MOHD TAMIZI

Institut Pengajian Siswazah (IPS)
Universiti Malaya,
50603 Lembah Pantai,
Kuala Lumpur.

A-2-2, Mentari Court,
46150, Bandar Sunway,
Selangor Darul Ehsan.

Email: sumaiyahmt@gmail.com

ISI KANDUNGAN

Abstrak	ii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	vi
Panduan Transliterasi	x
Senarai Jadual	xii
Senarai Gambar Rajah	xiii
Senarai Singkatan	xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar belakang masalah kajian	1
1.2	Persoalan kajian	4
1.3	Objektif kajian	4
1.4	Kepentingan kajian	5
1.5	Metodologi kajian	5
	1.5.1 Kaedah Pengumpulan Data	6
	1.5.2 Kaedah Analisis Data	10
1.6	Organisasi Kajian	11

BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0	Pendahuluan	13
2.1	Kajian Ayat Al-Qur'an Bertemakan Botani	13
2.2	Kajian Jenis Tumbuhan Yang Dinyatakan Dalam Al-Qur'an	19
2.3	Kajian Mengenai Kemukjizatan Al-Qur'an	27
2.4	Kesimpulan	28

BAB 3 TUMBUHAN TERPILIH : TAFSIRAN, HURAIAN HADITH DAN NAMA SAINTIFIK

3.0	Pendahuluan	29
3.1	Terminologi Tumbuhan Dalam Al-Qur'an	29
3.2	Tafsiran Ayat-Ayat al-Qur'an Yang Mencatatkan Jenis-Jenis Tumbuhan	33
	3.2.1 (a) Surah al-Baqarah (2) : 61	34

3.2.1	(b) Surah al-Baqarah (2) : 266	35
3.2.2	(a) Surah al-An ‘am (6) : 99	37
3.2.2	(b) Surah al-An ‘am (6) : 141	39
3.2.3	Surah al-Ra’d (13) : 4	41
3.2.4	(a) Surah al-Nahl (16) : 11	42
3.2.4	(b) Surah al-Nahl (16) : 67	43
3.2.5	Surah al-Isra’ (17) : 91	44
3.2.6	Surah al-Kahfi (18) : 32	46
3.2.7	Surah Maryam (19) : 23 dan 25	46
3.2.8	Surah Taha (20) : 71	48
3.2.9	Surah al-Anbiya’ (21) : 47	49
3.2.10	Surah al-Mu’minun (23) : 19-20	50
3.2.11	Surah al-Nur (24) : 35	51
3.2.12	Surah al-Shu ‘ara’ (26) : 148	53
3.2.13	Surah Luqman (31) : 16	53
3.2.14	Surah Saba’ (34) : 16	54
3.2.15	Surah Yasin (36) : 34	55
3.2.16	Surah Saffat (37) : 146	56
3.2.17	Surah Qaf (50) : 10	57
3.2.18	Surah al-Najm (53) : 14	57
3.2.19	Surah al-Qamar (54) : 20	58
3.2.20	(a) Surah al-Rahman (55) : 11	59
3.2.20	(b) Surah al-Rahman (55) : 68	59
3.2.21	Surah al-Waqi’ah (56) : 28 dan 29	60
3.2.22	Surah al-Haqqah (69) : 7	60
3.2.23	(a) Surah al-Insan (76) : 5	61
3.2.23	(b) Surah al-Insan (76) : 17	62
3.2.24	Surah al-Naba’ (78) : 32	63
3.2.25	Surah ‘Abasa (80) : 28 dan 29	63
3.2.26	Surah al-Tin (95) : 1	64
3.3	Tafsiran Ulama’ Terhadap Jenis-Jenis Tumbuhan Yang Dinyatakan Dalam Al-Qur’an, Hadith-Hadith Berkaitan dan Nama Saintifik	65
3.3.1	Nakhlah (نخلة)	65
3.3.2	‘Inab dan A’nab (عنب / أعناب)	88

3.3.3	Zaytun (الزيتون)	91
3.3.4	Rumman (رمان)	95
3.3.5	Tin (التين)	96
3.3.6	Khamt (الخمط)	97
3.3.7	Zanjabil (زنجبيل)	98
3.3.8	‘Adas (عدس), Basal (بصل) (dan Fum (فوم)	98
3.3.9	Khardal (خردل)	101
3.3.10	Sidr (سدر / سدره)	102
3.3.11	Athl (أثل)	107
3.3.12	Kafur (كافور)	108
3.3.13	‘Adas (عدس)	110
3.3.14	Qiththa’ (قثاء)	110
3.3.15	Talh (طلح)	111
3.3.16	Yaqtin (يقطين)	112
3.4	Kesimpulan	113

BAB 4 TUMBUHAN TERPILIH MENURUT PERSPEKTIF SAINS KESIHATAN

4.0	Pendahuluan	118
4.1	Tumbuhan Sebagai Sumber Makanan Dan Ubatan	118
4.1.1	Tumbuhan Sebagai Sumber Makanan	119
4.1.2	Tumbuhan Sebagai Sumber Ubatan	126
4.2	Tumbuhan Terpilih Dalam Perspektif Sains Kesihatan	129
4.2.1	Kurma (<i>Phoenix dactylifera</i> L.)	129
4.2.1.1	Kandungan Nutrien	131
4.2.1.2	Kebaikan Kurma Dalam Aspek Perubatan	133
4.2.2	Anggur (<i>Vitis vinifera</i> L.)	139
4.2.2.1	Kandungan Nutrien	140
4.2.2.2	Kebaikan Anggur Dalam Aspek Perubatan	142
4.2.3	Zaitun (<i>Olea europaea</i> L.)	146
4.2.3.1	Kandungan Nutrien	147
4.2.3.2	Kebaikan Zaitun Dalam Aspek Perubatan	149
4.2.4	Delima (<i>Punica granatum</i> L.)	152
4.2.4.1	Kandungan Nutrien	154
4.2.4.2	Kebaikan Delima Dalam Aspek Perubatan	155

4.2.5	Ara atau Buah Tin (<i>Ficus carica</i> L.)	159
4.2.5.1	Kandungan Nutrien	160
4.2.5.2	Kebaikan Buah Tin Dalam Aspek Perubatan	161
4.2.6	Pisang (<i>Musa</i> Sp.)	165
4.2.6.1	Kandungan Nutrien	166
4.2.6.2	Kebaikan Pisang Dalam Aspek Perubatan	168
4.2.7	Halia (<i>Zingiber officinale</i> Roscoe)	171
4.2.7.1	Kandungan Nutrien	172
4.2.7.2	Kebaikan Halia Dalam Aspek Perubatan	173
4.3	Kesimpulan	174

BAB 5 TUMBUHAN TERPILIH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN SAINS KESIHATAN

5.0	Pendahuluan	182
5.1	Khasiat Kurma Bagi Ibu Mengandung Dan Melahirkan Anak	183
5.1.1	Pengambilan Kurma Mengurangkan Kehilangan Darah	183
5.1.2	Pengambilan Kurma Memudahkan Proses Melahirkan Bayi	184
5.2	Kepentingan Kurma Dalam Ibadah Puasa	184
5.2.1	Signifikan Pengambilan Kurma Pada Waktu Sahur dan Berbuka	185
5.3	Khasiat Minyak Zaitun Untuk Penyakit <i>Pleurisy</i> dan Kulit	186
5.4	Tahnik dan Kebaikannya	188
5.5	Sinergi Kismis Dan Kurma Dalam Minuman	190
5.6	Kesimpulan	199

BAB 6 KESIMPULAN 201

LAMPIRAN 219

BIBLIOGRAFI 209

PANDUAN TRANSLITERASI

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	A	ط	Ṭ
ب	B	ظ	Z
ت	T	ع	‘
ث	Th	غ	Gh
ج	J	ف	F
ح	ḥ	ق	Q
خ	Kh	ك	K
د	D	ل	L
ذ	Dh	م	M
ر	R	ن	N
ز	Z	و	W
س	S	ه	H
ش	Sh	ء	’
ص	Ṣ	ي	Y
ض	Ḍ	ة	T

2. Vokal

Pendek	Panjang	Diftong
ا a	آ/إ ā	أَيّ ay
إ i	ي ī	أَوْ aw
و u	و ū	أَيّ ī
		أَوْ ū

Sumber:

Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi, bagi pihak Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia.

SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Halaman
1.1	Kaedah pengumpulan data untuk bahagian kajian sains	8
2.1	Perbezaan nama spesies bagi tumbuhan-tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an	24
3.1	Taburan terminologi tumbuhan dalam al-Qur'an mengikut bilangan dan surah	30
3.2	Hadith-hadith mengenai kurma dalam <i>Kutub Sittah</i>	69
3.3	Analisis hadith berkaitan kurma mengikut topik	71
3.4	Hadith-hadith mengenai anggur dan kismis dalam <i>Kutub Sittah</i>	89
3.5	Hadith-hadith mengenai zaytun dalam <i>Kutub Sittah</i>	93
3.6	Hadith-hadith mengenai bawang putih dalam <i>Kutub Sittah</i>	99
3.7	Hadith-hadith mengenai bawang merah dalam <i>Kutub Sittah</i>	100
3.8	Perbezaan nama spesies bagi perkataan <i>sidrah</i>	103
3.9	Perbezaan nama spesies bagi perkataan <i>athl</i>	107
3.10	Perbezaan nama spesies bagi perkataan <i>kafūr</i>	108
3.11	Perbezaan nama spesies bagi perkataan <i>yaqtīn</i>	113
3.12	Nama saintifik bagi tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an	114
4.1	Fungsi zat makro dan saranan pengambilan seharian	120
4.2	Fungsi dan kesan kekurangan pengambilan vitamin	121
4.3	Fungsi dan kesan kekurangan garam mineral	123
4.4	Saranan diet yang disyorkan	124
4.5	Kandungan nutrien dalam 100 gram kurma (Jenis Deglet-Noor)	131
4.6	Kegunaan kurma dalam rawatan tradisional	139
4.7	Kandungan nutrien dalam 100 gram anggur	140
4.8	Penggunaan buah anggur dalam rawatan tradisional	145
4.9	Kandungan nutrisi dalam 100 gram zaitun	147
4.10	Penggunaan zaitun dalam rawatan tradisional	152

4.11	Kandungan nutrien dalam 100 gram delima	154
4.12	Penggunaan delima dalam rawatan tradisional	158
4.13	Kandungan nutrien dalam 100 gram buah ara	160
4.14	Penggunaan ara dalam rawatan tradisional	164
4.15	Kandungan nutrien dalam 100 gram pisang	166
4.16	Penggunaan pisang dalam rawatan tradisional	170
4.17	Kandungan nutrien bagi 100 gram halia	172
4.18	Penggunaan halia dalam rawatan tradisional	175
4.19	Perbandingan kandungan nutrien dalam kurma dengan keperluan harian	177
4.20	Perbandingan kandungan nutrisi dalam zaitun dengan keperluan harian	177
4.21	Perbandingan kandungan nutrisi dalam anggur dengan keperluan harian	178
4.22	Perbandingan kandungan nutrisi dalam buah ara dengan keperluan harian	178
4.23	Perbandingan kandungan nutrisi dalam delima dengan keperluan harian	179
4.24	Perbandingan kandungan nutrisi dalam pisang dengan keperluan harian	179
4.25	Perbandingan kandungan nutrisi dalam halia dengan keperluan harian	180
5.1	Kandungan nutrien bagi 100gram kismis dan kurma	196
6.1	Nama saintifik yang terkini bagi tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an	202

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah	Perkara	Halaman
4.1	Proses metabolisme primer dalam tumbuhan	119
4.2	Agen antimalaria dan analognya	128
4.3	Proses penghasilan ubatan baru	129

SENARAI SINGKATAN

&	Dan
HPLC	<i>High Pressure Liquid Chromatography</i>
UHPLC	<i>Ultra-High Pressure Liquid Chromatography</i>
LC	<i>lead compound</i>
Syn.	<i>Synonym</i>
UVB	<i>Ultra violet ray B</i>
LDL	<i>Low ensity lipoprotein</i>
HDL	<i>High density lipoprotein</i>
VLDL	Very low density lipoprotein
GSPE	<i>Grape Seed Proanthocynidin Extract</i>
TPA	<i>12-O-tetradecanoyl-13-phorbol acetate</i>
ed.	Editor (penyunting)
h.	Halaman
Ibid.	(Latin : Ibidem) pada tempat,buku dan halaman yang sama
No.	Nombor
Prof.	Professor
APH	<i>Atypical Prostatic Hyperplasia (APH)</i>
DMBA	<i>7,12-dimethyl-benz[a]anthracene (DMBA)</i>
r.a	Radiyallahu'anhu
s.a.w	SallalLahu 'Alayhi Wasallam
s.w.t	Subhanahu wa Ta 'ala
t.p	Tanpa Penerbit
t.t	Tanpa Tahun
t.t.p	Tanpa Tempat penerbitan
terj.	Terjemahan
Vol.	Volume
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
Cet.	Cetakan
a.s	'Alahissalam

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Al-Qur'an merupakan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w sebagai panduan kepada umatnya. Al-Qur'an bukan sahaja memberi panduan tentang kehidupan akhirat, bahkan al-Qur'an juga menerangkan perihal kehidupan dunia. Justeru, dalam usaha untuk memahami dan mendalami al-Qur'an, penulis akan mengkaji ayat al-Qur'an yang menyebut tentang tumbuhan. Kajian ini meliputi aspek tafsiran ayat-ayat berkaitan tumbuhan, penemuan sains yang berkaitan dengan tumbuhan tersebut.

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Penulisan mengenai tumbuhan yang tercatat dalam kitab-kitab suci agama ini telah mula ditulis oleh John Hutton Balfour pada tahun 1866. Beliau merupakan Regius Taman Botani, Professor dalam perubatan dan botani, Universiti Edinburgh. Beliau menulis buku yang bertajuk *Plants of The Bible*. Melalui prakata dalam buku tersebut, beliau menyatakan ;

“Everything mentioned in the Bible is worthy of our attentive consideration. The very words of the original text, written by the inspiration of the Holy Spirit, call for diligent study; and the more we examine them in dependence on the aid of that Spirit, the more light do we find shining upon them. The student of God’s Word cannot search too deeply or too minutely into its hidden treasures. The most learned linguist finds here ample scope for all his love, and the accomplished naturalist may bring to bear upon this work all the resources of sciences.”¹

¹ Balfour, J. H. (1866). *Plants of The Bible*. T. Nelson and Sons : New York, h. iii.

Melalui petikan prakata ini, beliau mengangkat nilai tumbuhan yang dinyatakan secara khusus dalam Injil. Justeru, semestinya tumbuhan yang dinyatakan secara khusus dalam al-Qur'an mempunyai kelebihan, keistimewaan bahkan mungkin ada juga jenis tumbuhan yang mempunyai keburukan yang tersendiri sehingga tumbuhan-tumbuhan tersebut dinyatakan oleh Allah s.w.t secara khusus dalam al-Qur'an. Penulisan mengenai tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an, sama ada tumbuhan secara umum atau secara khususnya menjadi topik wajib bagi penulis-penulis yang membincangkan pembuktian sains moden terhadap ayat-ayat al-Qur'an. Sebagai contoh, Maurice Bucaille menulis berkenaan ayat dalam Surah Ṭahā (20: 53) yang menyatakan tumbuh-tumbuhan diciptakan berpasang-pasangan ;

“Hari ini kita mengetahui bahawa, buah datangnya daripada pokok yang mempunyai ciri kejantinaan (walaupun di dalam kes buah yang tidak didebunga seperti pisang).”²

Sebelum menyentuh topik tumbuh-tumbuhan, Bucaille telah membincangkan signifikan pembuktian saintifik terhadap ayat al-Qur'an, katanya ;

“Banyak ayat al-Qur'an menerangkan secara mudah mengenai renungan atau amatan umum ini. Namun, ia juga mempunyai data yang lebih terperinci dan berkait rapat dengan fakta-fakta yang ditemui oleh sains moden: inilah yang menjadi daya tarikan kepada ahli sains hari ini. Pada abad-abad yang lampau, manusia tidak dapat mengkaji ayat-ayat al-Qur'an itu kerana mereka tiada media saintifik yang mencukupi. Hanya pada zaman ini banyak ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan fenomena tabii, dapat difahami sepenuhnya...”³

Hasil daripada pembacaan dan penelitian penulis, terdapat beberapa perkara yang mendorong penulis untuk melakukan kajian ini, iaitu ;

² Bucaille, M. (1994). *Al-Qur'an dan Sains Moden dalam Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam*. Baharuddin Ahmad (ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, h. 13.

³Bucaille, M. (1994), h. 3.

- 1.1.1 Terdapat perbezaan antara pengkaji-pengkaji mengenai pengecaman dan penamaan spesies tumbuhan yang dinyatakan di dalam al-Qur'an. Contohnya: Perkataan *talha* di dalam surah *al-Waqi'ah* menurut Harun Yahya dan Mawsilli ialah *Musa acuminata*, manakala Farooqi berpendapat perkataan tersebut merujuk kepada *Acacia* sp.
- 1.1.2 Tafsiran ayat al-Qur'an menyatakan tumbuh-tumbuhan di dalam al-Qur'an lebih baik daripada tumbuhan lain kerana ia dinyatakan secara khusus. Namun begitu, kebanyakan buku-buku berkaitan tumbuhan di dalam al-Qur'an hari ini tidak membentangkan kajian saintifik yang terkini sebagai rujukan mereka.
- 1.1.3 Merujuk kepada sumber hadith, terdapat hadith yang menyatakan kismis dan kurma tidak boleh digabungkan di dalam minuman dan didapati terdapat syarikat pengeluar produk makanan sunnah yang turut memberi perhatian terhadap hadith ini dalam mempromosikan produk mereka yang tidak mencampurkan kismis dan kurma.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

- 1.2.1 Apakah tafsiran ulama' berkaitan jenis tumbuh-tumbuhan yang disebutkan di dalam al-Qur'an? Apakah hadith yang berkaitan dengan tumbuhan yang dinyatakan ini?
- 1.2.2 Bagaimanakah pengkelasan jenis-jenis tumbuhan ini dapat dibuat berdasarkan analisis tafsiran?
- 1.2.3 Apakah nama saintifik yang terkini bagi tumbuhan yang dinyatakan di dalam al-Qur'an.
- 1.2.4 Apakah keistimewaan tumbuh-tumbuhan yang disebutkan di dalam al-Qur'an dari aspek kesihatan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

- 1.3.1 Menganalisis tafsiran ulama' tentang ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an.
- 1.3.2 Menganalisis hadith-hadith berkaitan tumbuh-tumbuhan terpilih.
- 1.3.3 Mengemaskini nama saintifik yang terkini dan bersesuaian dengan tumbuhan yang disebutkan dalam al-Qur'an.
- 1.3.4 Menganalisis penemuan sains berkaitan tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an dari aspek kesihatan.
- 1.3.5 Mengkaji maklumat-maklumat yang diperolehi daripada analisis tafsiran dan hadith daripada perspektif sains.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

- 1.4.1 Kajian ini amat penting bagi ahli sains Islam dalam mengetahui keistimewaan dan kelebihan al-Quran sebagai suatu mukjizat seterusnya mencetuskan kajian-kajian ayat al-Quran yang lebih mendalam dari sudut sains.
- 1.4.2 Maklumat berkaitan penemuan sains terutamanya taksonomi tumbuhan-tumbuhan ini dapat dijadikan rujukan pada masa akan datang.
- 1.4.3 Pengetahuan berkaitan khasiat tumbuhan-tumbuhan ini dapat digunakan oleh pengeluar-pengeluar produk di Malaysia.
- 1.4.4 Kajian ini dapat merintis kajian yang lebih meluas dalam konteks al-Quran dan Sains meliputi segala cabang Ilmu berasaskan al-Quran sebagai petunjuk kehidupan yang lengkap.

1.5 METODOLOGI KAJIAN

Perkataan metodologi berasal dari bahasa Yunani yang terdiri dari dua gabungan perkataan iaitu ‘*methodos*’ dan ‘*logos*’. *Methodos* bermaksud cara, jalan, teknik, gaya, ragam, bentuk, corak, aturan, sistem wacana atau kajian sistematis.⁴ Penyelidikan ditakrifkan sebagai suatu kegiatan pengumpulan, pengolahan, penyajian dan analisa data yang dilakukan secara sistematik dan efisien untuk memecah sesuatu persoalan

⁴ Zainal Abidin Safarwan (1995). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Dipetik oleh Monika@Munirah (2003) *Gaya Hidup Sihat : Suatu Kajian Mengenai Pemakanan Menurut Al-Qur'an Dan Sains*. Disertasi Sarjana Usuluddin. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h. 93-106.

atau menguji hipotesis.⁵ Berikut, penulis akan menjelaskan tentang metodologi atau kaedah penyelidikan yang akan digunakan sepanjang kajian dilaksanakan.

1.5.1 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kaedah pengumpulan data bermaksud pengumpulan data dalam rangka pengukuran dan pengujian hipotesis melalui proses observasi dan komunikasi. Kaedah ini merupakan kaedah terpenting di dalam kajian kerana ‘bahan-bahan mentah’ untuk kajian dikumpulkan menerusi kaedah ini.⁶ Kajian terbahagi kepada dua jenis iaitu kajian kualitatif⁷ dan juga kajian kuantitatif⁸. Pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif. Data kualitatif adalah data dalam bentuk maklumat yang terhasil dari sumber-sumber yang dikenalpasti sesuai dengan keperluan kajian. Data kualitatif boleh diperoleh melalui buku dan makalah yang autentik, dokumen, artifak, peta, gambar atau melalui temu bual dan observasi. Kaedah kualitatif yang akan digunakan ialah kaedah dokumentasi, buku, jurnal yang diperolehi melalui kajian perpustakaan dan juga kajian lapangan menggunakan kaedah temubual.

1.5.1.1 Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan ini dilakukan untuk mengkaji dan mencari bahan-bahan rujukan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan melalui buku-buku, akhbar,

⁵ Supranto M. A. (1971), *Metod Riset dan Aplikasinya di dalam riset Pemasaran*, Bandung : Lembaga Penerbit Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia, h. 13.

⁶ Winarno Surachmad (1980), *Pengantar Penelitian Ilmiah : Dasar, Metod dan Teknik*, Bandung : Penerbitan Tarsito, ed. 7, h. 56.

⁷ Kajian kualitatif ialah kajian yang menggunakan fakta, maklumat, pernyataan, ulasan, tanggapan, persepsi, ciri-ciri, simbol, perasaan atau apa sahaja yang menjelaskan sesuatu fenomena. Idris Awang (2009). *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h. 26.

⁸ Pengumpulan data kuantitatif melibatkan proses penghitungan, biasanya dalam bentuk boring soalselidik yang diedar kepada responden, observasi ataupun proses perumusan daripada laporan-laporan yang berkaitan. Idris Awang (2009), h. 25.

majalah, jurnal dan lain-lain bahan rujukan. Penulis telah mendapatkan data daripada perpustakaan-perpustakaan berikut :

- Perpustakaan Utama, UM
- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, UM
- Perpustakaan Peringatan Za'ba, UM
- Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM
- Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM
- Perpustakaan Awam Pusat Islam, JAKIM

Salah satu sumber dalam memperolehi data ialah daripada buku-buku. Buku bermaksud bahan-bahan yang diterbitkan dan buku yang seharusnya dirujuk untuk tujuan penyelidikan ialah yang berautoriti yang boleh diklasifikasikan kepada dua jenis. Pertama ialah buku semasa yang dihasilkan oleh penulis atau pihak yang diiktiraf keahliannya dalam bidang berkenaan dan diterbitkan oleh penerbit yang sudah *established*, manakala jenis kedua ialah buku klasik atau dalam konteks pengajian Islam dikenali dengan kitab muktabar. Buku klasik atau kitab muktabar pula ialah bahan yang diiktiraf nilai ilmiahnya oleh beberapa generasi dan kekal menjadi rujukan sehingga ke hari ini.

Bagi kajian daripada perspektif Islam (tafsiran dan hadith), penulis telah merujuk kepada kitab-kitab tafsir, kitab hadith dan juga kitab syarah hadith. Kitab tafsir yang dirujuk dalam kajian ini ialah, *Tafsir Al-Kashshāf : 'An Haqa'iq 'Awamid al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqāwil fī Wujūh al-Ta'wīl* oleh Zamakhshari, *Al-Jamī' Li Ahkām al-Qur'ān* oleh al-Qurṭubī, *Mafātīḥ al-Ghayb* oleh Fakhruddin al-Rāzī, *Tafsir Marāghī* oleh al-Maraghi, *Tafsir Ibn Katsir* oleh Ibn Katsir, *Tafsir fī zilāl al-Qur'an* oleh Syed Qutb, *Tafsir al-Azhār* oleh HAMKA, *Jamī' al-Bayān 'An Ta'wīl Ayat al-Qur'an* oleh al-Ṭabari, *Tafsir al-Miṣbāḥ* oleh Prof. Dr. M. Quraish Shihab dan *Tafsir al-Munīr* oleh Dr. Wahbah al-Zuhaili. Untuk kitab hadith pula, penulis merujuk kepada *Ṣaḥīḥ Bukhārī*,

Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan Ibn Majah, Sunan Abu Dawud, Jami' al-Ṣaḥīḥ al-Tirmizi dan *Sunan Nasa'i*. Manakala untuk syarah hadith pula, penulis merujuk kepada *Fath al-Bari, Sharah Ṣaḥīḥ Muslim Imam al-Nawawi, 'Aun al-Ma'bud, Tuḥfatul Aḥwāzī, Baḥr al-Māzī, Bazl al-Majhūd* dan *Shurūḥ Sunan Ibn Majah*.

Bagi kajian sains pula, data dikumpul melalui jurnal. Jurnal ialah penerbitan akademik yang khusus dalam bidang tertentu. Setiap makalah yang terkandung di dalam sesebuah jurnal telah melalui proses yang begitu teliti. Ia melibatkan proses penilaian, penyuntingan dan semakan yang berlaku mengambil masa beberapa pusingan. Rujukan jurnal yang digunakan adalah untuk melengkapkan kajian daripada perspektif sains. Di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pengkalan data *Sciencedirect* dan *Google Scholar* dalam pencarian artikel jurnal yang berkaitan dengan kajian . Artikel-artikel yang dipilih adalah artikel yang diterbitkan dari tahun 1995 hingga 2014.

Jadual 1.1: Kaedah Pengumpulan Data Untuk Tinjauan Kajian Sains

Tumbuhan	Perkataan yang digunakan dalam carian
Kurma	<i>Phoenix dactylifera</i> Benefit of date palm
Zaitun	<i>Olea europaea</i> Benefits of olive Olive oil Olive oil and pleurisy
Anggur	<i>Vitis vinifera</i> Benefit of <i>vitis vinifera</i> Benefit of grape

Ara atau tin	<i>Ficus carica</i> Benefits of fig Benefits of <i>ficus carica</i>
Delima	<i>Punica granatum</i> Pomegranate Benefits of <i>punica granatum</i> Benefits of pomegranate
Pisang	<i>Musa</i> spp. benefits Banana Benefits of banana
Halia	Benefit of <i>Zingiber officinale</i> Ginger

1.5.1.2 Kajian lapangan

Kajian lapangan yang digunakan oleh penulis ialah kaedah temubual. Kaedah temubual dilaksanakan untuk mengumpul maklumat bagi mencapai objektif keempat. Temubual adalah cara yang digunakan oleh seseorang bagi tujuan suatu tugas tertentu, untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden secara berhadapan muka dengan individu itu.⁹ Temu bual akademik boleh ditakrifkan sebagai interaksi sosial di antara penemu bual dengan yang ditemu bual. Interaksi sosial ini bertujuan untuk mendapat sebanyak mungkin maklumat dari interviewee dan tidak ada unsur hiburan serta paksaan. Dalam temu bual ilmiah bukan matlamat

⁹ Koentjaraningrat (1985). *Metod-metod Penelitian Masyarakat*. Jakarta : Penerbit PT Gramedia, h. 65.

semata-mata yang difokuskan malah reaksi *interviewee*, *body language* dan emosinya serta suasana dan gangguan yang berlaku semasa sesi temu bual itu sedang berlaku.¹⁰

Penulis telah memilih temu bual separa-berstruktur di dalam kajian ini.¹¹ Temubual ini adalah berkaitan dengan penggunaan kismis dan kurma dalam minuman. Kebanyakan pengeluar produk menggunakan campuran tersebut, namun terdapat satu syarikat yang secara jelas menonjolkan kelainan dengan menyatakan tiada campuran kismis dan kurma melalui iklan mereka.¹²

1.5.2 KAEDAH ANALISIS DATA

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif. Bagi data-data kualitatif, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis teks iaitu kaedah komparatif.

1.5.2.1 Kaedah analisis teks

Kaedah analisis teks juga dikenali analisis kandungan teks. Kaedah ini akan digunakan dalam menganalisis maklumat-maklumat daripada teori dan juga jawapan-jawapan daripada hasil temu bual. Kaedah analisis yang digunakan adalah kaedah perbandingan. Berasaskan kajian ini penulis akan berusaha membandingkan, mengkategorikan dan menyusun pelbagai data dan fakta yang diperoleh penulis bagi membuktikan sesuatu hipotesis.

¹⁰ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, h. 71.

¹¹ Di dalam temu bual-berstruktur, penyelidik perlu menyediakan panduan temu bual yang memuatkan antaranya senarai soalan yang ingin ditanya. Soalan-soalan ini dibina berasaskan tema yang telah dikenalpasti dan senarai soalan ini akan menjadi panduan kepada penyelidik dalam proses temu bual berkenaan. Ada kalanya penyelidik terpaksa melangkaui soalan disebabkan intervieweenya telah pun menjelaskan maklumat sebelum ditanya. Dalam keadaan seperti ini panduan temu bual itu boleh dijadikan senarai semak supaya nanti tidak ada maklumat yang terlepas dari proses temu bual berkenaan. *Ibid.*, h. 72.

¹² Syarikat yang dimaksudkan ialah Syarikat TG4All Nutraceutical Sdn. Bhd. Temubual telah diadakan pada 3 Mac 2011, jam 3.30 petang bersama Ustaz Mohd Edrus Ab Rahman di Pejabat TG4All Nutraceutical Marketing Sdn. Bhd, Puncak Alam, Selangor.

1.6 ORGANISASI KAJIAN

Bab satu : Pendahuluan kajian

Bab satu merupakan pengenalan kepada kajian ini. Subtopik-subtopik yang dibincangkan dalam bab satu termasuklah latar belakang permasalahan kajian, objektif kajian, metodologi kajian, kepentingan kajian dan organisasi kajian.

Bab dua : Kajian Literasi

Bab dua, pengkaji akan membuat sorotan terhadap kajian-kajian lepas ataupun kajian literatur yang mengintegrasikan antara tumbuhan yang tercatat di dalam al-Qur'an dengan penemuan-penemuan sains. Pengkaji akan membahagikan kajian literatur ini kepada beberapa subtopik iaitu ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan botani dan juga penemuan sains berkaitan tumbuh-tumbuhan terpilih.

Bab tiga : Tumbuhan Terpilih : Analisis tafsiran, huraian hadith dan nama saintifik.

Bab tiga akan menganalisis tafsiran ulama mengenai tumbuhan yang telah dinyatakan di dalam al-Qur'an. Selain daripada analisis tafsiran ulama', melalui bab ini juga, penulis akan mengemukakan hadith-hadith Rasulullah s.a.w tentang tumbuhan yang terpilih ini. Setelah meneliti aspek tafsiran dan juga hadith, penyelidik akan mengemukakan nama saintifik bagi setiap tumbuhan tersebut.

Bab empat : Tumbuhan Terpilih Menurut Perspektif Sains Kesihatan

Melalui bab yang keempat ini, penyelidik akan membentangkan kajian-kajian dalam bidang sains pemakanan dan juga perubatan yang berkaitan dengan tumbuhan yang

dipilih. Bab ini akan memberi tumpuan kepada manfaat tumbuh-tumbuhan tersebut dari sudut kesihatan.

Bab lima : Perbincangan

Melalui bab ketiga dan keempat, penulis telah menganalisis kebaikan yang dapat dimanfaatkan daripada tumbuhan-tumbuhan yang terpilih. Ulama'-ulama' tafsir berpendapat tumbuh-tumbuhan yang tercatat dalam al-Qur'an mempunyai keistimewaan berbanding tumbuh-tumbuhan lain. Pendapat ini dikuatkan lagi dengan saranan-saranan Rasulullah s.a.w untuk menggunakan tumbuh-tumbuhan tersebut. Bab ini akan melihat analisis tafsiran dan hadith mengenai tumbuhan-tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an dalam perspektif sains.

Bab enam : Kesimpulan

Bab keenam adalah kesimpulan hasil kajian yang diperoleh. Ia diikuti dengan cadangan untuk kajian yang akan datang.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 PENDAHULUAN

Kajian literatur didefinisikan sebagai membuat rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea, data dan kaedah memperoleh maklumat, yang berkaitan dengan tajuk kajian.¹³ Tujuan kajian literatur ini adalah untuk membincang dan merumuskan hasil-hasil kajian yang lepas yang berkait dengan masalah yang dikaji.¹⁴ Maklumat yang diperoleh daripada kajian literatur ini penting dalam memastikan tiada penyalinan, iaitu melakukan kajian yang sama dengan kajian lepas tanpa membaiki atau membetulkan kelemahan-kelemahan kajian lepas, atau mengulangi kesilapan yang dilakukan oleh kajian lepas.

Melalui bab ini, pengkaji akan membuat sorotan terhadap kajian-kajian lepas yang berbentuk kajian integrasi berkaitan tumbuhan dalam al-Qur'an dengan penemuan-penemuan sains. Bab ini akan dibahagikan kepada tiga subtopik, iaitu, pertama, kajian terhadap ayat-ayat al-Qur'an berkaitan botani, kedua, kajian terhadap jenis-jenis tumbuhan dalam al-Qur'an secara khusus dan yang ketiga ialah sorotan terhadap kajian mengenai kemukjizatan al-Qur'an.

2.1 KAJIAN AYAT AL-QUR'AN YANG BERTEMAKAN BOTANI

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, botani ialah cabang ilmu biologi yang berkaitan dengan kehidupan tumbuh-tumbuhan.¹⁵ Kajian mengenai ayat-ayat al-Qur'an yang membincangkan tentang ilmu botani telah dilakukan oleh beberapa pengkaji.

¹³ Chua Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

¹⁴ Idris Awang (t.t). *Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, h. 15.

¹⁵ Noresah (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 204.

Penulis membuat sorotan terhadap kajian-kajian lepas tentang ayat-ayat al-Qur'an yang bertemakan botani melalui dua jenis sumber rujukan iaitu buku dan juga penulisan tesis dan disertasi.

Penulis telah meneliti lima penulisan buku yang membincangkan tentang ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan ilmu botani. Secara umumnya, penulisan-penulisan ini membincangkan topik-topik yang sama. Sebagai contoh, ayat al-Qur'an telah menyatakan kepentingan air kepada tumbuhan melalui firman Allah:

وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ
وَأَنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ﴿٥﴾

Maksudnya :

“Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila telah kami turunkan air ke atasnya hiduplah bumi itu dan suburlah dan menumbuhkan berbagai jenis tumbuh-tumbuhan yang indah.”

Surah al-Haj (22):5

Amru Nasrul Haq dan Mohamed (1985)¹⁶ telah menyatakan ayat ini adalah sebagai petunjuk mengenai keperluan asasi tumbuh-tumbuhan iaitu tumbuhan hidup memerlukan air. Ayat-ayat al-Qur'an yang turut menyebut tentang tumbuh-tumbuhan dan air ialah dalam Surah *Al-Qāf* (50): 9-11, Surah *al-An'ām* (6):141, dan Surah *al-Naḥl* (16) : 10-11.

Walaupun kebanyakan topik yang dibincangkan dalam kajian-kajian sebelum ini adalah sama, namun begitu terdapat beberapa topik berbeza yang dibincangkan dalam setiap penulisan. Amru Nasrul Haq dan Mohamed (1985) mengemukakan ayat al-Qur'an yang menyebut tentang keseimbangan ekosistem daripada kejadian tumbuh-tumbuhan. Seperti dalam firman Allah :

¹⁶ Amru Nasrul Haq dan Mohamed (1985). *Tamadun Islam Dalam Biologi* dalam Pengenalan Tamadun Islam Dalam Sains dan Teknologi. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

وَالْأَرْضَ مَدَدْنَاهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ شَيْءٍ

مَوْزُونٍ ﴿١٩﴾

Maksudnya :

“Dan kami hamparkan bumi dan menjadikan padanya gunung-gunung dan Kami tumbuhkan padanya segala sesuatu menurut ukuran”.

Surah al-Hijr (15):19

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah telah menciptakan bumi dan menjaga keseimbangannya dengan gunung-gunung bagi memastikan kekukuhannya.

Ahzami Sami'un Jazuli (1997)¹⁷ menyatakan Allah membezakan setiap jenis tumbuhan itu dengan perbezaan yang sempurna, sebagai contoh perbezaan dari segi kadar air yang diperlukan oleh tumbuh-tumbuhan tersebut sebagaimana firman Allah :

وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُتَجَاوِرَاتٌ وَجَنَّاتٌ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزُرْعٌ وَنَخِيلٌ
صَّنَوَانٌ وَغَيْرُ صَّنَوَانٍ يُسْقَى بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنُفِضَ لِّبَعْضِهَا عَلَى
بَعْضٍ فِي الْأَكْلِ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

Maksudnya :

“...disirami dengan air yang sama. Kami melebihikan sebahagian tanam-tanaman itu atas sebahagian yang lain tentang rasanya...”

Surah al-Ra'du (13): 4

Muhammad Kamil Abdushshamad (2003)¹⁸ membawakan hujah daripada perspektif sains yang menyatakan bahawa setiap tumbuh-tumbuhan telah terukur unsur-unsurnya dalam kadar tertentu. Setiap unsur akan berbeza antara satu sama lain melalui cara penyerapan nutrisi dari akar ke batang, dahan, daun dan bunga. Sebagai contoh unsur kalium karbonat yang terdapat di dalam biji jagung ialah 32%, tebu 34.3% dan kentang 61.5%. Signifikan daripada kadar setiap unsur yang berbeza ini ialah setiap

¹⁷ Ahzami Sami'un Jazuli (2005). *Menjelajahi Kehidupan Dalam Al-Qur'an: Tafsir Mawdu'i Atas Tema-tema Kehidupan (Al-Hayah) dalam al-Qur'an*. Jakarta : al-I'tishom Penyelamat Ummat.

¹⁸ Muhammad Kamil Abdushshamad (2003). *Mukjizat Ilmiah Dalam al-Qur'an*. Alimin (terj.). Jakarta: Akbar Media Eka Sarana, h. 136-150.

tumbuhan mempunyai fungsi yang berbeza. Beliau juga membincangkan mengenai tumbuhan secara umum di dalam bab ilmu pertanian dan tumbuhan. Antara topik-topik yang dibincangkan ialah teori pertanian tentang tanah yang lebih tinggi dari permukaan air, pengairan semulajadi dan buatan, memproduktifkan tanah yang terbiar, sunnatullah dalam percambahan, kekuasaan Allah dalam percambahan, tempat terbaik untuk pertanian, rahsia warna hijau pada daun dan keistimewaan klorofil.¹⁹

Yahya dan Azhar (2007)²⁰ juga mengumpulkan ayat-ayat mengenai botani dan menghuraikannya secara umum. Huraian yang dikemukakan adalah bersifat topikal. Antara topik yang didapati berbeza daripada penulisan yang lain²¹ ialah Allah s.w.t menumbuhkan pelbagai jenis biji-bijian dan pokok yang terdiri daripada jenis sayur-sayuran dan buah-buahan yang dimakan oleh manusia dan Allah menciptakan rumput untuk dimakan oleh haiwan. Sebagaimana firman Allah :

فَأَنْبَتْنَا فِيهَا حَبًّا ۖ وَعِنَبًا وَقَضْبًا ۖ وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا ۖ
وَحَدَائِقَ غُلْبًا ۖ وَفَيْكِهَةً وَأَبًّا ۚ مَتَّعًا لَّكُمْ وَلِأَنْعَمِكُمْ

Maksudnya:

“Lalu kami tumbuhkan biji-bijian. Dan Anggur dan sayur-sayuran. Dan Zaitun dan pohon Kurma. Dan kebun-kebun yang rendang. Dan buah-buahan serta rerumputan. (Semua itu) untuk kesenanganmu dan untuk haiwan-haiwan ternakanmu.”

Surah ‘Abasa (80): 27-32

Seterusnya Allah menerangkan bahawa Allah s.w.t menurunkan dari awan, air hujan yang mencurah-curah yang menyebabkan biji-bijian tumbuh menjadi kebun yang subur, dan bertaut-taut pokoknya. Hal ini adalah berdasarkan kepada firman Allah:

¹⁹ Muhammad Kamil Abdushshamad (2003), h. 136-150.

²⁰ Yahaya Jusoh dan Azhar Muhammad (2007). *Pendidikan Falsafah Sains Al-Qur'an*. Johor: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.

²¹ Lihat Amru Nasrul Haq dan Mohamed (1985). Lihat juga Sulaiman Nordin (1995). *Sains Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.36-39. Lihat juga Afzalur Rahman (1981). *Quranic Sciences*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd., h.146-148.

وَأَنْزَلْنَا مِنَ الْمُعْصِرَاتِ مَاءً ثَجَّاجًا ۖ لِنُخْرِجَ بِهِ حَبًّا وَنَبَاتًا ۖ
وَجَنَّاتٍ أَلْفَافًا ﴿١٦﴾

Maksudnya:

“Dan Kami turunkan dari awan, air hujan yang tercurah dengan hebatnya, untuk kami tumbuhkan dengan air itu biji-bijian dan tanam-tanaman dan kebun-kebun yang rendang.”

Surah al-Naba' (78) : 14-16

Khalid Fa'iq al-'Ubaidi (2005)²² di dalam bukunya *Wamadat I'jaziah Min al-Qur'an wa al-Sunnah al-Nabawiyah* telah membahagikan perbincangan mengenai tumbuhan yang disebut di dalam al-Qur'an dan Hadith kepada beberapa topik iaitu yang pertama topik bijian dan buah-buahan. Perbincangan ini adalah berdasarkan firman Allah:

وَهُوَ الَّذِي مَدَّ الْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْهَارًا ۚ وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ
جَعَلَ فِيهَا زَوْجَيْنِ اثْنَيْنِ ۚ يُغْشَى اللَّيْلُ النَّهَارَ ۚ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ
لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣﴾

Maksudnya:

“Dan dia yang menghamparkan bumi dan menjadikan gunung-ganang dan sungai-sungai di atasnya. Dan padanya Dia menjadikan semua buah-buahan berpasangan-pasangan; Dia menutupkan malam kepada siang. Sungguh, pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang yang berfikir.”

Surah al-Ra'du (13):3

Ayat di atas menerangkan bahawa buah-buahan diciptakan secara berpasang-pasangan. Terdapat beberapa ayat al-Qur'an yang lain yang menyatakan buah-buahan dicipta berpasang-pasangan seperti dalam Surah al-Hijr (15):19, Surah Tahā (20):53.

Kajian yang lebih terperinci dapat dilihat melalui penulisan tesis dan disertasi. Penulisan tesis lebih memfokuskan kepada ayat-ayat yang tertentu. Sebagai contoh,

²²Khalid Fa'iq Ubaidi(2005). *Wamadat I'jaziah Min al-Qur'an wa al-Sunnah al-Nabawiyah. Al-Nabat wa al-Inbat wa al-Hawayanat wa al-Hasyrat*. Beirut : Dar el-Kutub al-Ilmiah, h. 5-46.

Masaliny (2000)²³ di dalam kajiannya, memperincikan kejadian tumbuhan menurut pandangan al-Qur'an dan Sains. Penekanan diberikan pada ayat 33-36 Surah Yasin. Beliau turut membawakan ayat-ayat al-Qur'an yang menyentuh kejadian tumbuhan yang terbahagi kepada tanah dan tumbuh-tumbuhan, air dan tumbuh-tumbuhan, proses pembiakan tumbuh-tumbuhan, hasil daripada kejadian tumbuh-tumbuhan, kejadian tumbuh-tumbuhan mengikut ukuran dan kemusnahan tumbuhan. Ayat al-Qur'an daripada Surah Yasin ini juga turut menarik perhatian Noraini (2006)²⁴ yang menyentuh secara umum perspektif al-Qur'an mengenai tumbuhan selain membincangkan tumbuhan dalam perspektif al-Hadith mengenai tumbuhan. Melalui kajian beliau, dinyatakan bahawa kebanyakan surah di dalam al-Qur'an mencatatkan ayat-ayat yang berkaitan dengan kejadian tumbuhan.²⁵ Namun begitu, tidak dinyatakan berapa surah yang menyentuh tentang tumbuhan.

Terdapat juga kajian mengenai tafsir *mawdū'i*²⁶ tentang buah-buahan dalam perspektif al-Qur'an. Kajian dilakukan oleh Junaidah (2009)²⁷ telah membahagikan penjelasan buah-buahan mengikut perkataan seperti *al-thamarāt* dan *al-fawākih*. Daripada perkataan *thamarāt*, topik yang dibincangkan ialah buah-buahan yang dihasilkan dari sumber air, buah-buahan sebagai rezeki pemberian dari sisi Allah, buah-

²³ Siti Masaliny Ismail (2000). *Kejadian Tumbuhan Menurut al-Qur'an dan Sains : Kajian Ayat 33-36 Surah Yasin*. Latihan ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

²⁴ Noraini Omar (2006). *Tumbuh-tumbuhan Sebagai Ubatan Menurut Islam dan Sains: Kajian Terhadap Pegaga*. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

²⁵ Noraini Omar (2006), h. 23-24.

²⁶ Dr. Mustafa Muslim membuat penerangan mengenai definisi tafsir *mawdū'i* kepada 5 takrifan. Pertama, sebagai satu keterangan apa yang berkaitan dengan tajuk dari aspek pemikiran kehidupan dan kemasyarakatan atau kejadian alam dari sudut Qur'aniyyah dan dikeluarkan mengikut pandangannya. Kedua, menghimpunkan ayat-ayat yang bertaburan di dalam surah-surah al-Qur'an di bawah satu tajuk tertentu secara lafaz atau hukum dan tafsirnya berdasarkan maksud al-Qur'an. Ketiga, keterangan tajuk sekitar ayat-ayat al-Qur'an di dalam satu surah atau pelbagai surah. Keempat, ilmu yang membahas tentang hukum-hukum al-Qur'an, satu makna dan tujuannya dengan cara menghimpunkan ayat-ayat yang terpisah, kemudian menilai ayat-ayat tersebut menggunakan bentuk dan syarat yang tertentu untuk menjelaskan maksudnya, mengeluarkan unsur-unsur di dalamnya serta hubungan satu ayat dengan ayat yang lain. Kelima, sebagai suatu ilmu yang mengambil hukum-hukum berdasarkan tajuk tertentu daripada satu surah atau banyak. Rujuk Dr. Salah Abd Al-Fattah Al-Khalidy (2008). *Al-Tafsir al-Mawdu'i Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*. Jordan : Dar al-Nafa'is, cet. 2, h.34. dipetik oleh Junaidah binti Harun (2009). Ayat-ayat al-Qur'an Berkaitan Tanah : Kupasan Dari Sudut Tafsir al-Mawdu'i. Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

²⁷ Junaidah Abu Bakar (2009). *Buah-buahan Dari Perspektif al-Qur'an: Kajian menurut Tafsir Mawdu'i*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.

buahan yang menunjukkan bukti kebesaran Allah s.w.t, buah-buahan yang berasaskan kepada hukuman dan keampunan daripada Allah s.w.t. Manakala dari perkataan *fawakih* pula, topik yang dibincangkan ialah buah-buahan yang boleh dimanfaatkan hasilnya, buah-buahan yang memenuhi keinginan manusia, buah-buahan yang berpasangan, buah-buahan yang memberikan keamanan dan kemuliaan. Selain daripada itu, beliau juga turut membuat analisis terhadap khasiat dan kandungan buah-buahan menurut al-Qur'an. Dalam analisis yang telah dilakukan, beliau merujuk pandangan al-Suyuthi, Ibn Qayyim al-Jauzi dan juga Dr. Sunardi.²⁸

2.2 KAJIAN BERKAITAN AYAT AL-QUR'AN TENTANG JENIS TUMBUHAN

Berdasarkan pengamatan penulis, kajian mengenai jenis-jenis tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an dimulai oleh Ibn Qayyim dalam bukunya *Tib al-Nabawi*.²⁹ Beliau menyenaraikan tumbuhan-tumbuhan yang tercatat di dalam al-Qur'an dan disertakan khasiat dan kegunaannya. Setiap tumbuhan tersebut disertakan bersama hadith-hadith yang berkaitan. Walaubagaimanapun tidak semua hadith yang dikemukakan oleh beliau bertaraf sahih atau hasan. Tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an yang dibincangkan oleh beliau ialah jenis-jenis kurma seperti *balah*, *busr*, *ruttab*, *'ajwah* dan *tamar*, jenis-jenis anggur seperti anggur dan *zabib* (kismis atau anggur kering), *basal* (bawang merah), *tin* (tin), *raihan* (selasih), *rumman* (delima), *zaitun* (zaitun), *zanjabil* (halia), *talh* (pisang), *'adas* (kacang dal), *qiththa'* (timun) dan juga *yaqtin* (labu). Daripada sorotan terhadap penulisan Ibn Qayyim, didapati beliau mengemukakan manfaat dan juga mudarat yang akan diperolehi apabila menggunakan tumbuh-tumbuhan ini. Perbezaan antara kajian ini dengan penulisan Ibn Qayyim al-

²⁸ Junaidah Abu Bakar (2009), h. 72-106.

²⁹ Ibn Qayyim al-Jauziyah (2004). *Tibb al Nabawi*. Kaherah : Dar el-Fajar li al-turath.

Jauzi ialah, kajian ini akan mengemukakan manfaat dari sudut saintifik dan juga akan mengemukakan nama saintifik bagi tumbuhan-tumbuhan tersebut.

Harun Yahya (2001)³⁰ menyatakan terdapat enam jenis tumbuhan yang disebut di dalam al-Quran iaitu kurma, anggur, tin, zaitun, pisang, dan juga delima. Setiap tumbuhan yang dinyatakan itu telah diberi contoh ayat al-Quran yang menyebut tentangnya. Harun Yahya (2001), dalam penulisannya telah membahagikan kepada beberapa topik iaitu tumbuhan yang disebut namanya dalam al-Quran, pokok-pokok, sayur-sayuran, tumbuhan di Syurga, tumbuhan di neraka dan juga tumbuhan yang disebut secara metafora di dalam al-Quran. Kajian ini hanya tidak menjelaskan secara terperinci kebaikan buah-buahan tersebut dari sudut sains dan juga tidak mengemukakan nama saintifik bagi tumbuhan-tumbuhan tersebut.

Seterusnya, penulis telah menemui 8 kajian yang mengkaji tentang tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an dan disertakan juga nama saintifik tumbuhan-tumbuhan tersebut. Pertama, Farooqi (2003)³¹, telah menyenaraikan tumbuh-tumbuhan yang disebutkan di dalam al-Qur'an dan nama saintifik bagi setiap tumbuh-tumbuhan tersebut. Farooqi telah mengemukakan 33 mengenai tumbuhan yang tercatat di dalam al-Qur'an. 33 bab ini termasuk produk yang terhasil daripada tumbuhan, seperti manisan *manna*, minyak, ayat al-Qur'an mengenai pokok, tumbuhan, sayur-sayuran dan juga pertanian. Kajian ini merupakan satu kajian yang menyentuh aspek tafsiran dan juga kajian sains yang telah dijalankan ke atas tumbuhan-tumbuhan tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat hujah-hujah mengenai jenis tumbuhan tersebut yang boleh dibincangkan lagi.

³⁰ Harun Yahya (2001). *General Knowledge From The Qur'an*. India: Millat Book Centre. h.248-253

³¹ Dr. Mohamed Iqtedar Hussein Farooqi adalah salah seorang daripada pencadang pembinaan Qur'anic Botanical Garden yang telah diluluskan oleh UNESCO untuk dibina di Negara-negara Arab Teluk. Rujuk Farooqi M.H.I (2003), *Plants Of The Qur'an*. Lucknow : Sidrah Publisher.

Kedua, Khafagi *et al.* (2006)³² telah membuat analisa berkenaan tumbuhan yang tercatat dalam al-Qur'an. Melalui kajian ini, tumbuhan yang tercatat dalam al-Qur'an dikelaskan kepada beberapa bahagian iaitu, tumbuhan suci seperti tin, zaitun, kurma dan delima, tumbuhan beraroma seperti halia dan juga tumbuhan bernutrisi seperti bawang merah. Selain daripada itu, kajian ini turut membincangkan isu-isu biologi tentang biodiversiti, percambahan biji benih, fotosintesis dan penggunaan tumbuhan melalui tafsiran beberapa surah al-Qur'an. Kajian ini merupakan satu kajian yang baik kerana telah membincangkan setiap sudut pandangan daripada al-Qur'an yang berkaitan dengan tumbuhan. Walaubagaimanapun, pandangan ahli tafsir tidak disertakan di dalam kajian ini.

Ketiga, Ahmad *et al.* (2009)³³ dalam kajian mereka telah menyenaraikan spesies-spesies bunga yang disebutkan dalam al-Qur'an, hadith dan juga buku-buku perubatan Islam. Kajian ini bertujuan untuk menunjukkan aspek yang berbeza bagi tumbuhan berdasarkan perubatan Islam seperti tumbuhan yang berpotensi untuk kegunaan tujuan perubatan, prinsip kesihatan, kebersihan, pemikiran dan kebudayaan apabila dilihat secara bersama. Kajian ini mendapati perubatan yang berasaskan herba digunakan oleh 80 % daripada populasi dunia, kebanyakannya di negara membangun kerana penerimaan masyarakat, lebih serasi dengan tubuh manusia dan kurang kesan sampingan. Justeru, disarankan agar industri yang berasaskan tumbuhan dibangunkan berdasarkan panduan dan kajian yang berasaskan Islam.

Keempat, Marwat *et al.* (2009)³⁴ telah membuat tinjauan mengenai kepentingan etno-perubatan buah-buahan yang tercatat dalam al-Qur'an. Spesies buah-buahan yang dinyatakan di dalam kajian ini ialah *Citrullus lanatus* (Thunb.) Mats. & Nakai,

³² Khafagi I. *et al.* (2006). *A Voyage in the World of Plants as mentioned in the Holy Quran*. International Journal of Botany. 2 (3), h. 242-251.

³³ Ahmad *et al.* (2009). Useful Medicinal Flora Enlisted in Holy Quran and Ahadith. *American-Eurasian Journal Agriculture & Environmental Science*. 5 (1), h. 126-140.

³⁴ Marwat *et al.* (2009). Fruit Plant Species Mentioned in the Holy Qura'n and Ahadith and Their Ethnomedicinal Importance. *American-Eurasian J. Agricultural & Environmental Sciences*. 5 (2), h. 284-295.

Cucumis sativus L., *Cydonia oblonga* Mill. *Ficus carica* L., *Olea europea* L., *Phoenix dactylifera* L., *Punica granatum* L., *Salvadora persica* L., *Vitis vinifera* L. and *Zizyphus mauritiana* Lam. Kajian ini hanya memfokuskan kepada buah-buahan yang tercatat di dalam al-Qur'an dan hadith.

Kelima, kajian yang turut dilakukan oleh Marwat *et al.* (2009)³⁵ yang telah menjalankan tinjauan mengenai penggunaan etnobotani ke atas tiga pokok berkayu yang tercatat dalam al-Qur'an dan hadith iaitu *Salvadora persica*, *Tamarix aphylla* dan *Zizyphus mauritiana*. Melalui kajian ini, didapati antara sebab perubatan herba digunakan secara meluas kerana penerimaan masyarakat setempat dan kurang kesan sampingan.

Keenam, Asadi karam *et al.* (2009)³⁶. telah membuat kajian ke atas peranan makanan-makanan yang disebutkan dalam al-Qur'an dan kandungan biokimia makanan-makanan tersebut. Makanan yang disebutkan dalam al-Qur'an antaranya ialah tumbuh-tumbuhan seperti tin, anggur, zaitun, pisang, delima, kurma, 'adas, timun, bawang putih, bawang merah dan halia. Kajian ini menyenaraikan semua makanan yang disebutkan di dalam al-Qur'an dan disertakan dengan kandungan nutrisi setiap makanan tersebut.

Ketujuh, Shafaghat (2010)³⁷ telah membuat kajian ke atas buah-buahan dan tumbuhan yang tercatat di dalam al-Qur'an. Spesies yang telah dikaji ialah *Olea europaea* L., *Vitis vinifera* L., *Punica granatum* L., *Phoenix dactylifera* L., *Alhagi mannifera* Desf., *Ficus carica* L., *Cedrus deodara* (Lawb.) G. Don., *Tamarix aphylla* L., *Salvadora persica* L., *Zingiber officinale* Rosc., *Musa sapientum* L., *Brassica nigra* (L.) koch., *Lens culinaris medicus.*, *Allium sativum* L., *Allium cepa* L., *Cucumis sativus*

³⁵ Marwat *et al.* (2009). *Salvadora persica*, *Tamarix aphylla* and *Zizyphus mauritiana*-Three Woody Plant Species Mentioned in Holy Quran and Ahadith and Their Ethnobotanical Uses in North Western Part (D.I. Khan) of Pakistan. *Pakistan Journal of Nutrition*. 8 (5), h. 542-547.

³⁶ Asadi karam G. R *et al.* (2009). Biochemical compound and nutritional roles of the foods explained in the Qur'an. *Pakistan Journal of Nutrition* 8 (1), h. 13-19.

³⁷ Shafaghat A. (2010). Phytochemical Investigation of Quranic Fruits and Plants. *Journal of Medicinal Plants*, 9 (35), h. 61-66.

L., *Cucurbita maxima* Duchartre., dan *Ocimum basilicum* L. Hasil dari kajian ini telah menunjukkan kesemua 18 sampel mengandungi flavonoid. Kesimpulan dari kajian ini mendapati spesies-spesies tumbuhan seperti *Phoenix dactylifera* L., *Olea europaea* L., *Ficus carica* L., *Cedrus deodara* (Lawb.) G.Don., *Tamarix aphylla* L., *Salvadora persica* L., *Zingiber officinale* Rosc., *Brassica nigra* (L.) Koch. *Allium sativum* L. dan *Allium cepa* L. yang tercatat dalam Qur'an mengandungi sumber flavonoids yang berpotensi sebagai dapat memberi kesan perlindungan kepada kesihatan manusia.

Kelapan, kajian yang dilakukan oleh Mawsilli (2008)³⁸. Melalui penulisannya, beliau telah menggabungkan tumbuhan-tumbuhan yang baik daripada al-Qur'an dan Hadith. Tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an yang dibincangkan oleh beliau ialah *kāfūr*, *tin*, *yaqīn*, *'adas*, *raiḥān*, *zaytūn*, *nakhlah*, *rummān*, *'inab*, *zanjabīl*, *baṣal*, *qitthā'*, *athl*, *khamṭ*, *khardal* dan *ṭalḥ*.

Kajian-kajian ini mempunyai persamaan dan juga perbezaan mengenai nama saintifik tumbuhan-tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an. Perbezaan tersebut akan dibincangkan dalam kajian ini. Berikut ialah jadual yang menunjukkan perbezaan-perbezaan tersebut.

³⁸Mawsilli M.A. (2008). *Nabatat Tayyibah Dhukirat Fi Al-Qur'an Al-Karim Wa Al-Sunnah Al-Nabawiyyah*. Kaherah : Dar el-Salam Li Al-Taba'ah Wa Al-Nushr Wa Al-Tauzi' Wa Al-Tarjamah.

Jadual 2.1: Perbezaan nama spesies terhadap tumbuhan-tumbuhan dalam al-Qur'an

	Penulis Perkataan	Mushtaq <i>et al.</i> (2009)	Shafagat <i>et al.</i> (2010)	Khafagi <i>et al.</i> (2006)	Marwat <i>et al.</i> (2009)	Marwat <i>et al.</i> (2009)	Asadi Karam <i>et al.</i> (2008)	Farooqi (2003)	Mawsilli (2008)
1.	Fūm	<i>Allium sativum</i>	<i>Allium sativum</i>	<i>Allium sativum</i>			<i>Allium sativum</i>	<i>Allium sativum</i>	<i>Allium sativum</i>
2.	Kāfūr	<i>Cinnamomum camphora</i>		<i>Dryobalanop s camphora</i>				<i>Lawsonia inermis /Cinnamomu m camphora / Dryobalonop s aromatica</i>	<i>Cinnamomu m camphora</i>
3.	Tīn	<i>Ficus carica</i> L.	<i>Ficus carica</i> L.	<i>Ficus carica</i> L.	<i>Ficus carica</i> L.		<i>Ficus carica</i> L.	<i>Ficus carica</i> L.	<i>Ficus carica</i> L.
4.	Yaqṭīn	<i>Lagenaria siceraria</i>	<i>Cucurbita maxima</i> Duchartre	<i>Cucurbita pepo</i>				<i>Lagenaria siceraria</i>	<i>Cucurbita moschata</i>
5.	‘Adas	<i>Lens culinaris</i>	<i>Lens culinaris</i>	<i>Lens esculents</i>			<i>Lens culinaris</i>	<i>Lens culinaris</i>	<i>Lens culinaris</i>
6.	Zaytūn	<i>Olea europaea</i> L.	<i>Olea europaea</i> L.	<i>Olea europaea</i> L.	<i>Olea europaea</i> L.,		<i>Olea europaea</i> L.	<i>Olea europaea</i> L.	<i>Olea europaea</i> L.
7.	Nakhl	<i>Phoenix dactylifera</i> L.	<i>Phoenix dactylifera</i> L.	<i>Phoenix dactylifera</i> L.	<i>Phoenix dactylifera</i> L.		<i>Phoenix dactylifera</i> L	<i>Phoenix dactylifera</i> L.	<i>Phoenix dactylifera</i> L.

8.	Rummān	<i>Punica granatum</i> L.	<i>Punica granatum</i> L.	<i>Punica granatum</i> L.	<i>Punica granatum</i> L.		<i>Punica granatum</i> L.	<i>Punica granatum</i> L.	<i>Punica granatum</i> L.
9.	‘Inab	<i>Vitis vinifera</i> L.	<i>Vitis vinifera</i> L.	<i>Vitis vinifera</i> L.	<i>Vitis vinifera</i> L.		<i>Vitis vinifera</i> L.	<i>Vitis vinifera</i> L.	<i>Vitis vinifera</i> L.
10.	Zanjabīl	<i>Zingiber officinale</i> Rosc.	<i>Zingiber officinale</i> Rosc.	<i>Zingiber officinale</i> Rosc.			<i>Zingiber officinale</i> Rosc.	<i>Zingiber officinale</i> Rosc.	<i>Zingiber officinale</i> Rosc.
11.	Başal		<i>Allium cepa</i> L.	<i>Allium cepa</i> L.			<i>Allium cepa</i> L.	<i>Allium cepa</i> L.	<i>Allium cepa</i> L.
12.	Qiththā’		<i>Cucumis sativus</i> L.	<i>Cucumis sativus</i> L.	<i>Cucumis sativus</i> L.		<i>Cucumis sativus</i> L.	<i>Cucumis melo</i>	<i>Cucumis sativus</i> L.
13.	Sidrah		<i>Cedrus deodara</i> Lawb.	<i>Ziziphus spina-christi</i>	<i>Zizyphus mauritiana</i> Lam	<i>Ziziphus mauritiana</i> Lam.		<i>Cedrus libani</i> atau <i>Ziziphus spp.</i>	
14.	Athl		<i>Tamarix aphylla</i> L.	<i>Tamarix</i> L.		<i>Tamarix aphylla</i> L.		<i>Tamarix aphylla</i> L.	<i>Tamarix articulata</i>
15.	Khamṭ		<i>Salvadora persica</i> L.	<i>Salvadora persica</i> L.	<i>Salvadora persica</i> L.	<i>Salvadora persica</i> L.		<i>Salvadora persica</i> L.	<i>Salvadora persica</i> L.
16.	Ṭalḥ		<i>Musa sapientum</i> L.,	<i>Musa sapientum</i>			<i>Musa spp.</i>	<i>Acacia seyal</i>	<i>Musa paradisiaca</i>
17.	Khardal		<i>Brassica nigra</i> L. koch.	<i>Brassica nigra</i> L.				<i>Brassica nigra</i> L.	<i>Brassica nigra</i> L.

Daripada jadual yang telah dikemukakan, didapati terdapat 6 jenis tumbuhan yang berbeza dari segi penamaannya. Justeru, melalui kajian ini, penulis akan mengemaskini nama saintifik yang terkini melalui analisis tafsiran dan juga kajian-kajian sains.

Selain daripada kajian-kajian di atas, penulis juga membuat sorotan terhadap tesis yang membincangkan tentang tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an. Pertama, Monika@ Munirah (2003)³⁹ menyentuh tentang tumbuh-tumbuhan yang disebutkan di dalam al-Qur'an di dalam perbincangan mengenai keistimewaan sebahagian makanan menurut al-Qur'an. Tumbuh-tumbuhan yang dimaksudkan ialah kurma, anggur, delima, tin, zaitun dan halia. Perbincangan yang telah dilakukan adalah berkenaan nama saintifik, asal-usul tumbuh-tumbuhan tersebut, ayat al-Qur'an berkaitan tumbuh-tumbuhan tersebut dan penemuan dan kajian sains yang menunjukkan keistimewaan tumbuh-tumbuhan tersebut. Monika @ Munirah (2003) berpendapat walaupun Allah s.w.t tidak menyebut tentang kelebihan dan kehebatan kurma, namun pengulangan ayat berkaitan kurma sebanyak 21 kali di dalam al-Qur'an merungkaikan tujuan dan rahsia yang tersirat padanya. Kajian beliau turut merujuk kepada hadith-hadith Nabi s.a.w sebagai contoh mengenai sabda baginda s.a.w tentang kurma mampu mengelak sihir dan racun. Manakala kedua ialah, Che Wan Jasimah (2000)⁴⁰ yang juga telah membincangkan mengenai buah tamar sebagai makanan yang disarankan dalam Islam menurut pandangan sains selain daripada madu dan juga susu ibu.

³⁹ Monika@Munirah (2003) *Gaya Hidup Sihat : Suatu Kajian Mengenai Pemakanan Menurut Al-Qur'an Dan Sains*. Disertasi Sarjana Usuluddin. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h. 93-106.

⁴⁰ Che Wan Jasimah (2000). *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan: Pendekatan Islam Dan Sains*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributor.

2.3 KAJIAN MENGENAI KEMUKJIZATAN AL-QUR'AN⁴¹

Dalam merangka teori kajian, penulis telah membuat sorotan terhadap dua tesis yang mengintegrasikan al-Qur'an dan Sains. Pertama, Juriah Amin (1998)⁴², secara umum telah mengkaji al-Qur'an dari sudut hubungannya dengan ilmu sains yang merupakan pemahaman alam tabii menerusi pancaindera dan akal yang diberikan kepada manusia. Menurut beliau, al-Qur'an begitu banyak sekali memperkatakan tentang fakta-fakta alam tabii 1400 tahun mendahului fakta-fakta yang baru diketahui atau difahami oleh manusia melalui ilmu sains. Topik yang dikupas oleh beliau ialah berkenaan dengan astronomi, biologi, geologi, kesihatan dan pemakanan dan pemeliharaan alam sekitar. Kajian beliau merupakan kajian yang bersifat holistik iaitu merangkumi pelbagai topik yang dinyatakan di dalam al-Qur'an. Namun begitu, di dalam topik kesihatan dan pemakanan, beliau tidak mengupas mengenai tumbuhan yang tercatat dalam al-Qur'an. Beliau juga turut membuat analisis mengenai pandangan sarjana tentang pengharmonian antara al-Qur'an dan sains.

Kedua, Zahidan (2004)⁴³ telah mengkaji angka tujuh dalam al-Qur'an yang merupakan bilangan yang kerap diulang dalam al-Qur'an. Beliau membincangkan ayat al-Qur'an yang mencatatkan angka tujuh dengan sembilan topik yang berbeza, iaitu Tujuh petala langit dan bumi, tujuh hari berpuasa dalam ibadat haji, tujuh gandaan pahala, tujuh tahun subur dan tujuh tahun kemarau, tujuh pintu neraka, tujuh yang berulang-ulang, tujuh pemuda, tujuh lautan dan tujuh malam azab diturunkan. Kesemua

⁴¹ Menurut *Manna' Qattan*, mukjizat saintifik al-Qur'an bermaksud bahawa al-Qur'an telah membangkitkan kesedaran ilmiah pada diri setiap muslim supaya menggunakan kreativiti akal dalam memikirkan alam semesta dan menambahkan pengetahuan. Manakala menurut *Thabbarah*, mukjizat saintifik al-Qur'an merujuk kepada isyarat-isyarat tentang alam tabii yang terdapat di dalam al-Qur'an. Isyarat-isyarat tertentu tidak diketahui pada zaman baginda sebaliknya rahsianya telah tersingkap oleh kemajuan ilmu pengetahuan kebelakangan ini. Rujuk Juriah Amin (1998). *Kemukjizatan al-Qur'an dan Sains*. Disertasi Sarjana Usuluddin. Universiti Malaya, h. 104-105.

⁴² *Ibid.*

⁴³ Zahidan Hj. Abd Wahab (2004). *Angka Tujuh Dalam al-Qur'an*. Disertasi Sarjana Usuluddin. Universiti Malaya.

topik ini dibincangkan dari perspektif tafsiran dan bagi sesetengah topik perbincangan turut ditambahkan dengan pandangan atau pembuktian daripada perspektif sains.

Justeru, dalam kajian ini penulis akan mengemukakan analisis tafsiran ulama' terlebih dahulu sebelum membandingkannya dengan kajian sains dan juga kajian-kajian sebelum ini dalam mengemukakan nama saintifik yang terkini bagi tumbuhan-tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an.

2.4 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian lepas, didapati masih terdapat beberapa perkara yang dapat diberi penambahbaikan dalam mengemaskini kajian terhadap tumbuhan yang tercatat dalam al-Qur'an, sama ada daripada sudut tafsiran atau sains. Pertama, analisis tafsiran ayat al-Qur'an yang komprehensif. Kedua, pengecaman dan penamaan nama saintifik bagi beberapa tumbuhan yang tercatat dalam al-Qur'an. Ketiga, pengumpulan hadith-hadith yang berkaitan dengan tumbuhan yang tercatat dalam al-Qur'an dan keempat, analisis kajian saintifik yang berkaitan dengan tumbuhan yang tercatat dalam al-Qur'an.

BAB 3

TUMBUHAN TERPILIH : TAFSIRAN AYAT AL-QUR'AN, HURAIAN HADITH DAN NAMA SAINTIFIK

3.0 PENDAHULUAN

Terdapat 35 ayat al-Qur'an mengenai tumbuhan dan 33 ayat tentang buah-buahan. Namun begitu, hanya 19 jenis tumbuhan sahaja yang disebutkan secara khusus. Daripada 19 jenis tumbuhan tersebut, hanya 17 jenis sahaja yang akan dikaji oleh penulis dalam bab ini iaitu tidak termasuk *zaqqum* dan *dari'*.⁴⁴

Bab ini mengandungi tiga bahagian. Bahagian pertama, penulis akan melihat kepada terminologi tumbuhan dalam al-Qur'an. Bahagian kedua, penulis akan mengemukakan tafsiran ayat-ayat al-Qur'an yang mengandungi lafaz jenis tumbuhan. Bahagian ketiga adalah perbincangan mengenai tafsiran ulama' terhadap perkataan yang merujuk kepada jenis tumbuhan dan penulis akan mengemukakan hadith-hadith yang berkaitan dengan jenis tumbuhan-tumbuhan tersebut dan diakhir perbincangan, penulis akan membuat kesimpulan mengenai nama saintifik tumbuhan-tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an.

3.1 TERMINOLOGI TUMBUHAN DALAM AL-QUR'AN

Kefahaman mengenai tumbuhan dalam al-Qur'an dapat dilihat melalui pengkelasan terhadap terminologi atau lafaz yang digunakan. Berikut adalah jadual yang mengenai terminologi tumbuhan dalam al-Qur'an.

⁴⁴ *Zaqqūm* dan *dari'* merupakan tumbuhan untuk penghuni neraka. Farooqi (2003), *Plants of The Qur'an*, h. 171-175.

**Jadual 3.1 : Taburan Terminologi Tumbuhan dalam al-Qur'an Mengikut
Bilangan dan Surah**

Bil.	Terminologi Tumbuhan dalam al- Qur'an	Jumlah	Surah dan Ayat
1.	al-shajar	6	Al-Naḥl (16) : 10 dan 68 al-Ḥaj (22) : 18 Yasīn (36) : 80 Al-Raḥmān (55) : 6 Al-Waqi 'ah (56) : 52
2.	Shajaraha	1	Al-Naml (27) : 60
3.	al-shajarah	18	Al-Baqarah (2) : 35, Al-A'rāf (7) : 19, 20, 22, Ibrāhīm (14) : 24, 26, Al-Isrā' (17) : 60, Ṭāhā (20) : 120, Al-Mu'minūn (23) : 20, Al- Nūr (24) : 35, Al-Qaṣaṣ (28) : 30, Luqmān (31) : 27, Al-Saffāt (37): 62, 64, 146, Al-Dukhān (44) : 43, Al-Fatḥ (48) : 18.
4.	Shajarataha	1	Al-Wāqi'ah (56) : 72
5.	Anbatat	2	Al- Baqarah (2) : 261 Al-Haj (22) : 5

6.	Anbitukum	1	Nūḥ (71) : 17
7.	Anbatnā	11	Al-Hijr (15) : 19 Al-Shu‘arā’ (26) : 7 Al-Naml (27) : 60 Luqmān (31) : 31 Al-Ṣaffāt (37) : 146 Qaf (50) : 7, 9 ‘Abasa (80) : 27
8.	Anbataha		Ali-‘Imran (3) : 3
8.	Tunbitu	2	Al-Baqarah (2) : 61 Yāsīn (36) : 36
9.	Tunbitū	1	Al-Naml (27) : 60
	Yunbitu	1	Al-Naḥl (16) : 11
10.	Nabātu	4	Al-An’ām (6) : 99 Yunus (10) : 24 Al-Kahfi (18) : 45 Ṭāhā (20) : 53
11.	Nabātan	3	Ali-‘Imrān (3) : 37 Nūh (71) : 17 Al-Nabā’ (78) : 15
12.	Nabātuḥu	2	Al-A’raf (7) : 58 Al-Ḥadīd (57) : 20
13.	Fākihah	14	Yāsīn (36) : 57 Ṣād (38) : 51 Al-Zukhruf (43): 73

			<p>Al-Dukhān (44) : 55</p> <p>Al-Tur (52) : 22A</p> <p>Al-Raḥmān (55) : 11, 52, 68</p> <p>Al-Wāqī‘ah (56) : 20, 32</p> <p>‘Abasa (80) : 31</p> <p>Al-Mu’minūn (23) : 19</p> <p>Al-Şaffāt (37) : 42</p> <p>Al-Mursalāt (77) : 42</p>
14.	Fawākih	3	<p>Al-Mu’minūn (23) : 49</p> <p>Al-Şaffāt (37) : 42</p> <p>Al-Mursalāt (77) : 42</p>
15.	Athmara	2	Al-An‘am (6) : 99, 141
16.	Thamarihi	4	<p>Al-An‘am (6) : 99, 141</p> <p>Al-Kahfī (18) : 42</p> <p>Yāsīn (36) : 35</p>
17.	Thamaratin	1	Al-Baqarah (2) : 25
18.	Thamarat	16	<p>Al-Baqarah (2) : 22, 126, 155, 266,</p> <p>Al-A’rāf (7) : 57, 130</p> <p>Al-Ra’d (13) : 3</p> <p>Ibrāhīm (14) : 32, 37</p> <p>Al-Naḥl (16) : 11, 67, 69</p> <p>Al-Qaşaş (28) : 57</p> <p>Faṭīr (35) : 27</p> <p>Fuṣṣilat (41) : 47</p> <p>Muḥammad (47) : 15.</p>

	Jumlah	93	
--	--------	----	--

Tumbuhan dinyatakan dalam al-Qur'an melalui perkataan, *shajara* (pokok) dan juga *nabata* (tumbuh). Perkataan *syajara* dipecahkan kepada perkataan *al-shajar*, *shajarah*, *al-shajarah* dan *shajarataha*. Perkataan *al-shajar* disebut sebanyak 6 kali, perkataan *syajarah* disebut sekali, perkataan *al-shajarah* sebanyak 18 kali dan perkataan *syajarataha* disebut sekali.

Perkataan *nabata* pula dipecahkan kepada perkataan *anbatat* 2 kali, *anbitukum* sekali, *anbatna* 11 kali, *anbataha* sekali, *tunbitu* 2 kali, *tunbitu* 1 kali, *yunbitu* 1 kali yang membawa maksud menumbuhkan atau tumbuh. Manakala perkataan yang membawa maksud tumbuhan pula ialah *nabatu* disebut sebanyak 4 kali, *nabatan* 3 kali dan *nabatuhu* 2 kali. Selain itu, terdapat juga ayat-ayat al-Qur'an yang menyebut mengenai buah-buahan dengan lafaz *fakihah* atau kata gandanya *fawakih* dan *thamara*. Lafaz *fakihah* disebut sebanyak 14 kali manakala *fawakih* sebanyak 3 kali. Lafaz *thamara* pula dipecahkan kepada *athmara* 2 kali, *thamarihi* 4 kali, *thamaratin* 2 kali yang bermaksud berbuah atau tiba masa berbuah dan *thamarat* 16 kali, yang bermaksud buah-buahan.

3.2 TAFSIRAN AYAT-AYAT AL-QUR'AN YANG MENCATATKAN JENIS-JENIS TUMBUHAN.

Terdapat 32 ayat daripada 26 surah al-Qur'an yang mencatatkan jenis-jenis tumbuhan. Pada bahagian ini, penulis akan mengemukakan tafsiran ulama' terhadap ayat-ayat al-Qur'an tersebut.

3.2.1 (a) Surah al-Baqarah⁴⁵ (2) : 61

وَإِذْ قُلْتُمْ يَمُوسَىٰ لَنْ نَّصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاحِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا
مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِيهَا وَبَصَلِهَا ۖ قَالَ
أَتَسْتَبْدِلُونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَىٰ بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ ۚ اهْبِطُوا مِصْرًا فَإِنَّ
لَكُمْ مِمَّا سَأَلْتُمْ..... ﴿٦١﴾

Maksudnya:

Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: "Wahai Musa, kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja; maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayur-sayurannya, dan mentimunnya, dan bawang putihnya, dan adas (kacang dalnya), serta bawang merahnya". Nabi Musa menjawab: "Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik? Turunlah kamu ke bandar kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu".

(Surah Al-Baqarah (2) : Ayat 61)

Ayat ini mengisahkan tentang Bani Isra'il yang mana Allah s.w.t telah menganugerahkan kepada mereka makanan yang terus turun dari langit iaitu *manna* dan *salwa*⁴⁶, namun mereka tidak mensyukuri nikmat yang diberi, bahkan mereka meminta untuk digantikan dengan makanan-makanan yang tumbuh dari bumi seperti sayur-sayuran (بقول)⁴⁷, kacang dal, timun, bawang merah dan bawang putih.⁴⁸ Kemudian Nabi Musa a.s berkata kepada mereka “*adakah kamu hendak menukar sesuatu yang baik dengan yang hina?*”. Ini kerana, menurut Hamka (m. 1401H), sebab mengapa Nabi

⁴⁵ Surah al-Baqarah merupakan surah kedua di dalam al-Qur'an. Surah ini diturunkan di Madinah. Al-Baqarah bererti lembu betina, kerana terdapat kisah tentang Nabi Musa a.s yang mengarahkan Bani Israil mencari lembu tersebut untuk disembelih iaitu pada ayat 67-74. Rujuk Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, selepas ini Hamka (1982). *Tafsir al-Azhār*. Jakarta : Penerbit Pustaka Panjimas, j. 1, h. 117.

⁴⁶ *Mannā* ialah sejenis makanan yang manis, berwarna putih dan mereka perolehi setiap pagi. *Manna* melekat pada batu-batu dan daun-daun kayu. Rasanya manis dan lazat, manisnya semanis madu sehingga ada *mufassir* yang menyatakan erti *manna* ialah madu. *Salwā* pula ialah sejenis burung, yang terbang berbondong-bondong dan mudah untuk ditangkap. Hamka (1982)., j. 1, h. 206. Merujuk kepada Farooqi (2003), *manna* merupakan manisan yang diperolehi daripada pokok *Alhagi maurorum* atau pokok *Tamarix mannifera*. Perkataan *manna* juga turut disebut dalam Injil, tetapi disebut bersama-sama dengan *Salwā*. Farooqi, M. I. H. (2003). *Plants of The Qur'an*, h. 19.

⁴⁷ Sejenis tumbuh-tumbuhan yang basah (sayur-sayuran) yang tidak hanya dimakan oleh manusia, tetapi dimakan juga oleh haiwan. Maksud di sini ialah pelbagai jenis sayur-sayuran yang segar seperti kobis, lobak dan sebagainya. Ahmad Mustafā al-Marāghī, selepas ini al-Marāghī (2001). *Tafsir Marāghī*. Muhammad Thalib (terj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, j. 1, h. 141.

⁴⁸ Al-Marāghī (2001), j.1, h.141.

Musa a.s berkata demikian ialah kerana mereka masih teringatkan makanan mereka sewaktu berada di Mesir, di mana adanya timun, bawang putih, bawang merah dan kacang. Tetapi ketika itu, mereka adalah hamba dalam keadaan hina. Namun begitu, kini mereka berhijrah meninggalkan negeri itu kerana Allah s.w.t hendak membebaskan mereka daripada keadaan yang sedemikian.⁴⁹

3.2.1 (b) Surah al-Baqarah⁵⁰ (2) : 266

أَيُّودُ أَحَدُكُمْ أَنْ تَكُونَ لَهُ جَنَّةٌ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ لَهُ فِيهَا مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ وَأَصَابَهُ الْكِبَرُ وَلَهُ ذُرِّيَّةٌ ضُعَفَاءُ فَأَصَابَهَا إِعْصَارٌ فِيهِ نَارٌ فَاحْتَرَقَتْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢٦٦﴾

Maksudnya:

Adakah seseorang di antara kamu suka mempunyai sebuah kebun dari pokok tamar (kurma) dan anggur, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, ia juga mempunyai dalam kebun itu segala jenis buah-buahan, sedang ia sudah tua dan mempunyai banyak anak cucu yang masih kecil, lalu kebun itu diserang oleh angin taufan yang membawa api sehingga terbakarlah ia ? Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu keterangan-keterangan, supaya kamu berfikir (dan mengambil iktibar).

(Surah al-Baqarah (2) : Ayat 266)

Permulaan ayat ini menggambarkan suasana sebuah kebun yang sangat disukai oleh peladang dan petani di tanah Arab dan seluruh timur tengah iaitu kebun kurma dan anggur yang di dalamnya terdapat sungai-sungai yang mengalir.⁵¹ Mengenai sifat kebun ini, Al-Rāzī (m. 606H) menyatakan terdapat tiga (3) perkara yang diterangkan. Pertama,

⁴⁹ Hamka (1982). *Tafsir al-Azhār*, j.1, h. 208.

⁵⁰ Surah al-Baqarah merupakan surah kedua di dalam al-Qur'an. Surah ini diturunkan di Madinah. Al-Baqarah bererti lembu betina, kerana terdapat kisah tentang Nabi Musa a.s yang mengarahkan Bani Israil mencari lembu tersebut untuk disembelih iaitu pada ayat 67-74. Rujuk Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, selepas ini Hamka (1982). *Tafsir al-Azhār*. Jakarta : Penerbit Pustaka Panjimas, j. 1, h. 117.

⁵¹ Hamka (1968). *Tafsir al-Azhār*. Jakarta : Pembimbing Masa, j. 3, h. 55.

terdiri daripada kurma dan anggur, kedua mempunyai sungai dan ketiga terdapat juga buah-buahan lain di dalamnya.⁵² Ibn Kathīr (m. 774H) mengambil intipati daripada hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhārī (m. 261H) dalam menghuraikan ayat ini iaitu tentang seorang yang mempunyai harta kekayaan dan beramal soleh, tetapi di pertengahan jalan hidupnya, dia terperangkap oleh syaitan yang menyebabkan dia merubah amal kebaikan kepada kejahatan.⁵³ Maka ketika dalam kesusahan dan dia memerlukan kebaikan yang pernah dilakukannya untuk membantunya dia sudah terlambat dan tidak dapat memperolehnya.⁵⁴

Kesimpulan daripada dua ayat ini ialah, pertama jenis tumbuhan yang dinyatakan ialah dal, timun, bawang putih, bawang merah, anggur dan kurma. Kedua ialah mengenai perkaitan tumbuhan-tumbuhan ini dengan sesuatu kaum. Kaum Nabi Musa, iaitu Bani Israil menggemari sayur-sayuran seperti dal, timun, bawang putih dan bawang merah. Justeru, perkataan ‘hina’ dalam ayat tersebut bukanlah bererti makanan-makanan tersebut hina, tetapi yang menjadi fokus dalam ayat ini ialah sikap Bani Israil yang walaupun diberi makanan dari syurga, iaitu *manna* dan *salwa*, mereka tetap tidak bersyukur. Melihat kepada ayat yang kedua, kurma dan anggur pula digambarkan sebagai dua jenis tanaman yang digemari oleh masyarakat Arab.

⁵² Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar al-Rāzī, selepas ini al-Rāzī (1981). *Tafsir Fakhr al-Rāzī*. Beirut : Dar al-Fikr, j. 7, h. 63.

⁵³ Ketika menafsirkan ayat ini, Imam al-Bukhari meriwayatkan dari Ibn ‘Abbas, dia bercerita : “ Pada suatu hari, ‘Umar Ibn al-Khattāb berkata pada sahabat Nabi s.a.w : “Menurut kalian, berkenaan siapakah ayat ini diturunkan? “Apakah ada salah seorang diantara kalian yang mempunyai kebun kurma dan anggur yang mengalir di bawahnya sungai-sungai?” Mereka menjawab: “Allahu a’lam (Allah lebih mengetahui).” Mendengar jawapan itu, ‘Umar al-Khattab pun marah seraya berkata: “Jawablah, kami mengetahui atau kami tidak mengetahui”. Maka Ibn ‘Abbas berkata: “Aku sedikit ragu mengenai tafsir ayat itu, ya Amirul Mukminin”. Lalu, Umar berkata, “ wahai anak saudaraku, katakanlah dan janganlah engkau merendahkan dirimu”. Kemudian Ibn ‘Abbas berkata: “Ayat ini memberikan perumpamaan dengan sebuah amal.” “Amal (perbuatan) apa?” tanya ‘Umar. Ibn ‘Abbas menjawab, “ Seorang kaya yang beramal dengan ketaatan kepada Allah s.w.t, kemudian Allah mengiriskan syaitan kepadanya, maka dia pun berbuat banyak maksiat sehingga semua amalnya terhapus”. Isma’il ibn ‘Umar Ibn Kathir, selepas ini Ibn Kathir (2008). *Tafsir Ibn Katsir*. M. Abdul Ghoffar dan Abu Ihsan al-Atsari (terj.). Bogor : Pustaka Imam Asy-Syafi’i, j. 7, h. 532-533.

⁵⁴ Ibn Katsir (2008), j.1, h. 533. Merujuk kepada Syed Quṭb, beliau membuat satu perkaitan antara kebun yang dinyatakan di dalam ayat tersebut dengan sedekah. Beliau menghuraikan kebun itu sebagai sebuah kebun yang teduh, rimbun, subur dan berbuah. Begitu juga sifat sedekah dan kesan-kesannya kepada hidup pemberi, penerima dan kehidupan masyarakat. Sedekah juga mempunyai roh, bayang yang teduh, kebajikan dan keberkatan, mempunyai makanan dan minuman, mempunyai kebersihan, mempunyai kesuburan dan pertambahan. Syed Quṭb (2000). *Tafsīr fī zilāl al-Qur’ān: Di Bawah Lembayung al-Qur’an*. Yusuf Zaky Haji Ayob (terj.). Kelantan : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., j. 2, h. 112..

3.2.2 a) Surah al-An'ām⁵⁵ (6) : 99

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ
فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا حُجْرًا مِنْهُ حَبًّا مُتَرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِن طَلْعِهَا
قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالزُّمَانُ مِثْلَ النِّجْمِ
أَنْظُرُوا إِلَى ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ



Maksudnya:

Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaitun serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.

(Surah al-An'ām (6) : Ayat 99)

Surah ini secara keseluruhannya menunjukkan kekuasaan Allah s.w.t dengan memberi satu gambaran yang unik tentang pemandangan menarik yang membuatkan jiwa dan perasaan kagum dan terpesona dengan apa yang digambarkan selain pernyataan-pernyataan yang penuh dengan panduan dan saranan.⁵⁶ Ayat ini menceritakan tentang kaum musyrikin yang telah mengaku dan percaya bahawa yang menjadikan alam ini sememangnya Allah s.w.t yang Maha Esa tanpa mempersekutukan Allah s.w.t dengan yang lain. Namun begitu, mereka mempersekutukan Allah s.w.t dalam hal pengaturan dan penyelenggaraan alam. Mereka mengakui bahawa Allah s.w.t

⁵⁵ Surah al-An'ām merupakan surah selepas surah al-Maidah. Penutup surah al-Ma'idah diakhiri dengan peringatan bahawa bagi Allahlah seluruh kerajaan langit dan bumi. Hamka (1982). *Tafsīr al-Azhār.*, j. 7, h. 75.

⁵⁶ Syed Quṭb (2000), *Tafsīr fī zilāl al-Qur'ān.*, j. 5, h. 312.

yang menciptakan alam, tetapi dalam hal memelihara alam, mereka mempersekutukanNya. Mereka mengakui tauhid *uluhiyyah*, tetapi tidak tauhid *rububiyyah*. Oleh yang demikian mereka menyediakan hasil ladang atau hasil ternak, sebahagian untuk Allah dan sebahagian lagi untuk berhala mereka. Maka, Allah s.w.t mendatangkan ayat ini untuk menunjukkan kepada mereka bukan sahaja Allah menciptakan alam, bahkan terus-menerus menciptakan. Selepas diciptakan alam, ditumbuhi pula dengan tumbuh-tumbuhan.⁵⁷ Allah menurunkan hujan dari awan, kemudian mengeluarkan tumbuh-tumbuhan yang pelbagai bentuk, mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan berbeza kelebihan dan kekurangannya. Seruan ini mengajak manusia memerhatikan bagaimana proses pembesaran tumbuhan iaitu dari biji benih yang zahirnya seperti tidak memberi manfaat, namun akhirnya daripada biji benih itu terhasillah buah-buahan yang memberi manfaat kepada manusia. Sekiranya manusia memerhatikan dan membezakan keadaan daripada biji benih, kemudian tumbuhan itu melalui proses tumbesaran dan akhirnya mengeluarkan hasilnya, maka manusia akan mengetahui dengan jelas kebijaksanaan Allah dalam perhitunganNya. Ini menunjukkan kewajipan mentauhidkanNya.⁵⁸ Sebagai contoh, sesuatu tanaman itu, bagaimana sebelumnya hanya sebatang kayu, kemudian menjadi kurma, anggur, delima dan zaitun yang mempunyai pelbagai bentuk, rasa, rupa dan aroma.⁵⁹ Tumbuhan yang pelbagai jenis ini menjadi bukti tentang kekuasaan dan keEsaan Allah. Sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn ‘Abbas (m. 68H) bahawa orang yang percaya wujudnya Allah ialah orang yang percaya bahawa Tuhan yang mengeluarkan tumbuhan itu, mampu menghidupkan orang yang mati.⁶⁰ Perkataan *unzurū* yang bermaksud ‘lihatlah’ dalam

⁵⁷ Abi al- Qasim Maḥmūd bin ‘Umar al-Zamakhshāri, selepas ini al-Zamakhshāri (1998). *Al-Kasysyaf : ‘An Haqa’iq ‘Awāmid al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Tā’wil*. Riyadh : Maktabah al-Abikan , j. 2, h. 380. Rujuk juga, Hamka (1982) , *Tafsir al-Azhār.*, j. 8, h. 74.

⁵⁸ Al-Marāghī (2001), *Tafsir al-Marāghī*, j. 4, h. 1946-1947. Rujuk juga, Ibn Kathir (2008), *Tafsir Ibn Katsir*, j. 3, h. 264.

⁵⁹ Pandangan al-Barra’ bin ‘Azib, Ibnu ‘abbas, al-Dahhak, ‘Atha’ al-Kurasani, al-Suddi, Qatadah dan ulama’-ulama’ lain. Ibn Kathir (2008), *Tafsir Ibn Kathir*.

⁶⁰ Ṣalāḥuddīn Abdullah dan Omar Khālīd (2009). *Tafsir Mubin*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, j.2, h. 161-162.

ayat ini merupakan arahan secara langsung yang menyeru manusia memerhatikan keindahan untuk dikaji, diteliti dan dinikmati dengan penuh kesedaran.⁶¹

3.2.2 b) Surah al-An'am (6) :141

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ
مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهُمُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ ۚ كُلُوا
مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَآتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ ۚ وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا
يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

Maksudnya:

Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaitun dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau-lampau.

(Surah al-An'am (6) : Ayat 141)⁶²

Maksud *ma'rushāt* ialah tanaman yang berpaut pada kayu sokongan dan di atasnya terdapat pelantar yang diperbuat daripada kayu dan bulu. *Ghayr ma'rushāt* pula tanaman yang tidak menjalar. Ayat ini menggambarkan terdapat dua jenis kebun, iaitu kebun yang menggunakan penyangga seperti pokok anggur dan kebun yang tidak memakai penyangga iaitu kebun yang mengandungi pelbagai pokok yang batangnya

⁶¹ Syed Qutb (2000), *Tafsir fī Zilāl al-Qur'ān.*, j. 5, h. 312.

⁶² Ibn Jarir meriwayatkan tentang sebab turunnya ayat ini, iaitu daari Abu 'Aliyah, katanya "Dahulu, selain zakat, mereka juga mendermakan sesuatu, kemudian mereka berlebih-lebihan, kemudian turunlah ayat ini." Manakala daripada Ibn Juraij pula, ayat ini turun mengenai Tsabit bin Qais bin Syammas, yang semasa kebun kurmanya mengeluarkan hasil yang banyak, dia memberi makan kepada orang lain sehingga petang hari dan tidak tertinggal bahagian untuk dirinya sendiri. Rujuk Jalaluddin al-Suyuti, selepas ini al-Suyuti (2008). *Asbāb al-Nuzul*. Tim Abdul Hayyie (terj.). Jakarta : Gema Insan, h. 245.

tumbuh lurus tidak merayap ke pohon yang lain.⁶³ Al-Rāzī (m. 606H) menyatakan perkataan *ma'rushāt* dan *ghayr ma'rushāt* tersebut merujuk kepada pokok anggur, di mana terdapat pokok anggur yang menjalar dan ada pokok anggur yang tidak menjalar. Pendapat ini adalah seperti pendapat 'Atha' al-Khurasani, iaitu menurut beliau *ma'rushāt* bererti pohon anggur yang diberi sokongan seperti kayu untuk menjalar, manakala *ghayr ma'rushāt* membawa makna pohon anggur yang tidak diberi sokongan.⁶⁴ Al-Marāghī (m. 1371H) menyatakan melalui ayat ini difahami bahawa terdapat jenis pokok yang menjalar dan ada yang tidak.⁶⁵ Melalui ayat ini, dapat dilihat terdapat dua pendapat ulama' mengenai perkataan *ma'rushāt* dan *ghayr ma'rushāt*. Pendapat pertama hanya menyatakan bahawa *ma'rushāt* dan *ghayr ma'rushāt* tidak merujuk kepada mana-mana tumbuhan, manakala pendapat kedua pula berpendapat perkataan-perkataan tersebut merujuk kepada pokok anggur.

Melalui ayat ini Allah s.w.t menyatakan tentang pelbagai jenis tumbuhan. Zamakhshārī (m. 538H) menyatakan kepelbagaian ini adalah merangkumi warnanya, hasilnya, saiznya dan baunya.⁶⁶ Selain daripada menyatakan nama tumbuhan secara khusus di dalam ayat ini, Allah s.w.t turut memberi panduan tentang cara pengambilan makanan yang baik melalui ayat "*Makanlah dari buahnya apabila dia berbuah, tunaikanlah haknya di hari memetik hasilnya. Dan janganlah kamu berlebih-lebihan*". Allah s.w.t memberi panduan agar bersederhana dalam pengambilan makanan-makanan dan tidak berlebih-lebihan sebagaimana di dalam Firman Allah S.W.T di dalam surah al-'Araf ayat 31, "*Makanlah dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan*".

⁶³ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j.4, h. 2041. Al-Zamakhshārī menyatakan perkataan *ghayr ma'rushāt* bermaksud yang tumbuh di atas permukaan tanah dan tidak menjalar. Rujuk al-Zamakhshārī (1998). *Al-Kashshāf*, j. 2, h. 404.

⁶⁴ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j. 3, h. 309.

⁶⁵ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j.4, h. 2041.

⁶⁶ Al-Zamakhshārī (1998). *Tafsir Al-Kashshāf*, j. 2, h. 404.

Rasulullah juga telah bersabda dalam satu hadits yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari iaitu, “*Makan, minum, dan berpakaianlah tanpa berlebih-lebihan dan sombong*”.⁶⁷

Al-Rāzī (m. 606H) membuat perbandingan yang menarik mengenai kedua-dua ayat dari surah *al-An'ām* ini. Pertama, kedua-dua ayat ini telah menyatakan lima perkara tetapi susunannya berbeza, iaitu pada ayat 99 Allah s.w.t menyebut tanaman terlebih dahulu, kemudian kurma, anggur, zaitun dan delima. Manakala pada ayat 114, Allah s.w.t menyebut anggur terlebih dahulu diikuti kurma, tanaman, zaitun dan delima. Kedua, pada ayat 99 Allah s.w.t menyebut “perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya” dan pada ayat 114 Allah s.w.t menyebut “Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya pada hari memetik atau menuainya”. Ayat 99 mengajak manusia kembali berfikir tentang adanya pencipta yang bijaksana, dan ayat 141 menyeru manusia memanfaatkan hasil buah-buahan tersebut dan tidak melupakan bahagian untuk orang miskin.⁶⁸

3.2.3 Surah al- Ra'd (13) : 4

وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُتَجَاوِرَاتٌ وَحِثَّتْ مِنْ أَعْنَابٍ وَزَرْعٌ وَنَخِيلٌ صِنَوَانٌ
وَعِظْرٌ صِنَوَانٌ يُسْقَى بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنُفْضِلُ بَعْضُهَا عَلَى بَعْضٍ فِي
الْأَكْلِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾

Maksudnya:

Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.

(Surah al-Ra'd (13) : Ayat 4)

⁶⁷ Ibn Kathir (2008), *Tafsir Ibn Katsir*, j. 3, h. 310.

⁶⁸ Fakhr al-Din Muhammad bin 'Umar al-Rāzī, selepas ini al-Razi (1994). *Mafātīḥ al Ghayb*. Beirut: Dar al Fikr, j. 13, h. 22.

Ayat ini menerangkan tentang Allah s.w.t yang menjadikan tanah yang pelbagai jenis, ada yang baik dan subur dan ada yang sebaliknya.⁶⁹ Hal ini kerana tumbuhan yang berbeza memerlukan jenis tanah yang berbeza. Tumbuh-tumbuhan ini disirami air yang sama tetapi menghasilkan buah-buahan yang berlainan. Semua ini menunjukkan bukti kekuasaan Allah.⁷⁰

3.2.4 a) Surah al-Nahl (16) : 11

لَكُمْ بِهِ الزَّرْعَ وَالزَّيْتُونَ وَالنَّخِيلَ وَالْأَعْنَابَ وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ إِنَّ
فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya :

Ia juga menumbuhkan bagi kamu dengan sebab hujan itu tanaman-tanaman dan pokok-pokok zaitun dan tamar (kurma) serta anggur; dan juga dari segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya yang demikian mengandungi satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu berfikir.

(Surah al-Nahl (16) : Ayat 11)

Melalui ayat ini Allah s.w.t menerangkan bahawa daripada air, terhasillah buah-buahan yang bermacam-macam bentuk dan rasa yang merupakan bukti bahawa tiada Tuhan selain daripada Allah s.w.t. Al-Rāzī (m. 606H) berpendapat jirim-jirim alam yang mulia ialah haiwan dan selepasnya ialah tumbuhan. Terdapat tumbuhan untuk digunakan oleh haiwan dan juga ternakan dan terdapat tumbuhan yang untuk dimanfaatkan oleh manusia.⁷¹ Makanan-makanan daripada sumber tumbuhan termasuklah biji-bijian dan juga buah-buahan. Tiga (3) jenis tumbuhan yang disebutkan di dalam ayat ini ialah kurma, zaitun dan juga anggur. Daripada ayat di atas,

⁶⁹ Al-Zamakhshārī (1998). *Tafsir Zamakhshārī*, j. 3, h. 333. Ayat ini mengisytiharkan kepada ilmu tanah-tanih, persekitaran dan kesannya kepada sifat-sifat tumbuhan. Rujuk Zaghul al-Najjar (2006). *Min ayat al-i'jaz al-ilmi al-nabāt fi al-Qur'an al-Karim*. Beirut : Dar al-Ma'rifah.

⁷⁰ Syed Qutb (2000), *Tafsir fi Zilāl al-Qur'an*, j.6, h. 326-327. Rujuk juga, al-Maraghi (2001), j. 7, h. 3472. Rujuk juga Al-Rāzī (1994), *Mafātīh al-Ghayb*, j. 18, h.7.

⁷¹ Al-Rāzī (1994), *Mafātīh al-Ghayb*, j. 19, h. 238.

Allah s.w.t menerangkan kepada manusia bahawa penciptaan buah-buahan ini merupakan bukti kekuasaan Allah s.w.t dan manusia diseru supaya berfikir tentang kuasa dan kebesaran Allah.⁷² Bukti-bukti penciptaan Allah s.w.t menjadi suatu hikmah untuk manusia dan hujah terhadap orang yang kufur.⁷³

3.2.4 b) Surah al-Nahl (16) : 67

وَمِنْ ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ وَالْأَعْنَابِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا ۚ إِنَّ
فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾

Maksudnya:

Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalny.

(Surah al-Nahl (16) : Ayat 67)

Al-Rāzī (m. 606H) menafsirkan ayat di atas bersama dua lagi ayat sebelumnya (65 dan 66). Rangkuman ketiga-tiga ayat ini menjelaskan tentang bukti-bukti kewujudan Tuhan. Melalui ayat ini, dapat dilihat bahawa Allah s.w.t apabila menyebut tentang bukti-bukti ketuhanan akan menyebut tentang cakerawala terlebih dahulu, kemudian tentang manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan keadaan laut dan juga bumi.⁷⁴ Ayat ini menyebut tentang kurma dan anggur yang menghasilkan jus yang dapat dijadikan sebagai minuman. Allah s.w.t mengharamkan minuman yang memabukkan sebagai kaedah melindungi akal. Kurma dan anggur boleh diproses menjadi arak, cuka, madu dan buah tamar kering atau kismis.⁷⁵ Allah s.w.t memberi

⁷² Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Kathīr*, j. 5, h. 44-45

⁷³ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 7, h. 3722. Rujuk juga Al-Zamakhshārī (1998). *Tafsir Al-Kashshāf*, j. 3, h. 427.

⁷⁴ Al-Rāzī (1994), *Mafātīh al-Ghayb*, j. 20, h. 69.

⁷⁵ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j.5, h.79. Rujuk juga, al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*. j. 7, h. 3788.

manusia dua pilihan, manusia yang bijak menggunakan akal pastinya akan memilih rezeki yang baik (*rizq al-hasan*) dan bukannya memilih minuman yang memabukkan (*al-sakr*).⁷⁶ Sebagaimana yang disebutkan di dalam ayat ini, “*Sesungguhnya, pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Allah) bagi orang yang memikirkan*”. Penyebutan akal di sini kerana ia merupakan bahagian yang paling mulia pada tubuh manusia.⁷⁷

3.2.5 Surah al-Isrā' (17) : 91

أَوْ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٌ مِّنْ نَّحِيلٍ وَعَنَبٍ فَتَقْجِرَ الْآتَنُوهَا تَفْجِيرًا ﴿٩١﴾

Maksudnya :

Atau (sehingga) engkau mempunyai kebun dari pohon-pohon tamar dan anggur, kemudian engkau mengalirkan sungai-sungai dari celah-celahnya dengan aliran yang terpancar terus-menerus.

(Surah Al-Isrā' (17): Ayat 91)⁷⁸

⁷⁶ Diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas, bahawa *al-sakr* ialah apa yang diharamkan daripada buah kedua-dua pohon tamar dan anggur, manakala *rizq al-hasan* apa yang dihalalkan dari kedua-duanya, seperti cuka, buah tamar yang dimasak, buah tamar segar, buah tamar kering dan sebagainya. Oleh yang demikian itu terdapat tanda yang jelas kepada orang yang menggunakan akalinya untuk melihat dan memikirkan tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t serta mengambil pengajaran. *Ibid.*, j.7, h. 3788. Menurut al-Zamakhshari *al-sakar* di sini merujuk kepada nabiz, iaitu jus anggur, kismis dan tamar yang tidak elok dan disimpan sehingga menjadi minuman yang memabukkan. Rujuk al-Zamakhshāri (1998). *Tafsir Al-Kashshāf*, j. 3, h. 448.

⁷⁷ Ayat ini, menggambarkan bahawa minuman yang memabukkan dibolehkan oleh syari'at sebelum diharamkan dan menunjukkan kesamaan antara minuman yang memabukkan, baik yang dibuat dari kurma mahupun anggur, sebagaimana yang menjadi pendapat Imam Malik, al-Syafi'i, Imam Ahmad dan Jumhur Ulama', begitu juga hukum semua minuman yang memabukkan yang dibuat daripada biji gandum, jagung dan madu, sebagaimana hadith Nabi s.a.w datang dengan menjelaskan hal tersebut. Rujuk Ibn Kathir (2008), *Tafsir Ibn Katsir*, j.5, h.79. M. Quraish Shihab pula menyatakan ayat ini dinyatakan setelah menghuraikan tentang susu, kemudian dalam ayat ini disebutkan lagi buah-buahan yang dapat dimakan, sekaligus menghasilkan minuman. Minuman yang baik ini akan menjadi buruk apabila ia memabukkan. Melihat daripada sudut yang berbeza, ayat ini menggambarkan tenaga dan usaha manusia diperlukan dalam menghasilkan minuman yang lazat contohnya daripada kurma dan anggur. Daripada buah kurma dan anggur, manusia dapat menghasilkan sejenis minuman yang memabukkan dan rezeki yang baik yang tidak memabukkan, seperti perahan anggur dan kurma yang segar atau cuka. Sesungguhnya ini merupakan tanda kebesaran dan kekuasaan Allah bagi orang-orang yang berakal. Kata-kata (*sakaran*) diambil dari kata (*sakara-yaskuru*) iaitu menutup. Minuman keras menutup akal sehingga sesiapa yang meminumnya tidak dapat berfikir secara normal, tidak menyedari apa yang dia diucapkan dan dilakukan. M. Quraish Shihab (2002). *Tafsir al-Mishbāh*. Jakarta: Lentera Hati, j.7, h. 266-267.

⁷⁸ Sebab turun ayat ini ialah menurut riwayat Ibn Jarir yang meriwayatkan dari Ibn Ishaq, seorang lelaki dari Bani Abd al-Dar, Abd al-Bakhtari, al-Aswad Ibn al-Mutalib, Zam'ah Ibn al-Aswad, al-Walid Ibn al-Mughirah, Abu Jahal bin Hisyami, Abdullah bin Abi Umayyah, Umayyah bin Khalaf, al-'Ash bin wa'il, serta Nabih dan Munabbih (dua putra al-Hajjaj as-Sahmi) berkumpul dan berkata, “Hai Muhammad, kami tidak pernah menjumpai seseorang dari bangsa Arab yang mendatangkan kepada kaumnya seperti apa yang kamu datangkan kepada kaummu. Kamu caci nenek moyang, kamu hina agama, dan kamu cemuah tuhan-tuhan serta kamu pecah belahkan kesatuan. Tidak ada satu pun perbuatan buruk yang tidak kamu

Ayat ini mengisahkan tentang kaum musyrikin yang menguji Nabi s.a.w untuk memberi salah satu daripada enam mukjizat, yang salah satunya ialah mereka meminta mendatangkan sebuah kebun tamar dan anggur yang dialirkan sungai-sungai di celah-celah kebun dengan aliran deras untuk mengairi kebun-kebun tersebut.⁷⁹ Ini menunjukkan masyarakat Arab amat menyukai kebun anggur dan kurma sebagaimana yang telah dinyatakan dalam ayat 266 Surah al-Baqarah.

lakukan. Kalau kamu membawa ajaran ini untuk mencari harta kekayaan, kami akan kumpulkan harta benda kami untukmu sehingga kamu menjadi orang terkaya di antara kami. Kalau yang kamu cari adalah kemuliaan di tengah kami, kami akan angkat dirimu jadi pemimpin kami. Kalau kamu mahu jadi raja, kami akan melantikmu menjadi raja kami. Kalau yang mendatangimu itu adalah mimpi yang membuatmu kemurungan, kami akan keluarkan harta kami untuk mencari ubatnya untuk menyembuhkanmu, dan kami pun akan maklum akan keadaanmu.” Rasulullah menjawab, “aku tidak mengkehendaki seperti apa yang kalian katakan, tapi Allah mengutusku kepada kamu sebagai Rasul, menurunkan kitab kepadaku, dan memerintahkan agar aku memberi peringatan dan khabar gembira kepada kamu.” Mereka berkata, “Kalau kamu tidak menerima tawaran kami, kamu tahu bahawa manusia yang paling sempit negerinya dan paling sedikit hartanya serta paling sulit kehidupannya adalah kami. Kerana itu, mintakan kepada Tuhanmu yang mengutusmu agar Dia menghilangkan gunung-gunung itu yang mengurung kami, menghamparkan negeri kami, mengalirkan sungai-sungai di sana seperti sungai-sungai Syam dan Iraq, dan membangkitkan nenek moyang kami yang telah meninggal dunia. Kalau kamu tidak melakukan hal itu, mintalah Tuhanmu mendatangkan malaikat yang membenarkan apa yang kamu katakan. Mintalah kepadaNya taman-taman, harta karun, serta istana yang terbuat dari emas dan perak. Mintalah Dia menjadikanmu kaya raya seperti yang kami lihat kamu menginginkannya di mana kamu berdagang di pasar dan mencari nafkah. Kalau kamu tidak melakukannya, timpakan langit berkeping-keping ke atas kami sebagaimana kamu dakwa bahawa TuhanMu mengkehendaki maka Dia akan melakukannya. Kami tidak akan beriman kepadamu kecuali kalau kamu melakukan hal tersebut”. Akhirnya Rasulullah bangkit menjauhi mereka. Beliau diikuti oleh Abdullah bin Abi Umayyah, yang lalu berkata, “Hai Muhammad, kaummu memberi tawaran kepadamu tapi kamu tidak menerimanya. Lalu mereka meminta beberapa hal untuk diri mereka agar mereka mengetahui kedudukanmu di sisi TuhanMu, tapi kamu juga tidak melaksanakannya. Kemudian mereka memintamu menimpakan azab yang kamu ancamkan kepada mereka. Demi Allah, selamanya aku tidak akan beriman kepadamu kecuali jika kamu membuat tangga untuk mendaki ke langit dan aku melihatnya, hingga kamu tiba di langit dan kembali sambil membawa satu kitab yang terbuka dan kamu diiringi empat orang malaikat yang bersaksi bahawa kamu memang benar seperti apa yang kamu dakwa.” Maka Rasulullah pergi dengan hati yang sedih Maka Allah menurunkan ayat ini. Riwayat ini daif menurut Ibn Jarir kerana dalam sanadnya terdapat Muhammad bin Ishaq, seorang yang jujur tetapi mudallis dan dia meriwayatkan dengan cara ‘an’anah. Selain daripada itu jati dirinya juga tidak diketahui. Dengan demikian hadith ini lemah. Terdapat satu lagi riwayat daripada Sa’id bin Mansur daripada Sa’id ibn Zubair mengenai ayat 90-93 surah al-Isra’, katanya ayat ini adalah tentang saudara lelaki Ummu Salamah iaitu Abdullah bin Abi Umayyah. Riwayat ini mursal. Rujuk al-Suyuti (2008), *Asbab al-Nuzul*, h. 352-354.

⁷⁹ Kebanyakan kaum musyrikin Mekah yang dinyatakan pada ayat sebelumnya tidak mahu beriman. Setelah terbukti dengan jelas kepada mereka mukjizat dan keistimewaan al-Qur’an, mereka masih meminta bukti-bukti kebenaran Nabi S.A.W yang bersifat inderawi, mereka berkata “ Kami sekali-kali tidak akan percaya kepadamu Wahai Nabi Muhammad hingga engkau memancarkan dengan deras dan terus menerus mata air dari bumi untuk kami iaitu di Mekah tempat kami bermukim atau engkau secara khusus tidak bersama orang lain mempunyai sebuah kebun kurma dan pohon-pohon anggur, lalu engkau alirkan sungai-sungai di celahnya iaitu di celah kebun-kebun itu dengan deras alirannya. Rujuk Al Marāghī (2001). *Tafsir Marāghī*, j.8, h. 4029. Rujuk juga al-Rāzī (1994), *Mafātiḥ al Ghayb*, j. 21, h. 58-59. Rujuk juga al-Zamakhshārī (1998), *Tafsir al-Kashshāf*, j. 3, h. 551-552.

3.2.6 Surah al-Kahfi (18): 32

وَأَضْرَبَ لَهُمْ مَثَلًا رَّجُلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا حَنْتَيْنِ مِنْ أَعْنَابٍ
وَحَفَفْنَاهُا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زَرْعًا ﴿٣٢﴾

Maksudnya :

Dan berikanlah kepada mereka satu contoh: Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya, dua buah kebun anggur; dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain.

(Surah Al-Kahfi (18) : Ayat 32)

Melalui ayat ini, Allah s.w.t memerintahkan Nabi s.a.w memberikan perumpamaan dua golongan kepada orang-orang musyrik kerana sifat mereka yang sombong dan tidak mahu bersama kaum muslimin yang lemah dan miskin dan mereka berbangga dengan kekayaan dan kedudukan mereka.⁸⁰ Dua orang lelaki yang diceritakan dalam ayat ini ialah salah seorang daripadanya diberikan dua buah kebun anggur, dan kedua-dua kebun itu dikelilingi dengan pohon-pohon kurma, di tengah-tengah di antara kedua-dua kebun ini terdapat ladang yang tanahnya itu mengandungi makanan, pokok dan buah-buahan yang semuanya saling berpautan dan berangkai yang menghasilkan pemandangan yang indah.⁸¹ Hasil daripada kebunnya yang subur itu membuatkan dia gembira dengan sehinggakan di meyakini tidak akan berlakunya hari kiamat.⁸² Dua orang pemuda ini merupakan dua orang bersaudara dari Bani Israel, saudara yang kafir bernama Biratus dan saudara yang mukmin bernama Yahuza. Kisah mereka disebutkan di dalam surah *al-Shaffāt*. Mereka mewarisi harta sebanyak 8000 dinar daripada bapa mereka.⁸³ Saudara yang kafir, membeli tanah dan rumah dari

⁸⁰ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*., j.5, h.257-258

⁸¹ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*., j.8, h. 4109.

⁸² Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*., j.5, h.257-258. Rujuk juga, Hamka (1982), *Tafsir al-Azhār*, j. 13, h. 200-201.

⁸³ Al-Rāzī (1994), *Mafātīḥ al Ghayb*., j.21, h. 125. Merujuk kepada al-Qurṭubī, al-Kalbi menyatakan ayat ini menceritakan tentang dua orang lelaki penduduk Mekah, salah seorang daripada mereka merupakan lelaki yang beriman iaitu Abu Salmah Abdullah bin Abdul Asad bin Hilal bin Abdullah bin Umar bin Makhzum yang merupakan suami Ummu Salamah sebelum beliau bernikah dengan Rasulullah s.a.w. Seorang yang lain bernama al-Aswad bin Abdul Asad. Al-Kalbi turut menyatakan bahawa mereka mewarisi 14000 dinar setiap seorang. Salah seorang daripada mereka menginfakkan harta ke jalan Allah,

bahagiannya, manakala saudaranya yang mukmin bahagian dari warisannya itu dia belanjakan kepada amal-amal kebajikan dan ketaatan kepada Allah s.w.t. Al-Maraghi (m. 1371H) berpendapat bahawa Allah memberikan perumpamaan untuk menerangkan keadaan kedua-dua golongan mukmin dan kafir, bahawa sekalipun orang kafir itu dilimpahi kenikmatan, namun mereka tetap melakukan maksiat kepada Tuhan mereka, sedangkan orang yang beriman pula walaupun mengalami kesusahan dan kemelaratan, namun mereka tetap taat kepadaNya.

3.2.7 Surah Maryam (19): 23 dan 25

فَأَجَاءَهَا الْمَخَاضُ إِلَى جِذْعِ النَّخْلَةِ قَالَتْ يَلَيْتَنِي مِتُّ قَبْلَ هَذَا
وَكُنْتُ نَسِيًّا مَّنْسِيًّا ﴿٢٣﴾ فَنَادَاهَا مِنْ تَحْتِهَا أَلَا تَحْزَنِي قَدْ جَعَلَ رَبُّكِ
تَحْتَكِ سَرِيًّا ﴿٢٤﴾ وَهَزَيْتُ إِلَيْكِ الْجِذْعَ النَّخْلَةَ تُسْقِطُ عَلَيْكَ رَطْبًا
جَنِيًّا ﴿٢٥﴾

Maksudnya :

Ketika ia hendak bersalin) maka sakit beranak itu memaksanya (pergi bersandar) ke pangkal sebatang pohon tamar (kurma); ia berkata: “Alangkah baiknya kalau aku mati sebelum ini dan menjadilah aku sesuatu yang dilupakan orang dan tidak dikenang-kenang.”. Lalu ia diseru dari sebelah bawahnya: “Janganlah engkau berdukacita (wahai Maryam), sesungguhnya Tuhanmu telah menjadikan di bawahmu sebatang anak sungai. “Dan gegarlah ke arahmu batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar yang masak.

Surah Maryam (19) : 23-25)⁸⁴

manakala seorang yang lain membelanjakan harta untuk dunia. Pendapat lain menyatakan bahawa ayat ini merupakan contoh umum kepada siapa yang beriman dan siapa yang kufur. Muqatil menyatakan ayat ini tentang dua beradik yang beriman bernama Tamlikha dan yang kafir bernama Qartusy. Rujuk juga al-Zamakhshāri (1998). *Al-Kashshāf*, j. 3, h. 585. Rujuk juga Abi Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakr al-Qurṭubī (2006). *Al-Jamī' Li Ahkām al-Qur'ān*. Beirut : Muassasah al-Risalah. Selepas ini al-Qurṭubī (2006), j.12, h. 272.

⁸⁴ Perkataan *janiyya* di dalam ayat ini bermaksud, yang sudah sampai masanya untuk dipetik. Ayat ini bermaksud, condongkanlah pohon kurma kepadamu, dan tariklah dengan gerakannya, nescaya ia menjatuhkan kepadamu buah kurma yang sudah matang dan layak dipetik untuk kamu makan semahu kamu. Ini adalah kekuasaan Allah yang lain baginya sebab, diriwayatkan pohon kurma ialah pohon yang kering yang tidak berkepal, dan tidak berbuah sedang ketika itu adalah musim dingin. Maka Allah menurunkan rezeki baginya, lalu jadilah pohon kurma itu bertandan, daun dan buah, rujuk al- Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j.8, h. 4215-4216.

Ayat-ayat di atas menceritakan tentang Saidatina Maryam yang bersandar pada pohon kurma ketika merasa sakit sewaktu mengandung. Kemudian, Allah s.w.t. memerintahkan agar beliau menggoncangkan pohon kurma itu, makan dan minum buahnya gugur dan tenangkan jiwanya.⁸⁵ Ibn Kathīr (m. 774H) memetik kata-kata Mujahid (m. 104H) yang berpendapat pohon ini adalah pohon ‘ajwah.⁸⁶

3.2.8 Surah Ṭahā (20) : 71

قَالَ ءَامَنْتُمْ لَهُ قَبْلَ أَنْ ءَاذَنَ لَكُمْ إِنَّهُ لَكَبِيرُكُمُ الَّذِي عَلَّمَكُمُ السِّحْرَ
فَلَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ مِّنْ خَلْفٍ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ فِي جُذُوعِ النَّخْلِ
وَلَتَعْلَمَنَّ أَنِّي أَشَدُّ عَذَابًا وَأَبْقَى ﴿٧١﴾

Maksudnya:

Firaun berkata: "Patutkah kamu beriman kepada Musa sebelum aku memberi izin kepada kamu? Sesungguhnya dia lah ketua kamu yang mengajar sihir kepada kamu. Oleh itu, aku akan memotong tangan dan kaki kamu dengan bersilang, dan aku akan memalang kamu pada batang-batang pohon tamar; dan demi sesungguhnya kamu akan mengetahui kelak siapakah di antara kita yang lebih keras azab seksanya dan lebih kekal".

(Surah Ṭahā (20) : Ayat 71)

Ayat ini merupakan rentetan kepada kisah Allah s.w.t mengurniakan kemenangan kepada Nabi Musa apabila ahli-ahli sihir Fir'aun telah beriman. Namun begitu, Fir'aun tetap ingkar dan sombong bahkan mengancam ahli-ahli sihir tersebut bahawa dia akan memotong tangan dan kaki mereka secara bersilang dan menyalib mereka di pohon tamar. Namun, ahli-ahli sihir menghadapi ancaman Fir'aun itu dengan ejekan dan mempersendakan sambil berkata. "*Sesungguhnya kamu berkuasa atas kami*

⁸⁵ Saidatina Maryam berasa sedih dengan apa yang telah berlaku kepadanya. Beliau malu pada masyarakat mengenangkan beliau akan melahirkan anak tanpa ayah. Rujuk Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j. 5, h. 323-325. Ayat ini menggambarkan bagaimana Saidatina Maryam yang dalam keadaan lemah itu masih diperintahkan untuk menggerakkan pokok kurma itu. Ini sebagai isyarat bahawa untuk memperoleh rezeki, haruslah berusaha dan terus berusaha selagi masih mempunyai kemampuan. M. Quraishy Shihab (2002), *Tafsir Miṣbāḥ*., j. 8, h. 171.

⁸⁶ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Kathīr*, j. 5, h.325.

di dunia ini sahaja, dan seksaanmu melebihi seksaan di dunia ini sahaja, sedang azab Allah s.w.t tidak ada bandingannya, dan pahala yang ada padaNya tidak dapat diperhitungkan”.⁸⁷

3.2.9 Surah al-Anbiyā’ (21) : 47

وَنَضْعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَمَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ
كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَى بِنَا حَاسِبِينَ ﴿٤٧﴾

Maksudnya:

Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun; dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekali pun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung.

(Surah al-Anbiyā’ (21) : 47)

Ayat di atas menceritakan pada hari kiamat kelak, Allah s.w.t akan menetapkan timbangan-timbangan yang adil, yang digunakan untuk menimbang lembaran-lembaran amalan manusia. Mujahid (m. 104H), Qatadah (m. 117H) dan al-Daḥḥāk (m. 105H) pula berkata yang dimaksudkan dengan timbangan ialah keadilan. Allah tidak akan memperlakukan kezaliman kepada hambaNya walaupun amalannya cuma sebesar biji sawi. Sesiapa yang melakukan kebaikan yang melebihi kejahatannya, maka timbangannya akan berat, iaitu kebbaikannya akan melenyapkan kejahatannya. Akan tetapi, sesiapa yang kejahatannya melebihi kebbaikannya, akan ringanlah timbangannya, iaitu kejahatannya akan menghapus kebbaikannya. Tidak akan ada sesiapa pun yang dizalimi. Walaupun perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu kecil, seperti biji sawi, Allah s.w.t tetap membalasnya dengan balasan yang setimpal, sama ada perbuatan itu buruk atau baik.⁸⁸

⁸⁷ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 8, h. 4332-33. Rujuk juga al-Rāzī (1981), *Tafsir Fakh al-Rāzī*, j. 22, h. 87. Rujuk juga al-Zamakhshārī (1998). *Al-Kashshāf*, j. 4, h. 96-97.

⁸⁸ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j.9, h. 4453. Rujuk juga al-Rāzī (1981), *Tafsir Fakh al- Rāzī*, j. 22, h. 177. Al-Zamakhshārī (1998). *Al-Kashshāf*, j. 4, h. 149.

3.2.10 Surah al-Mu'minūn (23) : 19-20

فَأَنْشَأْنَا لَكُمْ بِهِ جَنَّاتٍ مِّنْ خَلِيلٍ وَأَعْنَابٍ لَّكُمْ فِيهَا فَوَاقِهِ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿١٩﴾ وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِنْ طُورِ سَيْنَاءَ تَنْبُتُ بِالدُّهْنِ وَصِبْغٍ لِلْأَكْلِينَ ﴿٢٠﴾

Maksudnya:

Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu dengan air itu, kebun-kebun tamar (kurma) dan anggur. Kamu beroleh dalam kebun-kebun itu (berbagai jenis lagi) buah-buahan yang banyak, dan dari kebun-kebun itulah kamu beroleh rezeki penghidupan kamu. Dan (Kami juga menumbuhkan untuk kamu) pokok yang asal tumbuhnya di kawasan Gunung Tursina, yang mengeluarkan minyak dan lauk bagi orang-orang yang makan.

(Surah Al-Mu'minūn (23) : Ayat 19-20)

Tujuan dan tema utama surah ini adalah huraian tentang kebahagiaan dan kemenangan yang akan diraih secara khusus untuk orang-orang mukmin. Menurut *Tafsir al-Muntakhab*, ayat ini menerangkan tentang kitaran air di bumi. Proses pengewapan air laut akan membentuk awan yang kemudiannya akan menurunkan air hujan sebagai sumber utama air bersih di atas permukaan bumi ini. Air hujan ini kemudiannya membentuk sungai yang mengalirkan sumber kehidupan ini ke kawasan yang kering dan akhirnya bermuara di laut.⁸⁹ Allah menyebut tentang nikmat-nikmat yang telah dikurniakan kepada makhlukNya dan sekali lagi Allah menyebut tentang air. Al-Rāzī (m. 606H) menyatakan air itu merupakan nikmat utama. Oleh kerana itulah Allah s.w.t menyebut air dahulu sebelum hasil-hasilnya yang lain.⁹⁰ Air yang dititiskan tidak terlalu banyak sehingga boleh merosakkan bumi, dan tidak terlalu sedikit sehingga tidak cukup untuk mengairi tanaman-tanaman. Semuanya sesuai dengan apa yang diperlukan. Bermula dengan air itulah tumbuhnya tumbuh-tumbuhan dan terhasilnya buah-buahan antaranya anggur dan kurma.⁹¹ Seterusnya Allah s.w.t menyatakan tentang

⁸⁹ M. Quraish Shihab (2002), *Tafsir Miṣbāḥ*, j. 8, h. 310.

⁹⁰ Al-Rāzī (1981), *Tafsir Fakh al-Rāzī*, j. 23, h. 89-90.

⁹¹ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j. 5, h. 579.

sebuah pohon yang diberkati yang terdapat di Tur. Tur adalah nama gunung yang disebutkan Tur kerana di dalamnya adalah pohon. Jika tidak terdapat pohon, tempat itu disebut *Jabal* iaitu bukit. Tursina adalah gunung, tempat di mana Allah berfirman secara langsung kepada Nabi Musa bin 'Imran a.s yang di dalamnya terdapat pohon zaitun. Menurut al-Rāzī (m. 606H), perkataan '*bidduhni*' dalam ayat ini diertikan sebagai yang mengeluarkan minyak dan di dalamnya terdapat sesuatu yang dapat di manfaatkan, baik itu berupa minyak mahupun lauk pauk.⁹²

3.2.11 Surah al-Nūr (24) : 35

۞ اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ
 الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ ۖ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ
 مُبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ
 نَارٌ ۖ نُّورٌ عَلَى نُورٍ ۗ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَن يَشَاءُ ۗ وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَلَ
 لِلنَّاسِ ۚ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣٥﴾

Maksudnya:

Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah (Kitab Suci Al-Quran) adalah sebagai sebuah "misykaat" yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam bekas kaca, bekas kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu - dengan sendirinya - memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda): cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang dan peraturanNya) kepada nur hidayahNya itu; dan Allah mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

(Surah al-Nūr (24) : Ayat 35)

⁹² Ibn Kathīr (2008)., j.5, h. 579. Rujuk juga al-Rāzī (1981), *Tafsir Fakh al-Rāzī*, j. 23, h. 89-90.

Allah s.w.t membuat perumpamaan kemurnian hati seorang mukmin dengan lampu daripada kaca yang nipis dan berkilat dan hidayah al-Qur'an dan syari'at diumpakan seperti minyak zaitun yang baik dan jernih, tidak kotor dan bercahaya. Lampu itu sumbunya adalah daripada minyak zaitun yang merupakan pohon yang diberkati.⁹³ Pohon zaitun ini tidak tumbuh di sebelah timur yang menyebabkan pancaran matahari tidak mengenainya di waktu siang, dan tidak juga disebelah barat sehingga terlindung dengan bayang-bayang sebelum matahari terbenam, tetapi terletak di tengah-tengah yang membolehkan cahaya matahari menyinarinya dari pagi hingga petang. Hasilnya, minyak yang dihasilkan jernih dan bercahaya. Keistimewaan zaitun yang digambarkan daripada ayat ini ialah minyaknya yang bercahaya walaupun tidak dinyalakan api padanya.⁹⁴ Al-Rāzī (m. 606H) menyatakan begitulah hati orang mukmin yang mempunyai ilmu, apabila dia memperolehi ilmu, maka bertambahlah cahaya di atas cahaya, dan petunjuk di atas petunjuk. Al-Rāzī turut memetik pandangan Ka'ab al-Ahbar yang menyatakan minyak zaitun ini adalah perumpamaan kepada cahaya Nabi Muhammad s.a.w yang menerangi manusia sebelum baginda berkata-kata lagi dan juga al-Dahhak yang mengatakan ia sebagaimana Nabi Muhammad s.a.w yang berhikmah dalam tutur kata baginda sebelum menerima wahyu.⁹⁵ Al-Zamakhshāri (m. 538H) menyatakan perkataan *mubarakah* dalam ayat ini menggambarkan manfaat yang ada pada pokok zaitun.⁹⁶

⁹³ Ibn Kathīr (2008), *Tafsīr Ibn Katsīr*, j. 6, h. 54-56. Rujuk juga al-Maraghi (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 9, h. 4761-62. Al-Rāzī menyatakan bahawa pokok zaitun merupakan pokok pertama yang tumbuh selepas taufan dan diberkati padanya 70 Nabi, dan dikatakan juga pokok zaitun ini merujuk kepada pokok zaitun yang tumbuh di Syam (Syria, Jordan) kerana buminya yang berkat, maka Allah s.w.t tumbuhkan pohon yang berkat. Rujuk juga Al-Rāzī (1981), *Tafsīr Fakh al-Rāzī*, j. 23, h.233.

⁹⁴ Hamka (1982), *Tafsīr al-Azhār*, j.18, h.230.

⁹⁵ Al-Rāzī (1981), *Tafsir Fakh al-Rāzī*, j. 23, h. 238.

⁹⁶ Al-Zamakhshāri (1998). *Al-Kashshāf*, j. 4, h.306.

3.2.12 Surah al-Shu'arā' (26) : 148

وَزُرُوعٍ وَخَلٍّ طَلَعَهَا هَاضِمٌ ﴿١٤٨﴾

Maksudnya:

Dan kebun-kebun tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang buah mayangnya halus lembut.

(Surah al-Shu'arā'(26) : Ayat 148)

Ayat ini mengisahkan balasan terhadap kaum Nabi Ṣāliḥ a.s yang dikurniakan nikmat. Berdasarkan nikmat yang Allah s.w.t berikan ini, Nabi Ṣāliḥ mengingatkan adakah mereka jangan berfikir yang mereka akan dibiarkan tinggal dan menikmati apa yang mereka nikmati sedangkan mereka mengingkari perintah Allah s.w.t.⁹⁷ **Nabi Salih a.s mengingatkan bahawa mereka** akan kembali semula kepada Allah s.w.t dan segala amalan mereka akan dihitung, jika amalan kamu mereka baik, maka baik balasannya, dan jika amalan mereka buruk, maka buruklah balasannya.⁹⁸

3.2.13 Surah Luqman (31) : 16

يَبْنِيْ اِيْنَهَا اِنْ تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ حَرْدَلٍ فَتَكُنْ فِيْ صَخْرَةٍ اَوْ فِي السَّمٰوٰتِ اَوْ فِي الْاَرْضِ يٰٓاْتِ بِهَا اللّٰهُ اِنَّ اللّٰهَ لَطِيْفٌ خَبِيْرٌ ﴿١٦﴾

Maksudnya:

(Luqman menasihati anaknya dengan berkata): "Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi.

(Surah Luqmān (31) : 16)

Ayat ini merupakan pesanan-pesanan Luqman al-Hakim kepada anaknya. Beliau mengingatkan anaknya bahawa setiap perbuatan baik atau buruk, walaupun berada di tempat yang paling tersembunyi yang tidak dapat dilihat oleh sesiapa pun, seperti

⁹⁷ M. Quraisy Shihāb (2002), *Tafsir al-Miṣbāḥ.*, j.10, h. 112.

⁹⁸ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 10, h. 4970.

berada dalam batu besar atau di tempat yang paling tinggi seperti di langit atau di tempat paling bawah seperti di dalam perut bumi, pasti perkara itu tetap diketahui oleh Allah s.w.t. Dia akan memperlihatkan setiap perbuatan itu di akhirat kelak iaitu pada hari di mana Allah s.w.t akan menimbang setiap amalan manusia dengan seadil-adilnya, setiap amalan yang baik akan menerima balasan yang baik manakala amalan buruk akan menerima hukuman yang buruk.⁹⁹ Biji sawi di dalam ayat ini menggambarkan betapa kecilnya kebaikan atau kejahatan yang dilakukan oleh manusia tetap akan diketahui oleh Allah s.w.t.

3.2.14 Surah Saba' (34) : 16

وَبَدَّلْنَاهُمْ بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتِ أُكُلٍ خَمْطٍ وَأَثَلٍ وَشَيْءٍ مِّن سِدْرٍ قَلِيلٍ



Maksudnya:

... dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara.

(Surah Saba' (34): Ayat 15-16)

Ayat ini berkenaan dengan kisah kaum Saba'. Penduduk negeri ini yang terdiri daripada raja-raja Yaman yang hidup dengan penuh nikmat serta rezeki yang melimpah ruah. Mereka mempunyai kebun-kebun yang subur dan taman-taman yang indah serta lembah-lembah yang luas. Allah s.w.t telah mengutuskan kepada mereka rasul-rasulNya yang memerintahkan kepada mereka supaya memanfaatkan rezeki Allah s.w.t dan bersyukur kepadaNya. Namun mereka mengingkari semua yang diperintahkan kepada mereka. Kerana itulah negeri mereka dihancurkan oleh Allah s.w.t sehancur-hancurnya. Mereka tidak mahu taat kepada Allah s.w.t dan menghalang orang lain daripada mengikut seruan dakwah yang disampaikan oleh rasul. Allah s.w.t menimpakan kepada

⁹⁹ Al-Marāghī (2001), j. 11, h. 5347.

mereka banjir besar yang memenuhi lembah, menghancurkan empangan, menghancurkan kebun dan tanam-tanaman. Mereka semua dihancurkan dan dibinasakan, kecuali beberapa orang sahaja. Manakala, kebun dan tanam-tanaman mereka diganti dengan kebun yang ditumbuhi pohon-pohon yang lain seperti *khamt*, *athl* dan *sidr*.¹⁰⁰ Hal tersebut disebabkan oleh kekafiran dan kesyirikan mereka kepada Allah dan mendustakan kebenaran serta berpalingnya mereka kepada kebatilan.¹⁰¹

3.2.15 Surah Yāsīn (36) : 34

وَجَعَلْنَا فِيهَا حَنْتٍ مِّنْ تَخِيلٍ وَأَعْنَبٍ وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ ﴿٣٤﴾

Maksudnya:

Dan kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur,
dan kami pancarkan padanya beberapa mata air.

(Surah Yāsīn (36) : Ayat 34)

Nama surah ini diambil dari dua huruf awal surah tersebut. Tujuan diturunkan surah ini ialah untuk memberi amaran kepada kaum Quraisy mengenai akibat tidak beriman kepada kerasulan Nabi Muhammad s.a.w, menentanginya dan menzaliminya. Penciptaan tumbuhan merupakan hujah ke atas perselisihan antara kaum musyrikin Mekah dengan Nabi s.a.w tentang konsep tauhid. Manusia menggunakan hasil bumi, sebagai contoh tumbuhan, siang dan malam tanpa memikirkan secara mendalam. Sekiranya manusia memikirkan secara mendalam pasti akan dapat mengakui bahawa semuanya tidak terjadi dengan sendiri.¹⁰² Ayat ini menyebut dua jenis tumbuhan iaitu kurma dan anggur.¹⁰³

¹⁰⁰ Al-Marāghī (2001)., j. 11, h. 5556-57. Jenis-jenis pokok ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci pada bahagian ketiga.

¹⁰¹ Ibn Kathir (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*., j. 6, h. 559-563.

¹⁰² Sebagai contoh, persoalan yang timbul, bagaimanakah tumbuhan boleh hidup di atas tanah yang tidak bernyawa. Jika seseorang meneliti perkara ini, terdapat beberapa faktor yang telah disediakan sebelum adanya hidupan ini. Pertama, kawasan tertentu di bumi mempunyai lapisan unsur kimia yang menjadi sumber penting untuk tumbesaran tumbuhan. Kedua, sistem pengairan yang baik bagi membekalkan air kepada tumbuhan. Ketiga, udara yang menyediakan unsur gas yang penting kepada tumbuhan disamping turunnya hujan sebagai sumber air. Keempat, hubungan antara matahari dan bumi yang memberikan

3.2.16 Surah al-Ṣaffāt (37) : 146

﴿ فَنبَذْنَاهُ بِالْعَرَاءِ وَهُوَ سَقِيمٌ ۚ وَأُنْبِتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِّنْ يَقْطِينٍ ﴾

Maksudnya :

Oleh itu Kami campakkan dia keluar (dari perut ikan) ke tanah yang tandus (di tepi pantai), sedang ia berkeadaan sakit. Dan Kami tumbuhkan (untuk melindunginya) sebatang pokok yang berdaun lebar.

(Surah Al-Ṣaffāt : Ayat 139-146)

Ayat ini adalah rentetan kisah Nabi Yunus yang ditelan oleh seekor ikan besar. diceritakan bahawa Allah memerintahkan ikan Nun untuk memuntahkan Nabi Yunus a.s di tempat lapang yang tandus tanpa ada pohon dan tumbuh-tumbuhan. Ketika itu Nabi Yunus a.s mengalami sakit tubuh dan mengalami tekanan, kerana berasa sedih di atas sikap kaumnya yang tidak menerima dakwahnya dan tidak mahu membenarkan ajaran yang baginda sampaikan kepada mereka. Nabi Yunus a.s turut mengalami keletihan yang amat sangat setelah ditelan oleh ikan tersebut. Kemudian Allah s.w.t menerangkan Nabi Yunus a.s dilindungi daripada kepanasan matahari dan kesejukan malam dengan menumbuhkan di sekelilingnya pohon yang rendang daunnya sehingga menaungi Nabi Yunus daripada panas matahari dan kedinginan malam di padang pasir yang anginnya bertiup kencang iaitu pohon *yaqtin*. Kemudian Nabi Yunus a.s memakan buah daripada pohon tersebut. Kemudian Allah s.w.t menerangkan keadaan baginda setelah sembuh daripada sakitnya dan baginda pun kembali semula kepada kaumnya untuk berdakwah.¹⁰⁴

bekalan tenaga cahaya kepada tumbuhan. Tumbuhan diciptakan sebagai memenuhi kehendak makanan, pakaian, perubatan dan pelbagai lagi keperluan binatang-binatang dan manusia. *Ibid*.

¹⁰³ Al-Rāzī (1981), *Tafsīr Fakh al-Rāzī*, j. 26, h. 67.

¹⁰⁴ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j.12, h. 5779-5780.

3.2.17 Surah Qāf (50) : 10

وَالنَّخْلَ بَاسِقَاتٍ لَهَا طَلْعٌ نَضِيدٌ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

Serta pohon-pohon kurma yang tinggi menjulang, yang mengeluarkan mayang, berlapis-lapis, lagi lebat putiknya;
(Surah Qāf (50) : Ayat 10)

Surah ini mengisahkan kehairanan manusia dengan kekuasaan Allah s.w.t seperti pengutusan seorang Rasul, penciptaan hari kebangkitan dan juga bagaimana hari kebangkitan itu dijadikan.¹⁰⁵ Melalui ayat ini Allah s.w.t menggambarkan kekuasaanNya yang mencipta pohon-pohon kurma yang tinggi dan mengeluarkan buah yang lebat. Allah s.w.t sekali lagi menggambarkan kekuasaannya melalui penciptaan alam semesta yang dijadikan untuk manusia berfikir tentangnya. Ayat ini kembali kepada tema tauhid setelah kaum musyrikin tidak mempercayai akan wujudnya hari kebangkitan.¹⁰⁶

3.2.18 Surah al-Najm (53) : 14

عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَى ﴿١٤﴾

Maksudnya:

Di sisi "Sidratul-Muntaha";
(Surah al-Najm (53) : Ayat 14)

Terdapat dua pandangan mengenai perkataan *sidrah* di dalam ayat ini. Ibn Kathir (m. 774H) berpendapat *sidrah* di dalam ayat ini menggambarkan tempat di mana Rasulullah s.a.w melihat Jibril a.s buat kali kedua ketika peristiwa Isra' dan Mi'raj.¹⁰⁷ Manakala al-Maraghi (m. 1371H) menyatakan *Sidratul Muntaha* ialah pokok bidara yang berada di langit ke tujuh di sebelah kanan 'Arasy.¹⁰⁸

¹⁰⁵ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j. 7, h. 505.

¹⁰⁶ Al-Rāzī (1994), *Mafātīḥ al Ghayb*, j.29, h. 157. Rujuk juga Ibn Kathir (2008), *Tafsīr Ibn Katsīr*, j. 7, h. 507.

¹⁰⁷ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j. 7, h. 574.

¹⁰⁸ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 14, h. 6659.

تَزَعُ النَّاسَ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ مُنْقَعِرٍ ﴿٢٠﴾

Maksudnya:

Yang menumbangkan manusia gugur bergelimpangan, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang terbongkar.

(Surah Al-Qamar (54) : Ayat 20)

Menurut Thahir Ibn ‘Asyur, tujuan utama huraian surah ini adalah untuk menunjukkan betapa besar keangkuhan kaum musyrikin terhadap ayat-ayat Allah s.w.t serta sebagai ancaman kepada mereka tentang semakin dekatnya kedatangan hari kiamat. Surah ini mengisahkan tentang janji, ancaman, permulaan penciptaan, tauhid dan tentang kenabian. Allah s.w.t juga mengisahkan tentang pengingkaran kaum-kaum terdahulu seperti kaum Nabi Nuh iaitu kaum ‘Ad dan kaum Nabi Salih iaitu kaum Tsamud. Melalui ayat di atas digambarkan balasan Allah s.w.t terhadap kaum ‘Ad. Allah s.w.t menghantarkan angin yang sangat sejuk secara terus-menerus kepada mereka. Angin itu telah menumbangkan manusia seperti seperti pohon kurma yang tumbang.¹⁰⁹ Ibn Kathīr (m. 774H) menggambarkan angin tersebut menerpa seorang daripada mereka lalu menerbangkannya hingga hilang dari pandangan. Kemudian dibanting dengan kepala di bawah, sehingga jatuh ke tanah. Maka, kepalanya hancur dan hanya tinggal badan tanpa kepala.¹¹⁰ Al-Marāghī (m. 1371H) menyatakan mereka mempunyai tubuh-tubuh besar dan tinggi, seperti pohon tamar. Seterusnya mereka mencengkam kaki mereka ke dalam tanah dengan tujuan melawan angin, dan angin itu menjadikan mereka seperti kayu-kayu yang kering kerana kesejukan oleh angin tersebut.¹¹¹

¹⁰⁹ M. Quraish Shihab (2002). *Tafsīr Misbāh*, j. 13, h. 490.

¹¹⁰ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j.7, h. 606.

¹¹¹ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 14, h. 6720.

3.2.20 (a) Surah al-Rahman (55) : 11

فِيهَا فَاكِهَةٌ وَالنَّخْلُ ذَاتُ الْأَكْمَامِ ﴿١١﴾

Maksudnya:

Terdapat padanya berbagai jenis buah-buahan dan pohon-pohon kurma yang ada kelopak-kelopak mayang.

(Surah Al-Raḥmān (55) : Ayat 11)

Surah al-Raḥmān merupakan surah selepas surah al-Qamar. Surah al-Qamar diakhiri dengan pernyataan tentang keagungan kuasa dan kesempurnaan kudrat Allah s.w.t. Kesempurnaannya mencakupi rahmat kepada semua makhluk dan disebabkan itu surah ini dimulai dengan al-Raḥmān. Dalam rangkuman ayat 1-13, Allah s.w.t menceritakan tentang kurniaan dan rahmat terhadap makhlukNya. Pada ayat kesepuluh, (والأرض وضعها للأنام ¹¹², Allah s.w.t menjelaskan tentang bumi dan keadaannya. Allah s.w.t bukan sahaja menghamparkan bumi, malah menyediakan kemudahan di dalamnya untuk kesenangan makhluk hidup yang menghuninya. Antaranya disediakan buah-buahan dan pokok kurma. ¹¹³

3.2.20 (b) Surah al-Raḥmān (55) : 68

فِيهَا فَاكِهَةٌ وَالنَّخْلُ ذَاتُ الْأَكْمَامِ ﴿٦٨﴾

Maksudnya:

Pada keduanya juga terdapat buah-buahan, serta pohon-pohon kurma dan delima.

(Surah al-Raḥmān (55) : Ayat 68)

Ayat ini adalah dari rangkuman ayat-ayat yang menceritakan tentang keindahan syurga. Allah s.w.t menggambarkan syurga dengan menyatakan di dalamnya terdapat pelbagai jenis buah-buahan antaranya kurma dan delima.

¹¹² Maksudnya : Dan bumi pula dijadikannya rata untuk kegunaan manusia dan makhluk-makhlukNya yang lain.

¹¹³ M. Quraisy Shihab (2002), *Tafsir Miṣbāḥ*, j. 13, h. 501.

3.2.21 Surah al-Wāqī'ah (56) : 28 dan 29

فِي سِدْرٍ مَّخْضُودٍ ۖ وَطَلْحٍ مَّنضُودٍ ﴿٢٨﴾

Maksudnya:

Mereka bersenang-lenang di antara pohon-pohon bidara yang tidak berduri. Dan pokok-pokok pisang yang tersusun rapi buahnya.

(Surah Al-Waqi'ah (56) : Ayat 27-34)¹¹⁴

Melalui ayat-ayat ini, Allah s.w.t menceritakan keadaan suatu golongan iaitu *ashab al-yamin* (golongan kanan) yang merupakan golongan yang suka berbuat baik. Golongan kanan ini adalah golongan selepas golongan *muqarrabin* (orang yang mendekatkan diri mereka kepada Allah s.w.t.). Mereka berada di antara pohon bidara yang tidak berduri iaitu berlainan dengan pohon bidara liar di dunia. Selain itu, terdapat juga pohon pisang yang penuh dengan buah. Sehingga seolah-olah tidak mempunyai batang.¹¹⁵

3.2.22 Surah al-Haqqah (69) : 7

سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَنِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومًا فَتَرَى الْقَوْمَ فِيهَا
صَرْعَى كَأَنَّهُمْ أُعِجَازٌ نَّخْلٍ خَاوِيَةٌ ﴿٧﴾

Maksudnya:

Yang diarahkannya menyerang mereka tujuh malam lapan hari terus-menerus; maka engkau akan melihat kaum itu bergelimpangan mati, seolah-olah mereka: batang-batang pohon kurma yang (tumbang dan) lompong.

(Surah al-Haqqah (69) : Ayat 7)

¹¹⁴ Sebab turun ayat ini, Sa'id bin Mansur meriwayatkan dalam Kitab al-Sunan dan al-Baihaqi dalam Kitab al-Ba'ath bahawa Atha' dan Mujahid menceritakan tentang ketika penduduk Taif meminta dihadirkan sebuah lembah yang indah dan di dalamnya terdapat madu, maka permintaan tersebut dikabulkan. Lembah tersebut sangat memikat dan ketika perihal syurga yang terdapat segalanya yang indah, mereka berkata "*aduhai, alangkah bahagianya jika di syurga terdapat berbagai hal seperti yang ada di lembah ini*". Kemudian Allah menurunkan surah al- Waqi'ah (56) : 27-30. Imam Baihaqi meriwayatkan, Mujahid berkata "mereka sangat tertarik dengan Buj iaitu sebuah lembah di daerah Taif, terutama dengan kerendangan pokok pisang dan pokok bidaranya." Rujuk al-Suyuti (2008), *Asbabun Nuzul.*, h. 544-545.

¹¹⁵ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 14, h. 6796-70.

Menurut al-Marāghī (m. 1371H), perkataan *al-Haqqah* adalah daripada *haq al-shay'*, iaitu saat yang wajib berlaku dan pasti datang, iaitu hari kiamat¹¹⁶. Ayat ini menceritakan tentang pembalasan yang Allah berikan kepada kaum 'Ad yang mana Allah telah menimpakan angin selama tujuh malam lapan hari berturut-turut yang menyebabkan mereka berputus asa. Akhirnya mereka bergelimpangan bagaikan pohon kurma yang tumbang.¹¹⁷ Angin yang sangat kuat ini, menurut Hamka (m. 1401H) jika ditimpakan sehari sahaja, sudah cukup untuk menyebabkan kerosakan yang dahsyat, apatah lagi mereka yang ditimpakan selama tujuh malam lapan hari. Keadaan mereka digambarkan seperti batang pokok kurma yang kosong, akan tumbang dan tidak dapat bertahan ketika ditiup angin. Begitulah keadaan kaum 'Ad yang dalam keadaan lapar apabila ditimpakan angin yang sejuk dan kuat.¹¹⁸ Al-Marāghī (m. 1371H) menyatakan mereka semua menjadi mayat-mayat yang bergelimpangan seperti pokok-pokok tamar yang reput.¹¹⁹

3.2.23 (a) Surah al-Insan (76) : 5

إِنَّ مَا اللَّائِي يَشْرَبُونَ مِنْ كَأْسٍ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا ﴿٥﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan kebajikan), akan meminum dari piala: sejenis minuman yang bercampur dengan "Kafur".

(Surah al-Insan (76) : Ayat 5)¹²⁰

¹¹⁶ *Ibid.*, h. 7184.

¹¹⁷ Ibn Kathir (2008), *Tafsir Ibn Katsir*, j.8, h. 270.

¹¹⁸ Hamka (1988). *Tafsir al-Azhar*. Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd, j. 29, h.7603.

¹¹⁹ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 14, h. 7185.

¹²⁰ Surah ini dimulakan dengan pertanyaan “*Sudahkah tiba masanya*”, kemudian ayat kedua menceritakan bahawa manusia dijadikan daripada air mani yang bergumpal. Setelah terjadinya manusia, (iaitu setelah lahirnya manusia), datanglah ujian baginya untuk meneruskan kehidupan di dunia. Untuk mengatasi pelbagai ujian itu, Allah s.w.t bekalkan dua organ utama iaitu pendengaran dan penglihatan. Dengan bekalan itu, manusia melangkah dalam kehidupan di dunia, mempertimbangkan antara buruk dan baik, mudarat dan manfaat, bahagia dan bahaya. Ada manusia yang bersyukur dan ada manusia yang kufur. Ayat-ayat seterusnya dalam surah ini hanya berkisar tentang kebahagiaan nikmat Ilahi yang diperolehi oleh manusia kesan daripada kepatuhannya kepada tuntutan Tuhan dan juga sebaliknya. Termasuklah ayat ini yang menceritakan tentang ganjaran kepada orang yang bersyukur. Rujuk Hamka (1988), *Tafsir al-Azhār*, j.29, h. 7781.

Setelah digambarkan mengenai balasan yang diberikan kepada ahli neraka, Allah s.w.t menceritakan tentang ganjaran yang akan diberikan kepada orang-orang yang berbuat kebaikan.¹²¹ Pengajaran melalui ayat ini ialah, orang yang berbakti kepada Allah s.w.t dengan mengerjakan ketaatan serta menunaikan segala perkara yang diwajibkan oleh Allah dan meninggalkan perbuatan yang dilarang seperti meminum arak, Allah s.w.t memberi minuman itu dicampur dengan bahan lain seperti kafur yang berbau harum, sejuk lagi putih. Air itu boleh diperolehi mengikut kehendak mereka, iaitu ia boleh dimanfaatkan mengikut kesukaan mereka dan didatangkan kepada mereka dimana sahaja mereka kehendaki.¹²²

3.2.23 (b) Surah al-Insan (76) : 17

وَيُسْقَوْنَ فِيهَا كَأْسًا كَانَ مِزَاجُهَا زَجْجًا ۖ

Maksudnya:

Dan mereka dalam Syurga itu, diberi minum sejenis minuman yang campurannya dari "Zanjabil"

(Surah al-Insan (76) : Ayat 17)

Al-Marāghī (m. 1371H) menyatakan *zanjabil* ialah tumbuhan yang terdapat di negara Oman yang merupakan akar-akar yang menyusup masuk ke dalam tanah tetapi bukan pohon.¹²³ Di dalam syurga, antara balasan bagi orang yang beramal soleh ialah mereka diberi minum arak yang dicampurkan dengan halia dan mereka amat menyukainya.¹²⁴ Halia yang terbaik adalah daripada Afrika dan China. Orang Arab gemar meletakkan halia di dalam minuman, kerana ia menimbulkan rasa pedas pada lidah.¹²⁵ Minuman ini diminum panas-panas terutamanya semasa musim sejuk.¹²⁶ Minuman yang bercampur halia ini akan memberi rasa panas, dan ada masanya mereka

¹²¹ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j. 8, h.359-360

¹²² Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 15, h. 7342. Rujuk juga Ibn Kathir (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j. 8, h. 359-360.

¹²³ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Maraghi*, h. 7349.

¹²⁴ Al-Marāghī, h. 7349.

¹²⁵ Al-Marāghī, h. 7347.

¹²⁶ Hamka (1988), *Tafsir al-Azhār*.

akan diberi minuman yang bercampur *kafur* yang memberi rasa dingin, ini dapat memberi keseimbangan kepada tubuh mereka.¹²⁷

3.2.24 Surah al-Naba' (78) : 32

حَدَّايْقِ وَأَعْنَبًا

Maksudnya:

(Mereka akan beroleh) taman-taman bunga dan kebun-kebun buah-buahan, terutama anggur.

(Surah Al-Naba' (78) : Ayat 32)

Ayat ini menceritakan tentang nikmat syurga bagi orang yang bertakwa yang berupa kebun-kebun yang subur, penuh dengan tumbuh-tumbuhan, kembang mekar dan berwarna warni. Terdapat juga buah-buahan yang lazat di dalamnya. Antara pelbagai jenis buah-buahan itu terdapat buah yang istimewa iaitu anggur yang lazat rasanya, mempersona serta menyejukkan pandangan.¹²⁸ Semua keistimewaan ini untuk orang-orang yang berjaya melawan hawa nafsu.¹²⁹

3.2.25 Surah 'Abasa (80) : 28 dan 29

وَعِنَبًا وَقَضْبًا وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا

Maksudnya:

Dan buah anggur serta sayur-sayuran. Zaitun dan Kurma.

(Surah 'Abasa (80) : Ayat 28-29)

¹²⁷ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j. 8, h. 364.

¹²⁸ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 15, h. 7401.

¹²⁹ Hamka (1982), *Tafsir al-Azhār*, j. 30, h.18. Rujuk juga Ibn Kathir (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j. 8, h.384.

Allah s.w.t mengingatkan manusia dengan segala nikmat yang diberikan olehNya. Antara nikmat yang diberikan oleh Allah s.w.t ialah anggur, sayur-sayuran, zaitun dan juga pokok kurma.¹³⁰

3.2.26 Surah al-Tin (95) : 1

وَالَّتَيْنِ وَالزَّيْتُونَ ﴿١﴾

Maksudnya:

Demi (buah)Tin dan Zaitun.

(Surah al-Tin (95) : Ayat 1)

Pendapat pertama perkataan *al-Tin* dan *al-Zaytun* adalah buah-buahan. Al-Rāzī (m. 606H) memetik kata-kata Ibn ‘Abbas (m. 68H) yang merujuk kepada buah tin dan buah zaitun yang merupakan buah-buahan yang masyhur. Pendapat kedua ialah daripada Ibn Kathīr (m. 774H). Beliau mengambil pendapat ulama’-ulama’ yang menyatakan ayat 1 hingga ayat 3 dalam surah ini menceritakan tentang tiga tempat yang diutuskan Rasul *ulul ‘azmi*. Tin dan zaitun merupakan Baitul Maqdis yang diutuskan Nabi Isa a.s, Tur Sina merupakan tempat di mana Nabi Musa a.s berdialog dengan Allah s.w.t, manakala ayat negeri yang aman (*balad al-amin*) pula merupakan Makkah yang diutuskan Nabi Muhammad s.a.w.¹³¹ Pendapat ketiga pula adalah daripada al-Maraghi (m. 1371H) yang menyatakan lafaz tin adalah merujuk kepada sumpahan Allah s.w.t dengan masa hidup Nabi Adam a.s, bapa umat manusia yang pertama. Ketika itu Nabi Adam a.s dan isterinya sudah mula berpakaian dengan daun-daun pokok tin. Manakala zaitun pula, Allah s.w.t bersumpah dengan masa kehidupan Nabi Nuh a.s. dan anak-anaknya, ketika menghancurkan negerinya dengan ribut taufan. Tetapi Nabi Nuh a.s diselamatkan di dalam kapalnya dan kemudian datang sekelompok burung yang membawa sehelai daun zaitun yang menggembirakan Nabi Nuh a.s. Berdasarkan

¹³⁰ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j.8, h. 402-403. Rujuk juga, Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 15, h. 7442.

¹³¹ ‘Ismā’il Ibn Kathīr al-Dimasyq (t.t). *Tafsir al-Qur’an al-Azim*. Giza : Maktabah Awlad al-Syeikh Li al-Turath, j. 14, h. 394.

petunjuk ini baginda mengetahui , bahawa kemurkaan Allah s.w.t telah padam dan mengizinkan bumi menelan air banjir, agar dapat dibangunkan dan dihuni kembali oleh manusia. Kapal nya kemudian berlabuh dan Nabi Nuh a.s dengan anak-anaknya turun lalu membina semula negerinya. Tin dan zaitun mengingatkan kewujudan kedua-dua masa ini, iaitu masa Nabi Adam a.s sebagai bapa manusia yang pertama dan Nabi Nuh a.s. sebagai bapa manusia yang kedua.¹³²

3.3 TAFSIRAN ULAMA' TERHADAP JENIS-JENIS TUMBUHAN YANG DINYATAKAN DALAM AL-QUR'AN, HADITH-HADITH YANG BERKAITAN DAN NAMA SAINTIFIK.

3.3.1 Nakhlah (نخلة)

Terdapat 20 ayat al-Qur'an yang mengandungi lafaz *nakhlah* (نخلة), *nakhil* (نخيل) dan juga *nakhl* (نخل). Manakala satu ayat al-Qur'an yang mengandungi lafaz *rutob* (رطب). Al-Zamakhshāri (m. 538H) berpendapat, sebab mengapa tidak disebutkan tamar dalam al-Qur'an sebagaimana buah-buahan lain iaitu anggur, delima dan lain-lain kerana apabila dinyatakan pokok kurma, secara langsung kita akan merujuk kepada buahnya.¹³³ Daripada 21 ayat tersebut, 9 kali kurma dicatatkan secara tunggal, 7 kali dicatatkan bersama anggur, 2 kali dicatatkan bersama anggur dan delima. Perkataan *nakhl* dan *nakhil* adalah kata ganda bagi perkataan *nakhlah* yang bermaksud pokok tamar.¹³⁴ *Ruttāb* pula bermaksud buah kurma muda yang belum mengering menjadi tamar.¹³⁵

¹³² Ahmad Muṣṭafa al-Marāghī (1946). *Tafsir al-Marāghī*. Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi wa-Awladuh. j. 30, h. 194.

¹³³ Al-Zamakhshāri (1998). *Tafsir Kashshāf*, j. 5, h. 174.

¹³⁴ Ibn Manzur (t.t), *Lisan al-'Arab*. Kaherah : Dar al-Ma'rifah, h. 4378.

¹³⁵ *Ibid.*, h. 1665.

Melalui penelitian penulis, daripada 21 ayat, terdapat 7 ayat al-Qur'an yang menggambarkan sifat pokok kurma. Lafaz *juz'u* (جذع) atau *juzu'* (جنوع) yang bermaksud batang pokok kurma disebut dalam tiga ayat.¹³⁶ Lafaz *tal'a* (طلع) yang bermaksud mayang disebutkan sebanyak tiga kali. Mayangnya pula digambarkan dalam tiga keadaan melalui tiga ayat al-Qur'an yang berbeza, iaitu yang pertama dalam Surah al-An'am (6) : 99, (طلعها قنوان دانية) yang bermaksud pelepah yang padanya terdapat kurma muda.¹³⁷ Kedua, Surah al-Shu'ara' (26) : 148, (طلعها هضيم). Perkataan *tal'u* di dalam ayat ini diambil daripada perkataan *tal'a* iaitu muncul, dalam ayat ini ia menggambarkan tongkol yang menyelubungi buah kurma pada proses awal sebelum pengeluaran buahnya atau dipanggil mayang. Perkataan *hadīm* bererti lembut. Kelembutan mayang kurma adalah petanda kurma yang berkualiti baik.¹³⁸ Ketiga, Surah Qaf (50) : 10, (طلع نضيد). Perkataan *naḍīd* bermaksud yang tersusun.¹³⁹ Lafaz *basiqāt* (باسقات) yang bermaksud tinggi.

3.3.1.1 Kelebihan kurma menurut Mufasssir

Pokok kurma merupakan tumbuhan yang paling kerap dinyatakan dalam al-Qur'an. Ini kerana pokok kurma merupakan pokok yang paling baik.¹⁴⁰ Daripada 21 ayat yang mengandungi lafaz kurma, hanya satu ayat yang merujuk kepada buahnya, manakala yang lain adalah merujuk kepada pokoknya. Al-Marāghī (m. 1371H) menyatakan sebab kurma disebutkan dengan pokoknya kerana seluruh bahagian kurma berguna kepada

¹³⁶ Uthman Khalid (2006). *Kamus Besar Dewan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 284.

¹³⁷ Mawsilli (2008), *Nabātāt dzukirat fi al-Qur'ān*, h. 178.

¹³⁸ Rujuk al-Zamakhshārī (1998). *Tafsir Kashshāf*, j. 4, h. 408. Rujuk juga Uthman Khalid, (2006). *Kamus Besar Dewan Arab-Melayu*, h. 2023.

¹³⁹ *Ibid.*, h. 2371.

¹⁴⁰ Al-Rāzī (1981), *Tafsir Fakh al-Razi*, j.13, h. 114-116. Rujuk juga Ibn Kathir (2008), *Tafsir Ibn Katsir*, j. 7, h. 621-622, 640. Rujuk juga, al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 15, h. 7442.

manusia, daripada daun, akar, pelepah mahupun mayangnya. Batang pokok kurma boleh digunakan sebagai atap rumah, tali dan lain-lain lagi.¹⁴¹

Zamakhshārī (m. 538H) menyatakan kurma merupakan tumbuhan yang mulia dan mempunyai faedah yang begitu banyak, sehinggakan apabila sesuatu kebun itu sudah mempunyai pokok kurma, ia bagaikan turut ditumbuhi pokok-pokok lain.¹⁴² Ibn Kathīr (m. 774H) berpendapat antara sebab kurma disebutkan secara khusus ialah kerana ia merupakan buah-buahan yang paling berharga bagi penduduk tanah Hijaz.¹⁴³ Bahkan mungkin merupakan buah yang terbaik di dunia.¹⁴⁴

Dalam Surah al-An‘am (6) : 141, Allah s.w.t menyebut tentang jenis-jenis pokok, ada yang menjalar dan ada yang tidak menjalar. Salah satu jenis pokok yang tidak menjalar ialah pokok kurma, namun begitu pokok kurma disebutkan secara khusus. Ini kerana manfaat pokok tersebut kepada orang Arab.¹⁴⁵ Buah kurma boleh dimakan sama ada sebelum masak ataupun sudah masak, bahkan buah kurma yang sudah masak boleh disimpan sebagai bekalan makanan. Al-Marāghī (m. 1371H) juga menyatakan kebaikan pokok kurma merangkumi buah, biji dan daunnya. Buah kurma juga boleh dijadikan sebagai minuman, bijinya dapat dimanfaatkan sebagai makanan haiwan dan daunnya pula dapat dimanfaatkan oleh manusia.¹⁴⁶

Mengenai perkataan *ruṭṭāb* yang merujuk kepada buah kurma muda dalam ayat 23 Surah Maryam, Ibn Kathīr (m. 774H) memetik pendapat ‘Amr bin Maimun yang menyatakan ayat ini merupakan petanda bahawa buah kurma dan *ruṭṭāb* merupakan makanan yang terbaik untuk wanita yang berada di dalam nifas.¹⁴⁷ Buah kurma merupakan makanan yang sangat baik untuk wanita yang sedang dalam masa nifas,

¹⁴¹ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 4, h. 2041.

¹⁴² Zamakhshārī (1998). *Tafsir Kashshāf*, j. 1, h. 497. Rujuk juga al-Marāghī (2001). *Tafsir Marāghī*, j. 2, h. 610-611.

¹⁴³ Tanah Hijaz ialah kawasan antara Tihamah dan Najd di semenanjung Tanah Arab. Rujuk Noresah Baharom (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, h. 397.

¹⁴⁴ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j. 3, h. 264.

¹⁴⁵ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j.6, h. 172.

¹⁴⁶ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j.4, h. 2041.

¹⁴⁷ Ibn Kathīr (2008), *Ibn Katsīr*, j5, h.325.

kerana ia mudah dicerna, lazat dan mengandungi kalori yang tinggi.¹⁴⁸ Selain daripada itu, menurut al-Rāzī (m. 606H), penyebutan *ruttob* dalam ayat ini adalah kerana *ruttob* mempunyai dua faedah iaitu yang pertama sebagai makanan dan minuman, manakala kedua sebagai penghibur hati kepada Saidatina Maryam. Ayat seterusnya Allah s.w.t berkata “makan dan minumlah...” merupakan isyarat bahawa keperluan wanita yang dalam nifas terhadap makanan melebihi keperluan terhadap air untuk memperbanyakkan darah.¹⁴⁹ Ibn Hajar al-Asqalani dalam syarah *Sahih Bukhari* memetik kata-kata Syaqq bin Salamah yang diriwayatkan oleh ‘Abd bin Humaid, katanya “*Sekiranya Allah mengetahui ada yang lebih baik bagi perempuan yang akan melahirkan anak daripada ruttob, tentu Saidatina Maryam akan diperintahkan untuk mendapatkannya*”. Begitu juga dengan al-Rabi’ bin Khuthaim yang berkata “*Tidak ada (yang lebih baik) bagi perempuan melahirkan anak seperti ruttob, dan tidak ada (yang lebih baik) bagi orang yang sakit seperti madu*”.¹⁵⁰

Selain daripada itu, dalam kebanyakan ayat, lafaz kurma kebiasaannya akan didahului dengan perkataan *thamarat* dan *fakihah* yang bermaksud buah-buahan. Menurut al-Marāghī (m. 1371H), Allah s.w.t menyebutkan buah-buahan terlebih dahulu kerana buah-buahan itu dimakan untuk memenuhi keperluan sahaja. Kemudian, Allah s.w.t menyebut kurma kerana kurma adalah buah dan juga makanan.¹⁵¹ Walaupun kurma sudah termasuk dalam buah-buahan, tetapi penyebutannya secara khusus adalah

¹⁴⁸ M. Quraisy Shihab (2002), *Tafsir Miṣbāḥ*, j. 8, h. 170.

¹⁴⁹ Al-Rāzī (1981), *Tafsir Fakh al-Rāzī*, j. 21, h. 207. Rujuk juga Zamakhshāri (1998), *Tafsir Kashshāf*, j. 4, h. 13-15.

¹⁵⁰ Sanad-sanad riwayat ini menurut Ibn Hajar al-Asqalani adalah sahih. Ibnu Abi Hatim dan Abu Ya’la meriwayatkan hadith daripada ‘Ali yang dinisbahkan kepada Rasulullah s.a.w, mafhumnya “Berilah makan orang yang melahirkan di antara kamu *ruttob*, apabila tiada maka kurma kering (tamr), tiada di antara pohon yang lebih mulia bagi Allah daripada pohon yang Maryam singgah di bawahnya. Sanad ini dikategorikan sebagai lemah oleh Ibn Hajar al-Asqalani. Rujuk Ibn Hajar al-Asqalānī (2008). *Fathul Baari : Penjelasan Kitab Shahih al Bukhari*. Jakarta : Pustaka Azzam, cet. 1, j. 26, h. 756-757.

¹⁵¹ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 14, h. 6751-6752. Makanan yang dimaksudkan di sini ialah makanan ruji. Buah tamar merupakan komponen penting dan makanan ruji bagi penduduk Arab. Rujuk Nicoli, M.C., M. Anese, and M. Parpinel (1999). Influence of processing on the antioxidant properties of fruit and vegetables. *Trends in Food Science & Technology*. 10: 94-100.

sebagai petunjuk tentang adanya keistimewaan yang dimiliki olehnya yang tidak dimiliki oleh buah-buahan lain.

3.3.1.2 Analisis Hadith-Hadith Tentang Kurma Mengikut Topik.¹⁵²

Hadith-hadith mengenai kurma tercatat dalam kitab-kitab berikut:

Jadual 3.2 : Hadith-hadith Mengenai Kurma dalam *Kutub al-Sittah*

No.	Kitab Hadith	Kitab	Bilangan hadith
1	Saḥīḥ Bukhārī	Kitab al ‘Ilm (4), Kitab al Tayammum (1), Kitab al Ṣolāh (5), Kitab al Azan (1), Kitab al A‘idin (1), Abwāb al Taqṣir (1), Kitab al Janā’iz (1), Kitab Zakāt (11), Kitab Faḍā’il Madinah (1), Kitab al Ṣaum (2), Kitab Faḍl Lailah al Qadar (1), Kitab al Buyū’ (29), Kitab al Kafālah (3), Kitab al Muzāra‘ah (2), Kitab al Musāqāh (4), Kitab al Istiqrād wa al Duyūn (3), Kitab Muḏālīm (2), Kitab Musyarakah (1), Kitab al Hibah wa Faḍluhā wa Takhris ‘Alaiha (1), Kitab al Hibah (3), Kitab al Ṣuluḥ (1), Kitab al Syurūṭ (2), Kitab al Waṣāyā (3), Kitab al Jihād (7), Kitab Ahadith Anbiyā’ (1), Kitab Manāqib (4), Kitab Manāqib al Anṣār (6), Kitab al Maghāzi (13), Kitab Tafsīr (3), Kitab al Nikāḥ (6), Kitab al Ṭalaq (1), Kitab Nafaqāt (2), Kitab Aṭ‘imah (11), Kitab al Aqiqah (1), Kitab al Ashribah (10), Kitab al Ṭib (5), Kitab al Adab (4), Kitab al Isti’zān (2), Kitab al Riqāq (4), Kitab al Iman wa al Nuzur (1), Kitab Kifah al Iman (3), Kitab al Ta’bīr (1), Kitab Akhir al Ahad (1), Kitab al ‘Itiṣām (2).	172
2	Sahih Muslim	Kitab al Iman (2), Kitab al Ṭaharah (1), Kitab al Solāh (3), Kitab al Zakāh (13), Kitab al Ṣaum (3), Kitab al Ḥaj (1), Kitab al Nikāḥ (4), Kitab al Talaq (1), Kitab al Buyū’ (28), Kitab al Musāqāh wa al Muzāra‘ah (6), Kitab al Musāqāh (14), Kitab al Qasāmah (1), Kitab al Maghāzi (3), Kitab Jihād (1), Kitab al Imārah (2), Kitab al Ṣayd (2), Kitab al Ashribah (26), Kitab al Aṭ‘imah (8), Kitab al Adab (2), Kitab al Ṭib (1), Kitab al Ru’yah (1), Kitab Faḍā’il (3), Kitab Faḍāil Ṣahabah (1), Kitab al Bir (1), Kitab al Taubah (5), Kitab al Fitān (3), Kitab al	136

¹⁵² Pencarian hadith-hadith mengenai tumbuhan yang tercatat dalam al-Qur’an ini hanyalah terhadap hadith-hadith kutub sittah sahaja.

		Zuhud (5).	
3	Sunan Tirmidhi	Kitab Ṭahārah (1), Kitab al Ṣalah (1), Kitab al Ṣiyām (2), Kitab al Zakāt (6), Kitab al Nikāḥ (2), Kitab al Ṭalaq (2), Kitab al Tijārāt (9), Kitab al Aḥkām (7), Kitab al Farāid (1), Kitab al Jihād (2), Kitab al Aṭ‘imah (9), Kitab al Ashribah (5), Kitab al Ṭib (1), Kitab al Libās (1), Kitab al Adab (1), Kitab al Ru’ya (1), Kitab al Fitān (2), Kitab al Zuhd (5).	58
4	Sunan Ibn Majah	Kitab al Ṭahārah (1), Kitab al Ṣalah (1), Kitab al Zakāt (5), Kitab al Ṣaum (4), Kitab al Buyū’ (9), Kitab al Sayr (1), Kitab al Aṭ‘imah (2), Kitab al Ashribah (4), Kitab al Farāid (1), Kitab al Fitān (1), Kitab al Zuhd (1), Kitab al Isti’zān (1), Kitab al Amthāl (1), Kitab Fadāil Qur’an (1), Kitab al Tafsīr (7), Kitab al Da’awat (2), Kitab al Manāqib (3).	45
5	Sunan Nasa’i	Kitab Masājid (1), Kitab Ṣalah (2), Kitab al Zakāt (19), Kitab al Nikāḥ (1), Kitab al Talaq (2), Kitab al Waṣāya (4), Kitab al Muzāra’ah (6), Kitab al Ṣayd wa al Zabā’ih (3), Kitab al Buyū’ (14), Kitab al Qasāmah (1), Kitab al Ashribah (32).	86
6	Sunan Abu Dawud	Kitab Ṭahārah (1), Kitab Solāt (3), Kitab Zakāt (11), Kitab Manāsik (3), Kitab al-Ṭalaq (2), Kitab al Ṣaum (4), Kitab al Jihād (2), Kitab al Farāid (1), Kitab al Kharaj (4), Kitab al Buyū’ (14), Kitab al Qada’ (2), Kitab al Ashribah (5), Kitab al Aṭ‘imah (7), Kitab al Ḍiyāt (1), Kitab al Adab (3).	63
Jumlah			560

Jumlah keseluruhan hadits mengenai kurma yang terdapat dalam sunan sittah ialah sebanyak lima ratus enam puluh (560) hadits yaitu seratus tujuh puluh dua (172) dalam *Sahih Bukhari*, seratus tiga puluh enam (136) dalam *Sahih Muslim*, lima puluh lapan (58) dalam *Jami’ al-Sahih al-Tirmidhi*, empat puluh lima (45) dalam *Sunan Nasa’i*, lapan puluh enam (86) dalam *Sunan Ibn Majah* dan enam puluh tiga (63) dalam *Sunan Abu Dawud*. Walaubagaimanapun, penulis hanya memilih beberapa hadits yang berkaitan dengan penggunaan kurma dalam aspek kesihatan. Hadith-hadith dibincangkan mengikut kategori tertentu. Pengkategorian hadith-hadith ini adalah

berdasarkan huraian hadith daripada kitab syarah hadith. Penyelidik mengkategorikan hadith-hadith tentang kurma kepada 11 topik seperti dalam jadual berikut:

Jadual 3.3 : Analisis Hadith-Hadith Berkaitan Kurma Mengikut Topik

Bil	Topik	Bilangan Hadith
1	Makanan Nabi dan Ahli Keluarga	3
2	Kurma Ketika Puasa dan 'Idul Fitri	3
3	Minuman Daripada Kurma	4
4	Kebaikan Kurma 'Ajwah	2
5	Kombinasi Makanan Nabi s.a.w	5
6	Keberkatan Kurma	2
7	Kepentingan Kurma	1
8	Kurma Dalam Pencegahan Penyakit	1
9	Kepentingan Makan Malam	1
10	Kurma Untuk Tahnik Bayi Baru Lahir	1
11	Adab Ketika Makan	2
Jumlah		25

Berdasarkan jadual di atas, hadith-hadith yang berkaitan dengan kurma dapat dibahagikan kepada 11 topik. Topik pertama (1) ialah kurma sebagai makanan Nabi s.a.w dan ahli keluarga Baginda s.a.w yang mengandungi tiga (3) hadith. Topik kedua (2) ialah kurma ketika berpuasa dan menyambut 'idul fitri yang mengandungi tiga (3) hadith. Topik ketiga (3) pula ialah hadith-hadith mengenai minuman daripada kurma yang mengandungi empat (4) hadith. Topik kelima (5) adalah hadith-hadith yang berkaitan dengan kebaikan kurma 'ajwah yang mengandungi dua (2) hadith. Topik yang

keenam (6) pula berkenaan dengan kombinasi makanan Nabi s.a.w yang mengandungi lima (5) hadith. Topik ketujuh (7) adalah berkaitan dengan keberkatan tamar yang mengandungi dua (2) hadith. Topik kelapan (8) dan kesembilan (9) pula adalah berkaitan dengan kepentingan tamar dan kurma dalam pencegahan penyakit yang masing-masing mengandungi satu (1) hadith. Topik kesepuluh (10) ialah berkenaan dengan kurma untuk mentahnik bayi yang mengandungi satu (1) hadith. Topik kesebelas (11) ialah mengenai adab ketika makan yang mengandungi satu (1) hadith. Hadith-hadith yang dikemukakan ini tidak mengambilkira pengulangan matan yang sama daripada perawi yang berbeza. Seterusnya, berikut adalah penjelasan hadith-hadith tersebut berdasarkan pengelasan topik-topik yang dikemukakan penulis.

3.3.1.2.1 Makanan Nabi dan Ahli Keluarga

Topik pertama yang penulis kemukakan ialah hadith mengenai kurma sebagai makanan Nabi dan ahli keluarga baginda. Berikut adalah tiga (3) contoh hadith yang dikemukakan.

3.3.1.2.1 (a) Hadith 1

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا تُوُفِّيَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ شَبَعْنَا مِنَ
الْأَسْوَدَيْنِ التَّمْرَ وَالْمَاءَ

Terjemahan:

Saidatina Aisyah r.a berkata, “Nabi s.a.w wafat ketika kami kenyang dengan dua benda iaitu tamar dan air.”¹⁵³

¹⁵³ Muhammad b. Isma'il Abu Abd Allah al-Bukhari, selepas ini al-Bukhari (2000). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bab Man Akala Hatta Shubbā'. Kitab al-Aṭ'imah. Bab Man Akala Hatta Shab'a. No. hadith, 5383. Riyadh : Dar al-Salam Li al-Nashr wa al-Tauzī', h. 465.

3.3.1.2.1 (b) Hadith 2

حَدَّثَنَا هِشَامٌ أَخْبَرَنِي أَبِي عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ كَانَ يَأْتِي عَلَيْنَا الشَّهْرُ مَا نُوقِدُ فِيهِ نَارًا إِلَّا مَا هُوَ التَّمْرُ وَالْمَاءُ إِلَّا أَنْ نُؤْتَى بِاللَّحْمِ.

Terjemahan :

Daripada Hisyam : Saidatina A'isyah telah memberitahuku, katanya , “telah datang kepada kami satu bulan yang dapur kami tidak menyala, dan yang ada hanyalah tamar dan air, kecuali jika ada yang datang memberi daging.”

3.3.1.2.1 (c) Hadith 3

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَوْسِيُّ حَدَّثَنِي ابْنُ أَبِي حَازِمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ يَزِيدَ بْنِ رُوْمَانَ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّهَا قَالَتْ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ مَا أَكَلَ آلُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكَلْتَيْنِ فِي يَوْمٍ إِلَّا إِحْدَاهُمَا تَمْرٌ¹⁵⁴

Terjemahan:

Daripada A'isyah r.a., katanya “ Ahli keluarga Muhammad s.a.w tidak akan makan dua kali sehari, kecuali salah satunya ialah tamar.”¹⁵⁵

Berdasarkan dua (2) hadith di atas, terdapat dua perkara utama yang menjadi yang boleh dibincangkan, pertama (1) ialah kezuhudan Rasulullah s.a.w dan bagaimana Rasulullah s.a.w mendidik ahli keluarganya tentang zuhud. Kedua (2) ialah tentang kurma yang mudah didapati. Hadith pertama (1) menyatakan tentang bagaimana keadaan ahli keluarga Rasulullah s.a.w, iaitu ketika Baginda s.a.w wafat, mereka hanya kenyang dengan kurma dan air. Al-Karmani berpendapat hadith ini merupakan kiasan bahawa ahli keluarga Rasulullah s.a.w tidak pernah kenyang. Hadith ini berkait rapat dengan hadith kedua yang menunjukkan kezuhudan Rasulullah s.a.w dan ahli keluarga

¹⁵⁴ Al-Bukhari (2000). *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Kitab al-Riqāq. Bab Kayfa Kāna ‘Īsya Nabi Muhammad s.a.w Wa Aṣḥābihi Wa Takhallihim ‘An Dunya?. No. Hadith, 6455, h. 542. Rujuk juga, Abi al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj Ibn Muslim al-Qusyairi al-Naisaburi, selepas ini Muslim (2000). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab al-Zuhd. Bab al-Dunya Sijn al-Mu’min Wa Jannah lil Kāfir. No. Hadith, 7448, Riyadh : Dar al-Salam Li al-Nashr wa al-Tauzi’, h. 1193.

¹⁵⁵ Ahmad Ibn ‘Ali Ibn Hajar al-Asqalani, selepas ini Ibn Hajar al-Asqalani (2001). *Fath al-Bārī Bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Imam Abi Abdullah Muhammad Ibn Ismā’il al-Bukhārī*. Riyadh : Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah, j.11, h. 298.. Rujuk Al-Bukhārī (2000). *Ṣaḥīḥ Bukhārī*., No. Hadith, 6458. Rujuk juga, Abi ‘Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Raba’iyy Ibn Majah al-Qazwini, selepas ini Ibn Majah (2000). *Sunan Ibn Majah*. Kitab al-Zuhud. Bab Ma’ishat Ali Muhammad. No. Hadith 4144, Riyadh : Dar al-Salam Li al-Nashr wa al-Tauzi’, h. 2727.

Baginda s.a.w, dimana Saidatina Aisyah r.a. menyatakan terdapat satu bulan yang mereka tidak memasak melainkan dengan hanya memakan kurma dan air.

Ibn Hajar al-Asqalani (m. 852H) pula memberi tumpuan terhadap perkataan kenyang dalam hadith ini. Menurut beliau, perkataan kenyang di sini adalah merujuk kepada kurma. Air disebutkan sebagai isyarat bahawa kenyang itu sempurna dengan kurma dan air. Kata penghubung ‘dan’ dalam ayat ini bermaksud ‘bersama’. Maksudnya kenyang itu bukanlah disebabkan air. Ketika disebutkan kurma dengan satu sifat, iaitu hitam, maka kepuasan makan dan minum disebutkan dengan satu perkataan iaitu kenyang. Penamaan air dengan sebutan *aswad* (yang hitam) berdasarkan *taghlib* (dominasi kata yang satu terhadap yang lain). Begitu juga dengan penggunaan kata *al syab’a* (puas makan) di tempat *al ray* (puas minum). Orang arab biasa menggunakannya pada perkara yang bergandingan.¹⁵⁶

Perkara kedua (2) yang dapat dibincangkan daripada syarah hadith ialah, kurma mudah didapati. Merujuk kepada hadith ketiga (3), ia menunjukkan kurma adalah makanan paling mudah untuk didapati. Ini juga menunjukkan Baginda s.a.w dan ahli keluarga makan hanya sekali sehari, jika dua kali sekalipun, maka salah satunya ialah tamar. Hal ini kerana tanah Arab sememangnya subur dengan pohon tamar. Kesimpulan daripada syarah ketiga-tiga hadith ini, penulis berpendapat kurma merupakan buah yang sangat efektif sebagai sumber bekalan tenaga kepada manusia.

3.3.1.2.2 Kurma Ketika Berpuasa dan Menyambut ‘Idul Fitr

Topik kedua yang penulis kemukakan ialah hadith mengenai kurma ketika berpuasa dan menyambut ‘Idul Fitr. Penulis menggabungkan hadith mengenai puasa dan ‘Idul Fitr kerana kedua-dua peristiwa ini mempunyai kesinambungannya. Berikut adalah tiga (3) contoh hadith yang dikemukakan.

¹⁵⁶ Rujuk Ibn Hajar al-Asqalani (2008), *Fathul Bāri.*, h. 632-633 dan 758.

3.3.1.2.2 (a) Hadith 1

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ : عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ نِعَمَ سَحُورُ الْمُؤْمِنِ
التَّمْرُ¹⁵⁷

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah r.a, bahawasanya Nabi s.a.w bersabda, “Nikmat sahur bagi orang mukmin ialah tamar”.

3.3.1.2.2 (b) Hadith 2

أَنَّ بَنَ مَالِكٍ يَقُولُ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُفْطِرُ عَلَى رُطَبَاتٍ قَبْلَ
أَنْ يُصَلِّيَ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ رُطَبَاتٌ فَعَلَى تَمَرَاتٍ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ حَسَا حَسَوَاتٍ مِنْ مَاءٍ¹⁵⁸

Terjemahan: Anas ibn Malik berkata, bahawasanya Rasulullah s.a.w berbuka puasa dengan beberapa biji rutob sebelum solat, jika tiada *ruttab*, maka Rasulullah akan mengamil tamar, jika tiada baginda akan meminum air.

3.3.1.2.2 (c) Hadith 3

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَغْدُو يَوْمَ الْفِطْرِ
حَتَّى يَأْكُلَ تَمَرَاتٍ¹⁵⁹

Terjemahan:

Anas bin Malik r.a. meriwayatkan, “Sesungguhnya Rasulullah s.a.w tidak akan memulakan hari raya aidil fitri sehinggalah dia memakan beberapa biji tamar.”¹⁶⁰

Merujuk kepada hadith yang pertama (1), hadith ini diletakkan di dalam bab menyamakan makan sahur dengan makan tengahari. Ini kerana makan sahur dapat memberi kekuatan kepada orang yang berpuasa semasa siang harinya.¹⁶¹ Hadith kedua (2) pula menerangkan hikmah memakan kurma dahulu ketika berbuka puasa kerana kurma berupaya memberi tenaga segera. Selain itu ia juga merupakan isyarat kepada kemanisan iman, dan isyarat kepada musnahnya kepahitan kemungkaran.¹⁶²

¹⁵⁷ Abu Dawud (2000), *Sunan Abu Dawūd*. Kitab al-Ṣiyām. Bab Man Samma al-Suḥur Bi al-Ghadā'. No. Hadith, 2345, h.1397.

¹⁵⁸ *Ibid*. Kitab al Ṣiyām. Bab Ma Yuftir 'Alaih, No. Hadith, 2356, h.1398. Rujuk juga al-Tirmizi (2000), *Jami' Ṣaḥīḥ Sunan Tirmidhi*. Kitab al-Ṣaum. Bab Ma Ja'a Ma Yustahib 'Alaihi al Ifṭār. No. Hadith 694 dan 696, h. 1715. Rujuk juga, Ibn Majah (2000), *Sunan Ibn Majah*. Kitab al-Ṣiyām. Bab Ma Ja'a 'Ala Ma Yustahib al Fitr. No. Hadith, 1699, h. 2578.

¹⁵⁹ Al-Bukhari (2000). *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Kitab al-'A'idain. Bab al Akli Yaum al-Fitri Qabl al-Khuruḥ, No.953, h.75. Rujuk juga, Ibn Majah (2000). *Sunan Ibn Majah*. Bab Fi Akl Yaum al Fitr Qabla An Yakhruḥ. No. Hadith 1754, h. 2581.

¹⁶⁰ Ibn Hajar al-Asqalani (2001), *Fathul Bārī*, j. 2, h. 518.

¹⁶¹ Rujuk, Abādī (1968). *'Aunul Ma'būd*, j. 6, h. 470.

¹⁶² Khalil Ahmad Saharanfuri (t.t). *Baz al-Majhūd*, Beirut : Dar al-Kutub al 'Ilmiyah, j. 11, h. 159.

Kesinambungan daripada berbuka puasa, hadith ketiga menerangkan bahawa Rasulullah s.a.w makan terlebih dahulu sebelum menunaikan solat sunat aidil fitri untuk menghilangkan kelaziman puasa, manakala hikmah memakan kurma pula ialah rasa manis kurma itu dapat menerangkan penglihatan dan manis itu diumpakan seperti iman. Pada pendapat penulis, ketiga-tiga hadith ini jelas menunjukkan khasiat kurma dalam membekalkan tenaga. Seperti hadith pertama (1) yang menyamakan kurma dengan makan tengahari dan hadith kedua (2) dan ketiga (3) menerangkan bagaimana kurma dapat memberi tenaga segera setelah seharian atau sebulan berpuasa.

3.3.1.2.3 Minuman daripada kurma

Topik ketiga yang dikemukakan ialah minuman daripada kurma. Penulis mengemukakan empat (4) hadith untuk dibincangkan dalam topik ini.

3.3.1.2.3 (a) Hadith 1

عَنْ سَهْلِ قَالَ لَمَّا عَرَسَ أَبُو أُسَيْدٍ السَّاعِدِيُّ دَعَا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابَهُ فَمَا صَنَعَ لَهُمْ طَعَامًا وَلَا قُرْبَةً إِلَيْهِمْ إِلَّا أَمْرَأَتُهُ أُمُّ أُسَيْدٍ بَلَّتْ تَمْرَاتٍ فِي ثَوْرٍ مِنْ حِجَارَةٍ مِنَ اللَّيْلِ فَلَمَّا فَرَغَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الطَّعَامِ أَمَاتَتْهُ لَهُ فَسَقَنَهُ نَحْفُهُ بِذَلِكَ¹⁶³

Terjemahan :

Daripada Sahl, katanya “Ketika majlis perkahwinan Abu Usaid al-Sa’idi, Baginda s.a.w dan para sahabat dijemput, mereka dihidangkan tamar yang direndam dalam *tur* dan direndam semalaman. Nabi s.a.w meminumnya sehingga habis.¹⁶⁴

3.3.1.2.3 (b) Hadith 2

نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُجْمَعَ بَيْنَ التَّمْرِ وَالزَّهْوِ وَالتَّمْرِ وَالزَّيْبِ وَلْيُنْبَذَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا عَلَى حِدَةٍ¹⁶⁵

¹⁶³ Al-Bukhārī (2000). *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Kitab al-Nikāḥ. Bab al-Naqī’ Wa al-Sharab Allazi La Yuskiru Fi al-‘Urus. No. Hadith, 5182, h. 448. Rujuk juga , Kitab al-Ashribah. Bab al-Intibaz Fi al Au’iyah Wa al Tur. No. Hadith 5591, h. 480.

¹⁶⁴ Rujuk Ibn Hajar al-Asqalāni (2001), *Fath al Bārī*, j. 9, h. 160.

¹⁶⁵ Al-Bukhari (2000), *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Kitab Ashribah. Bab Man Ra’a An Yakhliṭ al-Busra wa al-Tamar Iza Kānā Muskirān, Wa An La Yaj’al Idamain Fi Idam. No. Hadith 5602, h.481. Rujuk juga, Muslim

Terjemahan:

Rasulullah s.a.w melarang untuk mencampurkan antara tamar dan zahwi, dan antara tamar dan kismis, tetapi hendaklah masing-masing dibuat nabiz secara berasingan.

3.3.1.2.3 (c) Hadith 3

الْحَكَمَ عَنْ ابْنِ أَبِي لَيْلَى عَنْ رَجُلٍ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ الْبَلْحِ وَالْزَّيْبِ وَالزَّمْرِ¹⁶⁶

Terjemahan : Daripada seorang sahabat Nabi s.a.w, bahawasanya Nabi s.a.w, melarang (campurkan) balah dengan tamar dan kismis dengan tamar.

3.3.1.2.3 (d) Hadith 4

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى أَنْ يُنْبَذَ الْبُسْرُ وَالرُّطْبُ جَمِيعًا¹⁶⁷

Terjemahan : Daripada Jabir bin Abdillah, bahawasanya Rasulullah s.a.w menegah membuat nabiz *busr* dan *rutob* secara bersama (dicampurkan keduanya).

Berdasarkan empat (4) hadith di atas, terdapat 2 perkara yang boleh dibincangkan iaitu yang pertama minuman yang dibenarkan dan yang kedua minuman yang ditegah. Merujuk kepada hadith yang pertama (1), Rasulullah s.a.w menghadiri perkahwinan Abu Usaid al-Saidi. Baginda dihidangkan dengan air rendaman tamar. Tamar direndam di dalam *tur* (bekas air yang diperbuat daripada batu). Tamar direndam di dalam air atau dipicit di dalam air sehingga terlerai bahagian-bahagiannya. Air ini direndam dari tengah malam hingga tengah hari. Perkara kedua pula adalah merujuk kepada hadith kedua (2), ketiga (3) dan keempat (4). Ketiga-tiga hadith ini menunjukkan larangan Rasulullah s.a.w dalam mencampurkan *tamar* dan *zahw*, *tamar* dan *balh*, *tamar* dan *busr*, *busr* dan *ruttob* dan juga *tamar* dan *zabib* (kismis). *Zahw*, *balh*, *busr* dan *ruttob* merupakan peringkat-peringkat kematangan buah kurma.

(2000). *Shāḥīḥ Muslim*, Kitab al-Ashribah. Bab Bayan An Jama'a , Mimma Yattakhiz Min al-Nakhl Wa al-'Inab Yusamma al-Khamr. No. Hadith 5152, h. 1032.

¹⁶⁶ Abi 'Abd Rahman Ahmad bin Syu'aib ibn 'Ali ibn Abi Sinan al-Nasā'ī, selepas ini Nasā'ī (2000). *Sunan al-Nasā'ī*. Kitab Ashribah. Bab Naha al-Bayan An Syarab Nabiz al-Kholitin al-Raji'ah Ila Bayan al-Balah wa al-Tamr. No. Hadith, 5549. Riyadh : Dar al-Salam Li al-Nashr wa al-Tauzi', h. 2442.

¹⁶⁷ Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Surah Ibn Musa al-Tirmizi, selepas ini al-Tirmizi (2000). *Jami' al-Tirmizi*. Kitab al-Ashribah. Bab Ma Ja'a Fi Khalit al-Busr wa al-Tamr. No. Hadith 1876. Riyadh : Dar al-Salam Li al-Nashr wa al-Tauzi', h. 1841.

Kesimpulannya, pada pendapat penulis, larangan Rasulullah s.a.w ini tentunya mempunyai sebab yang tersendiri dan perbincangan lanjut mengenai hal ini akan dikupas oleh penulis dalam bab lima (5).

3.3.1.2.4 Kebaikan Kurma ‘Ajwah

Topik ketiga yang dikemukakan ialah minuman daripada kurma. Penulis mengemukakan empat (4) hadith untuk dibincangkan dalam topik ini.

3.3.1.2.4 (a) Hadith 1

أَخْبَرَنَا عَامِرُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ تَصَبَّحَ كُلَّ يَوْمٍ سَبْعَ تَمَرَاتٍ عَجْوَةٍ لَمْ يَضُرَّهُ فِي ذَلِكَ الْيَوْمِ سُمٌّ وَلَا سِحْرٌ¹⁶⁸

Terjemahan:

Daripada ‘Amir ibn Sa’id bahawa bapanya berkata, “Berkata Rasulullah s.a.w, barangsiapa yang bersarapan dengan tujuh biji tamar ‘ajwah, maka racun dan sihir tidak akan membahayakannya.

3.3.1.2.4 (b) Hadith 2

عَنْ سَعْدِ قَالَ مَرَضْتُ مَرَضًا أَتَانِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعُودُنِي فَوَضَعَ يَدَهُ بَيْنَ تَنَدِيٍّ حَتَّى وَجَدْتُ بَرْدَهَا عَلَى فُؤَادِي فَقَالَ إِنَّكَ رَجُلٌ مَقْنُودٌ أَنْتَ الْحَارِثُ بْنُ كُلْدَةَ أَخَا تَقِيفٍ فَإِنَّهُ رَجُلٌ يَطْطَبُّ فَلْيَأْخُذْ سَبْعَ تَمَرَاتٍ مِنْ عَجْوَةِ الْمَدِينَةِ فَلْيَجَاهُنَّ بَنَوَاهُنَّ ثُمَّ لِيَلِدَنَّ بِهِنَّ¹⁶⁹

Terjemahan : Daripada Sa’ad, katanya, aku ditimpa sakit, dan datang kepadaku Rasulullah s.a.w, dan diletakkan tangannya di tengah-tengah dadaku dan aku rasakan kesejukannya ke dalam hatiku. Baginda s.a.w berkata : “Kamu sedang menghidap penyakit berkaitan jantung, pergilah berjumpa dengan Harith b. Kaladah, (seorang dari) Bani Thaqif. Dia akan memberimu rawatan perubatan. Dia akan mengambil 7 biji ‘ajwah daripada Madinah, dan mengisar isinya dan meletakkannya ke dalam mulut kamu.”

¹⁶⁸ Al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Kitab Aṭ’imah. Bab al-‘Ajwah, No. Hadith, 5445, h. 469. Rujuk juga, Kitab al-Ṭib. Bab al-Dawā’i Bil ‘Ajwah Lil Siḥr. No. Hadith, 5768 dan 5769, h. 493. Rujuk juga, Abi Dawud Sulaiman Bin al Ash’ath bin Ishaq al Azdi al Sajastani, selepas ini Abu Dawud (2000). *Sunan Abu Dawūd*. Kitab al-Ṭib. Bab Kurma ‘Ajwah. No. Hadith, 3876 dan 3895. Riyadh : Dar al-Salam Li al-Nashr wa al-Tauzi’. Rujuk juga Muslim (2000). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Riwayat oleh Sa’ad Ibn Abi Waqqas pula menyatakan *hatta yumsi* (sehingga petang), Kitab Ashribah. Bab Faḍl Tamr Madīnah. No. Hadith 5338, h. 1043.

¹⁶⁹ Abu Dawud (2000), *Sunan Abu Dawud*. Bab Fi Tamrāt al-‘Ajwah. No. Hadith, 3875, h. 1508.

Merujuk kepada hadith yang pertama (1), Ibn Hajar (m. 852H) menyatakan kurma ‘ajwah adalah kurma yang terbaik dan paling lembut di Madinah. Kurma ‘ajwah bukanlah kurma yang biasa kerana ia ditanam oleh Nabi s.a.w. sendiri di Madinah. Justeru itu, kurma ‘ajwah mempunyai banyak kelebihan berbanding kurma lain. Kurma ini lebih kecil dari kurma yang lain, saiznya sebesar ibu jari dan warnanya lebih hitam dari kurma yang lain. Al-Khattabi menyatakan kurma ‘ajwah bermanfaat bagi mengubati racun dan sihir adalah kerana keberkatan doa Nabi s.a.w, bukan kerana khasiat kurma itu sendiri. Sementara itu, Ibn al-Tin pula berpendapat, kemungkinan yang dimaksudkan di sini ialah kurma secara khusus yang terdapat di Madinah. Perbincangan mengenai hadith ini tidak dapat merungkai apakah kaitan kurma ‘ajwah dengan rawatan terhadap sihir. Al-Nawawi (M. 676H) berkata, ia hanya berkesan bagi orang yang memang telah menjadikan amalan makan kurma sebanyak tujuh biji pada waktu pagi, sebelum makan makanan lain sebagai satu tabiatnya setiap hari. Dan kurma yang dimakannya itu adalah daripada kurma jenis ‘ajwah. Sekiranya syarat-syarat ini tidak mencukupi, ia tidak akan mujarab, kecuali jika telah ditakdirkan Allah s.w.t. Imam Nawawi mengatakan umat Islam tidak perlu mempertikaikan tujuan pengkhususan sebanyak 7 biji kurma dalam hadith tersebut. Sebaliknya mereka perlu menerimanya sebagaimana mereka menerima ketetapan terhadap bilangan rakaat dalam solat dan kadar nisab dalam mengeluarkan zakat tanpa mempersoalkan hikmah dan kelebihannya.¹⁷⁰

Merujuk kepada hadith kedua (2) pula, hadith ini menerangkan Rasulullah s.a.w meletakkan tangan baginda di atas dada (pada bahagian jantung) Sa’ad. Kemudian Baginda s.a.w menyuruh Sa’ad berjumpa dengan Harith bin Khaladah yang merupakan seorang lelaki daripada Bani Thaqif. Harith merupakan orang yang tahu tentang ilmu

¹⁷⁰ Rujuk Ibn Hajar al-Asqalani (2000), *Fath al Bārī.*, j. 28, h. 435-440.. Al-Nawawi Muhyi al-Din (1998), *Sahih Muslim bi Syarh al-Imam Muhyi al-Din al-Nawawi*, Beirut : Dar al-Marifah, j. 13-14, cet. Kelima, h. 232.

perubatan. Baginda s.a.w berkata, bahawa Harith akan memberi Sa'ad 7 biji kurma 'ajwah. Tamar 'ajwah merupakan kurma yang terbaik di Madinah. Perkataan *falyaji'hunna* bermaksud tamar tersebut di dikisar hingga sebat dengan minyak sapi ataupun susu, sehinggalah kedua-duanya sebat.¹⁷¹ Kesimpulan daripada kedua-dua hadith ini ialah, kurma 'ajwah mempunyai kebaikan yang tersendiri dalam merawat penyakit.

3.3.1.2.5 Kombinasi makanan Nabi s.a.w

Topik kelima yang dibincangkan ialah kombinasi makanan Nabi s.a.w. Terdapat lima (5) hadith yang akan dibincangkan untuk melihat bagaimana pola pemakanan Nabi s.a.w.

3.3.1.2.5 (a) Hadith 1

عَبْدُ اللَّهِ بْنُ جَعْفَرٍ بْنُ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْكُلُ الرُّطَبَ بِالْقِثَاةِ¹⁷²

Terjemahan: Abdullah bin Ja'far bin Abi Talib r.a berkata, "Aku melihat Nabi s.a.w memakan *ruttob* dengan timun".¹⁷³

3.3.1.2.5 (b) Hadith 2

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْكُلُ الرُّطَبَ بِالْبَطِيخِ¹⁷⁴

Terjemahan : Daripada Sahl ibn Sa'd, Bahawa Rasulullah s.a.w memakan *ruttob* dengan tembikai.¹⁷⁵

¹⁷¹ Rujuk Abadi (1968), j. 10, h. 356-357.

¹⁷² Al-Bukhari (2000). *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Kitab Aṭ'imah. Bab Akala Rutṭob Bil Qiththā'. No. Hadith, 5440, h.469.

Rujuk Muhammad Idris al-Marbawi, selepas ini al-Marbawi (2008). *Bahru al-Mazi Syarah Mukhtasar Shahih al-Tirmizi*. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publication, j. 13, h. 3-4. Rujuk Ibn Hajar al-Asqalānī (2008), *Fath al Bari.*, j. 26, h. 777-778.

¹⁷⁴ Ibn Majah (2000). *Sunan Ibn Majah*. Kitab Aṭ'imah. Bab al Qiththa' Wa al Rutob Yajma'an. No. Hadith, 3326, h. 2678. Dalam hadith yang diriwayatkan daripada bapa Hisham Ibn 'Urwah, Saidatina A'ishah berkata, mafhumnya : "Bahawasanya Rasulullah s.a.w memakan rutob dengan tembikai, dan berkata " panas daripada ini akan dikurangkan dengan sejuk yang ini, dan sejuk yang ini dikurangkan dengan panas yang ini". 'Ini' merujuk kepada rutob dan tembikai. dan rujuk juga, Abu Dawud (2000), *Sunan Abu Dawud.*, Kitab Aṭ'imah. Bab Fī al-Jam'i Baina al-Lawnain 'Inda 'Akl. No. Hadith, 3836, h. 1505.

¹⁷⁵ Huraian hadith : Al-Marbawi menyatakan, tembikai bersifat sejuk dan rutob bersifat panas, oleh yang demikian apabila kedua-duanya dimakan sekali, ia akan memberi kesan keseimbangan pada badan. Al-Marbawi (2008), *Baḥrul Māzī.*, j. 12, h. 370-371.

3.3.1.2.5 (c) Hadith 3

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُوا الْبَلَحَ بِالْتَّمْرِ كُلُوا الْخَلْقَ بِالْجَدِيدِ¹⁷⁶ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَعْصَبُ وَيَقُولُ بَقِيَ ابْنُ آدَمَ حَتَّى أَكَلَ الْخَلْقَ بِالْجَدِيدِ

Terjemahan: Saidatina A'isyah berkata, Rasulullah s.a.w bersabda: “Makanlah balah (tamar muda) dengan tamar, makanlah yang lusuh (tamar) dengan yang baru (balah), sesungguhnya syaitan akan marah dan berkata “menetaplah anak Adam selagimana mereka memakan yang lama (tamar) dengan yang baru (balah)”¹⁷⁷.

3.3.1.2.5 (d) Hadith 4

عَنْ ابْنَيْ بُسْرِ السُّلَمِيِّينَ قَالَا دَخَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَدَّمْنَا زُبْدًا وَتَمْرًا وَكَانَ يُحِبُّ الزُّبْدَ وَالتَّمْرَ¹⁷⁸

Terjemahan : Daripada dua orang anak Busr al-Sulmiyyayni, mereka berdua berkata : “Telah datang kepada kami mentega dan tamar, sesungguhnya baginda menyukai mentega dan tamar.”¹⁷⁹

3.3.1.2.5 (e) Hadith 5

أَنَسًا يَقُولُ: قَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنِي بِصَفِيَّةَ فَدَعَوْتُ الْمُسْلِمِينَ إِلَى وَلِيمَتِهِ أَمَرَ بِالْأَنْطَاعِ فُبَسِطَتْ فَأَلْقَى عَلَيْهَا التَّمْرُ وَالْأَفْطُ وَالسَّمْنُ¹⁸⁰

Terjemahan:

Anas berkata, “Ketika Nabi s.a.w bersama dengan Safiyah buat pertama kali, aku mengajak kaum muslimin menghadiri walimahnyanya. Baginda menyuruh membentangkan tikar lalu diletakkan di atasnya kurma, keju dan minyak sapi.

Berdasarkan lima (5) hadith yang dikemukakan di atas, terdapat 5 kombinasi makanan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Pertama (1), *ruttāb* iaitu kurma basah dan timun, kedua (2) *ruttāb* dan tembikai, ketiga (3), tamar dan *balḥ* iaitu kurma muda

¹⁷⁶ Ibn Majah (2000). *Sunan Ibn Majah*. Kitab Aṭ'imah. Bab Akala al Balah bi al Tamr. No. Hadith, 3330, h.2678. Al-Busairi menyatakan hadith ini bertaraf da'if kerana di dalam sanadnya terdapat Abu Rakiz Yahya bin Muhammad bin Qais.

¹⁷⁷ Rujuk Jalal al-Din Abd Rahman Ibn Kabir al-Suyuti, selepas ini al-Suyuti (2007). *Shuruh Sunan Ibn Majah*. Ditahqiq oleh Ra'id Ibn Sabri Ibn Abi 'Alfah. Amman : Bayt al-Afkar al-Duwaliyah, h. 1239.

¹⁷⁸ Abu Dawud (2000). *Sunan Abu Dawud*. Kitab al-Aṭ'imah. Bab Fi al-Jam'a Baina al-Lawnain 'Inda Akal. No. Hadith, 3837, h. 1505. Rujuk juga Ibn Majah (2000), *Sunan Ibn Majah*., Kitab Aṭ'imah. Bab al Tamr bi al Zabd. No. Hadith, 3334, h. 2678.

¹⁷⁹ Rujuk Shamsul Haq Abadi (1968). *Aun al-Ma'būd Syarah Sunan Abi Dawud*. Madinah : Al-Maktabah al-Salafiah, j. 10, h. 311.

¹⁸⁰ Al-Bukhari (2000). *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Bab al Khubzi Muraqqiq Wa Akli 'Ala Khiwan Wa Sufrah. No. Hadith, 5387, h. 465. Bab al-Akit. No. Hadith 5402, h. 466. Rujuk juga Kitab al-Nikah. Bab Ta'khaz al-Sarari Wa Man A'taqa Jariah Summa Tazawwajaha. No. Hadith 5085, h. 440. Rujuk juga, Bab Binā' Fi al-Safar. No. Hadith, 5159, h. 446. Rujuk juga Nasa'i. Kitab al-Nikah. Bab al-Bina' Fi al-Safar. No. Hadith 3384, h. 2306. Rujuk juga Ibn Majah, Kitab al-Nikah. Bab al walimah. No. Hadith 1912, h. 2591.

berwarna hijau, keempat (4), kurma dan mentega dan kelima (5) kurma dan keju. Al-Marbāwī (M. 1989M) menyatakan, timun ‘Arab apabila dimakan bersama *ruttāb* akan membuatkan seseorang itu sihat, *ruttāb* bersifat panas, manakala timun bersifat sejuk, apabila dimakan kedua-dua tersebut ia akan memberi keseimbangan pada badan. Ibn Hajar al-Asqalānī (M. 852H) membawa pendapat yang hampir sama apabila beliau menyatakan bahawa Imam al-Qurṭubī (M. 671H) berpendapat campuran itu meraikan sifat-sifat makanan secara *tabi’i* (kandungan) makanan tersebut dan penggunaannya dalam aspek perubatan. Sebagai contoh, *ruttob* adalah panas, manakala timun pula bersifat sejuk, sekiranya dimakan secara bersama ia akan menghasilkan kesan keseimbangan ke atas tubuh badan.¹⁸¹

3.3.1.2.6 Keberkatan tamar

3.3.1.2.6 (a) Hadith 1

حَدَّثَنَا عُمَرُ بْنُ حَفْصٍ بْنُ غِيَاثٍ حَدَّثَنَا أَبِي حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ قَالَ حَدَّثَنِي مُجَاهِدٌ عَنْ
عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ بَيْنَا نَحْنُ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
جُلُوسٌ إِذَا أَتَى بِجُمَارِ نَخْلَةٍ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ مِنَ الشَّجَرِ لَمَا
بَرَكَتُهُ كِبْرُكَةُ الْمُسْلِمِ فَظَنَنْتُ أَنَّهُ يَعْني النَّخْلَةَ فَأَرَدْتُ أَنْ أَقُولَ هِيَ النَّخْلَةُ يَا رَسُولَ
اللَّهِ ثُمَّ التَفَتْتُ فَإِذَا أَنَا عَاشِرُ عَشْرَةٍ أَنَا أَحَدُهُمْ فَسَكَتُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ هِيَ النَّخْلَةُ¹⁸²

Terjemahan: Daripada Abdullah ibn ‘Umar r.a, katanya,
“Ketika kami bersama Nabi s.a.w sedang duduk-duduk, tiba-

¹⁸¹ Ibn Hajar al-Asqalānī (2008), *Fath al Bārī*, j. 26, h. 639.

¹⁸² Al-Bukhari (2000). *Ṣaḥīḥ Bukhāry*. Kitab al-Aṭ‘imah. Bab Akala al-Jummār. No. Hadith, 5444, h. 469. Rujuk juga :

ابْنُ عُمَرَ: عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ مِنَ الشَّجَرِ شَجَرَةً تَكُونُ مِثْلَ الْمُسْلِمِ وَهِيَ النَّخْلَةُ

Terjemahan: Dari Ibn ‘Umar, “Nabi s.a.w bersabda, “Di antara pepohonan itu ada satu pohon yang menyerupai seorang muslim, ia adalah pohon kurma”. Bab Barakah al-Nakhlah. No. Hadith 5448, h. 469. Dalam satu riwayat lain :

عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ مِنَ الشَّجَرِ شَجَرَةً لَا يَسْقُطُ وَرَقُهَا وَهِيَ مِثْلُ الْمُؤْمِنِ حَدَّثُونِي مَا هِيَ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ فَوَقَعَ النَّاسُ فِي شَجَرِ الْبَوَادِي وَوَقَعَ فِي نَفْسِي أَنَّهَا النَّخْلَةُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هِيَ النَّخْلَةُ فَاسْتَحْيَيْتُ أَنْ أَقُولَ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ¹⁸²

Terjemahan : Daripada Ibn ‘Umar, bahawasanya Rasulullah s.a.w berkata : “Sesungguhnya ada suatu pohon yang tidak gugur daunnya dan itulah perumpamaan orang mu’min, katakan padaku, apakah pohon itu?,” Berkata Abdullah (Ibn ‘Umar), ramai yang meneka ianya pokok *al-bawadi*, aku meneka ia adalah pohon kurma. Maka berkata Nabi s.a.w, “ Ia adalah pokok kurma”. Aku malu untuk mengatakannya, kata Abdullah Ibn ‘Umar. Rujuk, al-Tirmizi (2000). *Jami’ al-Tirmidhi*. Kitab al-Amthāl. Bab Ma Jā’a Fi Mathāl al Mu’min al-Qarī’ lil Qur’an Wa Ghair al Qarī’. No. Hadith, 2867, h. 1939. Rujuk juga, Muslim (2000). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab al-Taubah. Bab Mathalu al Mu’min Mathalu al-Nakhlah. No. Hadith, 7098, hal 1167.

tiba di datangkan jummar (jantung kurma). Nabi s.a.w bersabda, “*Sesungguhnya diantara pepohonan ada yang memiliki keberkahan seperti keberkahan seorang muslim.*” Aku pun menduga yang beliau maksudkan ialah kurma. Aku ingin mengatakan “*Ia adalah kurma wahai Rasulullah*”, kemudian aku menoleh dan ternyata aku orang kesepuluh dari sepuluh orang dan aku paling muda di antara mereka. Maka aku pun diam. Nabi s.a.w bersabda, “*Ia adalah kurma*”.¹⁸³

3.3.1.2.6 (b) Hadith 2

عَنْ جَابِرٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ قَالَ سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ
غُرِسَتْ لَهُ نَخْلَةٌ فِي الْجَنَّةِ¹⁸⁴

Terjemahan : Daripada Jabir r.a, bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda : “Barangsiapa yang menyebut *subhanallah al-azim wa bi hamdihi*, ditanam untuknya pohon kurma di syurga.”

Keberkatan pokok kurma terletak pada setiap bahagiannya, kurma boleh bermandiri dalam pelbagai keadaan, buahnya boleh dimakan, dan setiap bahaginnnya dapat memberi manfaat. Merujuk kepada hadith kedua (2) pula, setiap kali diucapkan *subhannallah wa bihamdihi* akan ditumbuhkan sebatang pohon kurma di syurga, dikhususkan kepada kebbaikannya dan buahnya yang mempunyai faedah yang banyak. Oleh yang demikian Allah memberikan perumpamaan orang mukmin seperti pohon kurma dan buahnya.¹⁸⁵

3.3.1.2.7 Kepentingan tamar

3.3.1.2.7 Hadith 1 (a)

حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ عَمِيَّةٍ حَدَّثَنَا مَرْوَانُ بْنُ مُحَمَّدٍ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ حَدَّثَنِي هِشَامُ
بْنُ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ بَيْتٌ لَا تَمُرُّ فِيهِ حِيَاعٌ أَهْلُهُ¹⁸⁶

¹⁸³ Ibn Hajar Al-Asqalānī (2008). *Fatḥh al Bārī.*, j. 26, h. 764.

¹⁸⁴ Al-Tirmizi (2000), *Jamī' al Tirmidhi*. Kitab al Da'awat. Bab Ma Jā'a Fi Fadhāil Subhānallah wa Bihamdihi. No. Hadith, 3464, h. 2008.

¹⁸⁵ Hadith ini bertaraf hasan. Rujuk Abi al-'Ali Muhammad Bin Abd al-Rahman Ibn 'Abd Rahim al-Mubarakfuri (t.t). *Muqaddimah Tuḥfāt al Aḥwazī Syarh Jamī' al-Tirmizi*. Kaherah : Dar al-Fikr, j.9, h. 433.

¹⁸⁶ Abu Dawud (2000), *Sunan Abu Dawūd.*, Bab Fi al Tamr, No. Hadith, 3831, h.1505. Rujuk juga, Muslim (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab Ashribah. Bab Fi Iddikhal al Tamr wa Nahwihi Min al-Awqat lil

Terjemahan: Daripada ‘Aisyah r.a, katanya, Rasulullah s.a.w bersabda, “Rumah yang tiada tamar di dalamnya, akan laparlah ahlinya.”

Dalam menghuraikan hadith ini, Abādi (m. 1328H) memetik tiga pendapat.

Pertama, pendapat Abu Bakar bin al-Arabi yang menyatakan tamar itu adalah kekuatan mereka, sekiranya tiada di rumah mereka, maka akan laparlah ahli keluarga mereka. Pendapat kedua, daripada al-Taybi, yang mengatakan bahawa ia merujuk kepada sifat reda dalam keadaan negara yang kaya dengan tamar, sesiapa yang reda dengannya, maka dia tidak akan mengalami kelaparan dan ini juga menunjukkan kelebihan buah tamar.¹⁸⁷

3.3.1.2.8 Kurma dalam pencegahan penyakit

3.3.1.2.8 (a) Hadith 1

عَنْ عَبْدِ الْحَمِيدِ بْنِ صَنْفِيٍّ مَنْ وَلَدَ صُهَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ صُهَيْبٍ قَالَ قَدِمْتُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبَيْنَ يَدَيْهِ خُبْرٌ وَتَمْرٌ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ادْنُ فَكُلْ فَأَخَذْتُ أَكُلُ مِنَ التَّمْرِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَأْكُلُ تَمْرًا وَبِكَ رَمَدٌ قَالَ فَقُلْتُ إِنِّي أَمْضِعُ مِنْ نَاحِيَةِ أُخْرَى فَنَبَسَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ¹⁸⁸

Terjemahan: Daripada Suhaib, katanya, “Aku mendatangi Rasulullah s.a.w dan diantara kedua tangannya ialah roti dan tamar, baginda berkata, “dekatilah dan makanlah”, maka aku makan tamar itu, baginda bersabda “kamu memakan tamar sedangkan pada kamu sakit mata,” aku berkata, “aku mengunyahnya dari bahagian yang lain”, kemudian Rasulullah tersenyum.

‘Ayal. No. Hadith, 5336. Dikatakan Saidatina A‘isyah menyebut ‘laparlah ahli keluarganya’ sebanyak 2 atau 3 kali. Rujuk, *Ibid.* No. Hadith 5337. Rujuk juga Ibn Majah (2000). *Sunan Ibn Majah*, Kitab At’imah. Bab al-Tamr. No. Hadith, 2327, h. 2678. Satu lagi hadith yang diriwayatkan oleh Abi Rafi’, matannya (بَيْتٌ لَا تَمْرَ فِيهِ كَالْبَيْتِ لَا طَعَامَ فِيهِ), rumah yang tiada tamar di dalamnya seperti rumah yang tiada makanan di dalamnya. Rujuk, *Sunan Ibn Majah*, No. Hadith, 2328. Rujuk juga al-Tirmizi (2000), *Jami’ al-Tirmizi*. Kitab al-Aṭ’imah. Bab Ma Jā’a Fi Istihbāb al Tamr. No. Hadith, 1815, h. 1836.

¹⁸⁷ Abādi (1968), *Aun al Ma’būd.*, j. 10, h. 308.

¹⁸⁸ Ibn Majah (2000), *Sunan Ibn Majah*. Kitab al-Tib. Bab Fi Himyah, No. Hadith, 3443, h. 2684.

3.3.1.2.8 (a) Hadith 2

عَنْ أُمِّ الْمُنْذِرِ بِنْتِ قَيْسِ الْأَنْصَارِيَّةِ قَالَتْ دَخَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَعَهُ عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ وَعَلِيٌّ نَاقِيَةٌ مِنْ مَرَضٍ وَلَنَا دَوَالِي مُعَلَّقَةٌ وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْكُلُ مِنْهَا فَتَنَاولَ عَلِيٌّ لِيَأْكُلَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا بَا عَلِيٍّ إِنَّكَ نَاقِيَةٌ قَالَتْ فَصَنَعْتُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سِلْقًا وَشَعِيرًا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا عَلِيُّ مِنْ هَذَا فَأَصِيبُ فَإِنَّهُ أَنْفَعُ لَكَ¹⁸⁹.

Terjemahan : Ummu Munzir Binti Qais al-Ansariyyah berkata : “Rasulullah s.a.w telah datang kepada kami dan bersama Baginda s.a.w ialah Saidina Ali bin Abi Talib, ketika itu Ali baru sahaja sembuh dari sakitnya. Dan kami mempunyai buah kurma yang masih bergantung. Nabi s.a.w makan beberapa biji darinya. Kemudian Ali juga turut mengambilnya dan memakannya. Kemudian Rasulullah s.a.w bersabda : “Jangan wahai Ali, kamu baru sahaja sembuh”. Ummu Al Mundzir berkata, “Kemudian aku membuatkan makanan dari ubi dan gandum untuk Nabi s.a.w, Nabi s.a.w lalu bersabda: “Wahai Ali, makanlah makanan ini, kerana ia bermanfaat bagimu.”

Hadith pertama yang dikemukakan dalam topik ini dikelaskan oleh Imam Ibn Majah dalam kitab perubatan bab penjagaan. Al-Busairi menyatakan hadith ini sahih pada sanadnya.¹⁹⁰ Pada pandangan penulis, melalui hadith ini dapat difahami mengenai sifat buah kurma yang keras. Oleh kerana mata Suhaib r.a mengalami kesakitan, Baginda s.a.w khuatir beliau akan merasa kesakitan ketika mengunyah kurma tersebut. Oleh sebab yang demikian Suhaib r.a berkata, “*aku mengunyahnya dari bahagian yang lain*”. Berkenaan hadith kedua (2) pula, perbincangan para ulama’ adalah tertumpu kepada dua perkataan, iaitu yang pertama نَاقِيَةٌ (*Naqihun*) yang bermaksud belum sembuh sepenuhnya daripada sakit. Perkataan kedua ialah دَوَالِي (*Dawali*) bermaksud tandan daripada *busr*.¹⁹¹

¹⁸⁹ Ibn Majah (2000), *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Tib, Bab Fi Himyah, No. Hadith, 3442, h. 2648.

¹⁹⁰ Rujuk al-Şuyūṭi (2007), h. 1273.

¹⁹¹ Ra’id Sabri Abu ‘Ulfah (2007). Syuruh Sunan Ibn Majah. Amman : Bait al-Afkar al-Dauliah, h. 1273

3.3.1.2.9 Kepentingan makan malam

3.3.1.2.9 (a) Hadith 1

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَدَعُوا الْعِشَاءَ وَلَوْ بَكَفٍّ مِنْ تَمَرٍ فَإِنَّ تَرْكَهُ يُهْرِمُ¹⁹²

Terjemahan: Daripada Jabir r.a, katanya Rasulullah s.a.w bersabda jangan meninggalkan makan malam, makanlah walaupun sebiji tamar, sesungguhnya meninggalkannya akan menjadi tua.

Berkenaan dengan hadith di atas, al-Busairi menyatakan tarafnya adalah dhaif kerana terdapat Ibrahim bin Abdul Salam di dalam sanadnya.¹⁹³ Walaubagaimanapun, berkenaan ayat “*makanlah walaupun sebiji tamar*” dalam hadith ini menunjukkan keistimewaan kurma sebagai pembekal tenaga yang berkesan.

3.3.1.2.10 Kurma untuk mentahnik bayi baru lahir.

3.3.1.2.10 (a) Hadith 1

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ ذَهَبْتُ بِعَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي طَلْحَةَ الْأَنْصَارِيِّ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ وَلِدَ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي عَبَاءَةٍ يَهْنَأُ بَعِيرًا لَهُ فَقَالَ هَلْ مَعَكَ تَمَرٌ فَقُلْتُ نَعَمْ فَنَاولتهُ تَمَرَاتٍ فَأَلْقَاهُنَّ فِي فِيهِ فَلَاكِهِنَّ ثُمَّ فَعَلَ الصَّبْيُ فَمَجَّهَ فِي فِيهِ فَجَعَلَ الصَّبْيُ يَلْمِظُهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حُبُّ الْأَنْصَارِ التَّمَرُ وَسَمَاءُ عَبْدِ اللَّهِ¹⁹⁴

Dan Dari Anas r.a ia berkata: Saya bepergian dengan Abdullah bin Abu Talhah kepada Nabi saw ketika ia (Abdullah) dilahirkan, sedang Nabi saw mempersiapkan memberi makan unta beliau bersabda “adakah beserta engkau tamar? Aku jawab: ya ada. Maka aku serahkan beberapa tamar kepada beliau, Maka, beliau memasukkan kemulutnya, lalu ia mengunyahnya, lalu membuka mulut lalu mengunyahkannya, maka bayi itu memamahnyanya. Maka bersabda Rasulullah saw : Kesukaan orang ansar ialah tamar” maka baginda menamakan bayi itu Abdullah.

Merujuk kepada hadith di atas, ulama’ bersepakat, mentahnik bayi menggunakan tamar adalah lebih utama, namun sekiranya tidak dapat mentahnik

¹⁹² Ibn Majah (2000) . *Sunan Ibn Majah*. Kitab At’imah, Bab Tarki al ‘Ashā’, No. Hadith, 3355, h. 2629.

¹⁹³ Ra’id Sabri Abu ‘Ulfah (2007), h. 1247.

¹⁹⁴ Muslim (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab al-Adab. Bab Istihbāb Taḥnik al-Maulūd. No. Hadith 5612, h. 1060. Rujuk juga, Abu Dawud (2000), *Sunan Abu Dawūd*. Kitab al-Adab. Bab Fi Taghyir al-Asma’. No. Hadith, 4951, h. 1586.

menggunakan tamar, maka ianya merupakan petunjuk boleh digantikan dengan apa-apa yang lain yang manis.¹⁹⁵

3.3.1.2.11 Adab ketika makan

3.3.1.2.11 (a) Hadith 1

حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُعْجِيًا يَأْكُلُ تَمْرًا.¹⁹⁶

Terjemahan:

Daripada Anas ibn Malik, katanya, “Aku melihat Rasulullah s.a.w memakan kurma (dalam keadaan duduk)”.

3.3.1.2.11 (b) Hadith 2

حَدَّثَنَا جَبَلَةُ بْنُ سُحَيْمٍ قَالَ أَصَابَنَا عَامٌ سَنَةِ مَعَ ابْنِ الزُّبَيْرِ فَرَزَقَنَا تَمْرًا فَكَانَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ يَمُرُّ بِنَا وَنَحْنُ نَأْكُلُ وَيَقُولُ لَا تُقَارُوا فَإِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الْقِرَانِ ثُمَّ يَقُولُ إِلَّا أَنْ يَسْتَأْذِنَ الرَّجُلُ أَخَاهُ.¹⁹⁷

Terjemahan :

Daripada Jabalah ibn Suhaim, katanya “ Kami ditimpa musibah kebuluran, Ibn Zubair memberi kami tamar dan Abdullah ibn ‘Umar melalui dihadapan kami semasa kami makan, dan katanya “ jangan makan dua biji kurma serentak kerana sesungguhnya Nabi s.a.w melarang berbuat demikian kecuali seorang lelaki memberi izin kepada saudaranya.¹⁹⁸

Merujuk kepada kedua-dua hadith di atas, kedua-duanya menerangkan tentang adab ketika makan, pertama (1), makan dalam keadaan duduk dan kedua adab apabila makan secara beramai-ramai. Maksud larangan dalam hadith yang kedua (2) ialah larangan untuk memakan dua kurma sekaligus, yang mana larangan ini berlaku bagi siapa yang makan bersama orang lain. Ini menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang teliti dan prihatin dalam menjaga silaturrahim sesama muslim.

¹⁹⁵ Al-Nawawi (1929). *Minhaj Syarh Şaḥīḥ Muslim Bin Al-Hajjaj*. Kitab al-Adab, j. 14, h. 123.

¹⁹⁶ Muslim (2000). *Şaḥīḥ Muslim*. Kitab Aṭ‘imah. Bab Istihbāb Tawadū’ al-Akl Wa Şifātihi Qu’ūdah. No. Hadith, 5331, h.1043.

¹⁹⁷ Al-Bukhari (2000), *Şaḥīḥ Bukhārī*. Kitab al-Aṭ‘imah. Bab al-Qirān Fi al-Tamr. No. Hadith, 5446, h. 469. Rujuk juga Ibn Majah (2000), *Sunan Ibn Majah*. Kitab al-Aṭ‘imah. Bab al-Naha ‘An Qirān al-Tamr. No. Hadith 3331, h. 2678.

¹⁹⁸ Rujuk Ibn Hajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī*, j. 26, h. 766-767. Rujuk juga Abādī (1968), *‘Aun al-Ma’būd.*, j. 10, h. 310.

Berdasarkan hadith-hadith dan juga pengulangan perkataan kurma sebanyak 21 kali dalam al-Qur'an, ini merupakan petunjuk tentang kepentingan kurma. Kurma bukan sahaja terhad sebagai makanan, bahkan kurma juga digunakan sebagai penawar bagi penyakit-penyakit tertentu sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi.

3.3.2 'Inab dan A'nab (أَعْنَابُ / عِنَب)

Lafaz *al-'inab* atau *a'nab* adalah merujuk kepada anggur yang tercatat pada 11 ayat di dalam al-Qur'an. Kata tunggal bagi anggur ialah *'inabah* manakala kata gandanya ialah *al-'inab* dan *a'nab*.¹⁹⁹ Anggur disebut dalam al-Qur'an dengan perkataan *a'nab* sebanyak 6 kali, *al-a'nab* 2 kali, *a'naba* 1 kali, *i'naban* 1 kali, *'inabin* 1 kali.

3.3.2.1 Kelebihan anggur menurut Mufassir

Anggur merupakan buah yang paling kerap digandingkan bersama kurma dalam ayat al-Qur'an. Ini kerana antara kebahagiaan bagi orang Arab ialah apabila mempunyai kebun kurma dan juga anggur. Ia sangat berharga bagi mereka dan anggur juga mungkin antara buah yang terbaik di dunia.²⁰⁰ Anggur disebutkan secara khusus kerana mempunyai faedah yang begitu banyak.²⁰¹ Al-Rāzī (m. 606H) berpendapat anggur merupakan buah yang baik untuk orang yang sihat dan yang sakit, selain merupakan makanan masam yang paling lazat dan dapat diproses menjadi empat jenis makanan yang berbeza iaitu kismis, madu, cuka dan arak.²⁰² Hamka (m. 1981M) menyatakan penyebutan anggur menggambarkan ia buah-buahan yang sangat diperlukan vitamin

¹⁹⁹ Ibn Manzūr (t.t). *Lisan al-'Arab*, h. 3118.

²⁰⁰ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*, j. 3, h. 264.

²⁰¹ Al-Marāghī (2001), *Tafsir Marāghī*, j. 2, h. 610-611, 7442.

²⁰² Al-Rāzī (1994). *Mafātīḥ al-Ghayb*, j.13, h. 114-116.

dan kalorinya bagi manusia, justeru secara tidak langsung ia menggambarkan kepentingan buah-buahan sebagai zat makanan.

3.3.2.2 Analisis Hadith-Hadith Tentang Anggur dan Kismis (Anggur Kering).

Hadith-hadith mengenai anggur dan kismis tercatat dalam kitab-kitab berikut :

Jadual 3.4 : Hadith : Hadith-hadith Mengenai Anggur dan Kismis Dalam *Kutub Sittah*

No.	Kitab Hadith	Kitab	Bilangan hadith
1	Ṣaḥīḥ Bukhārī	Kitab al Tafsīr (2), Kitab al Ashribah (6), Kitab al Adab (1), Kitab al Jihād (1), Kitab al Maghāzī (2), Kitab al Ta'bir (1), Kitab al Zakah (2), Kitab al Buyū' (2).	10
2	Sahih Muslim	Kitab al Zakāh (3), Kitab al Ashribah (12), Kitab al Faḍā'il (1), Kitab al Buyū' (3), Kitab al Tafsīr (2), Kitab al Alfāz (3).	24
3	Sunan Tirmidhi	Kitab al Buyū' (2), Kitab al Zakāh (3), Kitab al Ashribah (2).	7
4	Sunan Ibn Majah	Kitab al Zakāh (1), Kitab al Janā'iz (1), Kitab al Ashribah (2), Kitab al Khaliṭīn (1), Kitab al Tijārāt (1), Kitab al Fitān (1), Kitab al Ṣiyām (1), Kitab al Aṭ'imah (1).	9
5	Sunan Nasa'i	Kitab al Zakāh (5), Kitab al Buyū' (1), Kitab al Ashribah (17).	27
6	Sunan Abu Dawud	Kitab al Zakāh (10), Kitab al Manāsik (2), Kitab al Ashribah (9), Kitab al Adab (1).	22
Jumlah			99

Terdapat sembilan puluh sembilan (99) hadith mengenai anggur atau anggur kering di dalam *kutub sittah*. Sepuluh (10) hadith dari Sahih Bukhari, dua puluh empat (24) hadith dari Sahih Muslim, tujuh (7) hadith dari Jami' al-Tirmizi, sembilan (9) hadith dari Sunan Ibn Majah, dua puluh tujuh (27) hadith dari Sunan Nasa'i dan dua puluh (22) hadith dari Sunan Abu Dawud. Hadith yang akan dibincangkan penulis adalah hadith-hadith dari *Kitab Ashribah* iaitu mengenai minuman.

3.3.2.2.1 Kismis dan kurma dalam minuman dan nabiz²⁰³

3.3.2.2.1 (a) Hadith 1

حَدَّثَنَا زِيَادُ بْنُ يَحْيَى الْحَسَنِيُّ حَدَّثَنَا أَبُو بَحْرٍ حَدَّثَنَا عَنَابُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ الْجَمَانِيُّ حَدَّثَنِي صَفِيَّةُ بِنْتُ عَطِيَّةَ قَالَتْ دَخَلْتُ مَعَ نِسْوَةٍ مِنْ عَبْدِ الْقَيْسِ عَلَى عَائِشَةَ فَسَأَلْنَاهَا عَنِ التَّمْرِ وَالزَّيْبِ فَقَالَتْ كُنْتُ أَخَذُ قُبْضَةً مِنْ تَمْرٍ وَقُبْضَةً مِنْ زَيْبٍ فَأَلْقَيْتُهُ فِي إِنَاءٍ فَأَمْرُسُهُ ثُمَّ أَسْقِيهِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ²⁰⁴

Terjemahan : Daripada ‘Uttab ibn Abd al-Aziz al-Himmaniyy, diceritakan daripada Safiyyah Bint ‘Atiyyah, katanya “Aku memasuki rumah A’isyah bersama wanita-wanita daripada Adb al-Qais, maka kami bertanya A’isyah tentang tamar dan kismis. Maka, kata A’isyah “Aku mengambil beberapa tamar dan beberapa kismis, dan aku memasukkannya ke dalam bekas dan aku rendamkannya, kemudian aku menghidangkannya kepada Nabi s.a.w.

3.3.2.2.1 (b) Hadith 2

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُبَدِّلُ لَهُ نَبِيذُ الزَّيْبِ مِنَ اللَّيْلِ فَيَجْعَلُهُ فِي سِقَاءٍ فَيَشْرِبُهُ يَوْمَهُ ذَلِكَ وَالْعَدَّ وَبَعْدَ الْعَدِّ فَإِذَا كَانَ مِنْ آخِرِ الثَّلَاثَةِ سَقَاهُ أَوْ شَرِبَهُ فَإِنْ أَصْبَحَ مِنْهُ شَيْءٌ أَهْرَاقَهُ²⁰⁵

Terjemahan : Daripada Ibn ‘Abbas, katanya, “Bahawasanya Rasulullah s.a.w dibuatkan kepadanya nabiz kismis daripada waktu malam, dan diletakkannya dalam bekas air pada hari tersebut, dan keesokan harinya, dan keesokannya lagi, dan pada akhir hari ketiga baginda meminumnya lagi, pada subuh kemudiannya, dibuangnya (nabiz tersebut).

3.3.2.2.1 (c) Hadith 3

نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُجْمَعَ بَيْنَ التَّمْرِ وَالزَّهْوِ وَالتَّمْرِ وَالزَّيْبِ وَلِئِنْ بَدَأَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا عَلَى حِدَةٍ²⁰⁶

Terjemahan:

Rasulullah s.a.w melarang untuk mencampurkan antara tamar dan zahwi, dan antara tamar dan kismis, tetapi hendaklah masing-masing dibuat nabiz secara berasingan.

²⁰³ Topik ini akan dibincangkan secara terperinci dalam bab 5.

²⁰⁴ Abu Dawud (2000), *Sunan Abu Dawud*. Kitab al-Ashribah. Bab Fi al-Khalitin. No. Hadith 3707, h. 1497.

²⁰⁵ Al-Nasa’i (2000). *Sunan al-Nasa’i*. Kitab al-Ashribah. Bab Zakara Ma Yajuz Sharabahu Min al-Anbizah wa Ma La Yajuz. No. Hadith, 5741, h. 2452.

²⁰⁶ Al-Bukhari (2000), *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Kitab Ashribah. Bab Man Ra’a An Yakhliṭ al-Busra wa al-Tamar Iza Kana Muskiran, Wa An La Yaj’al Idamain Fi Idam. No. Hadith 5602, h.481. Rujuk juga, Muslim (2000). *Sahih Muslim*. Kitab al-Ashribah. Bab Bayan An Jama’a, Mimma Yattakhiz Min al-Nakhl Wa al-‘Inab Yusamma al-Khamr. No. Hadith 5152, h. 1032.

3.3.2.2.1 (d) Hadith 4

الْحَكَمَ عَنْ ابْنِ أَبِي لَيْلَى عَنْ رَجُلٍ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ الْبَلَحِ وَالنَّمْرِ وَالزَّيْبِيبِ وَالنَّمْرِ²⁰⁷

Terjemahan : Daripada seorang sahabat Nabi s.a.w, bahawasanya Nabi s.a.w, melarang (campurkan) balah dengan tamar dan kismis dengan tamar.

Berdasarkan empat (4) hadith yang dikemukakan di atas, penulis dapat membahagikan perbincangan mengenai minuman yang mengandungi kismis ke dalam dua kategori. Pertama, nabiz daripada kismis sahaja, kedua nabiz daripada kismis dan campuran kurma. Melalui teks hadith, dapat difahami bahawa Rasulullah s.a.w meminum nabiz daripada kismis sahaja. Namun begitu, baginda s.a.w melarang membuat nabiz daripada campuran kismis dan kurma. Perbincangan lebih lanjut mengenai topik ini akan dikemukakan dalam bab kelima (5).

3.3.3 Zaytūn (الزيتون)

Zaytun tercatat pada 7 ayat di dalam al-Qur'an dengan perkataan *al-zaytun* sebanyak 4 kali, *zaytūna* 1 kali dan *zaytūnah* 1 kali. Manakala satu ayat yang lain tidak dinyatakan perkataan *zaytun*, tetapi perkataan *shajarah mubārakah* yang bermaksud pohon yang diberkati dalam ayat tersebut menggambarkan pohon *zaytūn* berdasarkan tafsiran ulama'. Maksud *zaytūn* menurut Ibn Manzur ialah pokok yang seperti semua ketahui, perkataan *zaytūnah* bermaksud sebiji buah zaitun manakala *zaytūn* menunjukkan banyak buah *zaytūn*. Perkataan *al-zayt* pula bermaksud minyak yang keluar daripada buah *zaytūn*.²⁰⁸

²⁰⁷ Al-Nasā'ī (2000), *Sunan al-Nasā'ī*. Kitab Ashribah. Bab Naha al Bayan An Syarab Nabiz al Kholitin al Raji'ah Ila Bayan al Balah wa al Tamr. No. Hadith, 5549, h. 2442.

²⁰⁸ Ibn Manzūr (t.t). *Lisān al-'Arab*, h. 1896.

3.3.3.1 Kelebihan zaytūn menurut mufasssir

Allah memuliakan pohon zaitun kerana buahnya yang banyak manfaat, segar dan apabila diperah akan mengeluarkan minyak yang sangat bermanfaat.²⁰⁹ Perahan minyaknya digunakan untuk kulit tubuh dan sebagai bahan dalam masakan²¹⁰ selain digunakan untuk menyalakan pelita.²¹¹

Melalui ayat Surah al-Nur : 35, Allah s.w.t berfirman “...daripada pohon yang berkat, tidak disebelah timur dan tidak di sebelah barat...”. Menurut Farooqi²¹², yang dimaksudkan dengan ayat ini memberi isyarat tentang habitat dan taburan pokok zaitun. Pokok zaitun berasal dari Phoenicia iaitu bahagian selatan Semenanjung Arab. Kemudian, ia di bawa ke Barat iaitu ke bahagian Eropah dan Afrika dan juga di bawa ke timur iaitu ke bahagian Afghanistan dan Iran. Selain daripada itu, keistimewaan zaitun yang digambarkan daripada ayat ini ialah minyaknya yang bercahaya walaupun tidak dinyalakan api padanya.²¹³ Minyak zaitun sangat berguna sebagai bahan api untuk menyalakan pelita atau lampu. Minyak zaitun yang mempunyai kualiti yang baik berwarna krim dan ada juga yang berwarna kehijau-hijauan, apabila diletakkan di dalam bekas kaca, ia akan bercahaya dan apabila dinyalakan lampu, cahayanya bertambah-tambah terang.²¹⁴

²⁰⁹ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr*., j.5, h. 579. Rujuk juga al-Rāzī (1981). *Tafsīr Fakh al-Rāzī*, j. 23, h. 89-90. Rujuk juga al-Zamakhshari (1998). *Tafsīr Zamakhshārī*., j. 4, h. 223.

²¹⁰ Al-Maraghi (2001), *Tafsīr Marāghī*., j. 9, h. 4628.

²¹¹ Ibn Kathīr (2008), *Tafsīr Ibn Katsīr*., j.8, h. 402-403.

²¹² Farooqi (2003), *Plants of The Qur'an*, h. 51.

²¹³ Hamka (1982), *Tafsir al-Azhar*., j.18, h.230.

²¹⁴ Farooqi (2003), *Plants of The Qur'an*., h. 53.

3.3.3.2 Analisis Hadith-hadith Mengenai Zaytūn.

Hadith-hadith mengenai zaytūn adalah tercatat dalam kitab-kitab berikut :

Jadual 3.5 : Hadith-hadith Mengenai Zaytūn Dalam *Kutub Sittah*

No.	Kitab Hadith	Kitab	Bilangan hadith
1	Saḥīḥ Bukhārī	Kitab al Tafsīr (1), Kitab al Ḥaj (2), Kitab al Aḍāḥī (1), Kitab al Zabā'ih wa al Aḍāḥī (1), Kitab al Ṭib (1).	6
2	Sahih Muslim	Kitab al Adab (1).	1
3	Sunan Tirmizi	Kitab al Ṣalāh (1), Kitab al Buyū' (1), Kitab al Aṭ'imah (2), Kitab al Ṭib (1), Kitab Ṣifāt Jahannam (2).	7
4	Sunan Ibn Majah	Kitab al Aṭ'imah (2), Kitab al Fitān (1), Kitab al Ṭib (1).	4
5	Sunan Nasā'ī	Kitab al Istisqā' (1).	1
6	Sunan Abu Dawūd	Kitab al Ṭahārah (1), Kitab al Ṣalāh (2), Kitab al Fitān (1).	4
Jumlah			23

Terdapat dua puluh tiga (23) hadith mengenai zaytun dalam *kutub sittah* iaitu enam hadith (6) daripada Sahih Bukhari, satu (1) hadith daripada Sahih Muslim, tujuh (7) hadith daripada Jami' al-Tirmizi, empat hadith (4) daripada Sunan Ibn Majah, satu (1) hadith daripada Sunan Nasa'i dan empat (4) hadith daripada Sunan Abu Dawud. Terdapat dua hadith yang dapat dilihat daripada aspek kesihatan. Topiknya adalah seperti di bawah.

3.3.3.2.1 Saranan meminum minyak zaitun dan menyapukannya

عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُوا الزَّيْتِ وَأَدْهِنُوا بِهِ فَإِنَّهُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبَارَكَةٍ²¹⁵

Terjemahan : ‘Umar bin al-Khattab r.a berkata : Rasulullah s.a.w bersabda : “Makanlah minyak (zaitun) dan sapukanlah minyaknya, kerana sesungguhnya ia daripada pohon yang diberkati”

²¹⁵ Al-Tirmizi (2000), *Jami' al-Tirmizi*. Kitab al-Aṭ'imah. Bab Ma Jā'a Fi Akl al-Zayt. No. Hadith, 1851, h. 1839. Rujuk juga Ibn Majah (2000), *Sunan Ibn Majah*. Kitab al-Aṭ'imah. Bab al-Zayt. No. Hadith 3319, 3320, h. 2677.

Berdasarkan hadits di atas, Al-Marbāwī (m. 1989M) menyatakan perkataan *zayt* ini adalah merujuk kepada minyak zaitun. Minyak zaitun memang baik untuk digunakan sebagai sapuan dan juga boleh dimakan. Oleh kerana itulah, Nabi s.a.w menyarankan umatnya menggunakan minyak zaitun. Minyak zaitun bersifat jernih, boleh digunakan sebagai ubat dan untuk menyalakan pelita.²¹⁶

3.3.3.2.2 Minyak zaitun sebagai pengubat penyakit birsam²¹⁷

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَنْعَتُ الزَّيْتِ وَالْوَرْسَ مِنْ
ذَاتِ الْجَنْبِ قَالَ قَتَادَةُ يَلْدُهُ وَيَلْدُهُ مِنَ الْجَانِبِ الَّذِي يَشْتَكِيهِ²¹⁸

Terjemahan : Daripada Zaid bin Arqam, sesungguhnya Nabi s.a.w memuji minyak (zaitun) dan tumbuh-tumbuhan *waras*²¹⁹ untuk orang yang berpenyakit birsam, Qatadah berkata : “dan diminumkan dari arah mulut yang dirasakan sakit”.

Al-Marbāwī (m. 1989M) menghuraikan penyakit *zat al-janbi* sebagai penyakit yang membuatkan pesakitnya mengalami rasa panas pada paru-paru yang menyebabkan demam dan batuk. Penyakit ini menyebabkan rasa yang menyucuk pada rusuk. Rawatan penyakit ini menurut yang diajarkan oleh Baginda s.a.w ialah dengan menuangkan minyak zaitun dari mulut sebelah rusuk yang dirasakan sakit.²²⁰

²¹⁶ Al-Marbawi (2008), *Baḥrul Māzī*, j. 14, h. 16-17.

²¹⁷ Sejenis penyakit radang pada selaput dada. Rujuk Noresah Baharom (2005), *Kamus Dewan*, h. 193. Dalam bahasa inggeris , ia dipanggil *pleurisy* iaitu radang pada selaput paru-paru (pluera) yang membawa kepada sakit dada (biasanya berasa tajam) apabila seseorang mengambil nafas dan juga batuk. Rujuk PubMed Health, <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmedhealth/PMH0002347/>, 17 April 2012.

²¹⁸ Al-Tirmizi (2000), *Jamī' al-Tirmizī*. Kitab al-Ṭib. Bab Ma Ja'a Fi Dawa' Zat al-Janabi. No. Hadith, 2078, h. 1859. Menurut al-Tirmizi hadits ini hasan gharib sahih.

²¹⁹ Waras ialah sejenis tumbuhan di negeri Arab yang digunakan untuk mewarnakan kain sutera dan ia mengandungi bahan pewarna merah. Uthman Khalid (2006). *Kamus Besar Dewan Arab-Melayu*, h. 2617.

²²⁰ Rujuk al-Marbawi (2008), *Baḥrul Māzī*, j.13, h. 169-170.

3.3.4 Rummān (رَمَان)

Lafaz *rummān* tercatat pada 3 ayat di dalam al-Qur'an dengan 2 kali menggunakan perkataan *rummān* dan *al-rummān* sekali. Menurut kamus *Lisan al-Arab*, *rummān* ialah pokok buah-buahan yang dikenali hari ini iaitu pokok delima. Kata tunggalnya ialah *rummānah*.²²¹

3.3.4.1 Kelebihan delima menurut mufasssir

Delima merupakan antara tumbuhan yang dinyatakan secara khusus di samping kurma, anggur, zaitun dan tin. Ibn Kathīr (m. 774H) berpendapat penyebutan delima secara khusus ini adalah kerana kemuliaan buah-buahan ini berbanding buah-buahan lain.²²² Al-Marāghī (m. 1371H) pula menyatakan, walaupun ia termasuk dalam buah-buahan, tetapi penyebutannya secara khusus adalah sebagai petunjuk tentang adanya keistimewaan yang dimiliki oleh delima yang tidak dimiliki oleh buah-buahan lain. Pada pandangan beliau, antara keistimewaan yang dimiliki delima ialah boleh didapati pada musim panas dan juga musim sejuk dan boleh dijadikan lauk (sebagai makanan asasi) ataupun dimakan begitu sahaja.²²³ Mengenai hadith tentang delima pula, penulis tidak menemui hadith berkenaan delima dalam *Kutub Sittah*.

²²¹ Ibn Manzur (t.t.), *Lisān al Arab*, h. 1739.

²²² Ibn Kathir (2008), *Tafsīr Ibn Katsīr*, j. 7, h. 640.

²²³ Al-Marāghī (2001). *Tafsīr Marāghī*, j. 14, h. 6781.

3.3.5 Tīn (التين)

Lafaz *tīn* disebutkan sekali di dalam al-Qur'an melalui ayat pertama surah al-Tin. Kata tunggal bagi *tīn* ialah *al-tīnah*.²²⁴ Mengenai ayat di dalam surah al-Tin, terdapat beberapa pendapat mengenai maksud perkataan tin tersebut, iaitu sama ada lafaz tersebut merujuk kepada pokok tin ataupun nama tempat. Penulis bersetuju dengan pendapat Farooqi yang menyatakan sama ada tin yang disebutkan itu merujuk kepada pokok ataupun tempat, hakikatnya lafaz tersebut dinyatakan dalam al-Qur'an kerana ianya bermanfaat kepada manusia.

3.3.5.1 Kelebihan tin menurut mufassir.

Al-Zamakhshārī (m. 538H) dan Al-Qurtūbī (m. 671H) menyatakan Allah s.w.t bersumpah dengan buah tin kerana ia merupakan tumbuhan yang istimewa dikalangan tumbuhan-tumbuhan yang berbuah.²²⁵ Al-Rāzī (m. 606H) memetik kata-kata Ibn 'Abbas yang menyatakan buah tin bukan sekadar buah, bahkan merupakan makanan yang seimbang untuk tubuh badan dan juga adalah ubat. Buah Tin merupakan makanan yang lembut dan mudah dihadam. Menurut satu riwayat, Rasulullah diberi hadiah sepinggan buah Tin dan baginda memakannya, lalu baginda berkata kepada sahabat-sahabatnya, "Makanlah! Sekiranya kamu bertanya, buah apa yang turun dari syurga, pasti aku mengatakan ini (buah tin)". Maka, makanlah kerana ia menghilangkan buasir dan ubat bagi penyakit tulang."²²⁶ Walaubagaimanpun, melalui pencarian penulis, tiada hadith berkenaan tin di dalam *Kutub Sittah*.

²²⁴ Ibn Manzūr (t.t). *Lisan al- 'Arab*, h. 462.

²²⁵ Al-Zamakhshari (1998). *Tafsīr Zamakhshārī*, j. 6, h. 400-401. Rujuk juga al-Qurtubi (2006). *Tafsir Qurtubi*, j. 22, h. 363.

²²⁶ Al-Razi (1981), *Tafsīr Fakh al-Rāzī*, j. 32, h. 8.

3.3.6 Khamṭ (الخط)

Lafaz *khamṭ* disebutkan sekali di dalam al-Qur'an. Perkataan *khamṭ* bermaksud pohon yang tidak berduri ataupun setiap tumbuhan yang mempunyai rasa pahit iaitu pokok tamarisk.²²⁷ *Khamṭ* diterjemahkan sebagai pokok yang mempunyai buah yang pahit di dalam bahasa inggeris, tetapi diterjemahkan sebagai pokok *Arak* di dalam bahasa Arab. Al-Rāzī (m. 606H) memberi tiga pendapat tentang perkataan *al-khamṭ*. Pertama, semua pokok yang berduri, pendapat ini adalah sama dengan pendapat Abi Ubaidah²²⁸. Kedua, pokok yang mempunyai buah yang pahit. Al-Zujaj juga mengemukakan pendapat yang hampir sama iaitu beliau mengatakan *al-khamṭ* ialah setiap tumbuhan yang berasa pahit sehingga tidak boleh memakannya²²⁹. Ketiga, pokok yang buahnya tidak boleh dimakan.²³⁰ Zamakhshāri (m. 538H) pula menyatakan *al-khamṭ* merujuk kepada pokok *Arak*.²³¹ Qurtūbī (m. 671H) juga berpendapat bahawa para mufassir menyatakan *al-khamṭ* itu merujuk kepada pokok *Arak*. Beliau turut memetik kata-kata al-Jawhari yang mengatakan *al-khamṭ* merupakan bahagian daripada pokok *Arak* yang boleh dimakan.²³² Oleh yang demikian, berdasarkan pendapat kebanyakan *mufassir* seperti yang dinyatakan oleh al-Qurtūbī (m. 671H), penulis berpendapat perkataan *al-khamṭ* adalah merujuk kepada pokok *Arak*. Merujuk kepada Farooqi, pokok *Arak* dikenali sebagai pokok kayu sugi (*shajar al-miswak*) dalam kalangan masyarakat Arab.²³³

²²⁷ Uthman Khalid (2006). *Kamus Besar Dewan Arab-Melayu*, h. 674.

²²⁸ Rujuk juga al-Qurtubi (2006). *Tafsir Qurtubī*, j. 17, h. 291-292.

²²⁹ Al-Razi (1981). *Tafsir Fakh al-Razi*, j.25, h. 252

²³⁰ *Ibid*.

²³¹ Al-Zamakhshari (1998). *Tafsir Zamakhshari*, j. 5, h. 116.

²³² Al-Qurtubi (2006). *Tafsir Qurtubi*, j. 17, h. 291-292.

²³³ Farooqi (2003). *Plants of The Qur'an*, h. 101.

3.3.7 Zanjabīl (زنجبيل)

Menurut Kamus Besar Dewan Arab-Melayu, perkataan *zanjabīl* bermaksud halia.²³⁴ Halia dinyatakan sekali di dalam al-Qur'an dengan menggunakan perkataan *zanjabīl*. Ibn Manzur menghuraikan *zanjabīl* sebagai tumbuhan yang tumbuh di negara Oman, tanamannya menjalar di atas tanah seperti rumput dan di makan seperti sayur-sayuran. Selain itu *zanjabīl* juga disebut oleh Ibn Manẓūr sebagai arak di dalam syurga.²³⁵

3.3.7.1 Kelebihan halia menurut mufasssir.

Al-Zamakhshārī (m. 538H) menyatakan minuman yang bercampur halia merupakan minuman yang paling lazat.²³⁶ Menurut Al-Qurṭubī (m. 671H), orang Arab sangat menggemari minuman yang bercampur dengan halia untuk menyegarkan mulut dan mudah untuk proses penghadaman makanan. Oleh yang demikian, Allah s.w.t memotivasikan mereka dengan menyatakan minuman terdapat di dalam syurga.²³⁷

3.3.8 ‘Adas (عدس), Baṣal (بصل) dan Fūm (فوم)

Ibn Manzur menyatakan ‘*adas*’ adalah sejenis bijian.²³⁸ Perkataan ‘*adas*’ telah dinyatakan dalam al-Qur'an bersama-sama perkataan *fūm*, *baṣal* dan *qiththā*. *Basal* adalah bawang merah seperti yang dikenali hari ini, kata tunggal bagi basal ialah *baṣalah*.²³⁹ Manakala mengenai maksud lafaz *fūm*, ulama’ mempunyai dua pendapat yang berbeza. Pendapat pertama daripada Ibn ‘Abbas yang berpendapat maksud *fūm* ialah gandum atau roti.

²³⁴ Uthman Khalid (2006), *Kamus Besar Dewan Arab-Melayu*, h.1049.

²³⁵ Ibn Manzur (t.t). *Lisan al-Arab*., h. 1870.

²³⁶ Al-Zamakhshārī (1998). *Tafsīr Zamakhshārī*., j. 6, h. 280.

²³⁷ Al-Qurṭubī (2006). *Tafsir Qurṭubī*., j. 21, h. 476.

²³⁸ Ibn Manẓūr (t.t). *Lisān al-Arab*, h. 2837.

²³⁹ *Ibid.*, h. 295.

Namun begitu, pendapat kedua daripada Ibn Mas'ud mengatakan jika maksud *fūm* ialah gandum mengapa Allah s.w.t mendatangkan ayat (أَتَسْتَبْدِلُونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَىٰ بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ), yang bermaksud “adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik?” sedangkan gandum merupakan makanan yang baik. Beliau berpendapat perkataan *fūm* ialah *thūm* yang bersesuaian dengan kacang dal dan bawang merah berbanding gandum.²⁴⁰ Begitu juga dengan pandangan Imam Kisā'iy yang mengatakan, *fūm* ialah *thūm* (bawang putih). Pendapat ini adalah bersesuaian dengan perkataan *al-'adas* (kacang dal) dan *al-baṣal* (bawang merah) yang turut disebut di dalam ayat ini.²⁴¹ Riwayat daripada Juwaibir daripada al-Dahhak mengatakan huruf *tha'* ditukarkan kepada huruf *fa'* iaitu *thum* (ثوم) ditukarkan kepada (فوم) seperti juga perkataan *maghāfir* (مغافير) ditukarkan kepada *maghāthir* (مغاثير). Hujah mengenai perkataan *fūm* ini adalah perkataan *thūm* dapat dikuatkan lagi dengan memetik penjelasan al-Qurtūbī (M. 671H) yang menyatakan Ibn Mas'ud membacanya dengan *thūmiha* (ثومها).²⁴² Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa perkataan *fūm* ialah merujuk kepada bawang putih. Pencarian hadith-hadith mengenai pokok dal, bawang putih dan bawang merah mendapati tiada hadith mengenai pokok kacang dal.

3.3.8.1 Hadith-hadith Mengenai Bawang Putih Dan Bawang Merah.

Hadith-hadith mengenai bawang putih dan bawang merah adalah seperti berikut :

Jadual 3. 6 : Hadith-hadith Mengenai Bawang Putih dalam *Kutub Sittah*

No.	Kitab Hadith	Kitab	Bilangan hadith
1	Ṣaḥīḥ Bukhārī	Kitab al Azan (4), Kitab al Maghāzī (4), Kitab al I'tisām (1)	9
2	Sunan Tirmidhī	Kitab al Aṭ'imah (4)	4
3	Sunan Nasā'ī	Kitab al Masājīd (1)	1
4	Sunan Abu Daud	Kitab al Aṭ'imah (5).	5
Jumlah			19

²⁴⁰ Al-Rāzī (1981), *Tafsīr Fakh al-Rāzī*, j.3, h. 107. Rujuk juga Ibn Manzur (t.t), *Lisān al Arab*, h. 2836. Rujuk juga al-Zamakhsharī (1998). *Tafsīr Zamakhsharī*, j.1, h.275.

²⁴¹ Al-Marāghī (2001), *Tafsīr Marāghī*, j.1, h. 141.

²⁴² Al-Qurtūbī (2006), *Tafsīr Qurtūbī*, j.2, h. 146-147. Rujuk juga al-Maraghi, *Tafsīr Marāghī*.

Jadual 3. 7 : Hadith-hadith Mengenai Bawang Merah dalam *Kutub Sittah*

No.	Kitab Hadith	Kitab	Bilangan hadith
1	Sahih Bukhari	Kitab al Azan (1), Kitab al Aṭ‘imah (1), Kitab al I’tisām (1).	3
2	Sahih Muslim	Kitab al Masjid (5).	5
3	Sunan Tirmidhi	Kitab al Aṭ‘imah (1).	1
4	Sunan Ibn Majah	Kitab al Ṣalah (2), Kitab al Aṭ ‘imah (2).	4
5	Sunan Nasa‘i	Kitab Masājid (1)	1
6	Sunan Abu Daud	Kitab al Aṭ‘imah (1)	1
Jumlah			15

Terdapat sembilan belas (19) hadith mengenai bawang putih dan terdapat lima belas (15) hadith mengenai bawang merah. Hadith-hadith ini adalah hadith mengenai penegahan Rasulullah s.a.w untuk memasuki masjid bagi sesiapa yang memakan bawang putih dan bawang merah. Hadithnya adalah seperti berikut :

أَنَّ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا زَعَمَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
مَنْ أَكَلَ ثُومًا أَوْ بَصَلًا فَلْيَعْتَزِلْنَا أَوْ لِيَعْتَزِلْ مَسْجِدَنَا²⁴³

Terjemahan: Daripada Jabir r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w berkata, “Barangsiapa yang memakan bawang putih atau bawang merah, maka janganlah dia mendekati masjid kita”.²⁴⁴

Berdasarkan hadith di atas, Al-Marbāwī (m. 1989M) menyatakan sesuatu yang mempunyai bau yang kurang menyenangkan tidak digalakkan untuk dimakan. Ini kerana, secara lumrahnya memang tidak ada sesiapa yang sukakan pada bau yang kurang menyenangkan, apatah lagi malaikat. Justeru, Nabi s.a.w menegah untuk sesiapa yang memakan bawang putih dan bawang merah untuk memasuki masjid. Tetapi, hukum makruh ini tidak terpakai untuk bawang putih dan bawang merah yang telah dimasak, ini kerana apabila dimasukkan ke dalam masakan akan menghilangkan bau

²⁴³ Al-Bukhārī (2000). *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Kitab al Aṭ‘imah. Bab Ma Yukrah Min al Thum Wa Buqul. No. Hadith 5452, h. 470.

²⁴⁴ Rujuk, al-Marbāwī (2008), *Baḥrul Māzī*, j. 12, h.305-312.

yang kurang menyenangkan.²⁴⁵ Pendapat yang sama dikemukakan oleh pengarang kitab *'Aun al-Ma'bud*, yang menyatakan tegahan ini adalah untuk bawang putih dan bawang merah yang belum dimasak. Larangan memasuki masjid kerana di situ adalah tempat berkumpul orang muslim dan para malaikat memasukinya. Sesetengah ulama' menyatakan tegahan ini khusus kepada Masjid Nabawi, namun begitu jumhur ulama' menyatakan lafaz ini adalah lafaz umum, iaitu merujuk kepada semua masjid. Dalam riwayat yang lain, sahabat bertanya "*adakah bawang putih itu haram?*" Jawab Baginda s.a.w, "*makanlah ia, tetapi janganlah memasuki masjid kita*". Ini menunjukkan keharusan memakan bawang putih, namun begitu, kerana baunya yang kurang menyenangkan, adalah ditegah untuk memasuki masjid.²⁴⁶ Berdasarkan syarah hadith di atas, terdapat dua perkara yang dapat penulis simpulkan. Pertama, hadith ini menunjukkan Islam amat mementingkan perasaan orang lain, ini disebabkan tegahan ini merujuk kepada bau bawang putih dan bawang merah yang kurang menyenangkan. Kedua, mengenai pengambilan bawang putih dan bawang merah sebagai makanan pula, tegahan ini adalah khusus kepada bawang putih dan bawang merah yang memberi bau yang kurang menyenangkan sama ada mentah atau sudah dimasak tetapi cara masakan itu tidak menghilangkan bau tersebut.

3.3.9 Khardal (خردل)

Lafaz *khardal* tercatat sebanyak dua kali dalam dua surah yang berbeza tetapi merujuk kepada perkara yang sama iaitu tentang sekecil-kecil amalan. Merujuk Kamus Besar Dewan Arab-Melayu, perkataan *khardal* bermaksud buah-buahan yang lebat manakala *al-khardal* merujuk kepada pokok sawi atau biji sawi atau merupakan satu

²⁴⁵ Rujuk, Abādī (1968). *'Aun al- Ma'bud*, j. 10, h. 301-303.

²⁴⁶ Abādī (1968). *'Aun al-Ma'bud*, j. 10, h. 301-303.

perumpamaan untuk benda yang amat kecil.²⁴⁷ Ini kerana biji sawi secara umumnya merujuk kepada biji yang paling kecil di negara Arab dan di bahagian lain di dalam dunia.²⁴⁸ Menurut Tafsir Muntakhab, penggunaan biji sawi di dalam ayat ini sesuai kerana diketahui bahawa 1kg biji sawi terdiri daripada 913,000 biji. Oleh yang demikian, setiap satu biji sawi hanya lebih kurang satu per seribu gram atau lebih kurang 1mg, dan merupakan biji-bijian yang teringan yang diketahui oleh manusia sehingga sekarang. Oleh kerana itu, biji ini sering digunakan oleh al-Qur'an untuk menunjukkan sesuatu yang sangat kecil dan halus.²⁴⁹

3.3.10 Sidr (سدر/سدر)

Lafaz *sidr* atau *sidrah* diulang sebanyak 4 kali iaitu 3 kali dengan perkataan *sidr* dan sekali dengan perkataan *sidrah*. Menurut Kamus Besar Dewan Arab-Melayu, perkataan *sidr* bermaksud pokok bidara. Merujuk kepada Tafsir Pimpinan Rahman, perkataan *sidr* diterjemahkan sebagai pokok bidara. Allah s.w.t menyebut tentang sifat pokok bidara ini di dalam syurga dengan perkataan *makhdud* (مخضود) iaitu tidak berduri. Ibn Kathir (m. 774H) berpendapat, disebutkan pokok bidara yang tidak berduri kerana pokok bidara ketika di dunia mempunyai banyak duri dan menghasilkan buah yang sedikit. Sebaliknya di akhirat (syurga) pokok bidara itu mempunyai banyak buah dan tidak berduri.²⁵⁰

Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat perbezaan mengenai penamaan pokok ini dalam nama saintifiknya, perbezaan tersebut boleh dilihat di dalam jadual berikut :

²⁴⁷ Uthman Khalid (2006), *Kamus Besar Dewan Arab-Melayu*, h. 593.

²⁴⁸ Farooqi (2003), *Plants of The Qur'an*, h. 151.

²⁴⁹ M. Quraisy Shihab (2002). *Tafsīr Miṣbāḥ.*, j. 8, h. 461-462.

²⁵⁰ Ibn Kathīr (2008), *Tafsir Ibn Katsīr.*, j. 8, h. 11.

Jadual 3.8 : Perbezaan nama spesies bagi perkataan *sidrah*

Spesies	Rujukan
<i>Cedrus deodara</i>	Shafaqat <i>et al.</i> (2010)
<i>Ziziphus spina-christi</i>	Khafagi <i>et al.</i> (2006)
<i>Ziziphus mauritiana</i>	Marwat <i>et al.</i> (2009)
<i>Cedrus libani</i>	Farooqi (2003)

Berdasarkan jadual di atas, terdapat empat nama spesies dengan dua genus yang berbeza bagi perkataan *sidrah*. *Ziziphus spina-christi* dan *Ziziphus mauritiana* adalah dari genus *ziziphus* iaitu pokok bidara. Manakala *Cedrus deodara* dan *Cedrus libani* adalah dari genus *Cedrus*.

Farooqi (2003) menyatakan bahawa pendapat yang mengatakan lafaz *sidr* merupakan pokok bidara yang merupakan genus *Ziziphus* adalah tidak tepat. Beliau menyatakan *sidr* ialah spesies *Ziziphus spine-christi*. Sebaliknya, Farooqi menyatakan *sidr* ialah tumbuhan spesies *Cedrus libani* L. Sebab-sebab yang dikemukakan untuk menyokong pendapatnya ialah, pertama, tentang buah yang terhasil daripada pokok dalam genus *Ziziphus* yang terdapat di negara Arab ialah *Ziziphus mauritiana* yang buahnya dipanggil *jujube* atau *ber* (bidara), *Ziziphus lotus* yang buahnya dipanggil *unnab* dan *Ziziphus spine-christi*, yang durinya dikatakan telah digunakan untuk membuat mahkota Jesus Christ. Kesemuanya menghasilkan buah yang boleh dimakan, walaubagaimanapun dari segi rasa, ianya tidak sedap buah-buahan lain yang disebutkan dalam al-Qur'an seperti kurma, anggur, tin, delima dan zaitun. Pada pendapat penulis, Farooqi (2003) ingin menjelaskan sekiranya benar pokok *ziziphus* adalah *sidr* yang sebenar, sudah tentu buahnya juga mempunyai rasa yang sedap seperti buah-buahan lain yang tercatat dalam al-Qur'an.

Sebab kedua ialah mengenai ciri-ciri pokok dari genus *Ziziphus* dan juga sejarah bagaimana pokok dari genus *Ziziphus* dikenali sebagai *sidrah*.²⁵¹ Merujuk kepada ciri-ciri pokok *Ziziphus*, kesimpulan yang dapat dibuat ialah, ianya tidak terdapat dalam salah satu ciri *sidr* yang dinyatakan dalam Qur'an. Tiga ayat menceritakan tentang *sidr* yang berada di syurga dan satu ayat lagi menunjukkan ianya terdapat di kawasan pergunungan yang bercuaca sejuk di Yaman iaitu 4000 kaki dari paras laut. Dalam kawasan yang setinggi itu, *Ziziphus* tidak dapat hidup, walaupun *Ziziphus* liar. *Ziziphus* juga bukanlah sejenis pokok yang baik jika merujuk sebagai pokok yang terdapat di dalam syurga. Jika merujuk kepada tafsiran ulama', ada pendapat yang menyatakan *sidrah* ialah 'pokok yang baik'. Justeru, dapat dipertimbangkan di sini kebarangkalian *Cedar of Lebanon* sebagai *sidrah* sebenar.²⁵²

Ketiga, pokok *Cedar of Lebanon* ini turut dinyatakan di dalam Injil dengan nama *erez*.²⁵³ dalam *verdi* dalam bahasa Greek dan dalam bahasa Eropah yang lain, ia diterjemahkan sebagai *kedros*, *cedrus*, *cedro*, *cedros* dan lain-lain. Juga dikatakan nama dalam Hebrew ialah *erez* yang sama dengan nama dalam bahasa Arab iaitu *arz* yang berasal daripada bahasa Semetik. Jika dilihat kepada sejarah, sebelum datangnya Islam, kawasan Syria, Palestin dan Iraq dibawah pengaruh Greek dan Itali. Kesannya, kebanyakan nama tumbuhan dalam bahasa Rom dan Greek diadaptasi ke bahasa Arab, perubahan yang ketara adalah dari segi cara sebutan dan format. Oleh yang demikian itu, *arz* (bahasa Arab) dan *erez* (Hebrew) yang juga dikenali sebagai *sidr* dan *sidrah*

²⁵¹ Farooqi (2003), *Plants of The Qur'an*, h.87-89.

²⁵² Pokok ini secara botaninya dikenali sebagai *Cedrus Libani*, biasanya dalam bahasa Arab ia dikenali sebagai *arz-al-rab* atau *shajaratullah* atau *arz al-lebanon*. Ianya bukan sekadar merupakan pokok yang tercantik di kawasan Arab, bahkan mungkin merupakan pokok yang paling hebat dalam keseluruhan *kingdom* tumbuh-tumbuhan. *Cedrus libani* merupakan pokok yang sangat tinggi yang ketinggiannya mencapai 150 kaki dengan batangnya berdiameter 8 kaki dan biasanya mempunyai lilitan lebih kurang 40 kaki. Ia ditumbuhi dedaunan hijau yang gelap dan tumbuh lebat dan mempunyai dahan-dahan yang bercabang. Keseluruhan pokok dengan kesan bentuk dedaunan yang tersusun, seolah-olah menunjukkan kemegahan piramid yang besar apabila dilihat daripada jauh. *Cedar* digunakan untuk membina kuil yang besar pada era pre-kristian. Sturkturnya dan permukaannya yang baik mudah untuk proses pembersihan. Juga dikatakan istana agung Sulaiman dibina daripada kayu daripada pokok ini. Semasa zaman Firaun juga, hutan besar yang terdapt pokok *cedrus* ditebang dan dibawa ke mesir untuk membina kuil dan istana bagi beberapa negeri. Rujuk Farooqi, *ibid*.

²⁵³ Rujuk, Balfour J. H. (1866). *Plants of Bible.*, h. 22.

dalam bahasa Arab, adalah adaptasi daripada *cedrus* dan *cedra*. Walaubagaimanapun, apabila *sidrah* sebenar sukar didapati di Lubnan dan Syria, orang ramai mula memanggil pokok lain sebagai *sidrah*. Misalnya, *Juniperus* yang dijumpai di kawasan pergunung di kawasan Hijaz dan tempat-tempat beraltitud tinggi di kawasan Arab juga dipanggil *arz* walaupun nama sebenarnya ialah *Arar*. Apabila *Juniperus* juga ditebang, untuk memenuhi permintaan kayu balak dan juga bahan api, beberapa pokok lain juga dipanggil sebagai *sidrah*, dan *Ziziphus* adalah yang utama diantara pokok-pokok tersebut, terutamanya apabila memandangkan beberapa spesies daripada genus *Ziziphus* seperti *Ziziphus lotus* dan *Ziziphus spina christi* dijumpai di semanjung Arab. Inilah sejarah bagaimana *Cedrus libani* dilupakan sebagai *sidrah* dan digantikan dengan spesies *ziziphus*.²⁵⁴

Keempat, Farooqi (2003) mengaitkan pengecaman spesies ini dengan keadaan yang digambarkan dalam Surah Saba' di mana menurut Farooqi (2003), apabila banjir besar melanda Ma'arib, kesemua tanaman musnah tetapi hanya tiga tumbuhan yang kekal, salah satunya ialah pokok *Cedrus libani*. Ini kerana ketiga-tiga pokok yang kekal selepas banjir itu merupakan pokok yang mempunyai akar yang kuat. Namun begitu, pada pandangan penulis, hujah ini kurang tepat berdasarkan ayat al-Qur'an dan juga tafsiran ulama' yang menyatakan kebun-kebun di situ, iaitu yang menghasilkan buah-buahan digantikan dengan kebun yang terdiri daripada pokok-pokok ini.²⁵⁵

Penulis berpendapat terdapat dua hujah yang perlu diteliti semula. Pertama, berkaitan buah bidara yang tidak mempunyai manfaat seperti buah-buahan lain yang disebutkan dalam al-Qur'an. Ini kerana, terdapat kajian-kajian saintifik yang menyatakan tentang kebaikan buah bidara. Kedua, perkaitan antara tafsiran surah Saba'

²⁵⁴ Hakikatnya, perubahan seperti nama tempatan dan vernakular tumbuhan merupakan fenomena biasa dalam kekayaan flora bagi sesebuah negara ataupun dalam kawasan lingusitik Contohnya, *Kinos*, *copal*, *teak* dan lain-lain digunakan bagi pokok-pokok yang berbeza yang merujuk kepada genera dan famili yang berbeza.

²⁵⁵ Ini merujuk kepada perkataan *baddala* di dalam ayat tersebut yang bermaksud digantikan. Rujuk Abi Ja'far Muhammad Bin Jarir Al-Tabari (t.t) selepas ini al-Tabari (t.t) . *Jami' al-Bayan 'An Ta'wil Ayat al-Qur'an*, j. 19, h. 366.

dengan ciri-ciri yang terdapat pada pokok *Cedrus Libani* itu sendiri. Menurut beliau, tiga jenis pokok yang disebutkan dalam Surah Saba' ini tidak terjejas dengan banjir yang menimpa Yaman. Namun begitu, merujuk kepada tafsiran, semua tumbuhan di kawasan tersebut musnah, dan digantikan dengan tiga jenis pokok termasuklah pokok *sidrah*.²⁵⁶

Rasulullah s.a.w menyarankan agar memandikan mayat dengan menggunakan daun bidara, dan perkataan yang digunakan juga adalah *sidr* seperti yang dinyatakan dalam hadith berikut :

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ قَالَتْ دَخَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ نَغْسِلُ ابْنَتَهُ
أُمَّ كَلْثُومٍ فَقَالَ اغْسِلْنَهَا ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ إِنْ رَأَيْتِنَّ ذَلِكَ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ
وَأَجْعَلْنَ فِي الْآخِرَةِ كَافُورًا أَوْ شَيْئًا مِنْ كَافُورٍ فَإِذَا فَرَعْتُنَّ فَأَذِنِّي فَلَمَّا فَرَعْنَا أَذْنَاهُ
فَأَلْقَى إِلَيْنَا حَقْوَهُ وَقَالَ أَشْعِرْنَهَا إِلَيْهِ²⁵⁷

Terjemahan : Daripada Ummu 'Atiyyah, katanya, “Telah datang kepada kami Rasulullah s.a.w dan kami sedang memandikan anak Baginda s.a.w Ummu Kulthum, Baginda bersabda “Mandikan dia 3 kali, atau 5 kali atau lebih, jika kamu lihat perlu, gunakan air dengan bidara, dan di akhir sekali, gunakan kapur atau apa-apa daripada kapur, sekiranya sudah selesai panggilkah aku,” Maka sesudah kami selesai, kami memanggil baginda dan baginda memberikan kami tali pinggang dan meminta kami mengkafankan dengannya”.²⁵⁸

Kebiasaan masyarakat hari ini memandikan mayat dengan daun bidara merupakan sunnah Rasulullah s.a.w, dan masyarakat hari ini menggunakan daun bidara daripada genus *Ziziphus*. Hal ini boleh dikaitkan dengan hujah Farooqi (2003) yang ketiga, iaitu masyarakat mula menggantikan pokok dari genus *Ziziphus* sebagai bidara apabila spesies *Cedrus Libani* sudah berkurangan. Justeru, penulis bersetuju dengan pandangan Farooqi (2003) yang menyatakan perkataan *sidrah* adalah merujuk kepada *Cedrus libani*.

²⁵⁶ *Ibid.*, h.365.

²⁵⁷ Ibn Majah, *op. cit.*, Kitab al-Jana'iz. Bab Ma Ja'a Fi Ghasal al-Mayyit. No. Hadith, 1458, h. 2564.

²⁵⁸ Huraian hadith : Rujuk Syuruh Ibnu Majah, h. 585.

3.3.11 Athl (أثل)

Perkataan *athl* disebutkan sekali di dalam al-Qur'an iaitu dalam surah al-Saba'.²⁵⁹ Merujuk kepada Ṭabārī (m. 310H)²⁶⁰, perkataan *athl* dalam ayat ini merujuk kepada pohon *tarfa'* yang juga merujuk kepada tumbuhan dari genus *Tamarix*. Pendapat yang menyatakan perkataan *athl* dalam surah ini sebagai pohon *tarfa'* adalah berdasarkan riwayat daripada Saidina 'Ali, bahawa Ibn Abbas (m. 67H) berkata, *athl* ialah *tarfa'*.²⁶¹ Berdasarkan kajian-kajian lepas, perbezaan dalam penamaan pokok ini adalah seperti jadual berikut :

Jadual 3.9 : Perbezaan nama spesies bagi perkataan *athl*

Spesies	Rujukan
<i>Tamarix articulata</i>	Mawsilli (2008)
<i>Tamarix aphylla</i>	Khafagi <i>et al.</i> (2006), Shafaqat <i>et al.</i> (2010), Farooqi (2003), Marwat <i>et al.</i> (2009)

Perbezaan dalam menamakan spesies bagi perkataan *athl* ini tidaklah begitu ketara kerana ia masih merujuk kepada genus yang sama iaitu genus *Tamarix*. Merujuk kepada Farooqi (2003), beliau menyatakan *athl* merupakan nama beberapa spesies *Tamarix* secara umumnya, dan secara spesifiknya ialah *Tamarix aphylla*. Hasil pencarian penulis, didapati *Tamarix articulata* merupakan sinonim kepada *tamarix aphylla*.²⁶²

²⁵⁹ Uthman Khalid (2006). *Kamus Besar Dewan Arab-Melayu.*, h. 14, 1111.

²⁶⁰ Al-Tabari (t.t). *Jami' al-Bayān 'An Ta'wīl Ayat al-Qur'ān*, j. 19, h. 257.

²⁶¹ *Ibid.*

²⁶² http://sbsc.wr.usgs.gov/research/projects/swepic/swvma/PLANTPDF/Tamarix_aphylla_AZ_PAF.pdf

3.3.12 Kāfūr (كافور)

Lafaz *kāfūr* disebutkan sekali sahaja di dalam al-Qur'an. Merujuk kepada Kamus Besar Dewan Arab-Melayu, perkataan *al-kāfūr* bermaksud sejenis tumbuhan yang harum baunya.²⁶³ Ibn Manzur dalam *Lisan al-Arab* menyatakan kafur ialah kudup anggur sebelum berbunga.²⁶⁴ Hamka (M. 1981M) berpendapat, *kāfūr* ialah bahan berwarna putih dan wangian yang terhasil dari pokok kayu yang biasanya tumbuh di hutan-hutan Sumatera, yang dikenali dengan sebutan kapur barus kerana pada zaman dahulu, bahagian hutan di kawasan Barus, Sumatera yang ditumbuhi banyak pokok kapur tersebut. Perkataan *kāfūr* di dalam ayat ini merupakan bukti orang Arab telah belayar ke kepulauan Indonesia sebelum kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. Namun begitu, kapur barus di dalam syurga tentunya berlipat kali ganda lebih wangi, lebih harum dan dapat dicampurkan dalam minuman.²⁶⁵ Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat perbezaan dalam penamaan spesies pokok ini. Perbezaan tersebut dapat dilihat melalui jadual berikut :

Jadual 3.10 : Perbezaan nama spesies bagi perkataan *kāfūr*

Spesies	Rujukan
<i>Cinnamomum camphora</i>	Mushtaq et al. (2009), Mawsilli (2008)
<i>Dryobalanops camphora</i>	Khafagi et al. (2006)
<i>Lawsonia inermis</i>	Farooqi (2003)

Perbezaan tersebut melibatkan tiga jenis famili yang berlainan. *Cinnamomum camphora* adalah daripada famili Lauracea, *Dryobalanops camphora* pula daripada famili Dipterocarpaceae dan *Lawsonia inermis* daripada famili Lythraceae. *Cinnamomum*

²⁶³ Uthman Khalid (2006). *Kamus Besar Dewan Arab-Melayu.*, h. 2012.

²⁶⁴ Ibn Manzur (t.t). *Lisan al Arab.*, h. 3900.

²⁶⁵ Hamka (1988). *Tafsir al-Azhar*, j. 29, h. 7790-7791.

camphora dan *Dryobalanops camphora* kedua-duanya merupakan pokok kapur. *Dryobalanops camphora* dikenali di kawasan Nusantara kerana ianya dijumpai di Sumatera, Indonesia dan dikenali dalam bahasa inggeris sebagai Malay Camphor.

Farooqi (2003) menyatakan maksud sebenar bagi perkataan *kafur* ialah merujuk kepada *Lawsonia inermis* ataupun pokok inai. Walaubagaimanapun, penulis berpendapat, sekiranya benar ia adalah pokok inai, tentulah Baginda s.a.w akan menyebut dengan perkataan *kāfūr* yang merujuk kepada inai sepertimana hadith baginda yang membenarkan untuk mewarnakan rambut dengan inai, sebagaimana dalam hadith berikut :

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ أَحْسَنَ مَا غَيَّرْتُمْ بِهِ
الشَّيْبَ الْحِنَاءُ وَالْكَتَمُ²⁶⁶

Terjemahan :

Daripada Abi Dzar, Rasulullah s.a.w bersabda : “
Sesungguhnya yang terbaik untuk mengubah rambut yang
beruban ialah inai dan katam.

Selain daripada itu, terdapat hadith baginda s.a.w yang menyebut tentang kegunaan pokok kapur dalam memandikan mayat, iaitu hadith yang sama yang menyebut pokok bidara :

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ قَالَتْ دَخَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ نَغْسِلُ
ابْنَتَهُ أُمَّ كَلْثُومَ فَقَالَ اغْسِلْنَهَا ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ إِنْ رَأَيْتُنَّ ذَلِكَ بِمَاءٍ
وَسِدْرٍ وَاجْعَلْنَ فِي الْآخِرَةِ كَافُورًا أَوْ شَيْئًا مِنْ كَافُورٍ فَإِذَا فَرَغْتُنَّ فَأَذِنِّي فَلَمَّا
فَرَغْنَا أَذْنَاهُ فَأَلْفَى إِلَيْنَا حَفَوهُ وَقَالَ أَشْعِرْنَهَا إِلَيَّ²⁶⁷

Terjemahan : Daripada Ummu ‘Atiyyah, katanya, “Telah datang kepada kami Rasulullah s.a.w dan kami sedang memandikan anak Baginda s.a.w Ummu Kulthum, Baginda bersabda “Mandikan dia 3 kali, atau 5 kali atau lebih, jika kamu lihat perlu, gunakan air dengan bidara, dan di akhir sekali, gunakan kapur atau apa-apa daripada kapur, sekiranya sudah selesai panggilkan aku,” Maka sesudah kami selesai, kami memanggil baginda dan baginda memberikan kami tali pinggang dan meminta kami mengkafankan dengannya”.²⁶⁸

²⁶⁶ Al-Nasā’i (2000). *Sunan Nasā’i. Kitab al-Zinat. Bab al-khudob bil hina’ wa al-katm*. No. Hadith 5080.

²⁶⁷ Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Jana’iz. Bab Ma Ja’a Fi Ghasal al-Mayyit. No. Hadith, 1458, h. 2564.

²⁶⁸ Rujuk Syuruh Ibnu Majah, h. 585.

Melalui hadith ini, jelas menunjukkan *kāfūr* dan *hinna* merupakan dua jenis tumbuhan yang berbeza. Justeru, *kāfūr* adalah merujuk kepada pokok kapur iaitu *Cinnamomum camphora* atau *Dryobalanops camphora*. Walaubagaimanapun, penulis mengambil pendapat Hamka (M. 1981M) yang menyatakan kafur adalah berasal dari Sumatera dan di bawa oleh pedagang-pedagang arab ke negara mereka iaitu *Dryobalanops camphora*.

3.3.13 ‘Adas (عَدَس)

Ibn Manzur menyatakan ‘*adas* adalah sejenis bijian.²⁶⁹ Merujuk kepada Kamus Besar Dewan Arab-Melayu, perkataan ‘*adas* adalah merujuk kepada kacang dal dalam bahasa Melayu.²⁷⁰ Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat dua nama spesies yang merujuk kepada kacang dal iaitu *Lens culinaris* dan juga *Lens esculent*. Setelah merujuk kepada *Index Kewensis*²⁷¹, kedua-dua nama ini adalah sinonim. Justeru, kedua-duanya adalah tepat sebagai nama spesies bagi kacang dal.

3.3.14 Qiththā’ (قِثْثَاء)

Perkataan *qiththā’* pula ialah *al-khiyār* iaitu timun, kata tunggal baginya ialah *qiththā’ah*.²⁷² Merujuk kepada Kamus Besar Dewan Arab-Melayu, perkataan *qiththā’* adalah merujuk kepada mentimun panjang atau merupakan tumbuhan dalam famili Cucurbitaceae. Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat dua nama spesies yang merujuk kepada perkataan *qiththā’*, kebanyakan pengkaji menyatakan *qiththā’* adalah

²⁶⁹ Ibn Manzur, h. 2837.

²⁷⁰ Kamus Arab-Melayu, h. 1520.

²⁷¹ Indeks kewensis ialah sebuah pengkalan data yang menyediakan maklumat berkenaan nama saintifik tumbuhan iaitu dari permulaan penemuan sehingga nama saintifik terkini bagi jenis-jenis tumbuhan. Dipetik daripada http://www.ipni.org/ipni/idPlantNameSearch.do?id=30170446-2&back_page=%2Fipni%2FeditSimplePlantNameSearch.do%3Ffind_wholeName%3DIens%2Besculenta%26output_format%3Dnormal pada 28 Mac 2013.

²⁷² Al-Marāghī, *Tafsir Marāghī*, h. 3533.

merujuk kepada *Cucumis sativus*, manakala hanya Farooqi sahaja yang berpendapat perkataan ini merujuk kepada *Cucumis melo* var. *utilissimus*. Kedua-duanya adalah daripada genus *Cucumis*, yang merujuk kepada jenis-jenis timun. Namun begitu, penulis berpendapat Farooqi memilih *Cucumis melo* var *utilissimus* kerana spesies ini adalah yang biasa digunakan di India. Oleh yang demikian, penulis berpendapat nama spesies yang bertepatan dengan perkataan *qiththā'* ialah *Cucumis sativus*.

3.3.15 Talḥ (طَلح)

Pokok pisang tercatat sekali di dalam al-Qur'an dengan menggunakan perkataan *talḥ* berbeza dengan perkataan yang biasa diguna bagi pisang dalam bahasa arab iaitu *mauz*. *Talḥ* ialah pokok yang terdapat di tanah Hijaz, dan menurut Ibn Syamil ia rendang dan dijadikan tempat berteduh oleh manusia dan unta.²⁷³ Menurut M. Quraissy Shihab, perkataan *talḥ* di dalam surah ini difahami sebagai pokok pisang ataupun pokok kurma.²⁷⁴ Namun begitu jika dilihat kepada sebab turun ayat ini, perkataan *talḥ* ini adalah merujuk kepada pokok pisang. Ibn Jarir juga berpendapat bahawa perkataan *talḥ* bermaksud pisang dan menyatakan Ibnu Abbas dan Abu Hurairah, al-Hassan, 'Ikrimah, Qasamah bin Zuhair, Qatadah dan Abu Harzah juga meriwayatkan hal yang sama. Ibn Jarir mengukuhkan pendapat tersebut dengan mengatakan penduduk Yaman menyebutnya sebagai pisang.²⁷⁵ Al-Marāghī (m. 1371H) juga menyatakan *talḥ* bermaksud pisang, manakala perkataan *mandūḍ* di dalam ayat ini bermaksud tersusun buahnya dari bawah hingga ke atas.

Farooqi (2003) lebih cenderung untuk menyatakan talh daripada famili Acacia. Spesies acacia yang dinyatakan oleh beliau ialah *Acacia seyal*. Walaubagaimanapun

²⁷³ *Ibid.*, h. 2686.

²⁷⁴ M. Quraissy Shihab, *Tafsīr Miṣbāḥ*, j. 13, h. 554.

²⁷⁵ Ibn Kathir, *Tafsīr Ibn Katsīr*, j.8, h.12

pokok *Acacia seyal* tidaklah mempunyai buah yang tersusun, sebagaimana yang dinyatakan oleh ulama'-ulama' tafsir berdasarkan ayat al-Qur'an. Justeru penulis membuat kesimpulan, yang dimaksudkan *ṭalḥ* di dalam ayat ini ialah pisang iaitu nama saintifiknya *Musa* sp.

3.3.16 *Yaqṭīn* (يَقْطِين)

Lafaz *yaqṭīn* tercatat sekali di dalam al-Qur'an. Merujuk kepada Kamus Besar Dewan Arab- Melayu, kata akar bagi perkataan *yaqṭīn* ialah *qaṭana* iaitu tinggal atau menetap. Manakala perkataan *yaqṭīn* bermaksud pokok yang tidak berbatang seperti pokok tembikai, timun dan biasanya labu.²⁷⁶ Menurut Ibn Mas'ud, Ibn 'Abbas, Mujahid, 'Ikrimah, Sa'id bin Jubair, Wahb bin Munabbih, Hilal bin Yasaf dan lain-lain, perkataan itu bermaksud labu. Pendapat kedua mengatakan *yaqṭīn* ialah setiap pokok yang tidak berbatang. Manakala pendapat ketiga menyatakan *yaqṭīn* ialah sejenis pohon yang rosak sekali dalam setahun. Al-Marāghī (m. 1371H)²⁷⁷ juga menyatakan *yaqṭīn* bermaksud labu manis yang banyak dikenali sekarang. Begitu juga dengan al-Rāzī (m. 606H) yang menyatakan *yaqṭīn* ialah tumbuhan yang menjalar di atas tanah seperti labu dan tembikai.²⁷⁸ Merujuk kepada kajian-kajian sains sebelum ini pula, terdapat 4 pendapat yang berbeza mengenai spesies *yaqṭīn* ini. Perbezaan tersebut adalah seperti jadual berikut :

²⁷⁶ Uthman Khalid (2006), *Kamus Besar Dewan Arab-Melayu*, h. 1905. Rujuk juga Ibn Manzur (t.t), *op. cit.*, h. 3684.

²⁷⁷ Al-Marāghī (2001), *Tafsīr Marāghī*, j.12, h. 5779-5780.

²⁷⁸ Al-Rāzī (1981). *Tafsīr Fakh al-Razi*, j.26, h. 266.

Jadual 3.11 : Perbezaan nama spesies bagi perkataan *yaqīn*

Spesies	Rujukan
<i>Lagenaria siceraria</i>	Mushtaq <i>et al.</i> (2009), Farooqi (2003)
<i>Cucurbita pepo</i>	Khafagi <i>et al.</i> (2006)
<i>Cucurbita maxima</i>	Shafagat <i>et al.</i> (2010)
<i>Cucurbita moschata</i>	Mawsilli (2008)

Berdasarkan jadual di atas, terdapat dua genus yang berbeza iaitu *Lagenaria* dan juga *Cucurbita* yang kedua-duanya adalah dari famili cucurbitaceae. Genus *Lagenaria* adalah merujuk kepada labu air, manakala genus *Cucurbita* adalah merujuk kepada labu bulat. Berdasarkan pendapat Al-Marāghī (m. 1371H)²⁷⁹ yang menyatakan *yaqīn* bermaksud labu manis yang banyak dikenali sekarang, penulis berpendapat *yaqīn* adalah merujuk kepada genus *Cucurbita*.

3.4 KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian yang telah dibuat terhadap tafsiran ayat-ayat al-Qur'an yang menyatakan jenis-jenis tumbuhan secara khusus, terdapat dua kesimpulan utama yang dapat dibuat. Pertama ialah berkaitan dengan temanya. Ayat-ayat ini boleh dikategorikan kepada empat tema iaitu yang pertama, ayat-ayat yang menggambarkan penciptaan alam semesta seperti manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan seperti dalam surah al-An'am (6) : 99, 141, Surah al-Ra'd (13) :4, Surah al-Nahl (14) : 11, 67, Surah al-Mu'minun (23) : 19, 20, Surah Yasin (36) : 34, Surah Qaf (50) : 10, Surah al-Rahman (55) : 11, Surah 'Abasa (80) : 28,29 dan Surah al-Tin (95) : 1. Kedua, tumbuhan yang terdapat di dalam syurga seperti kurma dan delima dalam Surah al-Rahman (55) : 68,

²⁷⁹ Al-Marāghī (2001), *Tafsīr Marāghī*, j.12, h. 5779-5780.

pisang dan bidara dalam Surah al-Waqi'ah (56) : 28 dan 29 dan halia dan kapur barus dalam Surah al-Insan (76) : 5, 17. Ketiga, tema tentang kisah-kisah seperti kisah Saidatina Maryam, kisah Fir'aun yang menghukum ahli-ahli sihirnya, kisah pembalasan terhadap kaum Tsamud, kisah Nabi Yunus yang dikeluarkan dari perut ikan Nun, kisah kaum Saba'. Keempat, tumbuhan sebagai perumpamaan, seperti biji sawi yang menjadi perumpamaan bagi sekecil-kecil perkara sama ada baik atau jahat, semuanya akan diadili oleh Allah sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah Luqman dan juga Surah al-Anbiya' dan hati orang mukmin bagaikan pelita yang dinyalakan oleh minyak zaitun, iaitu bersinar dan bercahaya sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Nur (24) : 35.

Kedua, tafsiran mengenai jenis-jenis tumbuhan pula, ulama'-ulama' tafsir seperti al-Marāghī (m. 1371H), al-Zamakhshārī (m. 538H), al-Rāzī (m. 606H), Ibn Kathir (m. 774H) dan al-Qurṭubī (m. 671H) menyatakan tumbuhan yang disebutkan secara khusus dalam al-Qur'an merupakan tumbuhan yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri berbanding tumbuhan-tumbuhan lain. Melalui penelitian terhadap hadith-hadith yang berkaitan dengan tumbuhan-tumbuhan tersebut, terdapat hadith-hadith yang memberi panduan tentang penggunaan tumbuhan-tumbuhan tersebut, contohnya penggunaan minyak zaitun dalam rawatan penyakit birsam atau *pleurisy*. Perkara ini akan dikupas dengan lebih lanjut dalam bab kelima. keistimewaan tumbuhan-tumbuhan ini akan dibincangkan dalam bab yang keempat.

Kesimpulan mengenai nama-nama spesies bagi tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an pula adalah seperti jadual berikut.

Jadual 3.12 : Nama saintifik bagi tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an.

Bil	Perkataan dalam al-Qur'an	Nama melayu	Nama saintifik
1.	<i>Nakhlah</i>	Pokok kurma	<i>Phoenix dactylifera</i> L.
2.	<i>Zaytun</i>	Pokok zaitun	<i>Oleo europaea</i> L.

3.	<i>'Inab</i>	Pokok anggur	<i>Vitis vinifera</i> L.
4.	<i>Rumman</i>	Pokok delima	<i>Punica granatum</i> L.
5.	<i>Tin</i>	Pokok ara	<i>Ficus carica</i> L.
6.	<i>Khamt</i>	Pokok kayu sugi	<i>Salvadora persica</i> L.
7.	<i>Zanjabil</i>	Pokok halia	<i>Zingiber officinale</i> Roscoe
8.	<i>Basal</i>	Pokok bawang putih	<i>Allium sativum</i> L.
9.	<i>Fum</i>	Pokok bawang merah	<i>Allium cepa</i> L.
10.	<i>Khardal</i>	Pokok biji sawi	<i>Brassica nigra</i> L.
11.	<i>Sidrah</i>	Pokok bidara	<i>Cedrus libani</i> Barrel. ex Loudon
12.	<i>Athl</i>	Pokok Tamarix	<i>Tamarix articulata</i> L. (syn. <i>Tamarix aphylla</i> L.)
13.	<i>Kafur</i>	Pokok kapur barus	<i>Dryobalanops camphora</i>
14.	<i>'Adas</i>	Pokok dal	<i>Lens culinaris</i> (syn. <i>Lens esculent</i>)
15.	<i>Qiththa'</i>	Timun	<i>Cucumis sativus</i> L.
16.	<i>Talh</i>	Pisang	<i>Musa</i> sp.
17.	<i>Yaqtin</i>	Labu	<i>Cucurbita</i> sp.

Berdasarkan pandangan ulama' tafsir dan juga huraian hadith, daripada 17 jenis tumbuhan ini, penulis hanya memilih tumbuhan tertentu sahaja untuk dibincangkan dalam bab keempat dan kelima. Tumbuhan yang dipilih adalah berdasarkan hasil analisis daripada perspektif al-Qur'an dan hadith mengenai kebaikan tumbuhan tersebut secara jelas dan tidak ada percanggahan tentang kebaikannya melalui perbandingan huraian *mufassir* dan juga hadith. Tumbuhan seperti bawang putih dan bawang merah tidak dipilih kerana melalui hadith, dapat difahami bahawa Rasulullah s.a.w tidak memakan bawang putih dan juga bawang merah. Tumbuhan yang dipilih untuk kajian selanjutnya ialah kurma, anggur, zaitun, delima, ara, pisang dan halia.

BAB 4

TUMBUHAN TERPILIH MENURUT PERSPEKTIF SAINS KESIHATAN


4.0 PENDAHULUAN

Berdasarkan bab ketiga (3), tujuh (7) jenis tumbuhan iaitu kurma, anggur, delima, zaitun, tin, pisang dan halia telah dipilih untuk kajian selanjutnya. Bab empat (4) ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama akan menerangkan aspek pemakanan dan perubatan dalam tumbuhan secara umum. Manakala bahagian kedua akan membincangkan pengenalan tumbuhan, kandungan nutrien dan potensi tumbuhan terpilih dalam aspek pemakanan dan perubatan.

4.1 Tumbuhan sebagai sumber makanan dan ubatan.

Sesuatu tumbuhan boleh dijadikan sebagai makanan dan ubatan jika ia mengandungi unsur-unsur metabolit primer dan metabolit sekunder. Metabolit primer dan sekunder adalah unsur-unsur yang terhasil daripada proses metabolisme primer di dalam tumbuhan. Metabolit primer ialah seperti karbohidrat, protein dan lemak. Manakala metabolit sekunder ialah seperti alkaloid, flavonoid, terpenoid dan lain-lain. Gambar rajah berikut menunjukkan proses penghasilan metabolit primer dan metabolit sekunder daripada tumbuhan melalui proses metabolisme primer :

Gambar rajah 4.1 : Proses metabolisme primer dalam tumbuhan²⁸⁰



4.1.1 Tumbuhan sebagai sumber makanan

Tumbuhan yang digunakan sebagai sumber makanan biasanya mengandungi unsur zat makanan makro dan zat makanan mikro. Contoh zat makanan makro adalah air, karbohidrat, protein, serat dan lemak. Zat makanan makro berfungsi dalam penghasilan tenaga dan bertindak bersama unsur zat makanan mikro untuk memastikan tubuh sihat, cergas dan sistem badan berfungsi dengan baik. Jadual berikut menerangkan fungsi zat makro dalam tubuh manusia :

²⁸⁰ <http://science.marshall.edu/valluri/HFB.htm>

Jadual 4.1 : Fungsi zat makro dan saranan pengambilan seharian²⁸¹

Zat Makro	Fungsi
Karbohidrat	<ul style="list-style-type: none">• Sebagai sumber tenaga bagi tubuh manusia.
Protein	<ul style="list-style-type: none">• Membekalkan asid amino yang diperlukan untuk membina dan mengekalkan tisu-tisu seperti tisu otot, tulang, enzim dan sel darah merah.• Menyediakan sumber tenaga dengan 4 kalori per gram.
Lemak	<ul style="list-style-type: none">• Lemak menyediakan sumber tenaga yang tepu untuk badan.
Serat	<ul style="list-style-type: none">• Memberi rasa kenyang.• Mencegah sembelit.• Mengurangkan penyerapan lemak dan kolesterol.

Zat makanan mikro pula adalah seperti vitamin dan garam galian yang diperlukan dalam kuantiti yang kecil. Zat mikro ini penting dalam proses tumbesaran yang normal, perkembangan tubuh badan dan kesihatan yang baik. Ia berfungsi untuk mengawal dan meningkatkan tindak balas kimia yang penting di dalam tubuh badan manusia. Hasil daripada tindak balas inilah yang memastikan kelancaran impuls saraf dan keupayaan menentang jangkitan penyakit pada tubuh badan manusia. Fungsi dan kesan kekurangan pengambilan vitamin seharian diterangkan dalam jadual berikut:

²⁸¹ Brown J. E. (2008). *Nutrition Through The Life Cycle*. USA : Thomson Wardworth, h. 3-6.

Jadual 4.2 : Fungsi dan kesan kekurangan pengambilan vitamin²⁸²

Jenis vitamin	Fungsi	Kesan kekurangan
A (retinol)	<ul style="list-style-type: none"> • Membina pigmen penglihatan pada retina mata. • Memelihara ketahanan badan terhadap penyakit • Memelihara kesihatan kulit dan melewati proses penuaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Rabun malam • Xeroftalmia (penyakit mata kering)
D (kalsiferol)	<ul style="list-style-type: none"> • Membantu penyerapan ion kalsium dan fosforus dalam usus kecil. • Membantu pembinaan dan pemeliharaan tulang serta gigi yang sihat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerosakan gigi • Riket (kecacatan tulang rangka, pertumbuhan gigi tebantut dan perkembangan otot yang tidak sempurna terutamanya di kalangan kanak-kanak yang sedang membesar) • Osteomalasia di kalangan ibu mengandung dan orang tua.
E (tokoferol)	<ul style="list-style-type: none"> • Membentuk sel darah meran. • Penting untuk memelihara sistem pembiakan yang sihat. • Bertindak sebagai pengantioksida kerana mudah berpadu dengan hasil metabolisme yang tidak stabil (radikal bebas). Dengan itu vitamin E melindungi asid lemak tak tepu, vitamin A dan C daripada termusnah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyebabkan kemandulan
K (filokuinon)	<ul style="list-style-type: none"> • Terlibat dalam pembentukan trombin yang diperlukan dalam pembekuan darah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Darah sukar membeku
B ₁ (tiamina)	<ul style="list-style-type: none"> • Terlibat dalam sintesis koenzim yang digunakan dalam pengoksidaan karbohidrat. • Membantu fungsi normal sistem saraf. 	<ul style="list-style-type: none"> • Beri-beri (kemerosotan saraf yang menyebabkan kerosakan pada jantung, kaki bengkak dan kulit

²⁸² Gerald F. C. (2007). *The Vitamins : Fundamental aspects in nutrition and health*. Academic Press : California, h. 96, 81, 213, 265, 295.

		hilang kepekaan).
B ₂ (riboflavin)	<ul style="list-style-type: none"> • Memelihara kulit yang sehat. • Membantu proses respirasi sel. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sakit mata dan lidah. • Kulit merekah di mulut, hidung dan telinga.
B ₃ (asid nikotinik)	<ul style="list-style-type: none"> • Membantu proses respirasi sel • Memelihara kesihatan kulit 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelagra (penyakit kulit dan lumpuh)
B ₅ (asid pantotenik)	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk pertumbuhan badan. • Sintesis antibodi • Membantu perkembangan sistem saraf. • Diperlukan dalam pengoksidaan karbohidrat dan lemak. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kekejangan otot, kelesuan dan koordinasi motor terganggu.
B ₆ (piridoksina)	<ul style="list-style-type: none"> • Sintesis asid amino. • Pembinaan sel darah merah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pertumbuhan terbantut • Dermatitis
B ₁₂ (kobalamina)	<ul style="list-style-type: none"> • Sintesis asid amino. • Pembinaan sel darah merah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Anemia pernisius (kekurangan sel darah merah)
Asid folik	<ul style="list-style-type: none"> • Bertindak sebagai koenzim. • Terlibat dalam sintesis asid nukleik 	<ul style="list-style-type: none"> • Anemia • Tidak boleh mensintesis antibodi
Vitamin H (biotin)	<ul style="list-style-type: none"> • Terlibat dalam sintesis enzim 	<ul style="list-style-type: none"> • Kelesuan • Rambut gugur • Ekzema
Vitamin C (asid askorbik)	<ul style="list-style-type: none"> • Memelihara kesihatan kulit. • Membina tisu penghubung (kolagen) 	<ul style="list-style-type: none"> • Skurvi (gusi lembut dan berdarah) • Luka lambat sembuh. • Anemia. • Mudah terkena jangkitan penyakit.

Seperti juga vitamin, garam mineral juga diperlukan dalam kuantiti yang tertentu untuk memelihara kesihatan badan terutamanya untuk melancarkan proses fisiologi badan. Garam mineral boleh dikelaskan kepada dua jenis mengikut kuantiti yang diperlukan. Garam mineral yang diperlukan dalam kuantiti yang banyak disebut makromineral, contohnya, kalsium, fosforus, kalium, natrium, klorin dan magnesium.

Sebilangan garam mineral yang lain diperlukan dalam kuantiti yang amat sedikit dan disebut mikromineral, contohnya zat besi, kuprum, kobalt, zink, mangan, iodin dan fluorin. Garam mineral akan menjadi toksik jika diambil secara berlebihan. Jadual berikut menerangkan fungsi dan kesan kekurangan garam galian.

Jadual 4.3 : Fungsi dan kesan kekurangan garam mineral²⁸³

Garam galian	Fungsi	Kesan kekurangan
Kalsium	<ul style="list-style-type: none"> • Pembentukan dan pertumbuhan gigi serta tulang yang sihat. • Membantu dalam pembekuan darah. • Diperlukan dalam pengecutan otot dan koordinasi sistem saraf. 	<ul style="list-style-type: none"> • Riket (tulang lembut dan cacat) • Pembentukan gigi dan tulang yang kurang sempurna. • Pembekuan darah lambat. • Tetanus (sakit otot dan kejang).
Magnesium	<ul style="list-style-type: none"> • Pengaktif bagi banyak jenis enzim. • Mengekalkan fungsi normal otot dan sistem saraf. • Membina tulang 	<ul style="list-style-type: none"> • Fungsi otot dan saraf terencat.
Besi (ferum)	<ul style="list-style-type: none"> • Membina hemoglobin. • Sintesis adenosina trifosfat (ATP) semasa proses respirasi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Anemia akibat kekurangan hemoglobin yang berperanan mengangkut oksigen dalam darah.
Natrium	<ul style="list-style-type: none"> • Komponen penting dalam plasma darah. • Mengekalkan tekanan osmosis bendalir sel. • Memelihara ketelapan membran sel yang normal. • Otot dan saraf yang sihat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kekejangan otot. • Penghidratan sel secara berlebihan.
Kalium	<ul style="list-style-type: none"> • Memelihara tekanan osmosis bendalir badan dan plasma darah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Fungsi normal sel terganggu. • Pengecutan otot

²⁸³ Whitney E. dan Rolfes S. R., (2008). *Understanding Nutrition*. USA : Thomson Wadsworth, h.442,452, 455,457,458,459,460, 461 dan 462.

	<ul style="list-style-type: none"> • Penting dalam pemindahan impuls saraf. • Membantu dalam pengecutan otot yang normal. 	<ul style="list-style-type: none"> • terencat. • Kematian.
Iodin	<ul style="list-style-type: none"> • Sintesis hormon tiroksina oleh kelenjar tiroid yang terlibat dalam pengawalan pertumbuhan dan perkembangan normal kanak-kanak. 	<ul style="list-style-type: none"> • Beguk (pembesaran kelenjar tiroid). • Kretinisme (pertumbuhan terbantut dan otak terencat di kalangan kanak-kanak).
Sulfur	<ul style="list-style-type: none"> • Komponen yang penting dalam molekul protein. • Diperlukan untuk aktiviti metabolisme yang normal. 	
Fosforus	<ul style="list-style-type: none"> • Membina tulang dan gigi. • Membentuk ATP semasa proses respirasi sel. • Perlu untuk pengecutan otot. 	<ul style="list-style-type: none"> • Gigi dan tulang tidak terbentuk dengan baik. • Pembentukan ATP terhalang. • Pengecutan otot terhalang.
Fluorin	<ul style="list-style-type: none"> • Membentuk tulang dan gigi yang kuat 	<ul style="list-style-type: none"> • Pereputan gigi yang lebih cepat terutamanya di kalangan kanak-kanak.

Vitamin dan garam mineral ini diperlukan oleh badan dalam kuantiti tertentu.

Jadual berikut menunjukkan kuantiti vitamin dan garam mineral yang diperlukan oleh manusia setiap hari :

Jadual 4.4 : Saranan diet yang disyorkan²⁸⁴

Nutrien	Unit	Kandungan Nutrisi Yang Disyorkan	
		Lelaki (19-59 tahun)	Wanita (19-59 tahun)
Tenaga	Kcal	2440-2460	2000-2180

²⁸⁴ Rujuk Recommended Nutrient Intakes for Malaysia 2005 : Summary Table. A Report of the Technical Working Group on Nutritional Guidelines. National Coordinating Committee on Food and Nutrition, Ministry of Health Malaysia, Putrajaya.

Karbohidrat	G	130	130
Serat	G	38	25-26
Protein	G	62	55
Lemak	Mg	< 300	< 300
Tiamin	Mg	1.2	1.1
Riboflavin	Mg	1.3	1.1
Niasin	Mg	16	14
Biotin	µg	30	30
Folat	µg	400	400
Piridoksin (B₆)	Mg	1.3	1.3-1.5
Kobalamin (B₁₂)	µg	2.4	2.4
Kolin	Mg	550	425
Vitamin C	Mg	70	70
Vitamin A	µg	600	500
Vitamin D	µg	5-10	5-10
Vitamin E	mg	10	7.5
Vitamin K	µg	120	90
Kalsium	mg	800	800-1000
Zat besi	mg	14	29-11
Iodin	µg	124	110
Zink	mg	6.7	4.9
Selenium	mg	33	25
Sodium	mg	1500	2300
Klorida	mg	2300	2300
Kalium	mg	4700	4700
Fosforus	mg	700	700
Magnesium	mg	420	310-320
Kuprum	µg	900	900
Mangan	mg	2.3	1.8
Florida	mg	4.0	3.0
Kromium	µg	35	25
Molibdenum	µg	45	45

4.1.2 Tumbuhan sebagai sumber ubatan

Tumbuhan memainkan peranan yang penting dalam membentuk asas sistem perubatan tradisional. Sejak tahun 2600 sebelum Masihi lagi, terdapat rekod yang telah didokumenkan mengenai kegunaan 1000 jenis sebatian yang berasaskan tumbuhan di Mesopotamia. Ini termasuklah minyak daripada spesies *Cedrus* dan *Cupressus sempervirens*, *Glycyrrhiza glabra*, spesies *Commiphora* dan *Papaver somniferum* (jus poppy) yang mana kesemua ini digunakan sehingga hari ini dalam merawat pelbagai jenis penyakit.²⁸⁵

Sistem perubatan yang berasaskan tumbuhan terus memainkan peranan yang penting bagi penjagaan kesihatan dalam kebanyakan masyarakat. Hasil yang diperolehi daripada tumbuhan juga memainkan peranan yang penting dalam sistem penjagaan kesihatan bagi kebanyakan populasi di negara-negara membangun. Daripada 122 sebatian yang dikenalpasti sebagai sebatian asli dan digunakan sebagai ubatan, 80% daripadanya digunakan untuk tujuan yang sama atau tujuan yang berkaitan dalam etnoperubatan.

Tumbuhan yang digunakan sebagai sumber ubatan biasanya mengandungi sebatian-sebatian kimia aktif daripada kumpulan metabolit sekunder seperti alkaloid, flavonoid, kumarin, terpenoid dan sebagainya. Alkaloid ialah metabolit sekunder yang mengandungi nitrogen. Ia terdapat dalam tumbuhan peringkat tinggi. Flavonoid pula ialah sebatian polifenolik yang merupakan kumpulan metabolit sekunder yang paling penting. Lebih daripada 6000 sebatian flavonoid telah dikenal pasti daripada buah-buahan dan sayur-sayuran. Flavonoid juga merupakan sebatian yang memberikan warna oren, kuning atau merah kepada tumbuhan. Sebatian flavonoid didapati penting kepada kesihatan manusia kerana aktiviti antioksidanya. Flavonoid juga menunjukkan aktiviti biologi yang lain seperti antibakteria, antivirus, antiallergik, antiplatelet dan

²⁸⁵ M. C. Gordon, G. G. Paul dan J. N. David (2012). *Natural Products in Drug Discovery : Recent Advances*. USA : WILEY, h. 1-3.


antikeradangan. Kumarin pula merupakan perencat pertumbuhan dan juga bertindak sebagai pertahanan dalam tumbuhan. Ia boleh ditemui dalam kebanyakan famili tumbuhan terutamanya dalam famili Leguminosae, famili Rutaceae dan famili Umbelliferae. Kumarin mempunyai pelbagai aktiviti biologi seperti anti-HIV, antitumor, antihipertensi, antiosteoporosis, digunakan untuk melegakan kesakitan dan juga pencegah penyakit asma. Terpenoid pula merupakan sebatian yang terbina daripada lima unit karbon atau dikenali sebagai unit isoprene. Terpenoid diklasifikasikan kepada 8 kumpulan yang berbeza bergantung kepada bilangan karbonnya iaitu hemiterpenoid, monoterpenoid, sesquiterpenoid, diterpenoid, sesterterpenoid, triterpenoid, tetraterpenoid dan politerpenoid. Aktiviti bioaktif bagi terpenoid sangat banyak antaranya ia digunakan dalam melegakan kesakitan, antipruritik, antiallergen, antikanser dan sebagainya. Salah satu contoh terpenoid yang penting dalam bidang perubatan ialah paclitaxel iaitu salah satu diterpene yang diperolehi daripada *Taxus brevifolia* pada tahun 1960. *Paclitaxel* dan analognya docetaxel diperakui oleh U.S FDA untuk merawat pelbagai jenis kanser seperti kanser paru-paru, kanser ovari, kanser payudara dan kanser leher dan kepala.²⁸⁶

Sebatian-sebatian kimia inilah yang memainkan peranan utama dalam proses penemuan ubat-ubatan moden. Sebagai contoh, dalam memahami peranan etnoperubatan dalam penemuan dan pembangunan ubat-ubatan adalah sebatian *quinine* dan *artemisinin* yang digunakan dalam rawatan penyakit malaria. Isolasi *quinine* telah dilakukan oleh seorang ahli farmasi Perancis pada tahun 1820 iaitu Caventou dan Pelletier daripada kulit pokok spesies *Cinchona*. Kulit kayu ini digunakan oleh masyarakat pribumi di Lembah Amazon untuk merawat demam. Selain daripada itu, sejenis tumbuhan lagi yang digunakan dalam perubatan tradisional Cina untuk merawat demam ialah *Artemisia annua*. Penemuan *artemisinin* oleh saintis China pada tahun

²⁸⁶ W. L. Hong (2011). Extraction and Isolation of Compounds from Herbal Medicines dalam Traditional Herbal Medicine Research Method. New Jersey : WILEY, h. 82-101.

1971 menyediakan satu sebatian kimia semulajadi yang baru. Analog atau struktur yang hampir sama dengan *artemisinin* seperti *artesunate* digunakan dalam rawatan malaria di kebanyakan negara. Selain itu lebih banyak analog *artemisinin* disediakan sebagai percubaan untuk meningkatkan penggunaan dan aktivitiya seperti *arterolane tosylate*.


Gambar Rajah 4.2 : Agen Antimalaria dan Analognya



Sebelum sesuatu sebatian kimia dikenalpasti daripada tumbuhan tertentu, kajian lapangan akan dilakukan dalam mengumpul tumbuh-tumbuhan yang berpotensi. Sebagai contoh, spesies tumbuhan yang hidup dalam persekitaran yang bahaya seperti terdedah kepada serangan serangga, fungi, bakteria, virus akan cuba untuk melindungi diri mereka dengan menghasilkan bahan yang dapat menentang serangan-serangan tersebut. Setelah tumbuhan dikenalpasti, ekstrak tumbuhan akan dianalisis menggunakan *High Pressure Liquid Chromatography* (HPLC), *Ultra-High Pressure Liquid Chromatography* (UHPLC) atau teknik-teknik yang lain. Apabila sesuatu sebatian yang berpotensi sebagai ubat telah dikenalpasti daripada tumbuhan, ia akan dikenali sebagai *lead compound* (LC) atau sebatian penunjuk. LC mestilah melepasi kesemua penilaian ketoksikan pada haiwan untuk melihat tindakbalasnya dengan manusia dan haiwan. Percubaan ketoksikan sub-akut melibatkan penentuan indeks terapuetik dan penyelidikan histologi terhadap organ-organ utama seperti hati, buah

pinggang, paru-paru, darah dan sistem saraf pusat. Ia dilakukan sebelum menjalankan ujian pra-klinikal. Setelah melalui ujian pra-klinikal, ubat-ubatan baru dihasilkan.

Gambar Rajah 4.3 : Proses Penghasilan Ubatan Baru



4.2 Tumbuhan Terpilih Dalam Perspektif Sains Pemakanan dan Perubatan.

4.2.1 Kurma (*Phoenix dactylifera*)

Kurma merupakan tumbuhan dari genus *Phoenix*.²⁸⁷ Perkataan *phoenix* berasal dari perkataan *Phoenicia* yang bermaksud pokok kurma, dan *dactylifera* berasal dari perkataan Greek *daktulos* bermaksud jari yang menggambarkan bentuk buahnya.²⁸⁸ Pokok kurma dalam bahasa Arab disebut sebagai *nakhl*, manakala buahnya yang matang dipanggil *tamar*. Penanaman pokok kurma bermula sejak sebelum Masihi iaitu 6000 hingga 8000 tahun yang lalu di Mesopotamia. Pada ketika itu, kemungkinan tiada tumbuhan lain yang ditanam di mana-mana tempat. Oleh yang demikian, pokok kurma sangat berhubung kait dengan budaya dan tamadun manusia.²⁸⁹ Kajian pertama

²⁸⁷ Terdapat 122 spesies di dalam genus *Phoenix*, antaranya ialah *Phoenix sylvestris* Roxb. Di India. Yang dikenali sebagai kurma liar yang buahnya dapat menghasilkan gula. Rujuk V.H.W. Dowson (1962). *Dates, Handling, Processing, and Packing*. Rome : Food and Agriculture Organization of The United Nations, h. 6.

²⁸⁸ Dipetik dari <http://www.fao.org/DOCREP/006/Y4360E/y4360e05.htm#TopOfPage> yang diambil dari Linnaeus, 1734.

²⁸⁹ Farooqi (2003), *Plants of The Qur'an*, h. 41-43.

mengenai kandungan nutrisi kurma telah dilakukan oleh Vinson pada tahun 1911, dan kajian ini telah mengambil masa kerja selama enam tahun.²⁹⁰

Ketinggian pokok kurma adalah antara 15 hingga 25 meter, keratan rentas jejarnya pula antara 20 hingga 40 sentimeter dan akarnya mencecah 6 meter kedalam. Batang pokok kurma terdiri daripada gentian selulosa yang kuat dan boleh digunakan dalam menghasilkan papan lapis.²⁹¹ Daun pokok kurma kebiasaannya adalah dari 3 hingga 6 meter bergantung kepada jenisnya, dan daunnya hidup antara 3 hingga 7 tahun. Peringkat awal pertumbuhan kurma iaitu pada minggu keempat dan kelima, kurma dipanggil *altalaa*, pada peringkat ini kurma berwarna hijau. Selepas *altalaa*, pertumbuhan kurma melibatkan empat tahap. Tahap pertama ialah tahap *kimri*.²⁹² Pada tahap ini kurma membesar sedikit dan berwarna hijau epal. *Kimri* dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama, buah kurma menunjukkan ciri-ciri seperti, pertambahan saiz dan berat yang cepat, kadar penghasilan gula, asid dan air yang tinggi. Manakala fasa kedua, buah kurma masih di dalam fasa pertumbuhan tetapi kadar pertambahan saiz, berat, kandungan gula dan kandungan asid berkurang pada fasa ini. Tetapi kadar kelembapannya lebih tinggi daripada fasa pertama.

Tahap kedua ialah tahap *khalal*. Pada waktu ini, warna buah kurma berubah dari hijau menjadi warna kuning atau merah bergantung kepada jenisnya. Tahap ini berlaku dalam masa 3 hingga 5 minggu.²⁹³ Pada tahap ini, purata pemanjangan dan diameter buah meningkat. Tahap ketiga ialah tahap '*ruttāb*'. Pada tahap ini buah kurma mula melembut dan kehilangan air dalam tempoh 2 hingga 4 minggu. Tahap terakhir ialah

²⁹⁰ Dowson (1962). *Dates, Handling, Processing, and Packing*, h. 6.

²⁹¹ Amer W. M. (1994), History of Botany Part 1: The date palm in ancient history, Botany Department, Faculty of Science, Cairo University, Egypt. [<http://www.levity.com/alchemy/islam08.html>]

²⁹² *Kimri* juga dikenali sebagai *ghamag*. Rujuk V.H.W. Dowson (1962). *Dates, Handling, Processing, and Packing*, h. 21-22.

²⁹³ *Khalal* juga dikenali sebagai *Busr* atau *Balah*. *Ibid*, h. 23-24.

tahap ‘*tamar*’. Pada tahap ini, buah kurma mengering menjadi agak keras dengan warna yang lebih gelap. Namun begitu, tidak semua jenis kurma melalui tahap ini.²⁹⁴

4.2.1.1 Kandungan nutrien.²⁹⁵

Berikut ialah kandungan nutrisi bagi 100 gram kurma daripada jenis Deglet Noor yang diperolehi daripada *USDA nutrient databases* :

Jadual 4.5 : Kandungan Nutrien Dalam 100 gram Kurma (Jenis Deglet-Noor)

Nutrien	Unit	Nilai bagi 100 grams
Air	g	20.53
Tenaga	kcal	282
Protein	g	2.45
Lemak	g	0.39
Karbohidrat	g	75.03
Sukrosa	g	23.84
Glukosa	g	19.87
Fruktosa	g	19.56
Maltosa	g	0.12
Kalsium, Ca	mg	39
Besi, Fe	mg	1.02

²⁹⁴ W. Al-Shahib dan R. J. Marshall (2003). The fruit of the date palm: its possible use as the best food for the future? *International Journal of Food Sciences and Nutrition*, Jilid 54 (4), h. 247 - 259.

²⁹⁵ Setiap kandungan nutrisi tumbuh-tumbuhan di dalam penulisan ini adalah merujuk kepada USDA National Nutrient Database for Standard Reference, diakses melalui laman web <http://www.nal.usda.gov>.

Magnesium, Mg	mg	43
Fosforus, P	mg	62
Kalium, K	mg	656
Natrium, Na	mg	2
Zink, Zn	mg	0.29
Kuprum, Cu	mg	0.206
Mangan, Mn	mg	0.262
Selenium, Se	Mcg	3.0
Vitamin C	Mg	0.4
Taimin	Mg	0.052
Riboflavin	Mg	0.066
Niasin	Mg	1.274
Asid Pantotenik	Mg	0.589
Vitamin B-6	Mg	0.165
Folat	Mcg	19
Kolin	Mg	6.3
Betain	Mg	0.4
Beta karoten	Mcg	6
Vitamin A	IU	10
Lutein + zeaxanthin	Mcg	75
Vitamin E	Mg	0.05
Vitamin K	Mcg	2.7

Berdasarkan kandungan nutrien dalam jadual di atas, kurma merupakan buah yang mempunyai kandungan karbohidrat yang tinggi. Kurma juga mengandungi

selenium yang berdasarkan kajian Al-Shahib dan Marshall (2003)²⁹⁶ menyatakan selenium yang terdapat di dalam buah kurma penting dalam sistem imunisasi badan.²⁹⁷ Kandungan magnesium yang terdapat dalam buah kurma juga penting untuk ibu yang mengandung kerana ia berfungsi menguatkan jantung dan sistem peredaran darah.

Kebaikan kurma ini tidak terhad kepada jenis tertentu sahaja. Sebagai contoh, Jamil *et al.* (2008)²⁹⁸ telah mengkaji kandungan mineral dalam lapan jenis kurma Pakistan. Kajian menunjukkan kesemua jenis kurma ini kaya dengan protein, karbohidrat dan tenaga. Selain itu terdapat juga kandungan mikromineral seperti sodium, potasium dan litium. Hasil kajian ini mencadangkan kesemua jenis kurma mengandungi kandungan nutrien yang baik dan berkualiti tinggi.

4.2.1.2 Kebaikan kurma dalam aspek perubatan

4.2.1.2 (a) Mengandungi agen antioksidan

Kebelakangan ini manusia terdedah kepada sebatian kimia seperti racun serangga organofosforus. Sebatian ini merangsang penghasilan radikal bebas²⁹⁹ yang berlebihan yang merbahaya kepada organisma. Justeru Saafi *et al.* (2010)³⁰⁰ melakukan kajian untuk mengkaji keberkesanan ekstrak buah kurma sebagai agen antioksidan. Mereka telah menjalankan kajian ke atas hati tikus yang telah diaruh menjadi toksik, kemudian dirawat dengan ekstrak buah kurma. Hasil kajian menunjukkan buah kurma berpotensi sebagai agen antioksidan.

²⁹⁶ Al-Shahib W. dan Marshall R. J. (2003), The Fruit of The Date Palm: Its Possible Use As The Best Food for The Future? *International Journal of Food Science and Nutrition*. Jil. 54, bil. 4, hlm. 247-259.

²⁹⁷ Brown (2008). *Nutrition Now*. USA : Thompson Wadsworth.

²⁹⁸ Muhammad Salman Jamil, Raziya Nadeem, Muhammad Asif Hanif dan Muhammad Asif Ali (2010). Proximate composition and mineral profile of eight different unstudied date (*Phoenix dactylifera* L.) varieties from Pakistan. *African Journal of Biotechnology*. Jil. 9, bil. 22, h. 3252-3259.

²⁹⁹ Radikal bebas telah menyebabkan lebih daripada 100 penyakit terhadap manusia antaranya diabetes, arthritis, arteriosklerosis, Alzheimer dan juga parkinson's.

³⁰⁰ Saafi E. B., *et al.* (2010), Protective effect of datepalm fruit extract (*Phoenix dactylifera* L.) on dimethoate induced-oxidative stress in rat liver. *Experimental and Toxicologic Pathology*.

Selain itu, Biglari *et al.* (2008)³⁰¹ telah menjalankan kajian ke atas 11 jenis kurma dari Iran. Kajian ini bertujuan untuk melihat aktiviti antioksidan dan juga kandungan fenolik di dalam 11 jenis kurma ini. Hasil daripada kajian ini menunjukkan jenis kurma dari Iran ini berpotensi sebagai bahan antioksidan.³⁰² Hasan *et al.* (2010)³⁰³ pula mengkaji kandungan sebatian fenolik dalam 3 jenis kurma dari Libya iaitu Bekraray, Deglet-Noor dan Khathori. Kajian menunjukkan ketiga-tiga jenis kurma dari Libya ini mempunyai kandungan antioksidan dan mempunyai nilai nutrisi yang tinggi.

Hong *et al.* (2006)³⁰⁴ mengkaji kandungan flavonoid yang terdapat dalam kurma Deglet Noor. Hasil kajian mendapati kurma Deglet Noor mengandungi 13 jenis flavonoid. Selain daripada itu, kurma ini juga mengandungi flavonoid sulfat yang jarang-jarang dijumpai dalam tumbuhan. Flavonoid mempunyai potensi yang baik sebagai antioksidan dan baik untuk pencegahan penyakit terutamanya seperti penyakit kanser dan penyakit kardiovaskular.³⁰⁵

4.2.1.2 (b) Mengandungi agen antitumor

Omar dan Kennedy (2004)³⁰⁶ telah mengkaji potensi β -glukan yang diperolehi daripada kurma dari Libya. Glukan yang ditemui menunjukkan potensi dalam aktiviti antitumor. Aktiviti antitumor ini berhubungkait dengan ikatan 1,3- β -D-glukan. β -

³⁰¹ F. Biglari *et al.* (2008) Antioxidant activity and phenolic content of various date palm (*Phoenix dactylifera*) fruits from Iran. *Food Chemistry*, bil. 107, h. 1636–1641

³⁰² Functional food ialah makanan yang berfungsi sebagai makanan yang mengandungi elemen perubatan. Rujuk http://en.wikipedia.org/wiki/Functional_food.

³⁰³ Hasan *et al.* (2010). Nutritional composition and in vitro evaluation of the antioxidant properties of various dates extracts (*Phoenix dactylifera* L.) from Libya. *Asian Journal of Clinical Nutrition*. 2(4), 208–214.

³⁰⁴ Hong *et al.*, (2006). The Flavonoid Glycosides and Procyanidin Composition of Deglet Noor Dates (*Phoenix dactylifera*). *Journal Agriculture Food Chemical*. Bil. 54, hlm 2405–2411.

³⁰⁵ Wang dan Ho (2009). Metabolism of Flavonoid. *Yoshikawa T (ed): Food Factors for Health Promotion. Forum Nutr. Basel, Karger*, bil. 61, hlm 64–74.

³⁰⁶ Omar dan Kennedy (2004), The anti-cancer activity of polysaccharide prepared from Libyan dates (*Phoenix dactylifera* L.) *Carbohydrate Polymers*. Bil. 59, h. 531–535.

glukan ini menunjukkan keupayaan dalam meningkatkan kerintangan terhadap pelbagai jenis virus, bakteria, protozoa dan kulat selain menunjukkan aktiviti antitumor.³⁰⁷

4.2.1.2 (c) Mengandungi agen neuroprotektif

Majid *et al.* (2008)³⁰⁸ telah mengkaji keberkesanan ekstrak kurma sebagai agen neuroprotektif iaitu agen perlindungan sistem saraf dengan menggunakan serebrum tikus sebagai subjek kajian. Hasil kajian mendapati ekstrak kurma berkesan sebagai agen neuroprotektif kerana ia mengandungi kandungan antioksidan yang tinggi.

4.2.1.2 (d) Rawatan kesuburan lelaki

Debunga kurma digunakan dalam perubatan tradisional untuk masalah ketidaksuburan lelaki. Bahmanpour *et al.* (2006)³⁰⁹ telah menjalankan kajian ke atas debunga kurma yang digunakan dalam rawatan kesuburan lelaki. Kajian dilakukan ke atas 50 ekor tikus Sprague-Dawley yang dibahagikan kepada 5 kumpulan dan diberi 5 rawatan yang berbeza. Setiap kumpulan diberi debunga kurma yang berbeza beratnya selama 35 hari. Selepas 35 hari, sperma diambil dari duktus deferens dan dianalisis. Hasil kajian menunjukkan debunga kurma berpotensi meningkatkan kandungan sperma.

Selain daripada itu, kajian oleh Elberry *et al.* (2011)³¹⁰ menunjukkan debunga kurma berpotensi sebagai agen anti radang bagi masalah *Atypical Prostatic Hyperplasia* (APH) iaitu *pseudoneoplastic* atau tumor samaran yang menyerupai adenokarsinoma

³⁰⁷ Murphy EA *et al.* (2004). Effects of moderate exercise and oat beta-glucan on lung tumor metastases and macrophage antitumor cytotoxicity. *Journal of Applied Physiology*. Bil. 97, h. 955–959.

³⁰⁸ Majid *et al.*, (2008). Neuroprotective Effects of Aqueous Date Fruit Extract On Focal Cerebral Ischemia in Rats. *Pakistan Journal of Medical Sciences*. Jil. 24, bil. 5.

³⁰⁹ Bahmanpour *et al.*, (2006). Effect of *Phoenix Dactylifera* Pollen on Sperm Parameters and Reproductive system of Adult Male Rats. *Iran Journal Medical Science*. Jil. 31, bil. 4.

³¹⁰ Elberry *et al.* (2011). Antiinflammatory and antiproliferative activities of date palm pollen (*Phoenix dactylifera*) on experimentally-induced atypical prostatic hyperplasia in rats. *Journal of Inflammation*. Jil. 8, bil. 40.

prostat berdasarkan sitologi dan ciri-cirinya. Hasil kajian mendapati debunga kurma mempunyai potensi dalam mencegah APH.

4.2.1.2 (e) Sebagai pengawal kolesterol

Salah (2004)³¹¹ mendapati diet yang mengandungi 1.5 % serat biji kurma berpotensi untuk menurunkan kadar kolesterol LDL (*Low density lipoprotein*). Hasil kajian menunjukkan diet yang mengandungi serat biji kurma adalah baik untuk menurunkan kadar LDL.

Kebanyakan pesakit diabetes mengalami komplikasi kesihatan yang lain seperti tekanan darah tinggi dan kandungan kolesterol yang tinggi. Ini akan meningkatkan lagi risiko untuk mendapat penyakit jantung dan strok. Abuelgassim (2004)³¹² dalam kajiannya, telah mengkaji keupayaan ekstrak daun kurma dalam mengurangkan kadar LDL terhadap pesakit diabetes. Kurma dipilih dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian oleh Tahraoui *et al.* (2007) yang melakukan tinjauan terhadap kaedah rawatan diabetis dan hipetensi dalam kalangan masyarakat tenggara Morocco. Lebih kurang 78% masyarakat menggunakan pokok kurma untuk merawat diabetes dan hipertensi. Hasil kajian menunjukkan ekstrak daun kurma mengurangkan kepekatan serum dalam jumlah keseluruhan kolesterol dan kolesterol LDL secara signifikan.

4.2.1.2 (f) Sebagai agen antiatherogenic

Agen *antiatherogenic* bermaksud kandungan sebatian biokimia yang mempunyai kebolehan untuk menghalang *atherogenesis* iaitu pembentukan *atheromas*

³¹¹ Salah A. Al-Aiman (2004). Effect of Date Palm (*Phoenix Dactylifera*) Seed Fibers on Plasma Lipids in Rats. King Saud University. Diperoleh daripada http://scholar.googleusercontent.com/scholar?q=cache:NVi1VswWqEJ:scholar.google.com/+phoenix+dactylifera+for+cholesterol&hl=en&as_sdt=0.5 pada 2 Ogos 2012.

³¹² Abuelgassim O. Abuelgassim (2010). Effects of Flax Seed and Date Palm Leaves Extracts on Serum Concentration of Glucose and Lipids in Alloxan Diabetic Rats. Pakistan Journal of Biological Sciences. 13 (23), h. 1141-1145.

pada dinding arteri yang boleh mengganggu kelancaran pengaliran darah. Buah kurma mempunyai kandungan gula yang tinggi yang mana berpotensi untuk meningkatkan kadar serum glukosa, tahap triasilgliserida, tekanan oksidasi serum serta indeks berat badan. Rock *et al.* (2009) telah mengkaji kesan pengambilan buah kurma jenis Hallawi dan Medjool ke atas 10 individu sihat. Hasil kajian mendapati, pengambilan kurma oleh individu sihat tidak memberi kesan yang signifikan ke atas indeks berat badan, jumlah kolesterol serum dan tahap kolesterol LDL, HDL dan VLDL. Selain daripada itu, kadar *triasilgliserol* menurun secara signifikan. Kesimpulannya, pengambilan kurma oleh individu sihat memberikan kesan yang baik terhadap tahap *triacylglycerol serum* dan tidak mempengaruhi kadar glukosa serum dan corak lipid atau lipoprotein walaupun kadar gula dalam kurma adalah tinggi. Oleh itu, kurma merupakan makanan yang mengandungi nutrien *antiatherogenic*.

4.2.1.2 (g) Mengandungi agen antidiabetik dan antilipemik

Diabetis melitus merupakan penyakit yang sering dihidapi oleh kebanyakan masyarakat di seluruh dunia. Ia merupakan penyakit yang disebabkan oleh kegagalan mekanisme insulin yang menyebabkan hiperglisemia kronik iaitu kadar glukosa dalam darah yang terlalu tinggi. Rawatan farmakologi pada hari ini telah menggunakan ubat yang mengandungi agen hipoglisemik oral (*hypoglycemic oral agent*) dan insulin. Tetapi pendekatan ini tidak berjaya mengembalikan normoglisemia (*normoglycemia*) iaitu kadar aras glukosa normal dalam darah bagi kebanyakan pesakit ataupun gagal selepas beberapa tempoh. Penggunaan ubat antidiabetik juga akan mendatangkan kesan sampingan dan menyebabkan masalah ketoksikan kepada pesakit. Oleh yang demikian, Seyyed *et al.* (2010)³¹³ mengkaji keupayaan ekstrak daun pokok kurma sebagai agen

³¹³ Seyyed Ali Mard, Kowthar Jalalvand, Masoumeh Jafarinejad, Hoda Balochi, Mohammad Kazem Gharib Naseri (2010). **Evaluation of the Antidiabetic and Antilipemic Activities of the**

antidiabetik dan agen antilipemik iaitu agen yang membantu menurunkan kadar lipid ke atas tikus Wistar. Kajian ini dilakukan untuk mencari alternatif kepada rawatan penyakit diabetis melitus yang menggunakan bahan semulajadi dan ubat bukan sintetik. Hasil daripada kajian yang dilakukan mendapati ekstrak daun pokok kurma menurunkan kadar gula dalam darah, trigliserida serum dan jumlah kolesterol dalam tikus kajian berbanding tikus kawalan. Manakala kandungan tahap plasma insulin meningkat dalam tikus kajian. Kesimpulannya, ekstrak daun pokok kurma mengandungi agen antidiabetik dan antilipemik.

4.2.1.2 (h) Kurma baik untuk ibu mengandung dan melahirkan anak

Khadem *et al.* (2007)³¹⁴ telah melihat perbandingan keberkesanan kurma dan oksitoksin dalam mencegah kehilangan darah untuk ibu bersalin. Hasil kajian mendapati, pemakanan kurma kepada ibu yang akan melahirkan anak adalah satu alternatif yang berkesan dalam mencegah kehilangan darah. Manakala Al-Kuran *et al.* (2011) telah melakukan kajian ke atas dua kumpulan ibu hamil untuk mengkaji keberkesanan pengambilan buah kurma dalam memudahkan proses melahirkan bayi. Hasil kajian mendapati pengambilan kurma adalah membantu dalam memudahkan proses melahirkan bayi.³¹⁵

Kurma juga digunakan untuk merawat beberapa jenis penyakit dalam perubatan tradisional, contohnya seperti jadual berikut :

Hydroalcoholic Extract of *Phoenix Dactylifera* Palm Leaves and Its Fractions in Alloxan-Induced Diabetic Rats. *Malaysian Journal of Medical Sciences*, jil. 17, bil. 3, 2010, h. 4-13.

³¹⁴ Khadem *et al.* (2007). Comparing the Efficacy of Dates and Oxytocin in the Management of Postpartum Hemorrhage. *Shiraz e-Medical Journal*. jil. 8, bil. 2.

³¹⁵ Topik ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bab kelima (5).

Jadual 4.6 : Kegunaan Kurma Dalam Rawatan Tradisional

Bil.	Penyakit	Rawatan	Rujukan
1.	Mengubati tenaga batin	Rendamkan kurma kering yang keras ke dalam susu segar dan dibiarkan sehingga kurma tersebut lembut dan air susu berubah warna. Susu diminum sambil menyebut nama Allah dan berselawat.	Normadiah (2010)
2.	Gastrik	Masak susu lembu atau susu kambing yang asli di atas api yang sederhana dan masukkan buah kurma ke dalamnya, biarkan mendidih dan angkat. Apabila suam, airnya diminum. Elok diamalkan 2 hari sekali.	Normadiah (2010)

4.2.2 Anggur (*Vitis vinifera* L.)

Anggur merupakan tumbuhan daripada famili Vitaceae. Anggur berasal dari pergunungan Caucasus yang terletak antara Sepanyol dan Perancis. Kemudian ia mula ditanam di kawasan Asia, Mediterranean dan Eropah. Melalui Eropah, penanaman anggur diperkenalkan ke Afrika (terutamanya Afrika Selatan), Australia, Jepun dan California. Penanaman anggur di kawasan Asia Tenggara pula, seperti Indonesia, Thailand dan Filipina diperkenalkan pada kurun ke-19.³¹⁶ Taburan genus *Vitis* sangat meluas iaitu di Asia Timur, Eropah, Timur Tengah dan Amerika Utara. Lebih kurang 90 % daripada pengeluaran anggur di dunia adalah daripada spesies *Vitis vinifera*. Merujuk kepada Food and Agriculture Organization (FAO), pada tahun 2004, pengeluaran anggur adalah mencecah 65,486,235 million tan daripada 90 buah negara³¹⁷.

Pokok anggur mempunyai batang yang kuat dengan ketinggian 2 meter. Batang dan tangkainya kasar dan bergabus. Daun pokok anggur adalah daun tunggal iaitu satu

³¹⁶ Othman Yaacob dan Suranath Subhadrabandhu (1995). *The Production of Economic Fruits in South-East Asia*. Chapter Subtropical and Temperate-zone Fruits. Kuala Lumpur : Oxford University Press, h. 269-274.

³¹⁷ Diperolehi daripada <http://www.uga.edu/fruit/grape.html>

helai daun tumbuh pada satu tangkai. Panjang daunnya antara 10-16 cm dan lebarnya antara 8-14 cm. Daunnya tumbuh secara berselang-seli, permukaannya kasar dan tepinya bergerigi. Walaubagaimanapun ianya bergantung kepada jenis anggur tertentu. Terdapat banyak sulur paut yang berfungsi sebagai penyokong kepada tangkai-tangkainya. Pokok anggur juga mempunyai bunga yang tumbuh serumpun di atas tangkai yang matang. Bunganya kecil dan berbau wangi. Buahnya pula adalah jenis beri, bulat atau melonjong panjang, kulitnya berwarna hijau, kuning, merah, ungu tua atau kehitaman.³¹⁸

4.2.2.1 Kandungan nutrien

Jadual 4.7 : Kandungan nutrien dalam 100 gram anggur

Nutrien	Unit	Nilai bagi setiap 100 gram
Air	g	80.54
Tenaga	Kcal	69
Protein	g	0.72
Lemak	g	0.16
Karbohidrat	g	18.10
Serat	g	0.9
Gula	g	15.48
Sukrosa	g	0.15
Glukosa	g	7.20

³¹⁸ Othman Yaacob dan Suranant Subhadrabandhu (1995). *The Production of Economic Fruits in South-East Asia*, h.270-274.

Fruktosa	g	8.13
Kalsium, Ca	mg	10
Zat Besi, Fe	mg	0.36
Magnesium, Mg	mg	7
Fosforus, P	mg	20
Kalium, K	mg	191
Natrium, Na	mg	2
Zink, Zn	mg	0.07
Kuprum, Cu	mg	0.127
Mangan, Mn	mg	0.071
Fluorida, F	mcg	7.8
Selenium, Se	mcg	0.1
Vitamin C	mg	10.8
Taimin	mg	0.069
Riboflavin	mg	0.070
Niasin	mg	0.188
Asid pantotenik	mg	0.050
Vitamin B-6	mg	0.086
Folat	mcg	2
Kolin	mg	5.6
Betain	mg	0.1
Vitamin A	mcg_RAE	3
Beta karoten	mcg	39
Alpha karoten	mcg	1
Vitamin A	IU	66
Lutein + zeaxanthin	mcg	72

Vitamin E	mg	0.19
Vitamin K	mcg	14.6
Asid lemak	g	0.054
Asid Aspartik	g	0.038
Asid Glutamik	g	0.081

4.2.2.2 Kebaikan anggur dalam aspek perubatan

4.2.2.2 (a) Mengandungi agen antioksidan

Bagchi *et al.* (2000)³¹⁹ telah menjalankan kajian ke atas ekstrak proantosianidin biji anggur atau *Grape Seed Proanthocyanidin Extract* (GSPE) IH636 secara *in vivo* dan juga *in vitro*. GSPE ini dibandingkan dengan vitamin C, E dan β -karoten. Kajian tersebut menunjukkan GSPE mempunyai potensi yang tinggi dalam melawan radikal bebas yang menyebabkan peroksidasi lipid dan kerosakan DNA melebihi potensi yang terdapat dalam vitamin C, E dan β -karotene. GSPE juga menunjukkan sitotoksiti kepada kanser payudara, paru-paru dan adenokarsinoma sel gastrik (tumor pada sel gastrik) dan merangsang pertumbuhan sel gastrik mukosal yang normal.

4.2.2.2 (b) Mengandungi agen antibakteria

Jayaprakasha *et al.* (2003)³²⁰ telah melakukan ujian antibakteria ke atas *Bacillus cereus*, *Bacillus coagulans*, *Bacillus subtilis*, *Staphylococcus aureus*, *Escherichia coli* and *Pseudomonas aeruginosa* menggunakan ekstrak serbuk biji anggur. Hasil kajian

³¹⁹ D. Bagchi *et al.* (2000) Free radicals and grape seed proanthocyanidin extract: importance in human health and disease prevention. *Toxicology*. Bil. 148, h. 187–197.

³²⁰ Jayaprakasha G.K. *et al.* (2003). Antibacterial and antioxidant activities of grape (*Vitis vinifera*) seed extracts. *Food Research International*. Bil 36, h. 117–122.

menunjukkan bakteri gram positif dapat direncatkan pada kepekatan 850–1000 ppm, dan bakteri gram-negatif pada kepekatan 1250–1500 ppm. Rivero-cruz *et al.* (2008)³²¹ mendapati kismis tanpa biji Thomson dapat bertindak menghapuskan patogen di dalam mulut seperti *Streptococcus mutans* dan *Porphyrromonas gingivalis* yang menyebabkan karies gigi dan penyakit periodontal. Kajian ini menggunakan bahan asid oleanolik yang terkandung di dalam ekstrak kismis tersebut.

4.2.2.2 (c) Sebagai agen antitumor

Alam *et al.* (2002)³²² mendapati ekstrak anggur boleh digunakan sebagai agen yang boleh mencegah atau melambatkan tekanan oksidatif dan karsinogen (karsinogen ialah bahan yang boleh menyebabkan kanser). Kajian ini mendapati anggur berpotensi melawan 12-*O*-tetradecanoyl-13-phorbol acetate (TPA) iaitu pengantara yang menggalakkan tumor 7,12-dimethyl-benz[*a*]anthracene (DMBA) pada kulit baru tikus.

4.2.2.2 (d) Rawatan kemerosotan otak atau sistem saraf

Pasinetti dan Eberstin (2008)³²³ menyatakan kandungan *resveratol* yang tinggi pada kulit buah anggur ataupun bijinya dapat membantu dalam mencegah dan merawat penyakit Alzheimer. Joseph *et al.* (2009)³²⁴ pula melihat kesan diet tambahan dengan pengambilan jus anggur ‘Concorde’, beri dan kacang walnut. Hasil kajian mendapati, jus anggur ‘Concorde’ mengurangkan peningkatan kadar tekanan oksidasi. Ini dapat

³²¹ Rivero-cruz J.F *et al.* (2008). Antimicrobial constituents of Thompson seedless raisins (*Vitis vinifera*) against selected oral pathogens. *Phytochemistry Letters* . Bil.1, h. 151–154.

³²² Alam A., *et al.* (2002) Chemopreventive Effect Of *Vitis Vinifera* Extract On 12-*O*-Tetradecanoyl-13-Phorbol Acetate-Induced Cutaneous Oxidative Stress And Tumor Promotion In Murine Skin. *Pharmacological Research*. Jil. 46, bil. 6.

³²³ Pasinetti dan Eberstin (2008). Metabolic Syndrome And The Role of Dietary Lifestyle In Alzheimer’s Disease. *Journal of Neurochemistry*. Jil.106, bil. 4, h. 1503–1514

³²⁴ Joseph *et al.* (2009). Grape Juice, Berries, and Walnuts Affect Brain Aging and Behavior. *The Journal of Nutrition*.

dilihat melalui peningkatan kelakuan subjek kajian. Justeru, ini menunjukkan anggur dapat meningkatkan daya ingatan terhadap pesakit yang mempunyai kerosakan kognitif ringan.

Kim *et al.* (2006)³²⁵ melakukan analisis proteomik iaitu teknik penelitian untuk mengenalpasti tindakan ekstrak biji anggur terhadap protein-protein yang mempengaruhi otak tikus. Hasil kajian mendapati ekstrak biji anggur memberi kesan terhadap protein yang terbabit dalam gangguan kognitif dengan memberi tindakan ‘dadah psikoaktif’ yang memelihara keseluruhan sistem saraf.

4.2.2.2 (e) Sebagai penawar penyakit jantung

Anggur mempunyai yang penting dalam mencegah penyakit koronari. Visioli *et al.* (2000)³²⁶ menyatakan, melalui beberapa ujian klinikal, didapati pengambilan makanan yang mempunyai bahan fitokimia seperti antosianin yang terdapat dalam buah anggur boleh mengurangkan risiko penyakit jantung seperti penyakit koronari. Selain daripada itu, kajian yang dibuat oleh Stein *et al.* (2010)³²⁷ mendapati jus anggur dapat mengurangkan risiko yang menyebabkan LDL kolesterol beroksidasi kepada pesakit yang menghidap penyakit koronari arteri. Ini kerana anggur mengandungi kandungan flavonoid yang tinggi yang membantu dalam meningkatkan fungsi endotelium. Fungsi endotelium yang baik adalah sangat penting bagi kesihatan jantung.

³²⁵ Kim *et al.* (2006). Proteomics analysis of the actions of grape seed extract in rat brain: Technological and biological implications for the study of the actions of psychoactive compounds. *Life Sciences*.

³²⁶ Visioli F., *et al.* (2000). Diet and prevention of coronary heart disease: the potential role of phytochemicals. *Cardiovascular Research*. Bil. 47, h. 419–425.

³²⁷ Stein J.H. *et al.* (2010). Purple Grape Juice Improves Endothelial Function and Reduces the Susceptibility of LDL Cholesterol to Oxidation in Patients With Coronary Artery Disease. *Journal of American Heart Association. Circulation*. Bil. 100, h. 1050-1055.

4.2.2.6 (f) Sebagai penawar penyakit katarak mata

Durukan *et al.* (2006)³²⁸ telah mengkaji penggunaan biji anggur IH636 ke atas tikus putih yang disuntik sodium selenite yang menyebabkan katarak. Ekstrak proantosianidin di dalam biji anggur IH636 berkesan menghalang pembentukan katarak di dalam tikus-tikus tersebut. Penggunaan ekstrak ini secara rutin dalam bentuk makanan ataupun makanan tambahan menawarkan rawatan profilaktik yang menghalang permulaan dan perkembangan katarak.

Anggur juga digunakan dalam perubatan tradisional untuk rawatan berikut :

Jadual 4.8 : Penggunaan buah anggur dalam rawatan tradisional

Bil.	Penyakit	Rawatan	Rujukan
1.	Kurang air mani	3 genggam buah anggur kering dimasukkan ke dalam 3 gelas susu lembu dan sedikit gula, dimasak sehingga mendidih. Minum susu dan makan anggur kering 3 kali sehari, masing-masing 1 gelas.	Siti (2010)
2.	Anemia	1 gelas kecil air anggur dimasukkan ke dalam 1 mangkuk air rebusan biji keledai, 1 sudu kecil kicap manis, 1 sudu besar minyak bijan, 1 mangkuk air dan dibiarkan sehingga mendidih beberapa minit. Tapis dan minum ketika panas. Sedikit airnya disapukan pada tangan dan kaki.	Siti (2010)
3.	Cirit-birit pada kanak-kanak	Akar anggur dibasuh bersih, direndam ke dalam air masak beberapa minit lalu diminum.	Siti (2010)
4.	Kolesterol, darah tinggi, hati bertoksik, sakit buah pinggang, kurang darah, lemah badan, batuk, panas badan, batu karang dalam sistem perkumuhan,	Buah anggur dimakan mentah atau dikisar lalu diminum air jus anggur tersebut.	Siti (2010)

³²⁸ Durukan A.H *et al.* (2006). Ingestion of IH636 grape seed proanthocyanidin extract to prevent selenite-induced oxidative stress in experimental cataract. *Journal of Cataract Refract Surgery*. Bil. 32.

	buaang air kecil tidak lawas, sakit paru-paru, banyak kahak.		
5.	Muntah-muntah, buang air kecil tidak lawas, susu ibu tidak banyak, bengkak leher kerana tibi.	Akar anggur direbus dengan 3 gelas air, dibiarkan mendidih sehingga airnya tinggal segelas sahaja. Setelah sejuk,tapis dan minum.	Siti (2010)

4.2.3 Zaitun (*Olea europaea* L.)

Zaitun merupakan tumbuhan malar hijau yang juga merupakan salah satu tumbuhan Mediterranean³²⁹, Anatolia dan juga Balkan.³³⁰ Pokok zaitun penting dalam budaya masyarakat Mediterranean yang mana mengikut kepercayaan mereka, pokok ini adalah simbol keamanan berdasarkan peristiwa burung merpati yang dihantar untuk memeriksa aras banjir ketika zaman Nabi Nuh pulang dengan ranting pokok zaitun di paruhnya. Dikalangan orang Yahudi, minyak zaitun akan dilumurkan ke seluruh badan sebelum seseorang menyertai misi penting. Semasa era Kristian pula, pokok zaitun menjadi simbol semangat suci.

Negara Sepanyol merupakan pengeluar minyak zaitun yang terbesar dengan 180 juta pokok zaitun ditanam dari Andalusia ke Catalonia.³³¹ Pokok zaitun dan juga minyaknya digunakan dalam perubatan tradisional tumbuhan ini sebagai diuretik,

³²⁹ Pamplona Roger, Jorger D. (2002). *Olive Tree : Ancient meal and current medicine in Encyclopedia of Medicinal Plants*. Madrid : Editorial Safeliz, h. 239-241.

³³⁰ Saime kuccukkomular (2011). Olive in culture. *Pakistan Journal of Nutrition*. Jil.10, bil.2, h. 200-202.

³³¹ Pamplona Roger, Jorger D. (2002) *Olive Tree : Ancient meal and current medicine in Encyclopedia of Medicinal Plants*, h. 240.

merawat hipotensi, merawat penyakit yang berkaitan dengan saluran kencing dan juga jangkitan pada pundi kencing.³³²

Pokok zaitun merupakan pokok daripada famili Oleaceae yang bersaiz sederhana. Batangnya kasar, lurus dan berbentuk elips. Daunnya berwarna hijau kekelabuan. Buahnya berbentuk beri dan mengeluarkan bunga yang sedikit berwarna putih. Secara umumnya, pokok zaitun merupakan pokok yang tahan lasak yang boleh tumbuh di kawasan pergunungan, kawasan berbatu dan juga kawasan yang kering di mana kebanyakan tumbuh-tumbuhan lain tidak dapat hidup.³³³

4.2.3.1 Kandungan nutrien

Jadual 4.9 : Kandungan nutrisi dalam 100 gram zaitun

Nutrien	Unit	Nilai bagi 100 gram
Air	g	79.99
Tenaga	Kcal	115
Protein	g	0.84
Lipid (lemak)	g	10.68
Karbohidrat	g	6.26
Serat	g	3.2
Mineral		
Kalsium, Ca	mg	88
Besi, Fe	mg	3.30

³³² Hutchings, A., Scott, A.M., Lewis, G., Cunningham, A. (Eds.), (1996). *Zulu Medicinal Plants. An Inventory*. Scotville: University of Natal Press, Scottsville, h. 235.

³³³ Katsoyannos P. (1992). *Olive Pest And Their Control In The Near East*. Rome: Food And agriculture Organization Of The United Nations.

Magnesium, Mg	mg	4
Fosforus, P	mg	3
Kalium, K	mg	8
Natrium, Na	mg	735
Zink, Zn	mg	0.22
Kuprum, Cu	mg	0.251
Mangan, Mn	mg	0.020
Selenium, Se	mcg	0.9
Vitamin C	mg	0.9
Taimin	mg	0.003
Niasin	mg	0.037
Asid Pantotenik	mg	0.015
Vitamin B-6	mg	0.009
Kolin	mg	10.3
Vitamin A, RAE	mcg_RAE	20
β-karoten	mcg	237
β-Kriptoxantin	mcg	9
Vitamin A, IU	IU	403
Lutein + zeaxanthin	mcg	510
Vitamin E	mg	1.65
Vitamin K	mcg	1.4
Asid Aspartik	g	0.092
Asid Glutamik	g	0.093

4.2.3.2 Kebaikan zaitun dalam aspek perubatan

4.2.3.2 (a) Mengandungi agen antioksidasi

Satu tinjauan yang dibuat oleh Cicerale *et al.* (2010)³³⁴ mendapati kandungan sebatian fenolik dalam minyak zaitun³³⁵ dapat melindungi kerosakan oksidatif DNA. Kerosakan oksidatif DNA merupakan pencetus kepada karsinogenesis dan ia juga boleh membawa kepada perkembangan kanser.

Selain daripada itu, kajian menunjukkan pengambilan minyak zaitun yang kaya dengan sebatian fenolik ini semasa sarapan pagi mengurangkan *F2-isoprostanes* secara signifikan berbanding sarapan pagi yang tidak diperkayakan dengan sebatian fenolik. *F2-isoprostanes* merupakan petanda (*markers*) wujudnya tekanan oksidasi. Tekanan oksidasi yang dihasilkan oleh spesies oksigen reaktif (*Reactive oxygen species (ROS)*) telah menyebabkan banyak penyakit seperti arteriosklerosis, beberapa jenis kanser dan juga penyakit kemerosotan sistem saraf.

4.2.3.2 (b) Mengandungi agen anti keradangan

Peningkatan kepekatan penanda keradangan di dalam serum berhubungkait dengan peningkatan risiko penyakit kardiovaskular. *Plasma thromboxane B2 (TXB2)* dan *leukotriene B4 (LTB4)* dikenali sebagai agen prokeradangan. TXB2 mempunyai kebolehan untuk meningkatkan pengumpulan platelet darah LTB4 mempunyai kesan

³³⁴ Cicerale *et al.*, (2010) Biological Activities of Phenolic Compounds Present in Virgin Olive Oil. *International Journal of Molecular Sciences*. Bil.11, hlm. 458-479.

³³⁵ Minyak zaitun terbahagi kepada dua jenis. Pertama, minyak zaitun dara yang diperolehi daripada zaitun melalui proses tekanan sejuk, penapisan dan pengemparan. Proses ini tidak melalui sebarang rawatan kimia. Kedua, minyak zaitun biasa yang melalui proses fizikal-kimia dalam menghasilkan darjah keasidan. Minyak zaitun adalah lebih baik daripada minyak bijian seperti minyak biji bunga matahari dan minyak jagung dengan merujuk kepada nilai nutrisi, nilai perubatan dan juga kestabilannya semasa digunakan untuk menggoreng. Pamplona Roger, Jorger D., *Olive Tree : Ancient meal and current medicine in Encyclopedia of Medicinal Plants*, h. 240.

kemostatik terhadap neutrofil yang membawa kepada kerosakan tisu. Agen keradangan ini boleh menghasilkan kesakitan, kemerahan dan bengkakan. Kajian mendapati peningkatan pengambilan sebatian fenolik melalui minyak zaitun dara mengurangkan kepekatan penanda-penanda keradangan tersebut.³³⁶

4.2.3.2 (c) Meningkatkan pembentukan tulang

Melalui suatu kajian yang dilakukan ke atas tikus, sebatian fenolik iaitu *hydroxytyrosol* dan *tyrosol* yang terkandung di dalam minyak zaitun dara dapat meningkatkan pembentukan tulang.³³⁷

4.2.3.2 (d) Rawatan penyakit kardiovaskular

Kajian menunjukkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran dalam diet harian dapat mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular. Togna *et al.* (2003)³³⁸, telah melakukan kajian terhadap dua isokroman iaitu *1-(3-methoxy-4-hydroxy-phenyl)-6,7-dihydroxy-isochroman* dan *1-phenyl-6,7-dihydroxy-isochroman*. Kajian ini bertujuan untuk melihat aktiviti antiplatelet dan juga antioksidan oleh dua isokroman ini. Hasil kajian menunjukkan *isokroman* ini boleh menghalang pengumpulan platlet pada manusia. Pengurangan nisbah kolesterol kepada HDL-C (*High density lipoprotein cholesterol*) adalah kerana peningkatan pengambilan kandungan fenolik di dalam minyak zaitun dara. Peningkatan kolesterol dan LDL-C (*low density lipoprotein cholesterol*) merupakan faktor risiko arterosklerosis yang menjadi penyebab utama penyakit kardiovaskular.

³³⁶ *Ibid.*

³³⁷ *Ibid.*

³³⁸ Giuseppina I. Togna, Anna Rita Togna, Matteo Franconi, Carolina Marra dan Marcella Guiso (2003). Olive Oil Isochromans Inhibit Human Platelet Reactivity. *The Journal of Nutrition*. Bil.133, h. 2532–2536.

4.2.3.2 (e) Rawatan penyakit saraf

Gonzalez-Correa *et al.* (2008)³³⁹, mengkaji kesan kandungan *hidroxytyrosol* (HT) dan *hidroxytyrosol-acetat* (HT-AC) dalam minyak zaitun sebagai agen neuroprotektif ke atas kerosakan sistem saraf iaitu hipoksia-reoksigenasi. Kesan neuroprotektif oleh HT dan HT-AC adalah lebih baik daripada penggunaan agen antioksidan lain seperti Vitamin E dan N-asetisistin.

4.2.3.2 (f) Mencegah keradangan pada paru-paru³⁴⁰

Daniela Impell Izzeri *et al.* (2011)³⁴¹ telah mengkaji keberkesanan minyak zaitun dalam merawat keradangan pada paru-paru. Hasil kajian mendapati paru-paru yang dirawat dengan *oleuropein* iaitu bahan aktif yang terkandung dalam minyak zaitun mengurangkan kecederaan pada paru-paru.

4.2.3.2 (g) Minyak zaitun baik untuk kulit³⁴²

Viola P. (2009)³⁴³ telah melakukan kajian terhadap minyak zaitun dara bagi melihat kebaikannya untuk kulit. Hasil kajian mendapati kandungan trigliserida dalam minyak zaitun berupaya untuk bertindak sebagai perlindungan kulit.

³³⁹ Gonzalez-Correa *et al.* (2008). Neuroprotective effect of hydroxytyrosol and hydroxytyrosol acetate in rat brain slices subjected to hypoxia–oxygenation. *Neuroscience Letters*.

³⁴⁰ Akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bab kelima(5).

³⁴¹ Daniela Impellizzeri *et al.* (2011). The effects of oleuropein aglycone, an olive oil compound, in a mouse model of carrageenan-induced pleurisy. *Clinical Nutrition* 30, 533-540.

³⁴² Akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bab kelima(5).

³⁴³ Viola P. Dan Viola M. (2009). Virgin olive oil as a fundamental nutritional component and skin protector. *Clinics in Dermatology*, 159-165.

Zaitun juga digunakan dalam perubatan tradisional untuk rawatan seperti berikut :

Jadual 4.10 : Penggunaan Zaitun Dalam Perubatan Tradisional

Bil.	Penyakit	Cara rawatan	Rujukan
1.	Kesihatan dalam	Rebus 40-50 g daun di dalam satu liter air, rebus sehingga air berkurang menjadi separuh. Minum 3 cawan sehari. Buah zaitun dimakan sebagai perasa dan juga bersama salad ketika makan. Minyak zaitun dimakan satu hingga dua sudu makan ketika perut kosong. Minyak zaitun yang baik ialah minyak zaitun dara.	Pamplona Roger, Jorger D. (2002)
2.	Kesihatan luaran	Minyak zaitun disapu sebagai losyen atau krim.	Pamplona Roger, Jorger D. (2002)
3.	Melegakan kulit yang gatal	Basuh tempat yang gatal dengan air suam, keringkan dengan kain yang bersih, kemudian sapukan minyak zaitun pada tempat yang gatal. Sapukan dua kali sehari	Normadiah (2010) ³⁴⁴
4.	Melicinkan kulit muka	Basuh muka dengan pencuci, kemudian urut muka secara memutar dengan minyak zaitun. Kemudian, tampalkan dengan hirisan timun yang nipis. Biar selama setengah jam, kemudian cuci semula muka. Amalkan sekali seminggu.	Normadiah (2010)

4.2.4 Delima (*Punica granatum* L.)

Delima adalah tumbuhan daripada famili Punicaceae. Pokok delima berasal dari Iran, kemudian ditanam di seluruh kawasan Mediterranean hingga India, China, dan Amerika Syarikat (California). Pada masa ini pokok delima terdapat hampir di seluruh kawasan tropika dan subtropika. Walaubagaimanapun, tanaman ini tidak dapat berbuah

³⁴⁴ *Ibid.*, h. 59.

dengan baik di kawasan yang terlalu lembap. Buah yang tinggi kualitasnya didapati dari kawasan yang musim sejuknya sederhana dan musim panasnya panas dan kering.

Pokok delima adalah bersaiz kecil iaitu tingginya boleh mencapai 24 meter. Kanopi pokok lemah dan tidak tegap kerana dahan-dahan dan ranting-rantingnya kecil dan melentur terutamanya apabila berbuah. Daun-daunnya juga tidak begitu lebat. Pokok delima meluruhkan daun pada musim sejuk di kawasan Mediterranean dan separa luruh di kawasan beriklim tropika. Daun-daunnya teratur bersetentang sama ada dalam pasangan atau berkelompok-kelompok pada ranting kecil. Daunnya kecil dan ringkas, iaitu 2 hingga 5 cm panjang dan berbentuk lonjong. Daun-daun tua berwarna hijau, berkilat dan mempunyai tangkai yang pendek. Daun yang muda berwarna merah. Bunga dikeluarkan sama ada tunggal atau berkelompok-kelompok di celah daun atau di hujung ranting. Bunganya besar, lebarnya 4 hingga 6 cm dan jelas kelihatan. Warnanya cerah, iaitu merah jingga. Buah delima ialah buah jenis beri dan terdapat di hujung ranting yang panjang. Bentuknya hampir bulat dan garis pusatnya 10 hingga 12 cm. Buah berwarna ungu kemerahan berkilat apabila masak. Buah yang muda berwarna hijau muda kekuningan. Buahnya terbahagi kepada enam ruangan, setiap ruangan mengandungi biji-biji kecil diselaputi isi yang jernih atau lut sinar, berjus dan berwarna merah jambu atau merah. Ulas-ulas berbiji ini teratur rapi dan setiap ulas panjangnya kira-kira 1 cm. Bijinya kecil dan berwarna putih. Selain dimakan terus, jus dan sirap boleh dihasilkan daripada isinya. Beberapa bahagian pokok seperti akar, buah dan bunga dikatakan mempunyai khasiat ubatan dan dijadikan ubat pada zaman dahulu. Selain itu, kulit buah, dan bunganya menghasilkan bahan pewarna.³⁴⁵

³⁴⁵ Rukayah Aman (1999). *Buah-buahan Malaysia*. Kuala Lumpur : DBP, h.92-95.

4.2.4.1 Kandungan nutrisi

Jadual 4.11 : Kandungan nutrisi dalam 100 gram delima

Nutrien	Units	Nilai bagi 100 gram
Anggaran		
Air	g	77.93
Tenaga	kcal	83
Protein	g	1.67
Karbohidrat	g	18.70
Serat	g	4.0
Gula	g	13.67
Kalsium, Ca	mg	10
Besi, Fe	mg	0.30
Magnesium, Mg	mg	12
Fosforus, P	mg	36
Kalium, K	mg	236
Natrium, Na	mg	3
Zink, Zn	mg	0.35
Kuprum, Cu	mg	0.158
Mangan, Mn	mg	0.119
Selenium, Se	mcg	0.5
Vitamin C	mg	10.2
Taimin	mg	0.067
Riboflavin	mg	0.053

Niasin	mg	0.293
Asid Pantothenik	mg	0.377
Vitamin B-6	mg	0.075
Folat	mcg	38
Kolina	mg	7.6
Vitamin E	mg	0.60
Vitamin K	mcg	16.4

4.2.4.2 Kebaikan delima dalam aspek perubatan

4.2.4.2 (a) Mengandungi agen antioksidan

Ricci *et al.* (2006)³⁴⁶ telah melakukan ujian antioksidan ke atas beberapa bahagian daripada buah delima iaitu aril, kulit dan jus. Hasilnya ketiga-tiga bahagian ini mempunyai kandungan antioksidan yang tinggi dengan jus mendahului dua bahagian yang lain.

Lansky dan Newman (2007)³⁴⁷ mendapati melakukan tinjauan terhadap kajian-kajian mengenai pokok delima. Menurut mereka, pokok delima terutamanya buahnya mempunyai sejarah etnoperubatan yang sangat luas dan menawarkan sebilangan fitokimia yang mengandungi nilai-nilai perubatan. Iaitu, jus dan kulit buah delima mengandungi agen antioksidan. Selain itu, jus, kulit dan minyaknya digunakan dalam merawat masalah sindrom putus haid (*menopause*) dan juga menunjukkan aktiviti antikanser dan penyakit yang berkaitan keradangan.

³⁴⁶ Ricci, D. et.al (2006). Short report: Antioxidant activities of *Punica granatum* fruits. *Fitoterapia* . Bil. 77, h. 310–312.

³⁴⁷ E.P. Lansky, R.A. Newman (2007). Review: *Punica granatum* (pomegranate) and its potential for prevention and treatment of inflammation and cancer. *Journal of Ethnopharmacology*. Bil. 109 , h. 177–206

Menurut Syed *et al.* (2007)³⁴⁸, delima menghasilkan produk yang bertindak sebagai kemopreventif yang dapat merawat pelbagai jenis kanser iaitu kanser kulit, kanser paru-paru, kanser kolon, kanser payudara dan kanser prostat.³⁴⁹

4.2.4.2 (b) Sebagai penawar penyakit diabetes

Bagri *et al.* (2009)³⁵⁰ telah melakukan kajian ke atas bunga pokok delima dan di dapati bunganya boleh digunakan sebagai makanan tambahan dalam merawat penyakit kronik yang disebabkan kegagalan metabolisme glukosa dan juga dapat digunakan sebagai pencegahan kepada penyakit diabetes.

4.2.4.2 (c) Sebagai agen antibakteria

Prashant *et al.* (2001)³⁵¹ menyatakan ekstrak methanol daripada buah delima mempunyai potensi yang baik dalam bertindak sebagai agen antibakteria³⁵². Panichayupakaranant *et al.* (2010)³⁵³ pula mendapati *ellagitannin* yang diasingkan daripada delima berpotensi sebagai agen antibakteria melawan perintang *methicillin* dan *methicillin*-sensitif *Staphylococcus aureus*.

³⁴⁸ D.N. Syed *et al.* (2007). Pomegranate derived products for cancer chemoprevention . *Seminars in Cancer Biology*. Bil. 17, hlm. 377–385

³⁴⁹ Rujuk juga M. Y. Hong *et al* (2010). Pomegranate polyphenols down-regulate expression of androgen-synthesizing genes in human prostate cancer cells overexpressing the androgen receptor. *Journal of Nutritional Biochemistry*. Bil. 19, h. 848–855 dan S. Koyama *et al.*(2010). Pomegranate extract induces apoptosis in human prostate cancer cells by modulation of the IGF–IGFBP axis. *Growth Hormone & IGF Research*. Jil. 20, h. 55–62

³⁵⁰ P. Bagri *et al.*(2009). Antidiabetic effect of *Punica granatum* flowers: Effect on hyperlipidemia, pancreatic cells lipid peroxidation and antioxidant enzymes in experimental diabetes. *Food and Chemical Toxicology*. Bil. 47, h. 50–54.

³⁵¹ D. Prashanth *et al.*(2001). Antibacterial activity of *Punica granatum*. *Fitoterapia* . Bil. 71, h. 171–173.

³⁵² Rujuk juga N.S. Al-Zoreky . Antimicrobial activity of pomegranate (*Punica granatum* L.) fruit peels. *International Journal of Food Microbiology*. Jil. 134, hlm. 244–248 dan L.C. Braga *et al.* Pomegranate extract inhibits *Staphylococcus aureus* growth and subsequent enterotoxin production. *Journal of Ethnopharmacology*. Jil. 96, h. 335–33.

³⁵³ P. Panichayupakaranant, S. Tewtrakul, S. Yuenyongsawad (2010). Antibacterial, anti-inflammatory and anti-allergic activities of standardized pomegranate rind extract.

4.2.4.2 (d) Sebagai agen antidiarrhea

Das *et al.* (2003)³⁵⁴ telah melakukan kajian ke atas tikus model *antidiarrhea* dan mendapati ekstrak biji delima sangat efektif sebagai agen *antidiarrhea*. Oleh yang demikian, biji delima dapat digunakan dalam merawat keracunan makanan dan juga cirit-birit.

4.2.4.2 (e) Sebagai makanan yang baik untuk otak

Shalini Adiga *et al.* (2010)³⁵⁵, menilai potensi peningkatan memori menggunakan kulit buah delima. Ujian dilakukan ke atas tikus. Kumpulan kajian menunjukkan prestasi peningkatan memori berbanding kumpulan kawalan.

Hartman *et al.* (2006)³⁵⁶, mengkaji keberkesanan sebatian polifenolik yang terkandung di dalam jus delima ke atas tikus model penyakit Alzheimer. Sebatian polifenolik merupakan agen penting dalam neuroprotektif (*neuroprotective agent*). Kumpulan kajian menunjukkan pengurangan muatan amyloid³⁵⁷ dan peningkatan kelakuan berbanding kumpulan kawalan.

Penggunaan delima dalam perubatan tradisional adalah seperti di jadual berikut :

Jadual 4.12 : Penggunaan Delima Dalam Perubatan Tradisional

Bil.	Penyakit	Cara rawatan	Rujukan
1.	Buasir.	Kulit delima secukupnya dijemur kering, direbus sehingga mendidih. Setelah sejuk, tapis lalu disapu pada bahagian yang bermasalah.	Siti (2010) ³⁵⁸

³⁵⁴ A.K. Das *et al.*(2003) Studies on antidiarrhoeal activity of *Punica granatum* seed extract in rats. *Journal of Ethnopharmacology*. Jil. 68, h. 205–208.

³⁵⁵ Shalini Adiga *et al.*(2010). Effect of *Punica granatum* peel extract on learning and memory in rats. *Asian Pacific Journal of Tropical Medicine*.

³⁵⁶ Hartman *et al.*(2006). Pomegranate juice decreases amyloid load and improves behavior in a mouse model of Alzheimer's disease. *Neurology of Disease*.

³⁵⁷ Pengumpulan plak serebral amyloid merupakan ciri-ciri penyakit alzheimer. Rujuk Permanne *et al.* (2002).

³⁵⁸ Juga untuk merawat penyakit keputihan. Siti (2010). H, 226.

		Meminum $\frac{1}{2}$ gelas pati buah delima setiap $\frac{1}{2}$ jam untuk menyembuhkan buasir.	Zaid (2009) ³⁵⁹
2.	Buasir, pendarahan rahim, muntah darah, batuk darah	20g bunga delima direbus dengan 3 gelas air dan dibiarkan air tinggal separuh. Setelah sejuk, tapis lalu diminum $\frac{3}{4}$ gelas pada waktu pagi dan $\frac{3}{4}$ gelas pada waktu petang.	Siti (2010)
3.	Demam panas, batuk, ulser, buang air besar tidak lawas	Buah delima dikisar menjadi jus dan diminum.	Siti (2010)
4.	Kecacingan	Biji delima ditumbuk lumat, dimasukkan ke dalam jus buah delima, dikacau rata lalu diminum.	Siti (2010)
5.	Menguruskan badan	Dua buah biji delima yang muda ditumbuk dan dicampur dengan sedikit air. Air tapisannya diminum sehingga dua kali.	Rukayah (2008) ³⁶⁰
6.	Batu karang	Tampuk buah delima dihancurkan dan dimasak dengan air, air rebusannya diminum.	Rukayah (2008)
7.	Senak perut (sakit perut akibat terlalu banyak makan)	Menggunakan bunga delima yang layu sebagai ubat.	Rukayah (2008)
8.	Cirit-birit dan muntah	Kulit akar pokok delima digunakan sebagai ubat. 2 gelas perahan buah delima diminum setiap hari	Rukayah (2008), Normadiah (2010) Zaid (2009)
9.	Mengubati benjol dan luka yang teruk	Tumbuk biji buah delima dan campurkan dengan madu. Kemudian sapu pada benjol atau luka tersebut.	Normadiah (2010) ³⁶¹
10.	Mengubati sakit kepala	Tumbuk kulit delima dengan daun inai dengan lumat, campurkan air sehingga sebat. Lumurkan pada kepala.	Normadiah (2010)
11.	Menghentikan pendarahan hidung	Campurkan isi delima dengan madu dan masak sehingga menjadi likat. Biarkan ramuan tersebut sejuk dan sapukan pada hidung.	Normadiah (2010)
12.	Masalah hidung kurang selesa.	Sari buah delima dicampur dengan madu dan dititiskan pada hidung.	Zaid (2009)

³⁵⁹ Zaid Muhammad al-Rummani (2009). Penawar dalam buah delima. Selangor : Ar-Risalah Product Sdn. Bhd., h.92-122.

³⁶⁰ Rukayah Aman (2008). Tanaman berkhasiat ubatan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 32.

³⁶¹ Normadiah (2010). Kenali 15 Superfoods dalam al-Qur'an. Selangor : Perintis Books Sdn. Bhd, h. 66-67

4.2.5 Ara (*Ficus carica*)

Ara atau tin merupakan tumbuhan daripada famili Moraceae. Pokok Ara berasal dari Asia Barat dan juga bahagian timur Mediterranean. Genus *Ficus* merupakan genus yang mengandungi 800 spesies termasuklah sejenis spesies yang buahnya digunakan secara meluas sebagai bahan perdagangan, iaitu spesies *Ficus carica*. Perkataan *carica* diambil bersempena sebuah kawasan yang bernama *caria*, yang terkenal dengan pengeluaran buah ara kering suatu ketika dahulu. Pokok Ara merupakan antara tumbuhan terawal yang ditanam dalam sejarah peradaban manusia. Penanamannya bermula di kawasan subur selatan tanah Arab, kemudian berkembang ke bahagian Asia Barat termasuk Mesopotamia, Anatolia, Transcaucasia, Armenia, Persia dan Afghanistan.³⁶²

Pokok ara merupakan pokok berdaun luruh dan cepat membiak di kawasan habitatnya. Oleh yang demikian pokok ini cenderung untuk lebih besar dalam ukuran lebar berbanding ukuran tinggi. Kayu pokok ara adalah kayu yang kurang ketumpatan dan mudah patah. Ketinggian pokok kebiasaannya dalam 3 meter hingga 10 meter berbeza mengikut genotip. Pokok ara boleh dicantas untuk menghasilkan pelbagai bentuk.³⁶³

³⁶² Condit I. J., (1947). *The Fig*. Chronica botanica Co : USA. Hlm. 18-19.

³⁶³ Ed Stover¹ and Malli Aradhya (2007). *The Fig: Overview of an Ancient Fruit*. Horticulture Science. Jil. 42, h.5

4.2.5.1 Kandungan nutrien

Jadual 4.13 : Kandungan nutrisi dalam 100 gram buah ara

Nutrien	Unit	Nilai bagi 100 gram
Air	g	79.11
Tenaga	kcal	74
Protein	g	0.75
Lemak	g	0.30
Karbohidrat	g	19.18
Serat	g	2.9
Gula	g	16.26
Kalsium, Ca	mg	35
Besi, Fe	mg	0.37
Magnesium, Mg	mg	17
Fosforus, P	mg	14
Kalium, K	mg	232
Natrium, Na	mg	1
Zink, Zn	mg	0.15
Kuprum, Cu	mg	0.070
Mangan, Mn	mg	0.128
Selenium, Se	mcg	0.2
Vitamin C	mg	2.0
Taimina	mg	0.060
Riboflavin	mg	0.050

Niasin	mg	0.400
Asid pantotenik	mg	0.300
Vitamin B6	mg	0.113
Folat	mcg	6
Kolina	mg	4.7
Vitamin A	mcg_RAE	7
β-karoten	mcg	85
Vitamin A, IU	IU	142
Lutein + zeaxanthin	mcg	9
Vitamin E	mg	0.11
Vitamin K	mcg	4.7

4.2.5.2 Kebaikan ara dalam aspek perubatan

4.2.5.2 (a) Mengandungi agen antioksidasi

Deunas *et al.* (2008)³⁶⁴ telah melakukan kajian terhadap kandungan antioksidasi di dalam buah tin. Didapati buah tin mengandungi agen antioksidasi antosianin. Kajian yang dibuat oleh Olivevera *et al.* (2009)³⁶⁵ pula mendapati daun pokok tin mempunyai sebatian fenolik yang bertindak sebagai agen antioksidasi.

³⁶⁴ M. Duenas *et al.* (2008). Anthocyanin composition in fig (*Ficus carica* L.) *Journal of Food Composition and Analysis*. Jil. 21, h. 107–115.

³⁶⁵ A.P. Oliveira *et al.* (2009). *Ficus carica* L.: Metabolic and biological screening. *Food and Chemical Toxicology*. Jil. 47, h. 2841–2846.

4.2.5.2 (b) Agen antikanser

Wang *et al.* (2008)³⁶⁶ telah menggunakan getah buah tin untuk melihat aktiviti antikanser. Kajian ini telah diuji ke atas glioblastoma manusia, sel hepa karsinoma dan sel hidup yang normal. Hasil kajian mendapati getah buah tin menunjukkan potensi sebagai sitotoksiti terhadap sel kanser manusia dengan menggunakan mekanisme pencetus apoptosis iaitu program pemusnahan sel dalam mencegah kanser.

4.2.5.2 (c) Rawatan penyakit alzheimer

Fatah *et al.* (2009)³⁶⁷, mengkaji ekstrak sebatian antioksidan yang terdapat di dalam buah tin. Buah Tin mengandungi sebatian polifenolik yang memberi kesan yang baik terhadap pesakit alzheimer.

4.2.5.2 (d) Mengandungi agen anti-angiogenik (angiogenic agent)

Angiogenesis merupakan pembentukan salur darah baru yang membawa kepada proses perkembangan kanser dan metastasis. Ali Mostafaei *et al.* (2011)³⁶⁸ telah mengkaji kehadiran agen anti-angiogenik dan juga anti proliferasi getah pokok ara (*Ficus carica*) ke atas sel endotelial vena umbilikal manusia (HUVEC). Keputusan kajian jelas menunjukkan ekstrak getah *Ficus carica* boleh merencat pembiakan dan

³⁶⁶ J. Wang et.al.(2008). Cytotoxicity of fig fruit latex against human cancer cells. *Food and Chemical Toxicology*. Jil. 46, hlm 1025–1033.

³⁶⁷ Fatah *et al.* (2009). Potential Beneficial Effect Of Functional Food Components In Alzheimer' Disease. *Academia Arena*.

³⁶⁸ Ali Mostafaie, Kamran Mansouri, Amir-Hossein Norooznezhad, Hamid-Reza Mohammadi-Motlagh. Anti-Angiogenic Activity of *Ficus carica* Latex Extract on Human Umbilical Vein Endothelial Cells. *Cell Journal*. Vol 12, No 4, Winter 2011

pembentukan tiub kapilari di HUVEC pada dos 100-400 µg/ml. Kesimpulannya, getah *Ficus carica* mengandungi agen anti angiogenik dan juga agen anti proliferaatif.

4.2.5.2 (e) Sebagai agen antispasmodik dan antiplatlet

Antispasmodik merupakan ubat yang diperoleh daripada herba yang digunakan untuk merawat masalah kekejangan otot. Buah tin kering digunakan secara tradisional untuk merawat masalah gangguan dan keradangan gastrousus. Gilani *et al.* (2008)³⁶⁹ mengkaji tindakan antispasmodik ke atas jejunum arnab yang diberikan rawatan kekejangan otot dan kesan antiplatlet ke atas platlet manusia secara *ex vivo*. Kajian menunjukkan kehadiran aktiviti spasmolitik dalam buah tin kering (*Ficus carica*) melalui pengaktifan ATP di saluran ion Kalium (K^+_{ATP}) yang menunjukkan potensinya sebagai agen antispasmodik dan juga aktiviti antiplatlet yang digunakan dalam farmakologi sebagai perawatan gangguan dan keradangan gastrousus.

4.2.5.2 (f) Mengandungi aktiviti antelmintik

Antelmintik berasal daripada perkataan ‘*anti*’ dan ‘*helmentis*’ iaitu ubat yang digunakan untuk merawat masalah kecacingan. Aktiviti antelmintik dikesan diperoleh daripada bahagian proteolitik yang dipanggil *ficin*. Amorin *et al.* (2009)³⁷⁰ mengkaji aktiviti antelmintik getah pokok tin iaitu *Ficus carica* dan *Ficus insipida* melalui kajian makmal ke atas tikus NIH yang secara semulajadi dijangkiti oleh *Syphacia obvelata*,

³⁶⁹ Anwarul Hassan Gilani, Malik Hassan Mehmood, Khalid Hussain Janbaz, Arif-ullah Khan, Sheikh Arshad Saeed (2008). Ethnopharmacological studies on antispasmodic and antiplatelet activities of *Ficus carica*. *Journal of Ethnopharmacology* 119, h. 1–5.

³⁷⁰ Alziro de Amorin, Helcio R. Borba, Jorge P.P. Carauta, Dai'se Lopes, Maria A.C. Kaplan. (2009) Anthelmintic activity of the latex of *Ficus* species. *Journal of Ethnopharmacology*. 64, h. 255–258.

Aspicularis tetraptera dan *Vamprolepis nana*. Hasil kajian mendapati kedua-kedua spesies ara ini berupaya menyingkirkan cacing *Syphacia obvelata* secara signifikan.

4.2.5.2 (g) Rawatan penyakit diabetes

Daun pokok ara digunakan secara meluas di Sepanyol sebagai rawatan tradisional terhadap penyakit diabetes. Serraclara *et al.* (1998)³⁷¹ melakukan ujian klinikal bagi mengkaji keberkesanan rebusan daun pokok ara sebagai diet tambahan kepada pesakit diabetes jenis I. Hasil kajian mendapati, kadar *post-prandial glycemia* menurun secara signifikan pada pesakit yang mengambil rebusan daun pokok ara. Justeru, pengambilan rebusan daun pokok ara boleh digunakan dalam mengawal *post prandial glycemia*.

Penggunaan ara dalam perubatan tradisional adalah seperti di jadual berikut :

Jadual 4.14 : Penggunaan Ara Dalam Perawatan Tradisional

Bil.	Penyakit	Cara rawatan	Rujukan
1.	Memecahkan batu karang	Makan buah tin beserta bijinya dan telan perlahan-lahan. Amalkan memakan buah tin pada setiap pagi dan malam.	Normadiyah (2010) ³⁷²
2.	Mengubati luka	Tumbuk buah tin sehingga lumat. Sapukan pada bahagian luka.	Normadiyah (2010)
3.	Sembelit	3-4 gram buah ara segar dipotong-potong dimasukkan ke dalam segelas susu yang dicampur 12 biji kismis. Diminum sekali sebelum serapan.	Mahir (t.t) ³⁷³
4.	Gangguan haid	Memasak 20-30 gram daun ara dalam satu liter air hingga mendidih.	Mahir (t.t)

³⁷¹ Alicia Serraclara, Federico Hawkins, Carmen Pe´rez, Elisa Domı´nguez, Jose´ Enrique Campillo, Mari´a Dolores Torres. Hypoglycemic action of an oral fig-leaf decoction in type-I diabetic patients. *Diabetes Research and Clinical Practice* 39 (1998) 19–22.

³⁷² Normadiyah (2010), h. 103-104.

³⁷³ Mahir Hassan Mahmud (t.t). Mukjizat Perubatan Nabi. Selangor : Synergy Media Sdn. Bhd., h. 130-131.

5.	Buasir dan sendi	Makan buah ara setiap pagi selama 40 hari.	Mahir (t.t)
----	------------------	--	-------------

4.2.6 Pisang (*Musa spp.*)

Pisang merupakan tumbuhan daripada famili Musaceae. Ahli sejarah dan ahli botani berpendapat pisang berasal dari Asia Tenggara. Orang Arab membawanya ke Afrika Barat dan ia tersebar ke Amerika Tengah dan Amerika Selatan dan beberapa kawasan tropika di Asia dan Australia. Pisang merupakan tumbuhan herba tahunan yang tumbuh dari sulur bawah tanah.

Pokok pisang hidup berumpun, mempunyai batang bawah tanah yang disebut umbisi dan sistem akar serabut. Batang udara disokong oleh seludang daun yang tersusun rapat dan membentuk batang palsu yang berfungsi sebagai batang. Daun pisang terbentuk di hujung batang palsu. Sebanyak 40 hingga 70 helai daun yang dihasilkan sebelum pokok berbunga. Pokok yang sihat biasanya mempunyai 10-15 helai daun yang hijau pada peringkat buah matang. Apabila pokok hampir mengeluarkan bunga, daun yang dikeluarkan semakin kecil. Daun yang akhir sekali disebut daun bulir. Daun ini jauh lebih kaku daripada daun-daun yang lain.

Jambak bunga berbentuk spika majmuk. Bunga-bunga tersusun dalam kelompok dan setiap kelompok diselubungi oleh satu braktea besar yang berwarna merah tua. Buku-buku di pangkal jambak mengeluarkan bunga betina dan di bahagian hujung menghasilkan bunga jantan. Buah pisang tersusun pada tandan. Kelompok buah pisang pada tandan disebut sisir. Buah pisang terbentuk secara tampang, iaitu tanpa pendebungaan dan bersifat partenokarpa. Bahagian isi yang dimakan terbentuk daripada dinding ovari.

Tunas sisi yang terbentuk daripada pokok induk dikenali sebagai sultur. Sultur akan membesar, berbuah dan menjadi tanaman ratun. Pisang ialah sejenis tanaman yang tidak bermusim dan buahnya boleh didapati sepanjang tahun.³⁷⁴

4.2.6.1 Kandungan nutrien

Jadual 4.15 : Kandungan nutrien dalam 100 gram pisang

Nutrien	Unit	Nilai bagi 100 gram
Air	g	74.91
Tenaga	kcal	89
Protein	g	1.09
Lemak	g	0.33
Karbohidrat	g	22.84
Serat	g	2.6
Gula, keseluruhan	g	12.23
Sukrosa	g	2.39
Glukosa	g	4.98
Fructosa	g	4.85
Maltosa	g	0.01
Kalsium, Ca	mg	5
Besi, Fe	mg	0.26
Magnesium, Mg	mg	27
Fosforus, P	mg	22
Potasium, K	mg	358

³⁷⁴ Rukayah aman (1999). Buah-buahan Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur. Hal 41-42.

Sodium, Na	mg	1
Zink, Zn	mg	0.15
Kuprum, Cu	mg	0.078
Mangan, Mn	mg	0.270
Florida, F	mcg	2.2
Selenium, Se	mcg	1.0
Vitamin		
Vitamin C, asid askorbik	mg	8.7
Taimin	mg	0.031
Riboflavin	mg	0.073
Naisin	mg	0.665
Asid pantotenik	mg	0.334
Vitamin B-6	mg	0.367
Folat	mcg	20
Kolin	mg	9.8
Betain	mg	0.1
Vitamin A,	mcg_RAE	3
β-Karoten	mcg	26
α-Karoten	mcg	25
Vitamin A, IU	IU	64
Lutein + zeaxanthin	mcg	22
Vitamin E (alpha-tocoferol)	mg	0.10
Vitamin K (phylloquinone)	mcg	0.5

4.2.6.2 Kebaikan pisang dalam aspek perubatan.

4.2.6.2 (a) Mengandungi agen antioksidasi

Sulaiman *et al.* (2010)³⁷⁵ mengkaji kandungan fenolik di dalam 8 varieti pisang di Malaysia. Kultivar Raja didapati mengandungi kandungan fenolik yang tinggi. Sebatian fenolik merupakan agen antioksidasi yang penting dalam merawat penyakit-penyakit yang berkaitan dengan penuaan termasuklah penuaan fungsi otak seperti alzheimer.

4.2.6.2 (b) Mengandungi agen antimikrobial

Pisang digunakan secara tradisional untuk mencuci dan membalut luka, merawat ulser, sakit mata dan sebagainya. Sunil Jawla *et al.* (2012)³⁷⁶ mengkaji aktiviti antikulat (*antifungal*) dan antibakteria daripada ekstrak bunga *Musa paradisiaca* ke atas *Bacillus subtilis*, *Bacillus cereus*, *Escherichia coli*, *Klebsiella pneumoniae*, *Proteus mirabilis*, *Staphylococcus aureus*, *Pseudomonas aeruginosa*, *Salmonella typhimurium*, *Streptococcus pneumoniae*, *Cryptococcus albidus* dengan menggunakan amikacin dan clotrimazole sebagai rujukan. Hasil kajian mendapati ekstrak bunga *Musa paradisiaca* dapat digunakan sebagai agen antikulat dan antibakteria.

³⁷⁵ Sulaiman *et al.* (2010). Correlation between total phenolic and mineral contents with antioxidant activity of eight Malaysian bananas (*Musa* sp.). *Journal of Food Composition and analysis*.

³⁷⁶ Sunil Jawla, Y Kumar, MSY Khan (2012). Antimicrobial and antihyperglycemic activities of *Musa paradisiaca* Flowers. *Asian Pacific Journal of Tropical Biomedicine*, h. S914-S918.

4.2.6.2 (c) Rawatan penyakit diabetes

Selain daripada digunakan sebagai rawatan luka, pisang juga digunakan secara tradisional untuk mengubati penyakit diabetis. Sunil Jawa *et al.* (2012) telah menggunakan ekstrak bunga *Musa paradisiaca* dengan etanol dan juga etanol dan air (nisbah 1:1) untuk mengkaji kesan antihiperglisemik terhadap tikus diabetes yang telah diberikan rawatan alloxan. Hasil kajian mendapati kedua-dua ekstrak *Musa paradisiaca* menunjukkan potensi sebagai agen antihiperglisemik dan ekstrak etanol *Musa paradisiaca* menunjukkan lebih 7.69% potensi sebagai hipoglisemik berbanding ubat hipoglisemik yang biasa digunakan.

4.2.6.2 (d) Sebagai perlindungan UVB

Viyoch *et al.* (2012)³⁷⁷ telah mengkaji kesan perlindungan daripada pengambilan pisang spesies *Musa sapientum* dan *Musa suerier* secara oral terhadap kerosakan kulit yang disebabkan oleh sinar ultralembayung UVB. Kajian dilakukan terhadap tikus jantan ICR. Kumpulan tikus yang pertama diberi asid askorbik, manakala kumpulan tikus kedua diberi buah pisang dengan dos 0.5-1.5 mg per gram berat badan selama 12 minggu. Pada masa yang sama, bahagian belakang badan tikus yang dicukur dikenakan sinaran UVB selama 12 minggu. Hasil keputusan mendapati, pengambilan *Musa suerier* setiap hari berpotensi sebagai kesan pelindung terhadap sinaran UVB.

³⁷⁷ Jarupa Viyocha, Khuanrudee Mahingsaa, Kornkanok Ingkaninan. Effects of Thai Musa species on prevention of UVB-induced skin damage in mice. *Food and Chemical Toxicology* 50 (2012) 4292–4301.

4.2.6.2 (e) Mengandungi agen diuretik

Diuretik merupakan agen yang meningkatkan kadar pembuangan air kencing dan dengan itu ia dapat mengurangkan bendalir dalam badan terutamanya bendalir luar sel. Diuretik memainkan peranan penting dalam masalah terlebih bendalir seperti kirosis hati dan sebagainya. Diuretik yang digunakan hari ini seperti *manitol*, *tiazida*, *furasimida* dan *asid etakrianik*. Walaubagaimanapun, masalah ini perlu mendapat suatu penyelesaian yang lebih berkesan dan kurang toksik. Justeru, Mishra *et al.* (2011)³⁷⁸, mengkaji keberkesanan pisang sebagai agen diuretik. Hasil kajian mendapati pisang berpotensi untuk menjalankan aktiviti diuretik.

Penggunaan pisang dalam perubatan tradisional adalah seperti di jadual berikut :

Jadual 4.16 : Penggunaan Pisang Dalam Perubatan Tradisional

Bil.	Penyakit	Cara rawatan	Rujukan
1.	Tegangkan muka	Kulit pisang yang masak dikisar dan dicampur dengan putih telur.	Rukayah (2008)
2.	Parut	Kulit pisang awak disapukan pada parut.	Rukayah (2008)
3.	Melecur	Sapukan getah pisang pada bahagian yang melecur	Rukayah (2008)
4.	Otot terseliuh atau patah tulang	Daun pisang digunakan sebagai pembalut tempat yang berkenaan.	Rukayah (2008)

³⁷⁸Ashutosh Mishra, Manas Ranjan Mishra, Dusmanta Kumar Pradhan, Sunil Kumar Vaishnav. Diuretic Activity of Alcoholic Extract of *Musa sapientum* L. Flower. Pharmacognosy Journal. September 2011, Vol 3, Issue 25.

4.2.7 Halia (*Zingiber officinale*)

Zingiber officinale var. *officinale* Rosc. dikenali sebagai halia di Malaysia,³⁷⁹ terdapat dua varieti halia iaitu halia bara dan juga halia padi. Perkataan *Zingiber* adalah berasal daripada perkataan Arab iaitu *zanjabil* dan perkataan sanskrit *singabera* yang bermaksud “akar bertanduk”.³⁸⁰ Perkataan *officinale* pula diambil daripada perkataan Latin yang bermaksud “work shop” yang mana masyarakat Latin menggunakan perkataan tersebut bagi memaksudkan farmasi, ini adalah kerana nilai perubatan yang ada pada halia.³⁸¹ Tanaman ini berasal dari Asia Tenggara dan sekarang ditanam secara meluas di seluruh dunia. Antara negara yang banyak mengeluarkan halia ialah India, China, Nigeria, Australia dan Thailand.

Halia merupakan sejenis tumbuhan herba yang mempunyai rizom dan membiak secara vegetatif melalui rizomnya.³⁸² Rizom ialah batang tumbuhan di bawah tanah yang biasanya terdapat pada tumbuhan malar. Dalam beberapa spesies, rizom membesar kerana ia mengandungi perkaitan yang rapat sebagai bahan simpanan makanan.³⁸³ Halia mempunyai rizom yang berwarna kuning pucat, mempunyai aroma yang kuat dan rasa yang agak panas dan pedas. Struktur daunnya yang berligul adalah lebih kurang 50 sentimeter panjang, 5 milimeter diameter dan bilangan bilah daun biasanya adalah sebanyak 17 helai. Daunnya berwarna hijau tua, dan berbentuk runcing. Halia boleh ditanam pada berbagai jenis tanah. *Zingiber officinale* var. *officinale* digunakan di seluruh dunia sebagai rempah ratus dalam masakan, perasa dan juga sebagai rawatan

³⁷⁹ Larsen, K., Ibrahim, H., Khaw S. H., and Saw L. G. (1999). *Gingers of Peninsular Malaysia and Singapore*. Wang, K. M. (Ed), Natural History Publication . Menurut Holtum (1950), terdapat sekurang-kurangnya tiga jenis halia tempatan iaitu halia betul, halia bara atau halia padi dan juga halia udang. Holtum, R.E.(1950). *The Zingiberaceae of The Malay Peninsula. The Gardens' Bulletin*, Singapore, 13(1).

³⁸⁰ Larsen *et al.* (1999). *Gingers of Peninsular Malaysia and Singapore*.

³⁸¹ M. Habsah *et al.*, (2000). Screening of Zingiberaceae for Antimicrobial and Antioxidants. *Journal of Ethno Pharmacology*. Bil. 72, h.403-410.

³⁸² Siddharth Kumar Palai, Gyana Ranjan Rout (2007). Identification and genetic variation among eight varieties of ginger by using random amplified polymorphic DNA markers. The Japanese Society for Plant Cell and Molecular Biology. *Plant Biotechnology*. Bil. 24, h. 417-420.

³⁸³ Holtum, R.E.(1950). *The Zingiberaceae of The Malay Peninsula*.

herba. Masyarakat di China telah menggunakan halia sejak dua ribu lima ratus tahun yang lalu sebagai mengatasi masalah penghadaman dan rawatan antinausea, di Malaysia rizom halia juga digunakan sebagai perasa dalam masakan, minuman dan juga ulam-ulaman. Selain daripada itu, rizom halia juga dianggap mujarab untuk membuang angin dalam badan dan ianya terbukti pada masa kini apabila terdapatnya produk-produk kesihatan dan kosmetik yang berasaskan halia di pasaran hari ini. Halia juga digunakan untuk merawat kebanyakan penyakit dalam usus, pedih hati dan sakit kepala.

4.2.7.1 Kandungan nutrien

Jadual 4.17 : Kandungan nutrien bagi 100 gram halia

Nutrien	Unit	Nilai bagi 100g
Air	g	78.89
Tenaga	kcal	80
Protein	g	1.82
Lemak	g	0.75
Karbohidrat	g	17.77
Serat	g	2.0
Gula	g	1.70
Kalsium, Ca	mg	16
Zan Besi, Fe	mg	0.60
Magnesium, Mg	mg	43
Fosforus, P	mg	34
Kalium, K	mg	415
Natrium, Na	mg	13

Zink, Zn	mg	0.34
Vitamin C	mg	5.0
Tiamina	mg	0.025
Riboflavin	mg	0.034
Niasin	mg	0.750
Vitamin B-6	mg	0.160
Folat	µg	11
Vitamin B-12	µg	0.00
Vitamin A	µg	0
Vitamin E	mg	0.26
Vitamin D	µg	0.0
Vitamin K	µg	0.1

4.2.7.2 Kebaikan halia dalam aspek perubatan

4.2.7.2 (a) Bertindak sebagai analgesik

Young *et al.* (2003)³⁸⁴ telah mengkaji bahan aktif dalam halia iaitu *gingerol* untuk melihat kebolehan nya sebagai analgesik. Gingerol merupakan bahan yang memberi rasa pedas pada halia. Hasil kajian mendapati *gingerol* [6] berpotensi sebagai analgesik. Nikbakht (2011)³⁸⁵ telah membuat perbandingan antara diclofenac iaitu sejenis ubat analgesik dan menyatakan halia boleh menggantikan diclofenac sebagai ubat tahan sakit.

³⁸⁴ Haw-Yaw Young, Yen-Lin Luo, Hao-Yuan Cheng, Wen-Chiuan Hsieh, Jung-Chun Liaoc, Wen-Huang Peng (2005). Analgesic and anti-inflammatory activities of [6]-gingerol. *Journal of Ethnopharmacology* . Jil. 96, h. 207–210.

³⁸⁵ Nikbakht. M (2011). Comparing the analgesic effects of topical *Zingiber officinale* and diclofenac ointment.

4.2.7.2 (b) Sebagai agen antibakteria

Sivasothy *et al.* (2011)³⁸⁶ telah melakukan kajian ke atas daun dan rizom halia bara (*Zingiber officinale* var. *rubrum*). Hasil daripada kajiannya mendapati kedua-duanya mempunyai aktiviti antibakteria yang dapat melawan bakteria gram positif *Bacillus licheniformis*, *Bacillus spizizenii*, *Staphylococcus aureus*, dan bakteria gram negatif seperti *Escherichia coli*, *Klebsiella pneumoniae* dan *Pseudomonas stutzeri*.

4.2.7.2 (c) Sebagai agen antiulser

Gastrik dan ulser merupakan penyakit yang seringkali dialami oleh manusia. Kumar Arun *et al.* (2010)³⁸⁷ telah mengkaji kebolehan halia dalam mengatasi masalah ini. Hasil kajian mendapati halia mengandungi aktiviti gastroprotektif dan *gingerol* merupakan bahan utama yang memainkan fungsi ini.

4.2.7.2 (d) Meredakan keradangan otot

Halia digunakan secara meluas sebagai agen anti keradangan dalam haiwan rodensia. Namun begitu, kajiannya terhadap manusia masih tidak dipastikan. Oleh yang demikian, Black *et al.* (2010)³⁸⁸ telah melakukan kajian untuk mengkaji kesan halia dalam meredakan keradangan otot. Hasil kajian mendapati halia menunjukkan kesan hipoalgesik yang dapat membantu dalam meredakan keradangan otot.

³⁸⁶ Yasodha Sivasothy, Wong Keng Chong, Abdul Hamid, Ibrahim M. Eldeen, Shaida Fariza Sulaiman, Khalijah Awang (2011). Essential oils of *Zingiber officinale* var. *rubrum* Theilade and their antibacterial activities. *Food Chemistry* . Bil. 124, h. 514–517.

³⁸⁷ Kumar Arun, Rao Ch.V., Vijayakumar M., Ahmad Ayaz, Shahzad Naiyer, Khan M. Irfan (2010). Anti-ulcerogenic and ulcer healing effects of *Zingiber officinale* (L.) On experimental ulcer models: possible mechanism for the inhibition of acid formation. *International Journal of Pharmacy Research*. Jil. 1, bil.2, h. 75-85.

³⁸⁸ Christopher D. Black, Matthew P. Herring, David J. Hurley, dan Patrick J. O'Connor (2010). Ginger (*Zingiber officinale*) Reduces Muscle Pain Caused by Eccentric Exercise. *The Journal of Pain*, Jil. 11, bil. 9, h. 894-903.

4.2.7.2 (e) Sebagai agen anti diabetik

M. Shahidul Islam dan Haymie Choi (2008)³⁸⁹ mengkaji halia dan bawang putih sebagai agen anti diabetik terhadap tikus. Hasil kajian mendapati kesan anti diabetik yang terdapat di dalam halia adalah lebih tinggi berbanding dalam bawang putih.

4.2.7.2 (f) Rawatan bagi penyakit alzheimer

Alzheimer merupakan penyakit yang disebabkan oleh kemerosotan kebolehan otak. Kajian yang dilakukan oleh Oboh *et al.* (2012) mendapati halia dan juga halia bara dapat bertindak sebagai perencat kepada aktiviti asetilkolinesteras yang menyebabkan kemerosotan kemampuan otak tersebut.

Penggunaan halia dalam perubatan tradisional adalah seperti di jadual berikut :

Jadual 4.18 : Penggunaan Halia Dalam Perubatan Tradisional

Bil	Penyakit	Rawatan	Rujukan
1.	Asma	Isi halia diparut, diperah airnya, dicampur 2 sudu besar madu lebah dan 1 biji telur ayam kampung, dikacau rata lalu diminum kesemuanya.	Siti (2010)
2.	Cirit-birit, muntah-muntah	Rizom halia yang telah dikupas kulit, bunga serta buah Pala, sedikit jintan putih ditumbuk lumat lalu dicampurkan segelas santan kelapa dan 1 sudu teh minyak kayu putih. Sapukan ramuan pada perut.	Siti (2010)
3.	Kelumumur	Isi halia muda dikupas kulit, dibasuh, ditumbuk lumat lalu dilumurkan pada akar rambut. Biarkan seketika sebelum membilasnya dengan air bersih.	Siti (2010)
4.	Kencing tidak lawas, luka	Rizom halia dikeringkan, direbus dengan 3 gelas air sehingga airnya tinggal 1 gelas. Setelah sejuk, tapis air lalu minum.	Siti (2010)
5.	Mual semasa	1 inci rizom Halia, sebatang serai, 2-3	Siti (2010)

³⁸⁹ Md. Shahidul Islam and Haymie Choi (2008). Comparative Effects of Dietary Ginger (*Zingiber officinale*) and Garlic (*Allium sativum*) Investigated in a Type 2 Diabetes Model of Rats. Journal of Medicinal Food. Jil. 11, bil.1, h. 152–159.

	mengandung	kuntum bunga cengkih, kulit batang kayu manis, dan gula batu dimasukkan ke dalam segelas air panas, tapis lalu diminum ketika masih panas. Lakukan pada sebelah pagi dan malam.	
6.	Pencegahan mati pucuk	Rizom halia sebesar ibu jari, dikupas kulit, dibasuh dan diparut dicampur rata dengan air perahan sebiji buah limau nipis sebiji telur ayam kampung, 1 sudu teh serbuk kopi, 1 sudu makan kicap dan 1 sudu makan madu. Makan ramuan seminggu sekali.	Siti (2010)
7.	Perjalanan darah tersumbat, urat saraf lemah	Rizom halia dikeringkan, direbus dengan 3 gelas air sehingga airnya tinggal 1 gelas. Tapis, lalu diminum ketika telah suam.	Siti (2010)
8.	Reumatik	Rizom halia dibakar, dikupas kulitnya, dibasuh, diparut lalu ditampalkan kepada bahagian yang sakit.	Siti (2010)
9	Sakit kepala	Daun halia ditumbuk lumat lalu ditampalkan pada dahi dan pelipis.	Siti (2010)
10	Sakit pinggang	Rizom halia dikupas kulit, dibasuh, diparut lalu dicampurkan dengan air perahan asam jawa. Sapukan ramuan pada pelipis.	Siti (2010)
11	Pecah tumit kaki	Rebus air halia, biarkan air halia tersebut menjadi suam, rendamkan kaki setiap petang sehingga tumit kaki yang pecah sembuh.	Normadiah (2010)
12	Mengubati sakit lutut	Tumbuk halia sehingga lumat, campurkan dengan air dan gandum sehingga menjadi adunan yang pekat. Sapukan pada lutut yang sakit	Normadiah (2010)
13	Mengubati mata yang merah	Halia dan bunga cengkih ditumbuk dan dicampurkan dengan sedikit tepung kacang parang dan madu, kemudian sapukan pada mata yang merah.	Normadiah (2010)

4.3 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, berikut adalah jadual-jadual yang membandingkan keperluan nutrisi harian dengan kandungan nutrisi yang terkandung dalam tumbuhan-tumbuhan terpilih :

Jadual 4.19 : Perbandingan Kandungan Nutrisi dalam Kurma dan Keperluan Harian

Komponen Nutrisi	Unit	Keperluan Harian	Kandungan Nutrisi Dalam 100 gram Kurma
Karbohidrat	Gram	130.0	75.030
Protein	Gram	36.0	2.450
Vitamin A	IU	600.0	10.000
Vitamin B1	mg	1.4	0.052
Vitamin B2	mg	1.6	0.067
Vitamin B3	mg	1.8	1.274
Vitamin B5	mg	6.0	0.0
Vitamin B6	mg	2.0	0.165
Vitamin B12	Mcg	6.0	0.0
Vitamin D	Mcg	5.0	0.0
Folat	Mcg	400.0	19.0
Zink	Mg	15.0	0.29
Kuprum	Mg	2.0	0.206
Mangan	Mg	5.0	0.262
Magnesium	Mg	350.0	43.0

Jadual 4.20 : Perbandingan Kandungan Nutrisi dalam Zaitun dan Keperluan Harian

Komponen Nutrisi	Unit	Keperluan Harian	Kandungan Nutrisi Dalam 100 gram Zaitun
Karbohidrat	gram	130.0	6.26
Protein	gram	36.0	0.84
Vitamin A	IU	600.0	403.0
Vitamin B1	Mg	1.4	0.003
Vitamin B2	Mg	1.6	0.0
Vitamin B3	Mg	1.8	0.037
Vitamin B5	Mg	6.0	0.015
Vitamin B6	Mg	2.0	0.009
Vitamin B12	mcg	6.0	0.0
Vitamin D	mcg	5.0	0.0
Folat	mcg	400.0	0.0
Zink	mg	15.0	0.22
Kuprum	mg	2.0	0.251
Mangan	mg	5.0	0.02

Magnesium	mg	350.0	4.0
-----------	----	-------	-----

Jadual 4.21 : Perbandingan Kandungan Nutrisi dalam Anggur dan Keperluan Harian

Komponen Nutrisi	Unit	Keperluan Harian	Kandungan Nutrisi Dalam 100 gram Anggur
Karbohidrat	gram	130.0	18.0
Protein	gram	36.0	0.72
Vitamin A	IU	600.0	66
Vitamin B1	mg	1.4	0.069
Vitamin B2	mg	1.6	0.070
Vitamin B3	mg	1.8	0.188
Vitamin B5	mg	6.0	0.050
Vitamin B6	mg	2.0	0.086
Vitamin B12	mcg	6.0	0.0
Vitamin D	mcg	5.0	0.0
Folat	mcg	400.0	2.0
Zink	mg	15.0	0.07
Kuprum	mg	2.0	0.127
Mangan	mg	5.0	0.071
Magnesium	mg	350.0	7.0

Jadual 4.22 : Perbandingan Kandungan Nutrisi dalam Buah Ara dan Keperluan Harian

Komponen Nutrisi	Unit	Keperluan Harian	Kandungan Nutrisi Dalam 100 gram Buah Ara
Karbohidrat	gram	130.0	19.81
Protein	gram	36.0	0.75
Vitamin A	IU	600.0	142.0
Vitamin B1	mg	1.4	0.060
Vitamin B2	mg	1.6	0.050
Vitamin B3	mg	1.8	0.400
Vitamin B5	mg	6.0	0.300
Vitamin B6	mg	2.0	0.113
Vitamin B12	mcg	6.0	0.0
Vitamin D	mcg	5.0	0.0
Folat	mcg	400.0	6.0
Zink	mg	15.0	0.15

Kuprum	mg	2.0	0.070
Mangan	mg	5.0	0.128
Magnesium	mg	350.0	17.0

Jadual 4.23 : Perbandingan Kandungan Nutrisi dalam Delima dan Keperluan Harian

Komponen Nutrisi	Unit	Keperluan Harian	Kandungan Nutrisi Dalam 100 gram Delima
Karbohidrat	gram	130.0	18.70
Protein	gram	36.0	1.67
Vitamin A	IU	600.0	0.0
Vitamin B1	mg	1.4	0.067
Vitamin B2	mg	1.6	0.053
Vitamin B3	mg	1.8	0.293
Vitamin B5	mg	6.0	0.377
Vitamin B6	mg	2.0	0.075
Vitamin B12	mcg	6.0	0.0
Vitamin D	mcg	5.0	0.0
Folat	mcg	400.0	38.0
Zink	mg	15.0	0.35
Kuprum	mg	2.0	0.158
Mangan	mg	5.0	0.119
Magnesium	mg	350.0	12.0

Jadual 4.25 : Perbandingan Kandungan Nutrisi dalam Pisang dan Keperluan Harian

Komponen Nutrisi	Unit	Keperluan Harian	Kandungan Nutrisi Dalam 100 gram Pisang
Karbohidrat	Gram	130.0	22.84
Protein	Gram	36.0	1.09
Vitamin A	IU	600.0	64.0
Vitamin B1	Mg	1.4	0.031
Vitamin B2	Mg	1.6	0.073
Vitamin B3	Mg	1.8	0.665
Vitamin B5	Mg	6.0	0.334
Vitamin B6	Mg	2.0	0.367
Vitamin B12	Mcg	6.0	0.0
Vitamin D	Mcg	5.0	0.0

Folat	Mcg	400.0	20.0
Zink	Mg	15.0	0.15
Kuprum	Mg	2.0	0.078
Mangan	mg	5.0	0.270
Magnesium	mg	350.0	27.0

Jadual 4.26 : Perbandingan Kandungan Nutrisi dalam Halia dan Keperluan Harian

Komponen Nutrisi	Unit	Keperluan Harian	Kandungan Nutrisi Dalam 100 gram Halia
Karbohidrat	Gram	130.0	17.77
Protein	Gram	36.0	1.82
Vitamin A	IU	600.0	0.0
Vitamin B1	Mg	1.4	0.025
Vitamin B2	Mg	1.6	0.034
Vitamin B3	Mg	1.8	0.750
Vitamin B5	Mg	6.0	0.0
Vitamin B6	Mg	2.0	0.160
Vitamin B12	Mcg	6.0	0.0
Vitamin D	Mcg	5.0	0.0
Folat	mcg	400.0	11.0
Zink	mg	15.0	0.34
Kuprum	mg	2.0	0.0
Mangan	mg	5.0	0.0
Magnesium	mg	350.0	43.0

Berdasarkan jadual-jadual tersebut, didapati tumbuhan-tumbuhan terpilih ini berpotensi untuk memenuhi keperluan nutrien harian seharian. kurma adalah pembekal karbohidrat , protein, vitamin B₃ dan Magnesium yang paling baik. Zaitun pula adalah yang paling kaya dengan vitamin A dan kuprum. Anggur mengandungi vitamin B₁ dan B₂ yang paling tinggi. Delima pula kaya dengan vitamin B₅, folat dan zink. Manakala pisang pula mengandungi vitamin B₁₂ dan mangan yang paling tinggi.

Tumbuhan-tumbuhan ini juga mempunyai potensi sebagai ubat berdasarkan sebatian kimia yang terkandung dalam tumbuhan-tumbuhan tersebut seperti flavonoid, polifenol, antosianin dan gingerol.

BAB 5

TUMBUHAN TERPILIH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN SAINS

KESIHATAN

5.0 Pendahuluan

Ayat-ayat al-Qur'an dan tafsiran mengenai perkataan yang merujuk kepada jenis-jenis tumbuhan dan juga hadith-hadith yang berkaitan dengan tumbuhan tersebut telah dibincangkan dalam bab ketiga. Bab keempat pula membincangkan kajian-kajian sains terhadap tumbuhan terpilih iaitu kurma, anggur, zaitun, delima, tin, pisang dan halia bagi melihat kebaikan tumbuhan-tumbuhan tersebut daripada perspektif sains kesihatan. Perbincangan daripada kedua-dua perspektif dalam kajian ini mendapati terdapat lima (5) perkara yang mempunyai penyelarasan dalam kedua-dua perspektif iaitu yang pertama (1) ialah khasiat kurma bagi ibu mengandung dan melahirkan anak. Kedua (2) , signifikan pengambilan buah kurma pada waktu sahur dan berbuka puasa. Ketiga (3), minyak zaitun sebagai penawar penyakit *pleurisy* dan kebaikannya untuk kulit. Keempat (4), tahnik dan kebaikannya. Kelima (5), sinergi kismis dan kurma dalam minuman menurut perspektif sains. Kelima-lima perkara yang tersebut di atas akan dibincangkan secara lebih terperinci dalam bab ini.

5.1 Khasiat kurma bagi ibu mengandung dan melahirkan anak.

Melalui surah Maryam ayat 23-25, Allah s.w.t memberi petunjuk mengenai kebaikan pengambilan buah kurma bagi ibu yang sarat mengandung. Kajian menunjukkan buah kurma mengandungi kalsium, serotonin, tannin, asid linoleik yang penting dalam mengawal pendarahan. Selain daripada itu, buah kurma juga mengandungi glukosa yang penting untuk membekalkan tenaga pada badan dan juga penting untuk otot-otot uterus. Kurma juga berfungsi sebagai laksatif yang dapat memudahkan proses melahirkan bayi.³⁹⁰

5.1.1 Pengambilan kurma mengurangkan kehilangan darah

Post Partum Hemorrhage (PPH) adalah keadaan di mana, wanita yang kehilangan darah melebihi 500 ml semasa melahirkan anak dengan cara normal dan kehilangan darah melebihi 1000 ml semasa melahirkan anak dengan cara pembedahan *caesarean* dalam tempoh 24 jam adalah merujuk kepada Kebiasaannya, wanita yang mengalami masalah ini akan diberikan suntikan oksitoksin ke dalam otot untuk mengurangkan kehilangan darah selepas bersalin. Walaubagaimanapun, penggunaan oksitoksin adakalanya dapat memberi kesan yang negatif. Dalam mencari alternatif untuk menggantikan oksitoksin, Khadem *et al.* (2007) telah melihat perbandingan keberkesanan kurma dan oksitoksin dalam mencegah PPH.³⁹¹ Kajian klinikal telah dilakukan terhadap 62 orang wanita bersalin yang dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama diberikan 50 gram kurma varieti Deglet Noor. Kumpulan kedua pula diberikan 10 unit suntikan oksitoksin ke dalam otot uterus sejurus selepas plasenta di keluarkan. Hasil kajian mendapati, selepas tiga jam, jumlah darah yang diperolehi adalah berbeza secara signifikan antara kumpulan yang diberikan oksitoksin dan juga

³⁹⁰ Khadem *et. al* (2007). Comparing the Efficacy of Dates and Oxytocin in the Management of Postpartum Hemorrhage. Shiraz e-Medical Journal. Vol. 8, No. 2.

³⁹¹. Rujuk Soma Mukherjee dan Sabaratnam Arulkumaran (2009). Post-Partum Haemorrhage : A Review. Obstetric, Gynaecology And Reproductive Medicine. Vol. 19, Issue 5.

kumpulan yang diberikan kurma. Justeru, pemakanan kurma kepada ibu yang akan melahirkan anak adalah satu alternatif yang berkesan dalam mencegah PPH.

5.1.2 Pengambilan kurma memudahkan proses melahirkan bayi.

Melalui satu kajian yang berbeza pula, Al-Kuran *et al.* (2011) telah melakukan kajian ke atas dua kumpulan ibu hamil untuk mengkaji keberkesanan pengambilan buah kurma dalam memudahkan proses melahirkan bayi. Kumpulan pertama yang terdiri daripada 69 orang wanita telah mengambil 6 biji buah kurma sehari sepanjang 4 minggu sebelum tarikh jangkaan untuk melahirkan bayi. Manakala kumpulan kedua yang terdiri daripada 45 orang wanita tidak mengambil buah kurma dalam tempoh tersebut. Hasil kajian mendapati, kumpulan pertama menunjukkan min (purata) pembukaan servik yang lebih besar daripada kumpulan kedua. Kelahiran spontan (*spontaneous labour*) adalah sebanyak 96% terhadap kumpulan pertama berbanding kumpulan kedua iaitu 79%. Selain daripada itu, penggunaan prostin atau oksitoksin oleh kumpulan pertama adalah lebih rendah daripada kumpulan kedua. Justeru pengambilan kurma adalah membantu dalam memudahkan proses melahirkan bayi.³⁹²

5.2 Kepentingan kurma dalam ibadah puasa.

Puasa dalam istilah syara' ialah menahan diri daripada sesuatu yang membatalkan puasa mulai terbit fajar sehinggalah terbenam matahari dengan ketentuan yang ditetapkan oleh Islam, semata-mata untuk beribadah kepada Allah s.w.t.³⁹³ Umat Islam berpuasa dengan menahan diri daripada lapar dan dahaga sepanjang hari di bulan Ramadhan. Hadith berikut menunjukkan Rasulullah s.a.w menggalakkan setiap Muslim untuk

³⁹³ Abu Mayaza al-Hafiz (2003). Syariat Puasa Dan Puasa-Puasa Sunat. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers, h. 1.

mengamalkan pengambilan buah kurma pada waktu sahur dan juga pada waktu berbuka.

(a) Hadith Mengenai Pengambilan Kurma Ketika Sahur

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ : عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ نِعَمَ سَحُورُ الْمُؤْمِنِ
الَّتَمْرُ³⁹⁴

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah r.a, bahawasanya Nabi s.a.w bersabda, “Nikmat sahur bagi orang mukmin ialah tamar”.

(b) Hadith Mengenai Pengambilan Kurma Ketika Berbuka

أَنْسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُفْطِرُ عَلَى رُطَبَاتٍ قَبْلَ
أَنْ يُصَلِّيَ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ رُطَبَاتٌ فَعَلَى تَمْرَاتٍ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ حَسَا حَسَوَاتٍ مِنْ مَاءٍ³⁹⁵

Terjemahan: Anas ibn Malik berkata, bahawasanya Rasulullah s.a.w berbuka puasa dengan beberapa biji rutob sebelum solat, jika tiada *ruttat*, maka Rasulullah akan mengamil tamar, jika tiada (tamar) baginda akan meminum air.

5.2.1 Signifikan pengambilan buah kurma pada waktu sahur dan ketika berbuka puasa.

Kurma mengandungi pelbagai jenis mineral dan tenaga yang diperlukan oleh tubuh manusia, terutamanya selepas berlapar sepanjang hari. Signifikan pengambilan buah kurma ketika sahur ialah ianya akan membekalkan tenaga sepanjang tempoh berpuasa. Signifikan pengambilan buah kurma ketika berbuka pula dapat memberikan semula tenaga dan mencergaskan badan selepas berpuasa sepanjang hari. Kurma merupakan buah yang kaya dengan pelbagai nutrien, mineral dan vitamin. Kurma juga adalah bebas kolesterol, rendah lemak dan merupakan sumber protein yang baik dan mengandungi vitamin-vitamin yang penting seperti vitamin C, vitamin A1, B1, B2, B3 dan B5. Selain

³⁹⁴ Abu Dawud (2000), *Sunan Abu Dawūd*. Kitab al-Ṣiyām. Bab Man Samma al-Suḥur Bi al-Ghadā'. No. Hadith, 2345, h.1397.

³⁹⁵ *Ibid*. Kitab al Ṣiyām. Bab Ma Yuftir 'Alaih, No. Hadith, 2356, h.1398. Rujuk juga al-Tirmizi (2000), *Jami' Ṣaḥīḥ Sunan Tirmidhi*. Kitab al-Ṣaum. Bab Ma Ja'a Ma Yustahib 'Alaihi al Ifṭār. No. Hadith 694 dan 696, h. 1715. Rujuk juga, Ibn Majah (2000), *Sunan Ibn Majah*. Kitab al-Ṣiyām. Bab Ma Ja'a 'Ala Ma Yustahib al Fitr. No. Hadith, 1699, h. 2578.

itu, ia membantu memudahkan proses penghadaman kerana mengandungi kandungan serat yang tinggi. Kandungan serat yang terdapat dalam kurma pula terbahagi kepada serat larut dan serat tak larut yang penting dalam memberi rasa kenyang. Kurma merupakan makanan yang mengandungi karbohidrat kompleks atau makanan yang lambat dihadam. Justeru, ia amat bermanfaat untuk diambil ketika sahur. Kurma juga merupakan dapat meningkatkan tenaga dengan kandungan fruktosa, glukosa dan sukrosa didalamnya.

5.3 Khasiat minyak zaitun sebagai penawar penyakit *pleurisy* dan kebaikannya untuk kulit.

Berdasarkan analisis hadith berkaitan khasiat buah zaitun dan minyak zaitun, Rasulullah s.a.w melalui sabdanya telah mengajar sahabat baginda s.a.w untuk mengubati penyakit *pleurisy* iaitu sakit radang paru-paru dengan menggunakan minyak zaitun. Rasulullah s.a.w bersabda :

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَنْعَتُ الزَّيْتَ وَالْوَرْسَ مِنْ
ذَاتِ الْجَنْبِ قَالَ قَتَادَةُ يَلْدُهُ وَيَلْدُهُ مِنَ الْجَانِبِ الَّذِي يَشْتَكِيهِ³⁹⁶

Terjemahan : Daripada Zaid bin Arqam, sesungguhnya Nabi s.a.w memuji minyak (zaitun) dan tumbuh-tumbuhan *waras*³⁹⁷ untuk orang yang berpenyakit birsam (*pleurisy*), Qatadah berkata : “dan diminumkan dari arah mulut yang dirasakan sakit”³⁹⁸.

³⁹⁶ Al-Tirmizi (2000), Kitab al-Ṭib. Bab Mā Jā’a Fi Dawā’ Zat al-Janabi. No. Hadith, 2078, h. 1859. Menurut al-Tirmizi hadith ini ḥasan gharib ṣaḥiḥ.

³⁹⁷ Waras ialah sejenis tumbuhan di negeri Arab yang digunakan untuk mewarnakan kain sutera dan ia mengandungi bahan pewarna merah. Uthman Khalid (2006). *Kamus Besar Arab-Melayu.*, h. 2617.

³⁹⁸ **Huraian hadith** : Al-Marbawi menghuraikan penyakit zat al-janbi sebagai sakit kepanasan pada paru-paru yang menyebabkan demam dan batuk, yang mendatangkan rasa yang menyucuk pada rusuk. Rawatan penyakit ini menurut yang diajarkan oleh Baginda s.a.w ialah dengan menuangkan minyak zaitun dari mulut sebelah rusuk yang dirasakan sakit. Rujuk al-Marbawi (2008), *Bahr al-Mazi.*, j.13, h. 169-170.

Pleurisy ialah sejenis penyakit yang disebabkan oleh keradangan *pleura*. *Pleura* ialah satu lapisan yang meyelaputi paru-paru. *Pleura* membentuk permukaan yang licin pada otot dan membolehkan organ pernafasan bergerak semasa aktiviti pernafasan. Apabila *pleura* membengkak atau mengalami keradangan, keadaan ini dipanggil *pleurisy* atau *pleuritis*.³⁹⁹ Daniela Impell Izzeri *et al.* (2011) telah mengkaji keberkesanan minyak zaitun dalam merawat *pleurisy*. Kajian telah dilakukan terhadap tikus dengan menggunakan empat (4) rawatan yang berbeza. Hasil kajian mendapati paru-paru yang dirawat dengan *oleuropein* iaitu bahan aktif yang terkandung dalam minyak zaitun mengurangkan kecederaan pada paru-paru.⁴⁰⁰

Selain baik untuk penyakit *pluerisy*, Rasulullah s.a.w juga menyarankan untuk menggunakan minyak zaitun sebagai sapuan pada kulit. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w yang berikut :

عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُوا الزَّيْتِ وَأَذْهِبُوا بِهِ فَإِنَّهُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبَارَكَةٍ⁴⁰¹

Terjemahan : ‘Umar bin al-Khattab r.a berkata : Rasulullah s.a.w bersabda : “Makanlah minyak (zaitun) dan sapukanlah minyaknya, kerana sesungguhnya ia daripada pohon yang diberkati”

Al-Marbawi (m. 1406H) menyatakan perkataan *zayt* ini adalah merujuk kepada minyak zaitun. Minyak zaitun baik untuk digunakan sebagai sapuan dan juga boleh dimakan. Viola P. (2009)⁴⁰² telah melakukan kajian terhadap minyak zaitun dara bagi melihat kebaikannya untuk kulit. Hasil kajian mendapati kandungan trigliserida dalam minyak zaitun berupaya untuk bertindak sebagai perlindungan kulit.

³⁹⁹ Pleurisy. Diakses daripada cedars-sinai. <http://www.cedars-sinai.edu/Patients/Health-Conditions/Pleurisy.aspx> pada 13 Julai 2013.

⁴⁰⁰ Daniela Impellizzeri, Emanuela Esposito, Emanuela Mazzon, Irene Paterniti, Rosanna Di Paola, Placido Bramanti, Valeria Maria Morittu, Antonio Procopio, Domenico Britti, Salvatore Cuzzocrea (2011). The effects of oleuropein aglycone, an olive oil compound, in a mouse model of carrageenan-induced pleurisy. *Clinical Nutrition* 30, 533-540.

⁴⁰¹ Al-Tirmizi (2000), *Jami' al-Tirmizi*. Kitab al-At'imah. Bab Ma Jā'a Fi Akl al-Zayt. No. Hadith, 1851, h. 1839. Rujuk juga Ibn Majah (2000), *Sunan Ibn Majah*. Kitab al-At'imah. Bab al-Zayt. No. Hadith 3319, 3320, h. 2677.

⁴⁰² Viola P. Dan Viola M. (2009). Virgin olive oil as a fundamental nutritional component and skin protector. *Clinics in Dermatology*, 159-165.

5.4 Tahnik dan kebaikannya.

Apabila seorang bayi dilahirkan, antara amalan sunnah yang diajar oleh Rasulullah s.a.w ialah tahnik iaitu amalan di mana bayi yang dilahirkan akan disapukan air liur yang bercampur dengan sedikit kunyahan buah kurma pada langit bayi itu.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ ذَهَبْتُ بِعَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي طَلْحَةَ الْأَنْصَارِيِّ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ وُلِدَ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي عَبَاءَةٍ يَهْنَأُ بَعِيرًا لَهُ فَقَالَ هَلْ مَعَكَ تَمْرٌ فَقُلْتُ نَعَمْ فَنَاولْتُهُ تَمْرَاتٍ فَأَلْفَاهُنَّ فِي فِيهِ فَلَاكِهِنَّ ثُمَّ فَعَرَ فَا الصَّبِيَّ فَمَجَّهَ فِي فِيهِ فَجَعَلَ الصَّبِيُّ يَلْمِظُهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حُبُّ الْأَنْصَارِ التَّمْرَ وَسَمَاهُ عَبْدُ اللَّهِ⁴⁰³

Dan Dari Anas r.a ia berkata: Saya bersama Abdullah bin Abu Talhah pergi kepada Nabi s.a.w ketika ia (Abdullah) dilahirkan, sedang Nabi s.a.w mempersiapkan memberi makan unta, baginda bersabda “adakah beserta engkau tamar? Aku jawab: ya ada. Maka aku serahkan beberapa tamar kepada beliau, Maka, beliau memasukkan kemulutnya, lalu ia mengunyahnya, lalu baginda membuka mulut (bayi tersebut), maka bayi itu memamahnyanya. Maka bersabda Rasulullah s.a.w : Kesukaan orang ansar ialah tamar” maka baginda menamakan bayi itu Abdullah.⁴⁰⁴

Berdasarkan huraian hadith di atas, ulama’ menyatakan keutamaan mentahnik bayi menggunakan tamar. Jika tidak terdapat tamar, tahnik boleh juga dilakukan

⁴⁰³ Muslim (2000), *Sahih Muslim*. Kitab al-Adab. Bab Istihbāb Tahnik al-Maulūd. No. Hadith 5612, h. 1060. Rujuk juga, Abu Dawūd (2000), *Sunan Abu Dawud*. Kitab al-Adab. Bab Fi Taghyir al-Asmā’. No. Hadith, 4951, h. 1586.

⁴⁰⁴ **Huraian hadith :** Ulama’ bersepakat, mentahnik bayi menggunakan tamar adalah lebih utama, namun sekiranya tidak dapat mentahnik menggunakan tamar, maka ianya merupakan petunjuk boleh digantikan dengan apa-apa yang lain yang manis. Al-Nawawi (1929). *Minhaj Syarh Sahih Muslim Bin Al-Hajjaj*. Kitab al-Adab, j. 14, h. 123.

menggunakan makanan yang manis seperti madu dan juga larutan sukrosa 5%.⁴⁰⁵ Tujuan tahnik mengikut ulama' adalah untuk melatih bayi untuk makan dan menguatkannya.⁴⁰⁶ Kebaikan tahnik ialah untuk mengurangkan kesakitan bayi ketika proses kelahiran dan untuk melembutkan lidah bayi apabila menghisap puting ibu ketika menyusu.⁴⁰⁷ Kajian sains menunjukkan bahawa deria rasa pada lidah pada bayi terhadap rasa masam manis telah terbentuk sejak dilahirkan. Tujuan Allah s.w.t menjadikan bayi mempunyai deria rasa pada usia yang awal ialah bagi menggalakkan mereka menikmati susu ibu mereka yang manis. Pemberian manisan di peringkat awal akan merangsangkan lagi deria rasa ini.

Kebaikan tahnik diaplikasikan dalam perubatan apabila doktor menggunakan idea memberi manisan kepada bayi sebagai analgesik atau ubat tahan sakit ketika bayi menjalani rawatan di wad NICU (Neonatal Intensive Care Unit).⁴⁰⁸ Bayi yang diberikan rawatan dalam NICU ini kebiasaannya akan dicucuk dengan jarum di tapak kaki sebanyak 6 kali sehari untuk pemeriksaan tahap gula dalam tubuh bayi tersebut. Begitu juga dengan bayi yang diberikan vaksinasi. Kesakitan akibat disuntik ini dapat dilihat daripada perubahan kelakuan dan fisiologi bayi seperti menangis, jantung berdegup kencang, anak mata membesar, pernafasan menjadi laju, kepekatan oksigen dalam darah menurun dan mengeluarkan peluh yang lebih banyak. Kajian yang dilakukan oleh Blass dan Hoffmeyer (1991) mendapati manisan sukrosa yang terdapat dalam buah-buahan dapat dijadikan ubat tahan sakit (analgesik) kepada bayi. Bayi akan diberikan sukrosa beberapa minit sebelum dicucuk atau disuntik.⁴⁰⁹

⁴⁰⁵ Mardiyono, MNS, Praneed Songwathana, RN dan Wongchan Petpichetchian, RN. (2011). Spirituality Intervention and Outcomes : Corner Stone of Holistic Nursing Practice. *Nurse Media Journal of Nursing*. H. 117-127.

⁴⁰⁶ Ibn Hajar al-asqalani, *Fath al-Bari*.

⁴⁰⁷ *Ibid*.

⁴⁰⁸ Neonatal Intensive Care Unit merujuk kepada Unit Rawatan Rapi bagi bayi yang baru lahir sama ada dilahirkan pramatang atau mengalami penyakit tertentu. Sumber <http://drzubaidi.com/blog/?p=2982>, diakses pada 12 Mac 2013.

⁴⁰⁹ Blass Em dan Hoffmeyer LB (1991). Sucrose as an analgesic for newborn infants. *Pediatrics*. 87, h. 215.

5.5 Sinergi kismis dan kurma dalam minuman menurut perspektif sains.

Perkembangan produk makanan kesihatan yang berinspirasi al-Qur'an dan Hadith di Malaysia dapat dilihat melalui kemunculan pelbagai syarikat yang menjadikan tema produk mereka sebagai makanan sunnah. Kebanyakan produk-produk ini mencampurkan ekstrak tumbuh-tumbuhan yang disebutkan di dalam al-Qur'an dan hadith seperti anggur atau kismis, kurma, zaitun, delima, tin dan habbatus sauda'. Walaubagaimanapun terdapat syarikat yang menimbulkan kesangsian mengenai hukum percampuran kismis dan kurma di dalam minuman berdasarkan hadith Nabi s.a.w. yang melarang percampuran kismis dan kurma di dalam minuman.

5.5.1 Perspektif Hadith

Hadith-hadith mengenai percampuran kismis dan kurma ini terkandung di dalam kitab *al-ashribah Kutub Sittah* (rujuk bab tiga (3)). Perbincangan mengenai perkara ini adalah melibatkan kata kunci utama iaitu nabiz. Imam Bukhari menafsirkan perkataan *nabiz* sebagai air peraman sesuatu dan ianya berbeza dengan arak (*khamar*)⁴¹⁰. Melalui hadith-hadith di dalam kitab *ashribah*, Rasulullah menggariskan beberapa perkara utama mengenai *nabiz* iaitu :

5.5.2 Bekas membuat nabiz.

Rasulullah melarang membuat nabiz di dalam dubbā' (الدباء), muzaffāt (المزفت), naqīr (نقير), muqair (المقير) dan juga ḥantam (الحنتم)⁴¹¹. Namun begitu, Rasulullah membuat nābīz di dalam siqā' (السقاء). Larangan terhadap bekas-bekas tertentu ini adalah

⁴¹⁰ Ibn Hajar al-Asqalani. Fathul Bari Penjelasan Kitab Sahih Bukhari. Jakarta : Pustaka Azzam. H. 415.

⁴¹¹ Abu Daud Ath-Thayalisi, Ibn Abi ashim dan Ath-Thabrani meriwayatkan dari hadith Abu Bakar, "Kami dilarang daripada *dubba'*, *naqir*, *hantam*, dan *muzaffat*. *Dubba'* digunakan oleh orang Tha'if di Tha'if untuk meletakkan tandan-tandan kurma, lalu membiarkannya hingga larut. *Naqir* pula digunakan oleh penduduk Yamamah iaitu pohon kurma yang ditebuk lubang dan diletakkan rutob dan busur di dalamnya dan dibiarkan sehingga larut. *Hantam* pula ialah bejana tanah yang diisi dengan arak. *Muzaffat* pula ialah bejana yang di cat dengan tar. Ibid. H. 447.

kerana bekas-bekas ini mempunyai bahan yang akan mempercepatkan proses kemabukan.

5.5.3 Campuran untuk nabiz.

Daripada hadith-hadith di atas, dapat disimpulkan bahawa, terdapat beberapa perkataan yang merujuk kepada tamar⁴¹² (yang merujuk kepada peringkat pertumbuhannya). Pertama *zahwi* (زهو), kedua *busr* (بسر), ketiga *ruttob* (رطب), keempat *tamar* (تمر). Manakala perkataan yang merujuk kepada kismis ialah *zabib* (زبيب). Larangan ini dapat dikategorikan kepada beberapa larangan iaitu :

1. Campuran *zabib* dan *tamar*
2. Campuran *ruttob* dan *busr*
3. Campuran *zahwi* dan *ruttob*
4. Campuran *zabib* dan *ruttob*

5.5.4 Tempoh melakukan nabiz yang tidak memabukkan

*Tsumamah bin Hazn al-Qusyairi pernah bertanya kepada Aisyah tentang nabiz, maka Nabi s.a.w memanggil seorang perempuan Habsyah dan berkata, “Tanyalah perempuan ini, kerana dia yang biasa membuat nabiz untuk Rasulullah s.a.w”. Perempuan itu berkata, “Aku biasa membuat nabiz untuknya di wadah (bekas) pada malam hari, lalu aku menutupnya. Apabila pagi hari, Rasulullah s.a.w meminumnya”.*⁴¹³

“Biasanya Rasulullah s.a.w dibuatkan nabiz dari zabib di malam hari dalam tempat minum. Baginda meminumnya

⁴¹² Merujuk kepada hadith di dalam bab yang membicarakan perihal yang sama di dalam Sunan Nasaie, terdapat juga matan yang menggunakan perkataan *balah* (بلح) yang membawa maksud tamar muda hampir berwarna hijau. Jalal al-Din al-Suyuti (911 H). Sunan al-Nasaie bi Syarh Jalal al-Din al-Suyuti., j.8. Beirut: Dar al-Ma'rifah., h. 684.

⁴¹³ Rujuk Ibn Hajar al-Asqalani. *Fathul Bari :Penjelasan Kitab Ṣaḥīḥ Bukhārī*.

pada pagi hari, malamnya dan keesokan harinya. Kemudian, jika masih berbaki, baginda akan membuangnya”⁴¹⁴

5.5.6 Analisis syarah hadith

Analisis kualitatif dibuat melalui analisis syarah ulama’ mengenai hadith-hadith berkenaan. Analisis dibuat melalui *Fath al-Bari* oleh Imam Ibn Hajar al-Asqalani dan *Syarah Shahih Muslim* oleh Imam Nawawi. Melalui syarahnya, Imam Ibn Hajar al-Asqalani telah membawakan hujah-hujah berikut:

1. Ibnu Bathal berkata mengenai ayat *man ra’a an la yakhliṭ al-busr wa al-tamr iza kana muskaran* daripada nama bab ini iaitu *man ra’a an la yakhliṭ al-busr wa al-tamr iza kana muskaran wa an la yaj’al idamain fi idam*⁴¹⁵ adalah salah kerana larangan ini bukanlah disebabkan kemabukan tetapi larangan ini adalah kerana percampuran itu secara umumnya.
2. Mengenai ayat *an la yaj’al idamain fi idam* pula, menurut Ibn Munir, Imam Bukhari meletakkan ayat ini bersesuaian dengan hadith daripada Jabir dan Abi Qatadah⁴¹⁶ yang mana larangan ini samada kerana campuran ini mempercepatkan proses penghasilan arak ataupun oleh kerana perbuatan ini membawa kepada pembaziran.

Selain daripada hujah-hujah ini, hujah yang diberikan oleh Imam Ibnu Hajar al-Asqalani adalah sama seperti Syarah Imam Nawawi daripada hadith yang diriwayatkan oleh Muslim. Melalui syarahnya, Imam Nawawi membawakan tiga pendapat :

⁴¹⁴ *Ibid.*

⁴¹⁵ Maksudnya, pendapat untuk tidak mencampurkan kurma muda dan kurma matang sekiranya memabukkan dan jangan mencampurkan dua makanan di dalam satu makanan.

⁴¹⁶ Hadith yang dimaksudkan disini ialah hadith mengenai percampuran kismis dan kurma, juga kismis muda dan kismis matang.

1. Jumhur ulama' (termasuk Imam Nawawi) berpendapat bahawa tegahan ini adalah sebagai *makruh tanzih*⁴¹⁷ dan tidak haram percampuran itu sekiranya ia tidak memabukkan.
2. Pendapat lain dari mazhab Maliki pula menyatakan percampuran ini adalah haram.
3. Pendapat ketiga ialah daripada Abu Hanifah dan Abu Yusuf yang menyatakan tidak makruh percampuran tersebut dan ianya dibolehkan. Pendapat ini tidak dipersetujui oleh jumhur ulama' kerana perkataan "*naha*"⁴¹⁸ di dalam hadith ini sekurang-kurangnya membawa kepada hukum makruh.

Jika dilihat kepada huraian hadith, terdapat dua kesimpulan yang dapat dibuat iaitu : pertama, larangan ini adalah kerana khuatir percampuran kismis dan kurma akan menghasilkan minuman yang memabukkan. Kedua, larangan ini adalah kerana percampuran kismis dan kurma ini akan membawa kepada pembaziran. Oleh yang demikian, kupasan dari perspektif sains akan dibuat berdasarkan dua sebab ini.

5.5.7 Kismis dan kurma : Perspektif sains

Secara umumnya, para ulama' mensyarahkan hadith berkenaan dengan meletakkan hukum *makruh tanzih* mensinergikan kismis dan kurma kerana khuatir ianya menjadi arak. Dari perspektif sains, kismis (anggur) dan kurma merupakan tumbuhan yang

⁴¹⁷ *Makruh tanzih* ialah *khitab* Allah yang meminta supaya meninggalkan sesuatu perbuatan dengan tuntutan yang tidak pasti. Iaitu perkara yang tidak menjadi kemestian meninggalkannya, tetapi akan diberi pahala jika meninggalkannya dan tidak ada apa-apa dosa atau siksa sekiranya melakukannya. Berbeza dengan *makruh tahrir* iaitu perkara yang syarak meminta meninggalkan dengan tuntutan pasti melalui dalil *Zanni*. Hukum makruh tahrir mesti ditinggalkan, diberi pahala meninggalkannya, disiksa melakukannya dan tidak kafir mengingkarinya. Haram pula ialah perkara syarak meminta meninggalkan dengan tuntutan pasti melalui dalil *Qat'i*, iaitu hukum yang mesti ditinggalkan, diberi pahala apabila menjauhinya dan berdosa serta mendapat siksa jika dilakukan serta kafir mengingkarinya. Rujuk Abdul Latif Muda dan Rosmawati Ali (1997). *Pengantar Usul Fiqh*. Kuala Lumpur : Ilham Abati Enterprise, hlm. 34.


⁴¹⁸ Lafaz *naha* merupakan lafaz yang menunjukkan tegahan. *Sighah* al nahyu selain menunjukkan haram ia membawa erti tertentu berdasarkan qarinahnya. Salah satu qarinahnya ialah makruh. *Ibid*, hlm. 168-169.

mempunyai kandungan gula yang tinggi. Ini mungkin mempercepat proses penapaian minuman tersebut. Kebiasaannya, proses pembuatan minuman beralkohol adalah menggunakan yis dan mengambil masa yang sangat panjang dalam menentukan kualiti minuman tersebut. Kurma merupakan antara buah-buahan yang digunakan untuk menghasilkan arak. Percampuran kismis di dalam arak yang terhasil daripada kurma memberikan rasa yang kompleks kepada minuman tersebut⁴¹⁹. Justeru, larangan Nabi s.a.w. ini mungkin adalah disebabkan wujudnya kecenderungan untuk membuat arak daripada campuran kismis dan kurma pada zaman baginda.

5.5.7.1 Proses pembuatan arak.

Merujuk kepada *Encyclopedia of Science and Technology*⁴²⁰, arak atau yang secara umumnya, wain adalah apa jua jus buah-buahan yang menghasilkan alkohol melalui proses penapaian. Namun begitu, wain secara spesifiknya adalah minuman beralkohol yang diperbuat daripada perahan anggur. Proses pembuatan wain ini dimulakan dengan memilih buah anggur atau buah-buahan lain hinggalah kepada peringkat pembotolan wain tersebut.

Peringkat pertama dalam pembuatan wain ialah penapaian primer pada jus buah-buahan dengan menambahkan yis. Penapaian primer ini mengambil masa satu hingga dua minggu, yis akan menukarkan gula di dalam jus buah-buahan kepada etanol (alkohol) dan karbon dioksida. Karbon dioksida kemudiannya terbebas di udara. Persamaan kimia proses penapaian ini adalah seperti berikut:



⁴¹⁹ The Winemaking Homepage, <http://www.winemaking.jackkeller.net/request114.asp>

⁴²⁰ Hershey P.A., (2009). *Encyclopedia Science and Technology* .. C. 10, United State of America: McGraw Hill. Jil.19, hlm, 589.

Peringkat kedua ialah penapaian sekunder yang mengambil masa tiga hingga enam bulan. Semasa penapaian sekunder, wain diletakkan di dalam bekas kedap udara bagi mengelakkan berlakunya oksidasi. Protein daripada anggur atau buah-buahan lain diuraikan manakala yis yang berbaki dan juga partikel kecil daripada anggur atau buah akan diproses. Potasium bitartrate akan termendak dan proses boleh ditambahbaikkkan dengan pengstabilan sejuk untuk menghalang pembentukan tartrate kristal selepas pembotolan. Hasil daripada proses ini, wain akan menjadi jernih. Peringkat ketiga ialah penapaian malolaktik. Penapaian ini berlaku apabila bakteria asid laktik menukarkan asid malik kepada asid laktik. Penapaian ini akan memberikan rasa yang baik kepada wain. Peringkat seterusnya dalam proses pembuatan wain ialah termasuk ujian makmal, permunian, penurasan dan juga pengawetan.⁴²¹

Jika diteliti proses penapaian yang digunakan di dalam pembuatan arak ini adalah berbeza berbanding proses penapaian yang akan berlaku sekiranya kismis dan kurma dicampurkan di dalam minuman. Walaubagaimanapun, ini tidaklah bermakna penghasilan arak tidak akan berlaku. Oleh kerana kismis dan kurma merupakan buah-buahan yang mengandungi kandungan karbohidrat yang tinggi, maka ia membolehkan proses penapaian dilalui secara semulajadi⁴²². Proses penapaian sesuatu bahan kepada alkohol secara semulajadi mengambil masa tiga hingga empat minggu. Justeru, jus buah-buahan ini yang tidak diperam di dalam masa tiga hingga empat minggu adalah bebas daripada unsur-unsur yang boleh memabukkan melainkan kerosakan pada sifat tersebut yang membawa kepada keracunan.

Para ulama' dalam menghuraikan hadith berkaitan percampuran kismis dan kurma turut membawa hujah bahawa percampuran ini membawa kepada pembaziran.

⁴²¹ Diakses dari <http://en.wikipedia.org/wiki/Winemaking> pada 29 Julai 2010.

⁴²² History of Beers. Diakses daripada http://en.wikipedia.org/wiki/History_of_beer#cite_note-6 pada 22 Oktober 2010.

Daripada perspektif sains, penulis membawakan fakta nutrisi kedua-dua buah-buahan tersebut seperti dibawah:

Jadual 5.8 : Kandungan nutrien bagi 100gram kismis dan kurma.⁴²³

Nutrien	Buah kurma	Kismis
Air (g)	22.50	16.57
Tenaga (KJ)	1151	1238
Karbohidrat (g)	73.51	78.47
Protein(g)	1.97	2.52
Serat	7.5	6.8
Lemak	0.45	0.54
Vitamin A	50	0.0
Vitamin B6	0.192	0.188
Vitamin C	0.0	5.4
Vitamin D	0.0	0.0
Vitamin E	0.100	0.0
Folat	13	3
Potassium	652	825
Magnesium	35	30
Zink	0.29	0.010
Koper	0.288	0.017
Kalsium	32	28
Mangan	0.298	0.267
Selenium	1.9	0.6

⁴²³ Diakses daripada USDA Nutrient Database http://www.nal.usda.gov/fnic/foodcomp/cgi-bin/list_nut_edit.pl pada 13 September 2010.

Jika dilihat kepada jadual nutrisi di atas, dapat disimpulkan bahawa nutrisi kismis dan kurma adalah hampir sama kecuali pada beberapa jenis vitamin dan mineral. Justeru, maksud pembaziran oleh para ulama' boleh merujuk kepada kandungan nutrisi kedua buah-buahan ini yang hampir sama. Manusia boleh memperoleh khasiat yang sama dari kedua buah-buahan dan ini juga membawa maksud manusia boleh memilih salah satu buah-buahan tersebut. Antara kemungkinan-kemungkinan lain yang akan diperolehi sekiranya pengambilan kismis dan kurma dilakukan adalah :

(i) Pengambilan antioksidan yang berlebihan

Kismis dan kurma mempunyai agen antioksidan yang tinggi⁴²⁴. Kismis mengandungi agen antioksidan fenolik, manakala kurma mempunyai agen antioksidan flavonoid. Antioksidan merupakan agen yang membantu memelihara sel yang terdedah kepada oksidasi akibat radikal bebas. Pengambilan antioksidan yang betul adalah dengan mengikut status oksidasi sel. Antioksidan boleh menjadi penghalang kanser dan juga boleh menjadi penyebab kanser. Antioksidan dapat mengurangkan kadar *Reactive Oxygen Species* (ROS) bagi individu yang menghasilkan ROS secara berlebihan dan memelihara mereka daripada kanser, penyakit kardiovaskular, katarak dan pelbagai lagi penyakit yang berpunca daripada ROS. Pengambilan antioksidan yang berlebihan akan menjadikan apoptosis sebagai penyebab kanser kepada individu yang terdedah kepada kesan karsinogen persekitaran seperti asap rokok dan pencemaran industri. Apoptosis dikenali sebagai “polis sel” merupakan pembunuh beberapa sel kanser yang mengancam kesihatan dan nyawa⁴²⁵. Bagi pesakit kanser, pengambilan antioksidan yang berlebihan boleh menghalang aktiviti terapeutik “*drug anticancer*”⁴²⁶.

⁴²⁴ Saafi E. B., et. al (2010), Protective effect of datepalm fruit extract (Phoenix dactylifera L.) on dimethoate induced oxidative stress in rat liver. *Experimental and Toxicologic Pathology*.

⁴²⁵ Kerr (1994), Apoptosis, its significance in cancer and cancer therapy. *Cancer* 73:2013-2026.

⁴²⁶ Salganik (2001), Review: The Benefits and Hazard of Antioxidants : Controlling Apoptosis and Other Protective Mechanism in Cancer Patients and The Human Population. *Journal of the American College of Nutrition*, Jil 20, No. 5, 464S-472S.

(ii) Pengambilan karbohidrat yang berlebihan

Karbohidrat merupakan komponen utama di dalam buah kurma, karbohidrat ini terutamanya gula penurun dalam bentuk glukosa, fruktosa, mannos dan maltos⁴²⁷. Begitu juga dengan kismis yang mengandungi kadar gula yang tinggi. Seperti yang diketahui umum, pengambilan gula yang berlebihan akan mengundang pelbagai jenis penyakit. Maklumat yang dipetik daripada laman web *Diabetes Mellitus Information* menyatakan bahawa, bagi pesakit diabetes mellitus, buah-buahan seperti anggur perlu dielakkan kerana kandungan gulanya yang tinggi. Selain daripada itu, pengambilan buah kurma juga tidak baik bagi pesakit yang menghidap diabetes mellitus kerana kadar kalornya yang tinggi.

Jika dilihat daripada sudut kesihatan. Sinergi atau percampuran kismis dan kurma ini mungkin boleh membawa kepada kemudaratan. Islam menekankan konsep kesederhanaan di dalam setiap perkara. Sinergi kismis dan kurma didapati mempunyai unsur-unsur yang berlebihan sebagai contoh, kandungan antioksidan yang berlebihan dan kandungan gula yang berlebihan. Manfaat kismis dan kurma akan diperolehi secara optimum sekiranya pengambilannya dibuat secara berasingan berdasarkan maklumat nutrisinya yang hampir sama. Sebagaimana yang telah disarankan oleh Rasulullah di dalam sabda baginda yang bermaksud, “*barangsiapa yang meminum nabiz, maka minumlah kismis sahaja atau tamar(kurma matang) sahaja, atau kurma muda sahaja*”.

Walaubagaimanapun, mengenai produk makanan kesihatan yang mencampurkan kismis dan kurma pula, merujuk kembali kepada pendapat jumur ulama’ yang meletakkan hukum *makruh tanzih* bagi percampuran kismis dan kurma

⁴²⁷ *Op. cit*, Shahib dan Marshal (2003).

di dalam minuman. Berdasarkan huraian ulama' mengenai hukum *makruh tanzih* terhadap larangan ini, didapati sebab diletakkan hukum ini ialah suatu pencegahan kepada minuman yang memabukkan kerana percampuran kedua buah-buahan ini mempercepatkan proses penapaian. Temubual penulis bersama Ustaz Mohd Edrus pengarah urusan syarikat TG4ALL Nutraceutical Sdn. Bhd, beliau menyatakan sebab utama syarikat mereka tidak mencampurkan kismis dan kurma dalam produk mereka adalah kerana ia menyalahi istilah makanan sunnah berdasarkan tegahan Rasulullah s.a.w. Namun begitu, beliau turut mengakui bahawa percampuran kismis dan kurma dalam minuman tidak mendatangkan kemudaratan.

5.6 KESIMPULAN

Melalui kupasan dari sudut sains, maklumat yang telah dinyatakan melalui al-Qur'an dan hadith lebih jelas untuk difahami oleh masyarakat umumnya. *Mufasssir* bersepakat bahawa tumbuhan yang dinyatakan jenisnya dalam al-Qur'an mempunyai keistimewaan berbanding tumbuhan yang tidak disebutkan, tanpa menafikan tumbuhan lain juga mempunyai keistimewaannya. Justeru, topik pertama telah membentangkan dapatan-dapatan daripada kajian sains yang menyokong pendapat *mufasssir*. Surah Maryam ayat ke 23-25 pula menurut *mufasssir* menyatakan, panduan untuk ibu yang mengandung berdasarkan kisah mengenai Saidatina Maryam disaat beliau hampir melahirkan Nabi Isa a.s. Dapatan sains mendapati kurma adalah sangat baik dan memberi manfaat kepada ibu yang mengandung dan melahirkan anak, yang mana pengambilan kurma memudahkan proses melahirkan.

Melalui hadith Rasulullah s.a.w., terdapat saranan untuk bersahur dan berbuka puasa dengan tamar. Hikmah disebalik saranan tersebut dibincangkan dengan merujuk kepada pandangan daripada perspektif sains. Kandungan dalam buah kurma berupaya

memberikan bekalan tenaga yang berpanjangan kepada orang yang berpuasa dan juga merangsang kembali tenaga setelah seharian berpuasa kepada orang yang berbuka puasa. Selain saranan tersebut, Rasulullah s.a.w juga menyarankan untuk mentahnik bayi yang baru lahir dengan kurma. Kajian dalam bidang perubatan mendapati amalan tahnik ini berupaya menggantikan ubat analgesik terhadap bayi yang tidak matang (*neonatal*).

Selain daripada kurma, zaitun juga disebut oleh Rasulullah s.a.w sebagai penawar penyakit *pleurisy*. Berdasarkan analisis kajian sains, didapati kandungan oleuropin yang terdapat dalam minyak zaitun dapat bertindak sebagai penyembuh kepada penyakit tersebut. Melalui sorotan hadith terhadap tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an juga, penulis menemui hadith Rasulullah s.a.w yang menegah campuran kismis dan kurma. Hasil kajian daripada perspektif sains mendapati bahawa larangan ini adalah bertujuan untuk mengelakkan pembaziran dan kemungkinan kemudaratan kerana kismis dan kurma kedua-duanya mempunyai kandungan nutrien yang hampir sama.

Kesimpulannya, tumbuhan yang dinyatakan secara tersurat mengenai kebaikan, kegunaan mahupun tegahannya dapat dihuraikan secara lebih mendalam sebab-sebabnya melalui perspektif sains.

BAB 6

KESIMPULAN KAJIAN

Terdapat 17 tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an. Berdasarkan penelitian yang telah dibuat terhadap tafsiran ayat-ayat al-Qur'an yang menyatakan jenis-jenis tumbuhan secara khusus, terdapat dua kesimpulan utama yang dapat dibuat. Kesimpulan pertama ialah berkaitan dengan temanya. Ayat-ayat Al-Qur'an tersebut boleh dikategorikan kepada empat tema iaitu yang pertama, ayat-ayat yang menggambarkan penciptaan alam semesta seperti manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan seperti dalam surah al-An'am (6) : 99, 141, Surah al-Ra'd (13) :4, Surah al-Nahl (14) : 11, 67, Surah al-Mu'minin (23) : 19, 20, Surah Yasin (36) : 34, Surah Qaf (50) : 10, Surah al-Rahman (55) : 11, Surah 'Abasa (80) : 28,29 dan Surah al-Tin (95) : 1. Kedua, tumbuhan yang terdapat di dalam syurga seperti kurma dan delima dalam Surah al-Rahman (55) : 68, pisang dan bidara dalam Surah al-Waqi'ah (56) : 28 dan 29 dan halia dan kapur barus dalam Surah al-Insan (76) : 5, 17. Ketiga, tema tentang kisah-kisah seperti kisah Saidatina Maryam, kisah Fir'aun yang menghukum ahli-ahli sihirnya, kisah pembalasan terhadap kaum Tsamud, kisah Nabi Yunus yang dikeluarkan dari perut ikan Nun, kisah kaum Saba' yang melibatkan tumbuhan tertentu. Keempat, tumbuhan sebagai perumpamaan, seperti biji sawi yang menjadi perumpamaan bagi sekecil-kecil perkara sama ada baik atau jahat, semuanya akan diadili oleh Allah sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah Luqman dan juga Surah al-Anbiya' dan hati orang mukmin bagaikan pelita yang dinyalakan oleh minyak zaitun, iaitu bersinar dan bercahaya sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Nur (24) : 35.

Kesimpulan kedua ialah, tafsiran mengenai jenis-jenis tumbuhan. Ulama'-ulama' tafsir seperti al-Marāghī (m. 1371H), al-Zamakhshārī (m. 538H), al-Rāzī (m. 606H), Ibn Kathir (m. 774H) dan al-Qurtubi (m. 671H) menyatakan tumbuhan yang

disebutkan secara khusus dalam al-Qur'an merupakan tumbuhan yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri berbanding dengan tumbuhan-tumbuhan lain. Melalui penelitian terhadap hadith-hadith yang berkaitan dengan tumbuhan-tumbuhan tersebut, terdapat hadith-hadith yang menyatakan kebaikan dan keistimewaan mahupun larangan-larangan yang melibatkan tumbuhan-tumbuhan tersebut. Namun begitu, tidak semua tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an disebutkan dalam hadith. Tumbuhan-tumbuhan yang disebutkan dalam hadith ialah kurma, anggur, zaitun, bawang putih, bawang merah, pokok kapur barus dan timun. Berdasarkan perbandingan kajian-kajian sains mengenai nama spesies tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an, terdapat perbezaan dari segi nama-nama spesies tersebut. Hasil daripada kajian ini, berikut adalah nama-nama spesies yang telah dikemaskini :

Jadual 6. 1 : Nama saintifik yang terkini bagi tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an.

Bil	Perkataan dalam al-Qur'an	Nama melayu	Nama saintifik
1.	<i>Nakhlah</i>	Pokok kurma	<i>Phoenix dactylifera</i> L.
2.	<i>Zaytun</i>	Pokok zaitun	<i>Oleo europaea</i> L.
3.	<i>'Inab</i>	Pokok anggur	<i>Vitis vinifera</i> L.
4.	<i>Rumman</i>	Pokok delima	<i>Punica granatum</i> L.
5.	<i>Tin</i>	Pokok ara	<i>Ficus carica</i> L.
6.	<i>Khamt</i>	Pokok kayu sugi	<i>Salvadora persica</i> L.
7.	<i>Zanjabil</i>	Pokok halia	<i>Zingiber officinale</i> Roscoe
8.	<i>Basal</i>	Pokok bawang putih	<i>Allium sativum</i> L.

9.	<i>Fum</i>	Pokok bawang merah	<i>Allium cepa</i> L.
10.	<i>Khardal</i>	Pokok biji sawi	<i>Brassicca nigra</i> L.
11.	<i>Sidrah</i>	Pokok bidara	<i>Cedrus libani</i> Barrel. ex Loudon
12.	<i>Athl</i>	Pokok Tamarix	<i>Tamarix articulata</i> L. (syn. <i>Tamarix aphylla</i> L.)
13.	<i>Kafur</i>	Pokok kapur barus	<i>Dryobalanops camphora</i>
14.	<i>'Adas</i>	Pokok dal	<i>Lens culinaris</i> (syn. <i>Lens esculent</i>)
15.	<i>Qiththa'</i>	Timun	<i>Cucumis sativus</i> L.
16.	<i>Talh</i>	Pisang	<i>Musa</i> sp.
17.	<i>Yaqtin</i>	Labu	<i>Cucurbita</i> sp.

Hasil daripada penelitian hadith dan tafsiran, tujuh jenis tumbuhan telah dipilih untuk tinjauan kajian lanjutan mengenai kebaikan dan keistimewaannya daripada perspektif sains. Pemilihan ini adalah berdasarkan tafsiran dan huraian hadith yang menunjukkan kebaikan tumbuhan-tumbuhan ini secara jelas. Tumbuhan-tumbuhan tersebut ialah kurma, zaitun, delima, anggur, ara, pisang dan halia. Tinjauan daripada perspektif sains menunjukkan bahawa kurma dapat bertindak sebagai agen antioksidan, agen antitumor, agen neuroprotektif, rawatan kesuburan lelaki, pengawal kolesterol, agen *antiatherogenic*, agen antidiabetik serta baik untuk ibu mengandung dan melahirkan anak. Anggur pula dapat bertindak sebagai agen antioksidan, agen antitumor,

agen antibakteria, rawatan katarak mata, rawatan masalah jantung dan agen neuroprotektif. Minyak zaitun dan juga buahnya berpotensi sebagai agen antioksidan, agen antikeradangan, agen neuroprotektif, berpotensi untuk merawat penyakit kardiovaskular, bagus untuk pembentukan tulang, merawat penyakit *pleurisy* dan melindungi kulit. Delima mempunyai potensi yang sama dengan kurma dengan satu penambahan iaitu delima berpotensi sebagai agen *antidiarrhea*. Buah ara atau buah tin mempunyai potensi sebagai agen antioksidan, agen antikanser, agen antiangiogenik, agen antispasmodik, agen anti helmentik dan dapat merawat penyakit alzheimer serta diabetes. Pisang berpotensi sebagai agen antioksidan, agen antidiuretik, agen antidiabetik, agen antimikrobial dan sebagai perlindungan terhadap sinaran *Ultra Violet B* (UVB) . Halia pula dapat bertindak sebagai analgesik, agen antibakteria, agen antiulser, agen antidiabetik, dapat meredakan keradangan otot dan merawat penyakit alzheimer.

Kesimpulan daripada perspektif Islam dan Sains Kesihatan dalam kajian ini menunjukkan terdapat lima perkara yang mempunyai penyelarasan dalam kedua-dua perspektif tersebut iaitu yang pertama ialah khasiat kurma bagi ibu mengandung dan melahirkan anak. Kedua , signifikan pengambilan buah kurma pada waktu sahur dan berbuka puasa. Ketiga, minyak zaitun sebagai penawar penyakit pleurisy dan kebaikannya untuk kulit. Keempat , tahnik dan kebaikannya. Kelima, sinergi kismis dan kurma dalam minuman menurut perspektif sains. Kurma mengandungi kalsium, serotonin, tannin, asid linoleik yang penting dalam mengawal pendarahan bagi ibu yang mengandung dan melahirkan anak. Selain daripada itu, kandungan fruktosa, sukrosa dan glukosa yang terdapat di dalam kurma dapat membekalkan tenaga untuk orang yang berpuasa dan juga dapat bertindak sebagai analgesik kepada bayi yang baru lahir. Oleh kerana kurma mengandungi kandungan gula yang tinggi, Rasulullah s.a.w menegah untuk membuat minuman daripada kurma dan kismis kerana dikhuatiri ianya akan

membawa kepada kemudahan. Selain daripada kurma, minyak zaitun juga disebutkan keistimewaan dan kegunaannya dalam al-Qur'an dan hadith. Minyak zaitun mengandungi *oleuropin* yang dipercayai dapat melindungi paru-paru daripada keradangan dan kandungan trigliseridanya pula dipercayai dapat melindungi kulit daripada sinaran UVB.

Berdasarkan hasil penyelidikan yang dilakukan, didapati bahawa kajian mengenai tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an ini merupakan kajian yang mempunyai potensi yang besar untuk dikembangkan pada masa akan datang. Ini adalah kerana, tumbuhan-tumbuhan ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri berbanding tumbuhan-tumbuhan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam al-Qur'an. Diantara cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan adalah:

- i) Kajian yang difokuskan kepada tumbuhan yang tidak baik menurut ulama' tafsir dan digabungkan dengan analisis kajian sains terhadap tumbuhan-tumbuhan tersebut.
- ii) Terdapat beberapa jenis tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an yang juga disebut dalam Bible. Kajian boleh dilakukan untuk melihat perbandingan antara kisah disebalik ayat-ayat al-Qur'an dan juga bible mengenai jenis tumbuhan tersebut.
- iii) Membuat kajian perbandingan terhadap kandungan produk makanan sunnah di pasaran hari ini yang menggunakan tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an.

LAMPIRAN A

Transkrip temubual dengan Ustaz Mohd Edrus Ab Rahman, Pengarah Urusan TG4All Nutraceutical Sdn. Bhd. berhubung hadith larangan membuat minuman dengan mencampurkan kismis dan kurma. Tembual dilakukan pada 03 Mac 2011 jam 3.30 petang.

PENULIS : Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih atas kesudian Ustaz untuk ditemuramah pada hari ini. Perkenalkan diri saya, nama saya Sumaiyah Binti Mohd Tamizi, pelajar Sarjana Falsafah dalam bidang Sains dan Islam, Institut Pengajian Pascasiswazah, Universiti Malaya. Kajian saya adalah mengenai Tumbuhan Yang Dinyatakan Dalam Al-Qur'an : Analisis Tafsiran dan Kajian Sains. Pertamanya, mohon Ustaz memperkenalkan latar belakang syarikat.

USTAZ EDRUS : Wa'alaikumussalam warahmatullah wabarakatuh. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Sumaiyah. Syarikat ini diberi nama Tok Guru Nutaceutical Marketing. Jadi syarikat ini memasarkan produk-produk yang berasaskan pemakanan sunnah dan herba-herba terpilih. Herba-herba terbaik dunia, dan kami di sini baru beroperasi selama satu tahun iaitu bermula September 2009. Saya sendiri telah menceburkan diri dalam bidang pemakanan Islam dan herba-herba selama 5 hingga 6 tahun. Saya merupakan salah seorang pengasas Saffron Integrated Marketing. Tujuan utama produk-produk ini dibuat adalah untuk membantu sekolah-sekolah agama di Malaysia. Ini kerana, apabila saya dan rakan-rakan membuka pondok atau sekolah agama, kami tidak menerima apa-apa sumbangan yang boleh digunakan untuk menjana keperluan-keperluan sekolah agama. Jadi, apabila saya berbincang dengan rakan saya iaitu Ustaz Nik Abdul Nik Abdul Aziz, kami membuat keputusan untuk mengeluarkan produk. Produk pertama yang saya buat ialah air Asy-Syifa'.

PENULIS : Bagaimana dengan sambutan?

USTAZ EDRUS : Alhamdulillah, pada mulanya selepas mengeluarkan produk Asy-Syifa', pulangan yang diperolehi kurang memberangsangkan, jadi kami mengeluarkan produk khusus untuk wanita seperti Wardina dan sebagainya. Selepas dua, tiga tahun, kami berkembang dengan mengeluarkan produk berasaskan kopi. Sambutan yang diberi, pertamanya adalah kerana Tok Guru (Nik Abdul Aziz) dan juga kerana produk ini Islamik. Apabila dana semakin banyak, niat asal untuk membantu sekolah agama seluruh Malaysia itu sudah lari apabila ratusan ribu tidak diberi kepada sekolah agama. Oleh kerana itu, Ustaz Nik Abdul rasa tidak selesa dan keluar daripada Saffron Integrated Marketing dan menubuhkan syarikat ini. Melalui syarikat ini, kami mengeluarkan semula produk-produk yang pernah dihasilkan dahulu dengan menambahkan kualiti dan kuantiti bahan dalamnya. Produk-produk itu diproses sendiri menggunakan mesin-mesin yang dibeli dari China. Alhamdulillah selama setahun lebih ini, produk syarikat ini sudah dapat dipasarkan ke seluruh Malaysia.

PENULIS : Maksudnya, proses pengekstrakan tumbuhan juga dibuat di sini?

USTAZ EDRUS : Ya, dari A hingga Z dibuat di sini. Selain itu dalam kajian pemporsesan makanan, herba sunnah ini kami banyak lakukan kajian daripada segi herba ini boleh dicampur atau tidak boleh dicampur. Kami lakukan kajian, ada makanan yang boleh dicampur dan ada makanan yang tidak boleh dicampur.

PENULIS : Jadi, dari situlah bermula isu kismis dan kurma tidak boleh dicampur dalam minuman?

USTAZ EDRUS : Ya, salah satu daripadanya ialah isu itu. Kismis dan kurma ini tidak boleh dicampurkan sebagai jus. Tetapi daripada segi hukum fiqh, hukumnya tidak haram. Tetapi ianya adalah larangan Nabi s.a.w. Contohnya begini, Nabi s.a.w kata,

kamu jangan makan tangan kiri kerana syaitan makan tangan kiri. Tetapi makan tangan kiri dalam hukum fiqh tidak haram.

PENULIS : Pada pendapat Ustaz, adakah larangan mencampurkan kismis dan kurma ini adalah kerana kedua-duanya mengandungi khasiat yang hampir sama?

USTAZ EDRUS : Pada pendapat saya, tidak. Sebenarnya, pada zaman jahiliyah, kurma putih (busr) dan kurma masak, juga kismis dan kurma masak ini dicampurkan untuk mempercepatkan proses penapaian supaya cepat jadi arak. Dalam mazhab syafi'i, nabiz hukumnya haram. Walaupun nabiz ini belum mencapai tahap arak. Tetapi Mazhab Hanafi membenarkan untuk minum nabiz. Jadi, dalam masalah kismis dan kurma ini jika merujuk kepada kitab-kitab Hadith, dalam kitab al-Ashribah, bab al-Khalit Baina. Nabi sudah melarang, jadi apabila kita hendak membuat satu makanan sunnah, sesuatu makanan yang kita hasilkan itu kita katakan ianya makanan sunnah tetapi kenapa kita tidak mengikut kaedah yang dianjurkan sunnah. Walaupun perkara itu tidak haram, tetapi sunnah Nabi s.a.w mengatakan ianya tidak dibolehkan. Apabila dipersoalkan kepada saya, kenapa dalam Sharah Imam Nawawi dikatakan campuran ini dibolehkan? Saya menjawab ini bukan soal haram atau halal. Ini soalnya kita membuat barangan sunnah yang tidak mengikut sunnah. Samalah seperti seorang lelaki mandakwa dia solat mengikut sunnah Nabi s.a.w tetapi dengan tidak memakai pakaian sempurna, walaupun menutup aurat, tetapi tidak mengikut sunnah. Maknanya dakwaan itu tidak sah. Selain daripada melihat kepada hadith, dalam pemprosesan makanan ini perlu juga dilihat kepada persepektif tib (perubatan). Daripada perspektif perubatan juga, ada makanan yang boleh dicampur dan ada makanan yang tidak boleh dicampur. Kerana apabila dicampurkan ada tindak balas yang tidak baik berlaku. Ada percampuran yang tidak boleh dilakukan. Contohnya tembakan tidak boleh dicampurkan dengan madu.

PENULIS : Jadi, apakah metodologi kajian yang dilakukan oleh syarikat ini sebelum menghasilkan campuran-campuran herba-herba dan juga tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an.

USTAZ EDRUS : Metodologi yang kami gunakan ialah, pertamanya perlulah merujuk kepada al-Qur'an dan Hadith. Jika ada larangan, seperti kismis dan kurma, kami tidak akan buat. Herba-herba lain seperti gaharu, manggis, goji, habbatus sauda', madu dan roselle, jika dicampur ia tidak ada masalah. Setelah dilakukan kajian, memang ianya dapat memberi kebaikan. Walaupun tumbuhan ini tidak disebut dalam al-Qur'an, tetapi Allah berfirman tumbuh-tumbuhan ini dijadikan untuk orang-orang soleh. Apabila dijanjikan untuk orang beriman, maknanya tumbuhan itu adalah tumbuhan yang berkhasiat.

PENULIS : Sebelum sesuatu produk itu dikeluarkan, adakah syarikat ini menggunakan kaedah seperti melakukan kajian saintifik atau kajian terhadap kitab perubatan lama? Adakah produk-produk ini mengambil inspirasi daripada al-Qur'an dan Sunnah.

USTAZ EDRUS : Ada, untuk dapatan daripada segi saintifik, kami hantarkan kajian ke makmal. Apabila dikatakan sebagai makanan sunnah, ianya bermaksud campuran tumbuhan-tumbuhan yang dinyatakan dalam al-Qur'an dan Sunnah dengan meneliti sama ada terdapat larangan atau tidak seperti masalah kismis dan kurma. Dalam bidang kajian dan pembangunan syarikat, kami dibantu oleh Profesor Dr. Adibah Abd Rahman dari Universiti Teknologi Malaysia. Sampel-sampel produk kami hantar ke Technology Park Malaysia, Bukit Jalil. Selain daripada itu turut terlibat dalam kajian ialah Prof Dr. Wan Hasnul dari Universiti Sains Malaysia. Saya sendiri mengambil sijil berkaitan herba-herba di FRIM, mendapat didikan daripada Prof. Dr. Ramlan Aziz.

PENULIS : Jadi adakah campuran kismis dan kurma ini tidak baik daripada segi kesihatan? Menurut syarah fathul bari, percampuran kismis dan kurma ini adalah suatu pembaziran. Jadi, adakah ustaz setuju.

USTAZ EDRUS : Daripada segi kesihatan, ia tidak memberi kesan negatif, tetapi daripada segi sunnahnya, ianya tidak mengikut sunnah. Mengenai pembaziran, mungkin juga. Tetapi, kismis ini kebanyakannya lebih kepada minda, manakala kurma pula lebih kepada tenaga. Tetapi pada pendapat saya, apabila Nabi melarang, tentu ada hikmahnya. Cuma kita yang perlu kaji lebih lagi.

PENULIS : Soalan terakhir, apa pandangan Ustaz tentang produk-produk makanan sunnah yang semakin banyak pada hari ini?

USTAZ EDRUS : Bagi saya ianya adalah perkembangan yang baik. Ia adalah cara terbaik untuk mengembangkan pemahaman mengenai makanan sunnah. Inilah yang dikatakan perpecahan itu satu rahmat. Contohnya madu, satu masa dahulu mungkin orang tidak tahu ianya sunnah, hari ini orang sudah tahu.

PENULIS : Jadi, terima kasih saya ucapkan kepada Ustaz atas kesudian untuk ditemubual hari ini. Assalamu'alaikum warahmatullah wabarakatuh.

USTAZ EDRUS : Sama-sama, wa'alaikumussalam warahmatullah wabarakatuh.

BIBLIOGRAFI

- ‘Ismail Ibn Kathir al-Dimasyq (t.t). *Tafsir al-Qur’an al-Azim*. Giza : Maktabah Awlad al-Syeikh Li al-Turath.
- A. P Oliveira, Patricia Valent, José A. Pereira, Branca M. Silva, Fernando Tavares and Paula B. Andrade (2009). *Ficus carica* L.: Metabolic and biological screening. *Food and Chemical Toxicology*. 47 : 2841–2846.
- Abdul Latif Muda dan Rosmawati Ali (1997). *Pengantar Usul Fiqh*. Kuala Lumpur : Ilham Abati Enterprise.
- Abi ‘Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al Raba’iyy Ibn Majah al-Qazwini (2000). *Sunan Ibn Majah*. Riyadh : Dar al-Salam Li al-Nashr wa al-Tauzi’.
- Abi ‘Abd Raḥmān Aḥmad bin Syu‘aib ibn ‘Ali ibn Abi Sinān al Nasa’ī (2000). *Sunan al-Nasā’ī*. Riyadh : Dar al- Salam Li al-Nashr wa al-Tauzi’.
- Abi ‘Isa Muhammad bin ‘Isa bin Surah Ibn Musa al-Tirmizī, (2000). *Jamī’ al-Tirmizī*. Riyadh : Dar al-Salām Li al-Nashr wa al-Tauzi’.
- Abi Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakr al-Qurtūbī (2006). *Al-Jami’ Li Ahkam al-Qur’an*. Beirut : Muassasah al-Risalah.
- Abi al- Qasim Mahmud bin ‘Umar al-Zamakhshari (1998). *Al-Kashshaf : ‘An Haqa’iq ‘Awamid al-Tanzil wa ‘Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta’wil*. Riyadh : Maktabah al-Abikan.
- Abi al-‘Ali Muhammad Bin Abd al-Rahman Ibn ‘Abd Rahim al-Mubarakfuri (t.t). *Muqaddimah Tuhfat al Aḥwazi Syarh Jami’ al-Tirmizi*. Kaherah : Dar al-Fikr.
- Abi al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj Ibn Muslim al-Qusyairi al-Naisaburi (2000). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyadh : Dar al-Salam Li al-Nashr wa al-Tauzi’.
- Abi al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-‘Azim Aabadi (t.t). *‘Aun al-Ma’bud Syarh Sunan Abi Daud*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Afzalur Rahman (1981). *Quranic Sciences*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Ahmad M., Khan M. A., Marwat S. K., Muhammad Zafar, Khan M. A., Hassan T. U., and Shazia Sultana (2009). Useful Medicinal Flora Enlisted in Holy Quran and Ahadith. *American-Eurasian Journal Agriculture & Environmental Science*., 5 : 126-140.
- Ahmad Mustafa al-Marāghi (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi wa-Awladuh.
- Ahmad Mustafa al-Marāghi, (2001). *Tafsir Marāghi*. Muhammad Thalib (terj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alam A., (2002) Chemopreventive Effect Of Vitis Vinifera Extract On 12-O-Tetradecanoyl-13-Phorbol Acetate-Induced Cutaneous Oxidative Stress And Tumor Promotion In Murine Skin. *Pharmacological Research*. 46 (6).

- Al-Jauzi I. Q. (2004). *Tibb al-Nabawi*. Muhammad Muhammad Tamr dan Muhammad Sa'id Muhammad (Tahqiq). Kaherah : Dar el-Fajr Lil Turath.
- Al-Maudūdī (1987). *Tafsir Surah Yasin*. Mustafa Ramadhan (terj.). Kelantan : Syarikat Ali Imran.
- Al-Nawawi Muhyi al-Din (1998), *Sahih Muslim bi Syarh al-Imam Muhyi al-Din al-Nawawi*, Beirut : Dar al-Marifah.
- Al-Nawawi(1971). *Sahih Muslim bi al-Syarh al-Nawawi*. Kaherah : Dar al-Fikr.
- Al-Shahib W. dan Marshall R. J. (2003), The Fruit of The Date Palm: Its Possible Use As The Best Food for The Future? *International Journal of Food Science and Nutrition*. 54 (4) : 247-259.
- Amru Nasrul Haq dan Mohamed (1985), *Tamadun Islam Dalam Biologi dalam Pengenalan Tamadun Islam Dalam Sains dan Teknologi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asadi karam G. R (2009). Biochemical compound and nutritional roles of the foods explained in the Qur'an. *Pakistan Journal of Nutrition* 8 (1): 13-19.
- Balfour, J. H. (1866). *Plants of The Bible*. T. Nelson and Sons : New York
- Brown (2008). *Nutrition Now*. USA : Thompson Wadworth.
- Bucaille, M. (1994). *Al-Qur'an dan Sains Moden dalam Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam*. Baharuddin Ahmad (ed.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka
- Che Wan Jasimah (2000). *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan: Pendekatan Islam Dan Sains*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & distributor.
- Chua Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cicerela, (2010) Biological Activities of Phenolic Compounds Present in Virgin Olive Oil. *International Journal of Molecular Sciences*. 11 : 458-479.
- D. Bagchi (2000) Free radicals and grape seed proanthocyanidin extract: importance in human health and disease prevention. *Toxicology*. 148 : 187–197.
- D. Prashanth (2001). Antibacterial activity of *Punica granatum*. *Fitoterapia* .71 : 171-173.
- D.N. Syed, Farrukh Afaq and Hasan Mukhtar (2007). Pomegranate derived products for cancer chemoprevention . *Seminars in Cancer Biology* .17 : 377–385.
- Danial Z.A.,(2007). *Quran Saintifik: Meneroka Kecemerlangan Quran Daripada Teropong Sains*. Selangor : PTS Millenia Sdn. Bhd.

Das A.K., Subhash C. Mandal, Sanjay K. B., Sanghamitra Sinha, J. Das, B.P. Saha and M. Pal (1999). Studies on antidiarrhoeal activity of *Punica granatum* seed extract in rats. *Journal of Ethnopharmacology*. 68 : 205–208.

Dr. Salah Abd Al-Fattah Al-Khalidy (2008), *al-Tafsir al-Mawḍuʿī Bayna al-Nazariyyah wa al-Taṭbiq*. Jordan : Dar al-Nafaʿis.

Durukan A.H, Evereklioglu C., Hurmeric V., Kerimoglu H., Erdurman C., M. Bayraktar Z., Mumcuoglu T. (2006). Ingestion of IH636 grape seed proanthocyanidin extract to prevent selenite-induced oxidative stress in experimental cataract. *Journal of Cataract Refract Surgery*. 32 :1041-1045.

E.P. Lansky and R.A. Newman (2007). Review: *Punica granatum* (pomegranate) and its potential for prevention and treatment of inflammation and cancer. *Journal of Ethnopharmacology*. 109 : 177–206.

F. Biglari (2008) Antioxidant activity and phenolic content of various date palm(*Phoenix dactylifera*) fruits from Iran. *Food Chemistry*. 107 : 1636–1641.

Fakhr al-Din Muhammad bin ʿUmar al-Razi (1981). *Tafsir Fakhr al-Razi*. Beirut : Dar al-Fikr.

Fakhr al-Din Muhammad bin ʿUmar al-Rāzī (1994). *Mafatīh al Ghayb*. Beirut: Dar al Fikr.

Farooqi M.H.I (2003), *Plants Of The Qurʿan*. Lucknow : Sidrah Publisher.

Gross. P. M., (2009). **Superfruit**. New York: Mc-Graw Hill.

Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1982). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta : Penerbit Pustaka Panjimas.

Haji Abdul Malik Karim Amrullah(1981) *Tafsir al-Azhar*. Surabaya : Yayasan Latimojong.

Hamka (1988). *Tafsir al-Azhar*. Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Harun Yahya (2001), *General Knowledge From The Qurʿan*. India: Millat Book Centre.

http://en.wikipedia.org/wiki/Functional_food

http://sbsc.wr.usgs.gov/research/projects/swepic/swvma/PLANTPDF/Tamarix_aphylla

[AZ_PAF.pdf](#)

<http://www.fao.org/DOCREP/006/Y4360E/y4360e05.htm#TopOfPage>

<http://www.hort.purdue.edu/newcrop/morton/pomegranate.html>

<http://www.ipni.org/ipni/idPlantNameSearch.do?id=30170446->

[2&back_page=%2Fipni%2FeditSimplePlantNameSearch.do%3Ffind_wholeName%3Dlens%2Besculenta%26output_format%3Dnormal](http://www.ipni.org/ipni/idPlantNameSearch.do?id=30170446-2&back_page=%2Fipni%2FeditSimplePlantNameSearch.do%3Ffind_wholeName%3Dlens%2Besculenta%26output_format%3Dnormal) .

<http://www.uga.edu/fruit/grape.html>

Ibn Hajar al-Asqalani (2008). *Fathul Baari : Penjelasan Kitab Shahih al Bukhari*. Jakarta : Pustaka Azzam.

Ibn Manzur (t.t), Lisan al-‘Arab. Abdullah Ali al-Kabir (ed) j.6. Kaherah: Dar al-Ma’arif.

Ibn Qayyim al-Jauziyah (2004). *Tibb al Nabawi*. Kaherah : Dar el-Fajar li al-turath.

Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Idris Awang (t.t). *Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam.

Isma’il ibn ‘Umar Ibn Kathīr, selepas ini Ibn Kathīr (2008). *Tafsir Ibn Katsir*. M. Abdul Ghoffar dan Abu Ihsan al-Atsari (terj.). Bogor : Pustaka Imam Asy-Syafi’i.

J. Wang (2008). Cytotoxicity of fig fruit latex against human cancer cells. *Food and Chemical. Toxicology*. 467 : 1025–1033.

Jalal al-Din Abd Rahman Ibn Kabir al-Suyuti (2007). *Shurūḥ Sunan Ibn Majah*. Ditahqiq oleh Ra’id Ibn Sabri Ibn Abi ‘Alfah. Amman : Bayt al-Afkar al-Duwaliyah.

Jalaluddin al-Suyuti, selepas ini al-Suyuti (2008). *Asbab al-Nuzul*. Tim Abdul Hayyie (terj.). Jakarta : Gema Insan.

- Jayaprakasha G.K., (2003). Antibacterial and antioxidant activities of grape(*Vitis vinifera*) seed extracts. *Food Research International*. 36 : 117–122.
- Junaidah Abu Bakar (2009). Buah-buahan Dari Perspektif al-Qur'an: Kajian menurut Tafsir Mawdu'i. Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Junaidah binti Harun (2009). Ayat-ayat al-Qur'an Berkaitan Tanah : Kupasan Dari Sudut Tafsir al-Mawdu'i. Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Juriah Amin (1998). Kemukjizatan al-Qur'an dan Sains. Disertasi Sarjana Usuluddin. Universiti Malaya.
- Katsoyannos P.(1992). *Olive Pest And Their Control In The Near East*. Rome: Food And agriculture Organization Of The United Nations.
- Khafagi I. (2006). A Voyage in the World of Plants as mentioned in the Holy Quran. *International Journal of Botany*. 2 (3) : 242-251.
- Khalid Fa'iq Ubaidi(2005). *Wamadat I'jaziah Min al-Qur'an wa al-Sunnah al-Nabawiyah*. Al-Nabat wa al-Inbat wa al-Hawayanat wa al-Hasyrat. Beirut : Dar el-Kutub al-Ilmiah.
- Khalid Fa'iq Ubaidi(2005). *Wamadat I'jaziah Min al-Qur'an wa al-Sunnah al-Nabawiyah*. Al-Nabat wa al-Inbat wa al-Hawayanat wa al-Hasyrat. Beirut : Dar el-Kutub al-Ilmiah.
- Koentjaraningrat (1985), *Metod-metod Penelitian Masyarakat*. Jakarta : Penerbit PT Gramedia.
- L.C. Braga Pomegranate extract inhibits *Staphylococcus aureus* growth and subsequent enterotoxin production. *Journal of Ethnopharmacology*. 96 : 335–33.
- M. Duenas (2008). Anthocyanin composition in fig (*Ficus carica* L.) *Journal of Food Composition and Analysis*. 21 : 107–115.
- M. Quraish Shihāb (2002). *Tafsir al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati.
- M. Y. Hong, Navindra P. Seeram, David Heber (2008). Pomegranate polyphenols down-regulate expression of androgen-synthesizing genes in human prostate cancer cells overexpressing the androgen receptor. *Journal of Nutritional Biochemistry*. 19 : 848–855.
- Mahir Hassan Mahmud Muhammad (t.t) *Mukjizat Perubatan Nabi*. Selangor : Synergi Media.
- Marwat S.K, Mir Ajab Khan, Muhammad Aslam Khan, Mushtaq Ahmad, Muhammad Zafar, Fazal-ur-Rehman and Shazia Sultana (2009). Fruit Plant Species Mentioned in the Holy Qura'n and Ahadith and Their Ethnomedicinal Importance. *American-Eurasian Journal of Agriculture & Environmental Science*, 5 (2) : 284-295.

- Marwat S.K, Mir Ajab Khan, Muhammad Aslam Khan, Mushtaq Ahmad, Muhammad Zafar, Fazal-ur-Rehman and Shazia Sultana (2009). *Salvadora persica*, *Tamarix aphylla* and *Zizyphus mauritiana*-Three Woody Plant Species Mentioned in Holy Quran and Ahadith and Their Ethnobotanical Uses in North Western Part (D.I. Khan) of Pakistan. *Pakistan Journal of Nutrition* 8 (5) : 542-547.
- Mawsilli M.A. (2008). *Nabatat Tayyibah Dhukirat Fi Al-Qur'an Al-Karim Wa Al-Sunnah Al-Nabawiyyah*. Kaherah : Dar el-Salam Li Al-Taba'ah Wa Al-Nushr Wa Al-Tauzi' Wa Al-Tarjamah.
- Mohamad Mustafa (2008). *Glosari Perubatan Umum*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zaini bin Khalib (2010). Amalan Pemakanan Rasulullah s.a.w Berdasarkan Hadith-Hadith Kitab al-Ath'imah Sahih al-Bukhari. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Monika@Munirah (2003) Gaya Hidup Sihat : Suatu Kajian Mengenai Pemakanan Menurut Al-Qur'an Dan Sains. Disertasi Sarjana Usuluddin. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Muhammad b. Isma'il Abu Abd Allah al-Bukhari (1979). *The Translation of The Sahih Bukhary, Meanings of Sahih al-Bukhary, Arabic-English*. Muhammad Muhsin Khan (terj.), Chicago: Kazi Publication.
- Muhammad b. Isma'il Abu Abd Allah al-Bukhārī. *Sahih Bukhari*. Riyadh : Dar al-Salam Li al-Nashr wa al-Tauzī'.
- Muhammad Fuad Abdul Baqi(2007). *Mu'jam mufahris li al-faz al- Qur'an*. Kaherah: Dar al- hadith.
- Muhammad Idris al-Marbawi (2008). *Bahru al-Mazi Syarah Mukhtasar Shahih al-Tirmizi*. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publication.
- Muhammad Kamil Abdushshamad(2003). *Mukjizat Ilmiah Dalam al-Qur'an*. Alimin (terj.). Jakarta: Akbar Media Eka Sarana.
- Murphy E. A. (2004). Effects of moderate exercise and oat beta-glucan on lung tumor metastases and macrophage antitumor cytotoxicity. *Journal of Applied Physiology*. 97 : 955–959.
- N. S. Al-Zoreky (2009). Antimicrobial activity of pomegranate (*Punica granatum* L.) fruit peels. *International Journal of Food Microbiology*. 134 : 244–248.
- Nicoli, M.C., M. Anese, and M. Parpinel (1999). Influence of processing on the antioxidant properties of fruit and vegetables. *Trends in Food Science & Technology*. 10: 94-100.
- Nor Fadilah Abd. Rahman (2005). *Al-I'jaz al-Ilmi dalam Hadith: Suatu Kajian Tematik Berhubung Pemakanan Kesihatan*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.

- Noraini Omar (2006). *Tumbuh-tumbuhan Sebagai Ubatan Menurut Islam dan Sains: Kajian Terhadap Pegaga*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Noresah Baharom (2005), Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Normadiah Daud (2010). Kenali 15 Superfoods Dalam al-Qur'an. Selangor : Perintis Books Sdn. Bhd.
- Omar and Kennedy (2004), The anti-cancer activity of polysaccharide prepared from Libyan dates (*Phoenix dactylifera* L.). *Carbohydrate Polymers* .59 : 531–535.
- P. Bagri (2009). Antidiabetic effect of *Punica granatum* flowers: Effect on hyperlipidemia, pancreatic cells lipid peroxidation and antioxidant enzymes in experimental diabetes. *Food and Chemical Toxicology*. 47 : 50–54.
- Pace-Asciak, C. R. (1996) Wines and grape juices as modulators of platelet aggregation in healthy human subjects. *Clinical Chim. Acta*. 246 : 163–182.
- Pasinetti and Eberstin (2008). Metabolic Syndrome And The Role of Dietary Lifestyle In Alzheimer's Disease. *Journal of Neurochemistry*. 106 (4) : 1503–1514.
- PubMed Health, <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmedhealth/PMH0002347/>, 17 April 2012.
- Ricci. D. (2006). Short report: Antioxidant activities of *Punica granatum* fruits. *Fitoterapia* .77 : 310–312.
- Rivero-cruz J.F (2008). Antimicrobial constituents of Thompson seedless raisins (*Vitis vinifera*) against selected oral pathogens. *Phytochemistry Letters* . 1 : 151–154.
- S. Koyama (2010). Pomegranate extract induces apoptosis in human prostate cancer cells by modulation of the IGF–IGFBP axis. *Growth Hormone & IGF Research*. 20 : 55–62.
- Saafi E. B. (2010). Protective effect of datepalm fruit extract (*Phoenix dactylifera* L.) on dimethoate induced-oxidative stress in rat liver. *Experimental and Toxicologic Pathology*.
- Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid (2009). *Tafsir Mubīn*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafagat A. (2010). Phytochemical Investigation of Quranic Fruits and Plants. *Journal of Medicinal Plants*. 9 (35) : 61-66.
- Siti Masaliny Ismail (2000). *Kejadian Tumbuhan Menurut al-Qur'an dan Sains : Kajian Ayat 33-36 Surah Yasin*. Latihan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Stein J.H. (2010). Purple Grape Juice Improves Endothelial Function and Reduces the Susceptibility of LDL Cholesterol to Oxidation in Patients With Coronary

Artery Disease. Journal of American Heart Association. *Circulation*. 100 : 1050-1055.

Sulaiman Nordin(1995). *Sains Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Supranto M.A (1971), *Metod Riset dan Aplikasinya di dalam riset Pemasaran*, Bandung : Lembaga Penerbit Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia.

Syed Qutb (2000). *Tafsir fi zilal al-Qur'an: Di Bawah Lombayung al-Qur'an*. Yusuf Zaky Haji Ayob (terj.). Kelantan : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Uthman Khalid (2006). *Kamus Besar Dewan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

V.H.W. Dowson(1962). *Dates, Handling, Processing, and Packing*. Rome : Food and Agriculture Organization of The United Nations.

Visioli F. (2000). Diet and prevention of coronary heart disease: the potential role of phytochemicals. *Cardiovascular Research*. 47 : 419–425.

Winarno Surachmad (1980), *Pengantar Penelitian Ilmiah : Dasar, Metod dan Teknik*, Bandung : Penerbitan Tarsito.

Yahaya Jusoh dan Azhar Muhammad(2007). *Pendidikan Falsafah Sains Al-Qur'an*. Johor: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.

Yusuf Qaradhawi (1999). *Bagaimana Berinteraksi Dengan Al-Qur'an*. Terjemahan oleh Kathur Suhardi . Jakarta : Pustaka al-Kautsar.

Zaghlul Al-Najjar (2005). *Min Ayat Al-I'Jaz Al- 'Ilmi: al-Nabat fi al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Maktabah Al-Syuruq Al-Dauliah.

Zahidan Hj. Abd Wahab (2004). *Angka Tujuh Dalam al-Qur'an*. Disertasi Sarjana Usuluddin. Universiti Malaya.

Zainal Abidin Safarwan (1995). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Zarina Sidek (2000). *Kurma dan perubatan : Satu Sorotan Terhadap al-Qur'an dan Sains*. Latihan ilmiah. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.